



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**



## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b> Rang Undang-undang Perbekalan 2012	(Halaman 22)
<b>USUL:</b> Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 50)



**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Timbalan Menteri Luar Negeri I*
8. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) - *Timbalan Menteri Kewangan II*
9. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Tuan Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) - *Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Puan Doris Sophia ak Brodi (Dilantik)
19. “ Datuk Hajah Fatimah binti Hamat (Terengganu)
20. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
21. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) - *Timbalan Menteri Belia dan Sukan I*
22. “ Puan Heng Seai Kie (Perak) - *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
23. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum (Dilantik) - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
25. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
26. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
27. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
28. ” Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
29. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
30. ” Tuan Lihan Jok (Sarawak)
31. “ Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz - *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
32. “ Datuk Maijol Mahap (Sabah)
33. “ Dr. Malasingam a/l Muthukumar (Dilantik)
34. “ Puan Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)

35. Yang Berhormat Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) - *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
36. " Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) - *Timbalan Menteri Sumber Manusia*
37. " Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
38. " Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
39. " Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
40. " Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
41. " Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
42. " Tuan Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
43. " Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
44. " Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
45. " Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
46. " Tuan Ng Fook Heng (Pahang)
47. " Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
48. " Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
49. " Dato' G. Palanivel (Dilantik) - *Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II*
50. " Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
51. " Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
52. " Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) - *Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
53. " Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
54. " Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
55. " Datuk Hj. Saat bin Hj. Abu (Melaka)
56. " Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
57. " Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil (W.P. Putrajaya) - *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
58. " Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan (Dilantik)
59. " Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
60. " Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
61. " Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
62. " Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
63. " Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
64. " Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
65. " Puan Hajah Zainun binti A. Bakar (Terengganu)
66. " Dato' Zaitun binti Mat (Pahang)

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas



**MALAYSIA****DEWAN NEGARA**

Isnin, 12 Disember 2011

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Ahmad bin Hussin** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan:
  - (a) berapakah bilangan peminjam PTPTN yang masih gagal membayar hutang, jumlah hutang (RM), bilangan yang telah diambil tindakan undang-undang dan bilangan pelajar yang telah dilupuskan dan jumlah pinjaman (RM) yang telah dilupuskan kerana mendapat keputusan kelas pertama; dan
  - (b) apakah rasionalnya Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPTN pada 31 Oktober 2011 telah mengambil keputusan untuk menghentikan pinjaman perbelanjaan pelajar mulai tahun 2013 dan apakah kesan yang akan dihadapi oleh pelajar miskin kelak.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Dr. Hou Kok Chung]:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Oktober 2011, seramai 885,564 peminjam perlu membayar balik pembiayaan pendidikan dengan amaun sebanyak RM5.30 bilion. Jumlah ini tidak termasuk seramai 114,125 peminjam yang diluluskan penangguhan bayaran balik disebabkan menyambung pelajaran, masih belum bekerja dan dalam proses tawaran yang melibatkan amaun sebanyak RM967.18 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 730,221 peminjam telah membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM2.80 bilion. Bilangan peminjam yang masih belum membuat bayaran balik adalah 155,343 peminjam dengan amaun sebanyak RM929.53 juta.

Bermula 1 Disember 2006 sehingga 31 Oktober 2011, sebanyak 267,822 notis peringatan terakhir (NPT) dan 189,813 notis tuntutan atau *letter of demand* telah dikeluarkan. Daripada jumlah NPT yang dikeluarkan, seramai 75,530 peminjam ataupun penerima biaya yang telah mula membayar balik pinjaman atau pembiayaan pendidikan.

Manakala bagi peminjam atau penerima biaya yang dikenakan tindakan LOD, seramai 81,151 peminjam atau penerima biaya telah mula membayar balik. Sebanyak 104,083 tindakan penguatkuasaan saman telah dihantar kepada peminjam ingkar melalui panel peguam yang dilantik yang melibatkan amaun berjumlah RM1.12 bilion dan sebanyak 69,667 saman telah mendapat perintah penghakiman bersih daripada mahkamah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2011, PTPTN telah meluluskan pemberian pengecualian bayaran balik kepada seramai 10,849 peminjam yang mendapat kelas pertama dengan peruntukan berjumlah RM312.24 juta. Pada masa ini, Kementerian Pengajian Tinggi tiada cadangan untuk menghentikan pinjaman perbelanjaan pelajar. Sekian.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ayat yang terakhir itu memberikan sejuk sedikit kepada rakyat Malaysia dan saya harap perkara ini diteruskan supaya dua perkara, 153(2) dan 153(3) tidak bercanggah. Kalau berhenti, bercanggah dan kerajaan kena tanggung risiko.

Soalan saya, ini baru soalan. Adakah kerajaan mengemaskinikan sistem kawalan dalaman dengan izin *internal central system* daripada peminjam PTPTN untuk memantau kutipan dengan sempurna seperti memperketat syarat pembayaran pinjaman, kaedah pujukan kepada graduan yang telah tamat belajar dan bekerja supaya segera melunaskan pinjaman mereka seperti yang telah dijanjikan selain daripada mendapat penghakiman kertas dengan izin, *paper judgment* yang tahan hanya enam tahun walaupun boleh ditambah enam tahun lagi?

Soalan yang kedua. Sejauh manakah pengerusi, CEO, Lembaga Pengarah PTPTN yang telah diberi amanah dan mandat oleh kerajaan, telah secara telus mempunyai akauntabiliti yang tinggi melaksanakan tanggungjawab *fiduciary* dengan izin *fiduciary* mereka selama ini. Sekian, terima kasih.

#### ■1010

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN memang mempunyai satu sistem untuk mendapatkan lebih ramai pelajar membayar balik pinjaman yang telah mereka pinjam. Bagi Kementerian Pengajian Tinggi, kita selalu berpendapat bahawa pelajar-pelajar yang tamat pelajaran di peringkat universiti ataupun kolej, mereka memang mempunyai daya fikiran ataupun keintelektualan yang patut mereka adakan. Maksud saya ialah mereka patut faham kepentingan untuk bayar balik. Memang kita mempunyai banyak cara yang ketat untuk memastikan pelajar supaya mereka dapat bayar balik pinjaman. Akan tetapi itu seperti saman ataupun cara-cara penghakiman ini memang mungkin cara yang terakhir sekali. Kita harapkan pelajar-pelajar yang telah meminjam dan dapat membayar balik dengan hati yang ikhlas seperti yang dilakukan dalam banyak negara yang maju. Ini merupakan cara yang paling baik.

Untuk menjawab soalan yang kedua, memang untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak PTPTN akan berbincang bermacam-macam isu dan meneliti bermacam-macam cadangan untuk menjamin kelestarian PTPTN agar dana pembiayaan sentiasa mencukupi untuk pelajar yang layak. Apa-apa cadangan daripada PTPTN baik untuk meninggalkan amaun pinjaman mahupun untuk mengurangkannya akan dibawa kepada Kementerian Pengajian Tinggi terlebih dahulu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ng Fook Heng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tanggungjawab untuk pelajar membayar balik pinjaman PTPTN ini adalah amat penting terutamanya bagi pelajar universiti. Ini adalah tanggungan pertama mereka selepas tamat belajar. Akan tetapi masalahnya ialah kita juga lihat para pelajar yang ingin membayar balik terus dengan cepat ataupun sekali gus dan mereka menulis surat dan membuat panggilan telefon kepada pihak PTPTN akan tetapi susah untuk menghubungi mereka. Ini tidak boleh dibuat kerana sistem komputernya telah dibuat sebegitu macam iaitu tidak boleh bayar balik sekali gus. Adakah ini benar atau tidak?

Kedua adalah kita lihat juga dalam surat khabar bahawa ada seorang yang ditahan di lapangan terbang tidak boleh hendak ke luar negeri. Kononnya dia tidak bayar balik hutang PTPTN. Akan tetapi sebenarnya dia tidak berhutang, dia tidak ambil *loan* itu. Penjelasan. Terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, PTPTN pada masa ini menyediakan 70 talian telefon untuk menguruskan pertanyaan daripada orang ramai. Jumlah talian ini akan ditambah kepada 200 menjelang hujung tahun ini. Perkhidmatan menerusi panggilan telefon ini beroperasi setiap hari Isnin hingga Jumaat, mulai jam 7.30 pagi sehingga 10 malam. PTPTN menerima di antara 3,000 hingga 4,000 panggilan setiap hari.

Bilangan petugas yang mengendalikan talian pada jam 5 petang hingga 10 malam adalah seramai sepuluh orang. Bilangan petugas ini boleh menguruskan sebanyak 500 panggilan sehari. Pada hari Sabtu dan Ahad pula, PTPTN menugaskan sepuluh orang untuk berurusan dengan orang awam di ibu pejabat di Jalan Semantan. Perkhidmatan di kaunter ini bermula dari jam 8 pagi hingga 12 tengah hari.

Untuk soalan yang kedua daripada Yang Berhormat, kalau ada *detail* yang lebih lanjut mungkin saya boleh menyasat. Selalunya memang ada banyak aduan yang kita terima. Akan tetapi kalau kita selalu meneliti memang ada banyak masalah yang selalu pelajar itu ada niat mereka tersendiri. Walau bagaimanapun, kalau aduan yang betul-betul kukuh, saya haraplah Yang Berhormat dapat memberikan maklumat itu kepada saya. Sekian.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya yang pertama, bagaimanakah kerajaan menimbangkan pelajar-pelajar ini yang telah mendapat ijazah, akan tetapi gagal mendapat pekerjaan yang sesuai dengan kelulusan mereka?. Ini di mana mereka bekerja dengan pendapatan yang cukup makan sahaja, tidak mampu membayar balik.

Keduanya, bagaimanakah pula pelajar-pelajar yang gagal menghabiskan pengajiannya dan gagal mendapat ijazah? Mereka ini ada berhutang walaupun tidak sepenuhnya, sebahagian barangkali. Bagaimanakah tindakan kerajaan terhadap mereka ini yang sudah tentu tidak mampu untuk membayar balik bayaran pinjaman PTPTN ini? Terima kasih.

**Dr. Hou Kok Chung:** Tuan Yang di-Pertua, kita memang menerima banyak alasan bahawa peminjam-peminjam tidak dapat membayar balik wang yang mereka pinjamkan. Alasan-alasan itu kita akan selalu dan memberikan ruang kepada pelajar supaya mereka dapat berbincang dengan pegawai. Jikalau alasan-alasan itu ialah alasan kukuh, memang PTPTN akan mempertimbangkan supaya bayaran balik itu mungkin boleh ditangguhkan ataupun dilihat dengan cara lain untuk diselesaikan. Sekian, terima kasih.

**2. Puan Norliza binti Abdul Rahim** minta Menteri Kewangan menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan hutang isi rumah (*household debt*).

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang isi rumah di Malaysia masih lagi berada pada paras yang terurus. Nisbah hutang isi rumah kepada KDNK, kekal stabil pada 77.6 peratus pada suku ketiga 2011. Sehingga akhir bulan Oktober 2011, hutang isi rumah di Malaysia berjumlah RM636.6 bilion dengan sebahagian besarnya adalah pinjaman bersandarkan aset iaitu pembelian harta kediaman dengan RM286.6 bilion ataupun 45 peratus.

Ini diikuti oleh pinjaman untuk pembelian kenderaan pengangkutan sebanyak RM120.9 bilion atau 19 peratus. Pada masa yang sama, kedudukan nisbah aset kewangan kepada jumlah hutang isi rumah adalah lebih dua kali ganda di peringkat agregat dan mampu menyediakan penambahan yang selesa untuk menyokong keupayaan isi rumah membayar balik hutang.

Selain itu, peningkatan hutang isi rumah ini turut disokong oleh keadaan ekonomi yang terus berkembang, peningkatan pendapatan isi rumah, keadaan guna tenaga yang menggalakkan dan paras simpanan yang tertinggi. Tuan Yang di-Pertua, bagi memastikan setiap isi rumah kekal berdaya tahan dan memastikan tahap keberuntungan berada pada paras yang mampan, beberapa strategi telah diambil. Di antaranya ialah:

- (i) mengenakan syarat yang lebih ketat bagi pemilikan kad kredit;
- (ii) memperkenalkan program pengurusan wang ringgit anda atau program *power* yang bertujuan meningkatkan tahap pemahaman isu ilmu kewangan dan kemahiran bagi peminjam baru dan golongan muda;
- (iii) menyediakan khidmat nasihat dan pertolongan dalam menguruskan kredit dan kewangan kepada peminjam serta menstrukturkan semula hutang mereka dengan pihak bank melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK); dan
- (iv) mengenakan nisbah maksimum *loan to value* (LTV) sebanyak 70 peratus bagi pinjaman rumah yang ketiga untuk mengurangkan

kegiatan spekulatif dan memastikan bahawa orang ramai akan terus mampu untuk memiliki rumah.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, satu garis panduan kepada institusi kewangan untuk menggalakkan amalan pembiayaan peruncit-peruncit yang berhemah, bertanggungjawab dan telus telah diperkenalkan pada 18 November 2011. Garis panduan yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2012 ini akan memberikan perlindungan yang lebih baik kepada pengguna kewangan dan pasaran kredit yang mampan bagi memelihara kestabilan kewangan dan mikro ekonomi. Garis panduan ini mengkehendaki institusi kewangan membuat penilaian mengenai kemampuan seseorang peminjam terhadap kemudahan pembiayaan yang diambil berdasarkan nisbah khidmat hutang berhemah sebagai input kepada keputusan pembelian kredit mereka. Bakal peminjam juga akan dibekalkan maklumat yang mencukupi berkaitan kemudahan kredit yang dimohon bagi memastikan pelanggan memahami sepenuhnya implikasi daripada keputusan untuk meminjam.

Pada masa yang sama, selain institusi kewangan di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Koperasi Malaysia juga akan melaksanakan langkah-langkah berkaitan dengan amalan pembiayaan yang bertanggungjawab ke atas koperasi pinjaman. Ini bagi memastikan penyedia-penyedia utama pembiayaan kepada sektor ini.

Selain itu, sektor isi rumah turut sama melaksanakan amalan pembiayaan yang bertanggungjawab. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perkembangan pinjaman kepada sektor isi rumah termasuk pinjaman pembiayaan rumah kediaman akan sentiasa dipantau. Kerajaan akan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang berpatutan dan keupayaan bayar balik hutang kekal teguh. Sekian.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** Terima kasih kepada wakil kementerian yang menjawab soalan tadi. Cuma soalan saya sebagaimana yang tadi dijawab, pada suku ketiga tahun 2011, hutang isi rumah meningkat 77 peratus. Saya ada membaca satu artikel iaitu laporan tahunan oleh Bank Negara iaitu pada akhir tahun 2010, hutang isi rumah adalah 76 peratus. Jadi, pada suku pertama 2011 - 77 peratus, maknanya ia meningkat. Ini menunjukkan bahawa langkah yang kita ambil kurang berkesan. Jadi, saya merasakan yang menjadi masalah ini adalah disebabkan kebanyakannya hutang isi rumah ini adalah dipengaruhi oleh kad kredit. Terima kasih kepada kementerian yang telah membuat beberapa tindakan untuk mengurangkannya tetapi saya rasa kesannya masih tidak mencukupi. Jadi, saya ingin mencadangkan syarat untuk mendapatkan *credit card* ini harus diketatkan dan *credit card* ini hanyalah boleh dipohon di bank-bank sahaja, sebabnya sekarang ini orang yang membuat permohonan *credit card* ini ada kalanya...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat. Tidak payah sebab lagi ya.

**Puan Norliza binti Abdul Rahim:** ...Di tepi jalan dan begitu. Jadi, saya mohon sekiranya boleh hanya dibuat di bank sahaja. Soalan saya yang kedua, perlukah kerajaan mengkaji semula iaitu mengenai pinjaman kenderaan sama ada tempohnya boleh dilanjutkan supaya ansuran bulannya tidak tinggi, agar ia dapat membantu untuk mengurangkan hutang isi rumah? Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Norliza di atas soalan-soalan yang ditanyakan. Pertama, soalan mengenai angka-angka yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi adalah salah. Itu *source* punya salah. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2010, nisbah hutang isi rumah adalah 75.9 peratus, *different* 5.9 peratus, manakala untuk tahun 2010 memang angka itu adalah lebih kurang 75 peratus juga. Kedua, hutang untuk kad kredit buat masa ini adalah sebanyak RM31.3 bilion iaitu kalau dibandingkan dengan jumlah hutang 636, hanya 5 peratus *of the total loan*. Walau bagaimanapun, kita tahu isu kad kredit ini memang adalah isu yang selalu kita hadapi iaitu orang-orang muda atau orang-orang yang baru bekerja. Kita juga memang telah mengambil beberapa langkah.

Di antaranya ialah kita memerlukan *minimum income* iaitu pendapatan minimum daripada RM18,000 ke RM24,000 untuk setahun. Untuk pendapatan kurang daripada RM36,000, hanya dua kad kredit yang maksimum boleh dimiliki dan juga limit kredit hanya maksimum dua bulan.

Ini adalah di antara langkah-langkah kita ambil dan kita memang tahu bahawa langkah-langkah yang lain kita akan ambil sebab kita tahu jumlah hutang yang baki, bank *charge* dalam peratusan yang tinggi iaitu lebih kurang 18 peratus. Kita sedang membincangkan macam mana kita boleh mengurangkan angka itu. Kita berharap dengan langkah-langkah itu, kita boleh membantu *card holders* yang tidak mampu membayar.

Soalan tentang pinjaman kereta dilanjutkan lebih lama lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah hutang untuk *passenger car* adalah RM118.4 bilion dari sejumlah iaitu lebih kurang 20 peratus. Kita telah mengumumkan satu langkah yang baru iaitu bermula pada tahun hadapan, tempoh untuk pinjaman kereta hanya sembilan tahun sahaja. Sekian.

**Tuan Lee Cheam Choon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Timbalan Menteri, saya ingin mendapatkan maklumat tentang penghutang kad kredit yang tidak mampu untuk membayar hutang mereka dan mereka ini boleh mendapatkan bantuan daripada AKPK iaitu Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. Selepas aturan dibuat oleh AKPK bahawa penghutang ini terpaksa membayar *interest* yang lebih tinggi ataupun kalau tidak tinggi pun, ia banyak walaupun masa pembayaran itu telah dipanjangkan tetapi selepas hitung panjang kira-kira ini, banyak yang mereka kena bayar. Jadi, apakah langkah-langkah supaya kerajaan ataupun Kementerian Kewangan dapat menolong penghutang-penghutang kad kredit ini kerana jikalau mereka ini tidak mampu membayar semula bermakna mereka menghadapi masalah. Selepas kira-kira oleh AKPK masih kena bayar begitu tinggi, apa maknanya. Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu iaitu peminjam yang tidak dapat membayar hutang kad kreditnya. Seperti yang saya cakap tadi iaitu kita telah mengambil beberapa langkah. Di antaranya ialah melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). Kita berharap mereka boleh menyelesaikan isu dengan peminjam dan juga bank yang berkenaan kalau ada isu yang tidak dapat kita selesaikan seperti *interest* di *charge* dengan lebih tinggi.

#### ■1030

Itu memang kes yang spesifik. Buat masa ini, kita memang ada mendapat aduan atau *complaint* daripada beberapa orang tetapi angka itu tidak besar. Itu Yang Berhormat, kalau kes yang spesifik, kita boleh bantulah.

Kita memang hendak membantu semua orang tetapi seperti yang kita sedia maklum, negara kita ada undang-undang yang spesifik untuk isu ini. Kita haraplah, mereka kalau *sincere* kalau yang kita mesti bantu punya, kalaulah kesalahan bank-bank, kita memang akan bantu.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, isu pokok dalam hal ini iaitu hutang isi rumah tangga ialah pendapatan yang kurang. Rakyat Malaysia khususnya warga miskin, pendapatannya kurang. Untuk meningkatkan pendapatan, ekonomi mesti bertumbuh. Jadi, dalam keadaan yang susah memandangkan keadaan dunia yang begitu merosot dan susah, apakah rancangan dan langkah-langkah kerajaan untuk meninggikan kadar ekonomi dan pendapatan rakyat Malaysia khususnya macam gaji minimum, pendatang 4 juta orang di Malaysia? Daripada segi pertanian, lebih tanah untuk tumbuhan pertanian macam ini, apakah langkah-langkah untuk menaikkan kadar peningkatan ekonomi? Terima kasih.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan. Seperti yang kita semua sedia maklum, ekonomi dunia yang tidak menentu buat masa ini, isu ekonomi, masalah ekonomi Amerika Syarikat dan Eropah dan juga isu-isu yang ada di Timur Tengah, bukanlah senang untuk mencapai satu tahap yang baik daripada segi pertumbuhan ekonomi. Kita memang merasa bangga sebab baru-baru ini Gabenor Bank Negara Malaysia yang telah mengumumkan iaitu untuk suku ketiga, *third quarter* untuk tahun ini, pertumbuhan ekonomi negara kita adalah 5.8 peratus. Ini memang angka yang besar kalau dibandingkan dengan negara yang lain.

Kita memang telah mengambil banyak tindakan dan langkah-langkah seperti *Government Transformation Plan*, *Economic Transformation Plan* dan melalui *New Economic Policy*. Kita harap dapat bantuan daripada semua pihak. Kita memang boleh mengadakan ekonomi yang lebih baik.

Daripada segi FDI, FDI untuk tahun ini, untuk sembilan bulan tahun ini, kita telah mencapai RM26 bilion iaitu kalau dibandingkan dengan tahun hadapan adalah peningkatan lebih kurang 42 peratus. Memang yang mustahak, mereka memandangi di Malaysia ini ada suasana yang *peaceful, political stability*. Kita haraplah pihak pembangkang seperti Yang Berhormat kalau tidak kacau banyak, memang kita boleh ada suasana yang lebih baiklah. Kita haraplah semua pihak mesti membantu sebab kita ada undang-undang di negara kita. Kita harap semua orang menghormati undang-undang dan semua membantu. Kita harap dengan itu kita boleh mencapai apa yang kita hendak.

**3. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, tahap keselamatan Kedutaan Besar Malaysia di Indonesia apabila demonstrasi ganas sering berlaku hingga menyebabkan kerosakan seperti yang berlaku pada 12 Oktober 2011 yang lalu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini serentak dengan pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Puan Doris Sophia ak Brodi masing-masing pada 12 Disember, dan 22 Disember 2011 kerana inti patinya menyentuh perkara yang sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan-soalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada 12 Oktober 2011, satu demonstrasi telah dilakukan oleh sekumpulan 650 orang ahli pertubuhan Forum Betawi Rempug di hadapan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta. Kesan daripada demonstrasi tersebut, lampu laman dan cermin pondok pengawal di kedutaan kita telah dirosakkan. Selain itu, sembilan orang anggota polis Republik Indonesia yang mengawal demonstrasi tersebut telah cedera. Walaupun tahap keselamatan kedutaan kita masih terkawal, namun kerajaan kita tetap memandangi serius terhadap kejadian tersebut.

Seperti yang Dewan sedia maklum, keselamatan kedutaan kita adalah antara aspek yang penting dan sentiasa diberikan perhatian utama oleh Kementerian Luar Negeri. Ini meliputi keselamatan pegawai dan kakitangan serta keluarga mereka, keselamatan warganegara Malaysia dan juga keselamatan harta benda termasuk bangunan-bangunan kedutaan kita di seluruh dunia. Kerajaan ada menyediakan peruntukan kewangan kepada perwakilan-perwakilan diplomatik kita bagi tujuan menambah baik tahap keselamatan mereka.

Di samping itu, mereka juga sentiasa diingatkan untuk bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa di negara tuan rumah sekiranya perlindungan keselamatan diperlukan. Ini kerana menurut Artikel 22 Konvensyen Vienna Mengenai Hubungan Diplomatik 1961 dan Artikel 59 Konvensyen Vienna Mengenai Hubungan Konsular 1963, negara tuan rumah adalah bertanggungjawab untuk memberikan perlindungan keselamatan kepada perwakilan perwakilan diplomatik asing.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pada siri demonstrasi di hadapan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta sebelum ini, ia telah menimbulkan persepsi seolah-olah Malaysia dan Republik Indonesia mempunyai hubungan pasang surut. Namun pada hakikatnya, hubungan ini tetap akrab malah bertambah erat yang mana kerjasama dua hala dalam pelbagai aspek terus berkembang. Pada masa yang sama, Malaysia dan Indonesia sebagai dua buah negara yang berjiran dan anggota keluarga ASEAN terus mengambil langkah ke arah mempertingkatkan hubungan dan persefahaman antara rakyat kedua-dua buah negara.

Perkara ini terus diberikan keutamaan agar kedua-dua buah negara dapat terus bergerak ke hadapan secara lebih mantap dalam suasana akrab, mesra dan penuh keikhlasan demi untuk mencapai kemakmuran bersama. Usaha ini juga adalah selari dengan matlamat mewujudkan komuniti ASEAN 2015. Semasa rundingan tahunan yang kelapan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan TYT Presiden Republik Indonesia yang telah berlangsung dengan jayanya di Lombok pada 28 Oktober 2011, kedua-dua orang pemimpin sekali lagi telah menzahirkan komitmen jitu bagi memperkasakan hubungan dan kerjasama antara Malaysia dan Republik Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama perwakilan-perwakilan diplomatik kita sentiasa memantau sebarang laporan media yang tidak tepat serta persepsi negatif terhadap Malaysia di luar negara. Seperti yang telah berlaku di Indonesia dan Kemboja baru-baru ini, pembetulan dan penyediaan fakta secara bertulis untuk dipaparkan oleh pihak media merupakan antara langkah yang diambil bagi menangkis sebarang laporan negatif terhadap Malaysia. Di samping itu, ketua-ketua perwakilan juga diberikan tanggungjawab untuk menyebarkan maklumat mengenai dasar-dasar pendirian dan tindakan kerajaan di dalam sesuatu perkara kepada pihak-pihak yang berkaitan di negara tuan rumah. Ini merupakan usaha berterusan oleh kementerian dan perwakilan diplomatik kita di luar negara. Sekian, terima kasih.

#### ■1040

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Isu sekarang ini bukan sahaja keselamatan kedutaan kita di Indonesia, di mana perkara ini, sebelum ini isu-isu lain seperti Tarian Pendet, isu sempadan, isu nelayan, isu pembantu rumah yang saya berkali-kali sudah menyebut dalam Dewan yang mulia ini. Di mana kerajaan hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk memastikan supaya sentimen rakyatnya yang di Indonesia yang berjumlah lebih 200 juta orang itu dapat memahami bahawa Malaysia ini adalah negara jiran dan serumpun bangsa dengan mereka.

Saya bimbang mungkin ada unsur-unsur lain yang berusaha melagakan di antara rakyat Indonesia dengan rakyat Malaysia. Sejarah telah membuktikan ini telah berlaku di mana konfrontasi Indonesia dan Malaysia pada tahun 1966 kalau tidak silap saya, hampir mencetuskan peperangan yang besar. Ini amat merugikan kita semua. Jadi, saya minta pendirian kerajaan, adakah perlu ditubuhkan Jawatankuasa Khas untuk mengkaji bagaimana supaya bukan sahaja hubungan pemimpin dengan pemimpin bahkan rakyat dengan rakyat ataupun NGO barangkali, supaya memastikan kejadian-kejadian anti Malaysia di Indonesia ini tidak berulang lagi? Terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya bagi perspektif hubungan dua hala antara Malaysia dengan Indonesia, Wisma Putra memang menggariskan tiga skop yang utama iaitu pertama sekali ialah hubungan Malaysia dengan Indonesia yang begitu strategik dan istimewa, di mana Malaysia dan Indonesia mempunyai begitu banyak persamaan sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Misalannya, persamaan daripada segi sejarah, bangsa, kebudayaan dan sebagainya. Untuk itu, memang kedua-dua negara ingin terus memastikan keharmonian dan kemakmuran kedua-dua negara ini yang menjadi inti pati atau matlamat utama kedua-dua negara.

Kedua ialah hubungan amat luas dalam pelbagai mekanisme. Kita boleh lihat di mana beberapa perjanjian juga memorandum persefahaman telah diadakan di kedua-dua negara dalam memupuk kerjasama yang lebih konstruktif, aman dan juga komprehensif. Ketiga ialah iaitu Malaysia dan Indonesia merupakan dua negara pengasas utama ASEAN. Jadi, perjuangan kita adalah perjuangan sejajar dengan *ASEAN spirit*, dengan izin, supaya kita dapat menangani sebarang isu-isu yang berbangkit itu dengan cara yang terbaik. Memang benar begitu banyak isu yang cuba digunakan untuk melagakan kedua-dua negara.

Misalannya kita boleh lihat isu Tarian Pendet, isu Pulau Jemur dan sebagainya. Begitu banyak isu, yang terbaru sekali demonstrasi yang berlaku baru-baru ini di mana ada sekumpulan yang menuduh Malaysia mencuri tanah yang dimiliki Indonesia. Akan tetapi, kita boleh lihat bagaimana pemimpin dari Indonesia sendiri telah mengatakan bahawa apa yang dituduh bahawa Malaysia mencuri itu tidak benar dan sebagainya.

Begitu ramai pemimpin dari Indonesia itu sendiri, kita boleh lihat termasuk Menteri Luar Indonesia, Marty sendiri telah mengatakan bahawa apa yang dikatakan itu tidak benar dan sebagainya. Jadi, yang kita boleh lihat memang begitu, kadang-kadang media mempermain-mainkan isu ini dan sebagainya, menyebabkan atau cuba menjejaskan hubungan antara Malaysia dengan Indonesia.

Namun begitu, pada tahun 2007, kita telah menubuhkan apa yang dipanggil sebagai *Eminent Persons Group* (EPG) di antara kedua-dua negara. Jadi, walaupun bahagian Malaysia di mana EPG itu ia telah tamat tetapi baru-baru ini Kabinet telah membuat keputusan untuk mengaktifkan semula EPG ini yang akan diketuai oleh Tun Musa Hitam, di mana beliau akan – di samping itu, Kabinet juga membuat keputusan untuk melantik beberapa golongan muda yang berpengalaman luas dalam mengeratkan lagi hubungan diplomatik antara Malaysia dengan Indonesia.

Selain itu, ada beberapa pihak juga, NGO-NGO yang digunakan untuk mengeratkan lagi hubungan dengan Malaysia dengan Indonesia. Apabila berlaku demonstrasi tempoh hari, begitu banyak NGO antara kedua-dua negara telah ke hadapan untuk mengaturkan beberapa program *integrate* antara Malaysia dengan Indonesia, yang mana saya sendiri menghadiri majlis-majlis tersebut. Di samping itu, kita juga ada beberapa bentuk lain untuk mengeratkan termasuk sukan, *ASEAN Games* dan sebagainya. Begitu banyak bentuk sukan diadakan antara kedua-dua negara termasuk *golf tournament* dan sebagainya untuk mempereratkan.

Jadi, memang kementerian memperuntukkan juga begitu banyak iaitu lebih kurang dalam RM3 juta lebih kurang satu juta Wisma Putra agihkan kepada 97 malah wakil kita di luar negara untuk mengadakan majlis-majlis bersatu padu. Majlis-majlis mesra antara kedua-dua negara begitu banyak program diadakan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebut tentang *Eminent Persons Group* tadi antara Malaysia dengan Indonesia. Sebenarnya kumpulan ini telah lama wujud *Eminent Persons Group* (EPG) ini antara Malaysia dengan Indonesia. Cuma pada hemat sayalah, tidak berapa berfungsi selama ini untuk merapatkan hubungan antara Indonesia dan Malaysia ini dari sudut NGO. Kita haraplah dengan pengerusi yang baru Yang Berbahagia Tun Sri Musa Hitam mantan Timbalan Perdana Menteri kita, kumpulan ini akan lebih berfungsi.

Perkara kedua, baru-baru ini ada sekumpulan *backbenchers* Ahli Dewan Rakyat kita berkunjung ke Indonesia. Betul ya? Untuk tujuan yang sama juga, merapatkan hubungan kerana timbul beberapa isu yang kebelakangan ini. Jadi, saya ingin tahu, apakah kesan daripada lawatan tersebut? Terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat *Eminent Persons Group* (EPG) yang telah berfungsi selama satu tahun iaitu sejak Julai 2008 hingga Julai 2009, mereka telah menjalankan kerja-kerja untuk mengeratkan hubungan di antara kedua-dua negara ini dengan begitu baik sekali.

Di mana ini kalau kita lihat, kumpulan baru yang terus yang akan diketuai oleh Tun Musa Hitam melibatkan lebih ramai golongan muda termasuk Ahli-ahli Parlimen muda dan juga golongan profesional dan kumpulan seni, akan digunakan untuk meneruskan perjuangan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara.

#### ■1050

Kalau kita lihat mengenai lawatan Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional BNBBBC ke Jakarta baru-baru ini iaitu pada 25 November dan 26 November 2011 yang dianggotai oleh Yang Berhormat Datuk Bung Moktar bin Radin, lawatan seramai sebelas orang dan termasuk lima wartawan. Wartawan juga dilibatkan supaya hubungan ini dapat terus. Kita boleh lihat antaranya ialah mewujudkan mekanisme bagi mempromosi kerjasama Ahli-ahli Parlimen di antara kedua-dua negara.

Kedua, mewujudkan kerjasama bagi menangani sikap segelintir rakyat Indonesia yang mempunyai persepsi negatif terhadap Malaysia. Jadi, sebab itulah kita menggunakan media-media di antara kedua-dua negara. Begitu banyak juga program-program.

Baru-baru ini ada juga di mana melibatkan begitu ramai wartawan antarabangsa yang datang ke Wisma Putra untuk mendapatkan penerangan yang jelas mengenai kedudukan dan juga hubungan Malaysia dengan Indonesia begitu juga untuk menangani *negative perception* terhadap kedua-dua negara iaitu Malaysia dengan Indonesia. Sekian, terima kasih.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta maaf Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. Tadi sudah ada soalan tambahan.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Hendak jimat masa, minta maaf. Silakan Tuan Boon Som a/l Inong.

**4. Tuan Boon Som a/l Inong** minta PM menyatakan, sejauh manakah pencapaian projek koridor ekonomi yang dilancarkan di setiap wilayah, termasuk wilayah utara. Berapa banyakkah peluang pekerjaan yang telah diwujudkan untuk rakyat tempatan. Selain daripada peluang pekerjaan, apakah faedah lain yang dinikmati oleh rakyat tempatan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana soalan yang diajukan mengenai koridor. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencapaian koridor-koridor ekonomi pada tahun 2011 adalah sangat memberangsangkan.

Sehingga September 2011, sejumlah RM26.448 bilion pelaburan telah dapat dijana meliputi RM8.34 bilion di Wilayah Iskandar. Sebanyak RM6.89 bilion di Wilayah Koridor Utara (NCER), RM5.14 bilion di Wilayah Koridor Pantai Timur (ECER), RM5.42 bilion di Wilayah Koridor Sabah (SDC) dan RM0.83 bilion di Wilayah Koridor Sarawak (SCORE).

Pelaburan-pelaburan ini bukan sahaja mewujudkan banyak peluang pekerjaan bahkan memberi kesan limpahan kepada penjana aktiviti ekonomi dan peluang-peluang perniagaan yang banyak kepada masyarakat tempatan. Dalam tempoh yang sama iaitu sehingga September, 55,606 peluang pekerjaan telah dapat diwujudkan di Wilayah Iskandar. Sebanyak 25,808 pekerjaan di Wilayah Utara (NCER), 27,225 pekerjaan di Wilayah Pantai Timur (ECER), 10,000 pekerjaan di Wilayah Sabah (SDC) dan 13,715 pekerjaan di Wilayah Sarawak (SCORE).

Selain daripada Program Pelaburan dan Pembangunan yang dikatakan tadi, sebagai contoh Wilayah Pantai Timur (ECER) misalnya turut melaksanakan pelbagai program pembangunan modal insan seperti program *Empower*, *Suria Home*, Latihan Kemahiran Penempatan Kemahiran Graduan dan Pekerja di Wilayah Pantai Timur yang bertujuan untuk meningkatkan- pertama, elemen pembangunan sumber manusia menerusi pengukuhan pembelajaran dan pembentukan sahsiah diri dari peringkat sekolah rendah ke menengah dan taraf sosioekonomi penduduk setempat menerusi latihan kemahiran yang bersesuaian mengikut keperluan masyarakat tempatan serta pasaran pekerjaan. Seramai 8,461 peserta menyertai program-program tersebut di atas.

Tuan Yang di-Pertua, ECER contohnya turut melaksanakan Program Agropolitan di Pekan, Pahang, di Besut Setiu Terengganu dan di Gua Musang Kelantan untuk menangani masalah kemiskinan di Wilayah Pantai Timur dan mengimbangkan pembangunan antara desa dan bandar di samping membina masyarakat berdikari dan kompetitif. Seramai 875 peserta telah menyertai Program Agropolitan tersebut. Begitu juga dengan Wilayah Utara NCER di mana antara contoh program pembangunan yang berjaya dilaksanakan oleh rakyat tempatan adalah seperti berikut:

- (i) projek penternakan ikan dalam sangkar di Sungai Menghulu Langkawi;
- (ii) kilang memproses jus buah-buahan di Jejawi, Perlis;
- (iii) kilang memproses daging di Jitra, Kedah;

- (iv) penternakan udang putih di Sungai Kerang, Perak;
- (v) ladang lebah di Tasik Gelugor; dan
- (vi) kilang ujian cahaya di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, penglibatan wilayah-wilayah koridor ini adalah merentasi hampir keseluruhan sektor utama negara. Tentunya akan berupaya menjana pelbagai aktiviti ekonomi, perkhidmatan sokongan dan perniagaan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Boon Som a/l Inong:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menjawab soalan dengan begitu ada *factually* sekali dan begitulah komitmen kerajaan terhadap rakyat ke arah transformasi rakyat. Jadi, bagaimana pula dengan projek-projek pertanian di Kedah, di Bukit Tangga, jagung manis dan segala-galanya. Ini kerana saya ingat benda itu tidak mendatangkan apa-apa kemajuan. Saya ingat sudah tidak ada lagi tanaman jagung manis itu di situ sekarang ini, di Bukit Tangga di Kedah di Wilayah Koridor Utara untuk pertanian. Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab projek pertanian yang diusahakan di Koridor Utara ini, ingin saya memberi satu pandangan menyeluruh mengenai apa itu Koridor Utara ini. Sebenarnya koridor ini diwujudkan pada tahun 2006 untuk:

- (i) menjadikan sektor swasta sebagai penjana ekonomi; dan
- (ii) untuk mengimbangi pembangunan wilayah.

Dahulunya kita ada banyak, KEJORAlah, KEDAlah, macam Langkawi, LADAlah, macam-macam. Sekarang dia hendak menjadikan pembangunan secara menyeluruh dan juga mengimbangi modal insan yang seharusnya setara dengan permintaan industri dan pembangunan ekonomi. Di samping itu, pengagihan kekayaan yang didenyutkan di dalam dasar ekonomi baru, atau dasar wawasan negara baru-baru ini. So, itu keseluruhannya. Maka, sektor pertanian seperti mana Yang Berhormat ceritakan itu adalah salah satu sektor yang dijanakan untuk meningkatkan taraf ekonomi supaya jurang perbezaan, kaya, miskin tidak begitu jauh sekali.

Dalam konteks ini saya ingin mengatakan di sini bahawa fokus Koridor Utara ini adalah pertama, dalam tempoh ini, pembuatan telah meningkat 45 peratus dengan adanya konsep Koridor Utara ini. Pelancongan pula meningkat sebanyak 30 peratus dan pertanian pula khususnya padi, fokusnya padi kerana kita menghadapi masalah pengeluaran padi kerana banjir di Thailand dan penawarannya begitu kurang, maka 60 peratus telah ditingkatkan dengan adanya input Koridor Utara.

Kedua, contohnya saya beri contoh *Sun Daily* telah membuat laporan di antara Januari ke Julai 2011, pelaburan sebanyak RM6.89 bilion telah dijanakan dalam koridor ini sahaja. Dalam tempoh yang begitu kecil, enam bulan ini.

So, dalam tempoh yang sama, kita hendak menjadikan katakan akses dari Kedah ke Pulau Pinang supaya orang bukan hanya bergantung kepada padi ataupun pertanian yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tetapi dapat mencari pekerjaan di peringkat Pulau Pinang ataupun di pinggiran Pulau Pinang, Kulim. Dekat sahaja di sana dan di Perlis. Maka, kita perlu mewujudkan rangkaian infrastruktur. Itu sebabnya kita ada projek-projek raksasa seperti RM18 bilion diperuntukkan untuk projek ini yang mungkin dimudahcarakan oleh kerajaan tetapi dilaksanakan oleh pihak swasta dengan pelbagai modal, PPP dan sebagainya.

#### ■1100

Contohnya Padang Besar ke Ipoh *dual track* itu. Kosnya hampir RM13 bilion. Kita ada *Penang second bridge* supaya senang orang masuk sana kerja RM4.8 bilion dan kita ada *North-South Expressway*, dengan izin, Juru-Sungai Dua *bypass* dan akhirnya kita ada *Penang Airport* yang akan di *upgradakan*.

Dengan adanya macam ini Yang Berhormat, kita berharap bahawa petani sana bukan sahaja terlibat dalam projek-projek pertanian yang mungkin tidak begitu berjaya seperti mana yang diuar-uarkan tetapi menjadi golongan petani moden di mana mereka boleh gunakan konsep fertigasi di mana mereka boleh tingkatkan produktiviti mereka. Itulah hala tujunya *to make them modern farmers*, dengan izin. Maka kalau adanya kekurangan di sana saya minta Yang Berhormat sabarlah ya. Kita baru mula hendak menjana, mungkin ada jatuh bangunnya mereka. Kita bagi peluang untuk mereka memartabatkan diri kemudian. Terima kasih.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung koridor ekonomi yang terdapat di negara kita ada lima semuanya. Kita tahu keadaan lokasi koridor ini berbeza-beza daripada segi infrastrukturnya dan kemudahan-kemudahan lain.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ringkaskan ya dan teruskan kepada soalan.

**Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah:** Jadi semalam ketika diumumkan di Johor Koridor Ekonomi Iskandar telah menjangkau RM77 bilion, sedangkan di koridor ekonomi yang lain ada yang RM5 bilion, RM6 bilion. Jadi ini menampakkan satu jurang yang sungguh berbeza. Jikalau bergantung kepada infrastruktur sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi, sudah tentu ada *disadvantage* kepada koridor ekonomi tertentu. Jadi apakah usaha, ataupun adakah satu usaha yang *integrated* bagi menarik pelaburan FDI supaya ada keadilan dalam mengagihkan pelaburan-pelaburan ke koridor-koridor yang lain? Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa soalnya *pertinent*, memang ada relevannya. Pertama kita kena tahu sejarah koridor ini. Koridor pertama yang telah mula dibangunkan ialah Iskandar Malaysia pada tahun 2006 yang mana kerajaan telah meminta sektor korporat seperti Sime Darby, Petronas, Khazanah. Pada mulanya Khazanah terlibat dalam memberi konsep Iskandar. Penjanaan idea, sektor-sektor yang harus diberi fokus dengan mengambil kira Singapura sebagai pusat yang begitu penting sekali untuk 2006. Akan tetapi kemudiannya koridor-koridor lain mula diperkasa hanya pada tahun 2008 kerana ada isu-isu perundangan.

Jikalau kita lihat bagaimana koridor dijalankan, dengan adanya kelulusan perundangan di peringkat Parlimen yang mana Koridor Iskandar Malaysia adalah di bawah *Iskandar Region Development Authority* (IRDA). NCIA adalah satu institusi atau badan yang diluluskan oleh Parlimen. Mereka terpaksa melaporkan pelaburan kewangan mereka ke sini. Ini semua mengambil masa. Jikalau kita lihat pada tahun 2007, NCIA baru lulus. Selepas itu kita lihat yang paling lambat Sabah, Sarawak, tahun 2009 baru gerak. Itu sebabnya ada perbezaan antara Iskandar jauh lebih ke hadapan berbanding NCIA dengan ECER kerana kemudiannya dan Sabah Sarawak baru penjanaan mereka, satu.

Kedua, saya ingin menyatakan di sini sedikit statistik menunjukkan bahawa memang okey perjalanannya, Tuan Yang di-Pertua. Memang ada dia punya perkembangan daripada segi input pada tahun berkenaan dan kemajuannya. Contohnya dalam RMKe-10, RMKe-9 jangan kiralah. Iskandar RM73 bilion sasarannya, tetapi setakat ini RM8.34 bilion telah pun diperolehi. Kita masih ada tiga tahun lagi, empat tahun lagi untuk kita ke sana, untuk RMKe-10. Okey, kita ambil koridor yang paling kecil iaitu Sabah *Development Cooperation* (SDC). Sasarannya adalah RM23.5 bilion tetapi sudah diperolehi RM5.4 bilion. Maka yang penting adalah apa sasaran tahun ini dan apakah kita capai sasaran itu, projek-projeknya? Contohnya fokusnya dalam bidang-bidang tertentu. Macam Iskandar, ia fokus kepada enam sahaja, *finance* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *education, logistic, health care, tourism, ICT and creative industry, clear*.

Itu sebabnya *tourism*- semalam Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pergi buat pembukaan *Johor Premium Outlets* seperti di Berkshires England. Maka dijanakan orang Singapura yang merupakan satu tempat pelancongan yang begitu banyak yang akan datang ke sini, setengah jam sahaja beli barang, balik. *It attracts millions*. Itu sebabnya. Maka kalau kita tengok fokusnya, *fantastic*.

Koridor ini memang cantik dan saya yakin Yang Berhormat bahawa kalau koridor dapat dimajukan dan Greater Kuala Lumpur di Kuala Lumpur dapat dijanakan, Malaysia akan menjadi pusat pelancongan dan pelaburan yang terkemuka selain Singapura. Singapura baru empat juta orang, kita 27 juta orang dan keluasan kita cantik. Maka saya rasa model pembangunan begitu baik sekali untuk Malaysia khususnya GTP, ETP dan juga *digital transformation* yang baru kita akan buat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bahawa terdapat 27,000 pekerjaan telah pun dihasilkan daripada ECER iaitu untuk Pantai Timur. Saya pohon perincian untuk negeri Kelantan, berapakah jumlah daripada 27 ribu tersebut dan berapa pendapatan yang dijana oleh mereka daripada pekerjaan yang telah pun disumbangkan oleh ECER? Itu yang pertama.

Kedua, berkenaan dengan keseimbangan. Antara wilayah yang paling saya rasa mundur untuk pembangunan daripada segi bantuan daripada Kerajaan Pusat adalah melibatkan wilayah Timur ECER. Dalam konteks ini, kita lihat jaringan lebuhraya adalah perkara yang terpenting. Sehingga ini, LPT yang telah dibina pada tahun 2000 hanya sampai Chendering dari tahun 2000 hingga tahun 2011. Jadi bilakah kerajaan akan mempertimbangkan pembinaan LPT sehingga ke negeri Kelantan bagi merencanakan pertumbuhan ataupun pelaburan kepada ECER di Kelantan? Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Beliau selalu fokus kepada Kelantan. Pertama, jumlah pekerjaan itu saya tidak ada data-data yang terperinci mengikut sektor-sektor berkenaan. Boleh saya bagi secara bertulis kepada Yang Berhormat?

Kedua ini Yang Berhormat, apabila kita kata ECER janganlah hanya fikir Terengganu dengan Pahang sahaja. Kelantan pun termasuk. Tidak akan kita menganaktirikan warganegara sendiri. Tidak pernah kita memberi ataupun memegang kepada konsep '*keras di hutan disusui, anak mati kelaparan*'. Tidak pernah Yang Berhormat. Saya hendak menyatakan *Central Spine Road* yang akan kita buat ini termasuk Kelantan juga mengikut fasa dan projek Yang Berhormat katakan tadi, kita akan pastikan dalam tempoh masa ia akan dirangkaikan. Ini kerana pembangunan Malaysia bukan hanya di Kuala Lumpur, Pahang dan Terengganu. Bolehkah Yang Berhormat mengikis pra-wasangka ini dan sama-sama menyelubungi konsep Malaysia kerana tetap Kelantan tidak akan diabaikan. Terima kasih.

5. **Tuan Pau Chiong Ung** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sehingga Ogos tahun ini, kes-kes penipuan seperti kes pemalsuan polis, pegawai kastam, pegawai bank negara dan lain-lain melalui SMS dan e-mel telah pun mencatat sebanyak 868 kes, jumlah wang yang terlibat adalah RM70 juta. Apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh kementerian untuk menghalang kes-kes sedemikian berulang; dan
- (b) bagaimanakah pihak kementerian dapat meningkatkan waspada dan pengetahuan di kalangan orang awam terhadap kes-kes penipuan seperti ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, saya bersetuju dengan maklumat yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator tersebut. Hasil daripada siasatan pihak polis, kes penipuan atas talian ini didalangi oleh warganegara asing dan kebanyakan *call centre*, dengan izin, beroperasi di luar negara. Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam membanteras jenayah penipuan daripada berleluasa.

## ■1110

Bagi menjawab soalan,

- (a) Antara tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk membendung jenayah ini adalah seperti:
  - (i) menjalankan siasatan ke atas kes-kes yang berkaitan dan telah melakukan pelbagai operasi dan tangkapan, sepanjang Januari hingga Oktober 2011, sebanyak 23 serbuan telah dilakukan dan telah membuat tangkapan sebanyak 68 orang yang terdiri daripada 45 lelaki dan 23 perempuan;
  - (ii) menubuhkan satu *task force* yang terdiri daripada pihak Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi menangani perkara ini secara komprehensif; dan
  - (iii) mengadakan kerjasama dengan negara-negara luar dengan menggunakan *platform Asianapol* dan *Interpol*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan,

- (b) Pihak kementerian sentiasa berusaha dalam memberi kesedaran kepada orang awam agar tidak tertipu dengan jenayah penipuan ini. Antara perkara yang dilakukan adalah seperti:
  - (i) mendapatkan kerjasama pihak syarikat telekomunikasi dengan membuat hebahan melalui SMS kepada pemilik-pemilik akaun mengenai jenayah ini; dan
  - (ii) membuat kempen dan hebahan melalui media elektronik dan media massa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kerjasama daripada orang ramai untuk turut membantu dalam membanteras jenayah penipuan ini daripada berleluasa. Selain daripada itu juga, orang ramai harus mengingatkan tahap kesedaran bahawa akaun bank atau apa-apa butir peribadi adalah hak persendirian dan tidak boleh sewenang-wenangnya diberi atau dikongsi dengan orang lain terutamanya individu yang tidak dikenali. Terima kasih.

**Tuan Pau Chiong Ung:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberi tadi. Soalan tambahan saya ialah seperti kita semua maklum, akaun-akaun yang digunakan dalam kes-kes penipuan ini selalunya adalah akaun individu yang telah diperdaya dan mereka yang tidak terlibat dengan kes-kes tersebut. Apakah tindakan yang diambil oleh pihak polis terhadap akaun dan pemiliknya yang telah dikenal pasti dipergunakan oleh sindiket-sindiket penipuan ini? Sekian.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, pemegang-pemegang akaun yang kebiasaannya digunakan oleh sindiket-sindiket adalah terdiri daripada orang ramai tanpa mengira latar belakang pendidikan mahupun status atau gaya hidup mereka. Oleh yang demikian, PDRM melalui penyiasatan yang dijalankan setelah mengenal pasti bahawa akaun individu tersebut dipergunakan oleh sindiket-sindiket penipuan ini akan mengambil tindakan membeku dan menyita akaun-akaun tersebut. Tindakan ini adalah berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada di bawah seksyen 48, Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan 2001. Individu yang membenarkan akaun mereka digunakan dan sindiket-sindiket akan disiasat di bawah seksyen 420, Kanun Keseksaan. Terima kasih.

6. **Puan Chew Lee Giok** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan, berapakah jumlah langganan internet di seluruh Malaysia pada masa kini dan mengapa harga bayaran internet adalah begitu mahal.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Boon Som a/l Inong bertarikh 22 Disember 2011 kerana ia menyentuh perkara yang sama iaitu langganan perkhidmatan jalur lebar?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dibenarkan Yang Berhormat.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Tuan Yang di-Pertua, sehingga suku ketiga tahun 2011, jumlah langganan internet di seluruh Malaysia ialah 5.59 juta dan jumlah pengguna internet di Malaysia adalah sebanyak lebih kurang 17.5 juta orang. Secara purata, harga langganan bagi perkhidmatan internet adalah RM87.75 sebulan. Namun begitu, pengguna mempunyai pilihan untuk melanggan internet mengikut keperluan mereka sama ada membuat langganan secara mingguan ataupun harian pada kadar serendah RM2 sehari. Selain itu, penyedia perkhidmatan juga telah menawarkan beberapa pakej mampu langgan untuk golongan kurang upaya, berpendapatan rendah dan warga emas.

Pada masa ini, liputan jalur lebar talian tetap dan tanpa wayar telah mencapai 81 peratus di kawasan berpenduduk. Perluasan liputan ini sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa oleh pihak pemberi perkhidmatan dan juga melalui pelaksanaan inisiatif jalur lebar oleh pihak kerajaan seperti pembinaan menara telekomunikasi, kampung tanpa wayar (KTW), pusat jalur lebar komuniti (PJK) dan perkhidmatan jalur lebar di perpustakaan desa.

Pihak kerajaan sentiasa peka terhadap prestasi perkhidmatan jalur lebar di negara ini dan telah menetapkan standard mandatori bagi perkhidmatan capaian jalur lebar melalui talian tetap yang mesti dipatuhi oleh penyedia perkhidmatan jalur lebar. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menjalankan ujian dan audit teknikal terhadap perkhidmatan jalur lebar oleh semua penyedia perkhidmatan. Antara tujuannya adalah untuk peningkatan kualiti. Bagi ketidakpatuhan kepada standard mandatori, SKMM boleh mengambil tindakan undang-undang ke atas pemberi perkhidmatan jalur lebar dengan mengenakan kompaun sebanyak RM10,000 atau jumlah denda maksimum sebanyak RM100,000. Terima kasih.

**Puan Chew Lee Giok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila saya berada di Hong Kong atau Singapura, saya mendapati bahawa muat turun *YouTube* di tempat itu adalah begitu lancar dan cepat. Akan tetapi di Malaysia, tidak kira *Maxis* atau *Streamyx*, muat turun *YouTube* adalah terputus-putus atau lambat. Saya hendak tahu mengapa, adakah kerana *broadband* di Malaysia ini di *throttle*, dengan izin? Terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, memang dikenali dan diketahui semua bahawa perkhidmatan jalur lebar di Singapura ataupun di Hong Kong adalah lebih baik dari di Malaysia. Akan tetapi kalau kita ingat bahawa Hong Kong dan Singapura tidak boleh dibandingkan dengan negara yang seluas Malaysia dan penduduknya yang tidak padat seperti di negara-negara yang telah Yang Berhormat katakan tadi.

Akan tetapi sekiranya kita bandingkan misalnya, kita hanya tumpukan pemberian perkhidmatan jalur lebar di Lembah Klang sahaja, ini boleh kita bandingkan dengan negara-negara Yang Berhormat telah sebutkan tadi iaitu Singapura dan Hong Kong. Ini sebenarnya ada banyak masalah teknikal berkenaan dengan pertamanya adalah ketidakpadatan penduduk di negara kita dan negara yang begini luas dan muka bumi yang tidak rata. Faktor utama adalah jalur lebar antarabangsa. Kos jalur lebar antarabangsa di Malaysia adalah lebih tinggi daripada kos yang ada di Hong Kong dan di Singapura.

## ■1120

Oleh kerana kalau kita tengok daripada segi sejarahnya, kedua-dua tempat ini adalah dimajukan sebagai pusat dagangan. Oleh yang demikian, maka jalur lebarnya memang lebih besar dan lebih lebar lagi daripada apa yang kita ada. Daripada segi infrastrukturnya, dari mula memang sudah lebih tinggi daripada kita. Oleh yang demikian, maka negara kita sedang berusaha untuk menambah baikkan lagi sambungan antarabangsa kita dan beberapa kabel dasar laut sedang disediakan. Terima kasih.

**7. Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam** minta Menteri Kesihatan menyatakan, langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah pesakit yang perlu menunggu beberapa bulan untuk membuat imbasan CT dan MRI di hospital kerajaan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, pesakit yang memerlukan imbasan *CT scan* atau MRI segera atau bagi kes-kes kecemasan contohnya kes kemalangan jalan raya seperti *head injury*, imbasan akan dijalankan serta-merta.

Bagi kes-kes elektif, tarikh temu janji akan diberikan bagi pesakit menjalani imbasan yang berkenaan tanpa mengganggu rawatan pesakit. Berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 2010, tempoh temu janji bagi menjalani imbasan CT ataupun MRI ialah di antara dua minggu hingga empat bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan amat prihatin dan menyedari keperluan menyediakan perkhidmatan yang cepat kepada pesakit-pesakit yang memerlukan pemeriksaan dan rawatan yang sewajarnya. Bagi tujuan tersebut, kerajaan terus mempertingkatkan bilangan kemudahan dan peralatan canggih yang diperlukan di hospital-hospital kerajaan. Pada masa ini, terdapat sejumlah 40 buah hospital pakar yang telah ditempatkan pakar radiologi. Berdasarkan beban kerja, 35 buah hospital telah dilengkapi dengan 46 buah peralatan *CT scan* dan 21 buah hospital dilengkapi dengan 24 buah peralatan MRI di seluruh negara. Bagi meningkatkan lagi akses rakyat kepada perkhidmatan *CT scan* dan MRI, kerajaan telah membuat perancangan bagi menambah lagi bilangan peralatan tersebut di hospital-hospital kerajaan.

Untuk tahun 2011 sahaja, sebanyak empat buah peralatan *CT scan* sedang di peringkat perolehan untuk ditempatkan masing-masing sebuah di Hospital Kulim, Hospital Segamat, Hospital Bintulu dan Pusat Jantung Sarawak serta Hospital Umum Sarawak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah adakah Yang Berhormat Menteri bercadang mewujudkan kerja syif untuk pekerja seperti juruteknik yang mengendalikan mesin imbas agar lebih banyak imbasan dapat dilakukan setiap hari? Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, sebenarnya untuk mesin MRI dan juga *CT scan* ini, ada terdapat beberapa hospital kita yang telah mengemukakan atau telah mencadangkan atau memperkenalkan sistem temu janji ataupun penggiliran yang mengambil kira masa rehat setiap hari untuk *diconvert* atau digunakan khusus untuk menjalankan imbasan MRI dan juga *CT scan*. Perkara ini memang berlaku, Yang Berhormat. Namun sudah tentu cadangan Yang Berhormat itu kita akan perincikan supaya sistem penggiliran ini bukan hanya dilaksanakan oleh beberapa hospital tetapi dapat diperluaskan di seluruh hospital yang mengemukakan ataupun yang ada mengendalikan imbasan MRI dan *CT scan*. Terima kasih Yang Berhormat di atas cadangan.

**Dr. Malasingam a/l Muthukumar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah sekarang kita nampak pesakit-pesakit dari hospital kerajaan kena tunggu masa yang lama untuk menjalankan perkhidmatan MRI dan *CT scan*.

Namun ada di beberapa hospital swasta, kita ada MRI dan *CT scan* di negara ini. Bolehkah kementerian buat satu langkah untuk menggunakan khidmat ini di hospital-hospital swasta? Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Memang benar Yang Berhormat, pada ketika ini kementerian memang ada mendapatkan perkhidmatan daripada hospital-hospital ataupun klinik-klinik swasta terutama sekali untuk kawasan-kawasan di luar bandar. Di negeri Sarawak contohnya, Yang Berhormat untuk Hospital Limbang. Klinik-klinik dan juga Hospital Limbang sendiri, kita menggunakan perkhidmatan doktor ataupun perkhidmatan radiologi swasta untuk diberikan kepada pesakit-pesakit kita.

Jadi sebenarnya Yang Berhormat, pembelian mesin-mesin MRI dan *CT scan* ini bergantung juga dibantu daripada segi kepakaran yang kita ada. Sekiranya kita tidak mempunyai kepakaran tertentu di fasiliti-fasiliti kerajaan, amat sukar untuk kita mengendalikan perkara ini. Akan tetapi sekiranya ada keperluan seperti contoh yang dinyatakan oleh Yang Berhormat sendiri di mana kita perlu mendapatkan ataupun membeli *service* daripada *facility* swasta, kita akan melakukannya, Yang Berhormat. Terima kasih di atas soalan yang dikemukakan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dewan Negara yang mulia ini mengalu-alukan Yang Berhormat Menteri dan terima kasih di atas keprihatinan datang sendiri menjawab soalan pada pagi ini. Tidak lupa juga kepada semua Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berada di Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**8. Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, bagaimana ibu tunggal di Malaysia yang dikenal pasti oleh agensi berkaitan, dan apakah jenis-jenis bantuan yang diberikan kepada mereka.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader di atas keprihatinan beliau tentang nasib ibu-ibu tunggal di Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ibu tunggal dikenal pasti melalui definisi berikut yang ditetapkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia:

- (i) wanita yang menjadi ketua isi rumah atau balu yang bercerai atau berpisah tetap; dan
- (ii) mereka yang mempunyai anak yang belum berkahwin dalam isi rumah yang sama.

Dalam hal ini, Jabatan Perangkaan Malaysia telah menjalankan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang antara lain turut mengenal pasti jumlah ibu tunggal di Malaysia. Berdasarkan dapatan awal bancian tersebut, seramai 831,860 orang wanita iaitu 2.9 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia adalah ibu tunggal.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan amat prihatin dengan cabaran yang dihadapi oleh ibu tunggal dalam menyara hidup keluarga mereka. Pelbagai kementerian dan agensi mempunyai pelbagai program dan bantuan untuk ibu-ibu tunggal. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mempunyai beberapa skim dan program untuk membantu ibu-ibu tunggal.

#### ■1130

Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mempunyai beberapa skim dan program untuk membantu ibu-ibu tunggal. Kementerian melalui JKM menyediakan:

- (i) Bantuan Kanak-kanak iaitu bantuan bulanan yang dipertimbangkan untuk tujuan penyaraan kanak-kanak bagi memastikan keperluan asas dan persekolahan anak-anak tidak terjejas. Bantuan ini dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan daif termasuk ibu tunggal dengan kadar RM100 hingga maksimum RM450 sekeluarga sebulan. Bagi tempoh Januari hingga September 2011, sebanyak RM71.2 juta telah disalurkan kepada 43,810 orang ibu tunggal menerusi Skim Bantuan Kanak-kanak ini;
- (ii) Bantuan Am iaitu merupakan bantuan bulanan yang dipertimbangkan kepada keluarga miskin dan daif termasuk ibu tunggal untuk tempoh jangka pendek sebelum dapat diuruskan program-program pemulihan kepada keluarga yang berkenaan. Kadar bantuan yang diberikan adalah berbeza mengikut negeri.  
  
Untuk Wilayah Persekutuan misalnya dan Labuan, kadarnya ialah antara RM80 hingga RM350 sekeluarga sebulan. Bagi tempoh Januari hingga September untuk tahun ini, sebanyak 19,515 keluarga ibu tunggal miskin telah menerima bantuan kewangan daripada JKM yang melibatkan peruntukan sebanyak RM19.48 juta. Saya minta maaf, jawapan panjang sedikit. Mungkin Ahli Yang Berhormat ingin tahu apa dia yang kerajaan sediakan untuk ibu-ibu tunggal; dan
- (iii) Bantuan Geran Pelancaran. Merupakan bantuan sekali gus yang diberikan kepada *client* JKM termasuklah ibu tunggal untuk mereka memulakan projek-projek ataupun perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi Jabatan Pembangunan Wanita pula, kementerian menjalankan Program Pengupayaan Sosial Ekonomi Ibu Tunggal di bawah aktiviti keusahawanan atau lebih dikenali sebagai Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal. Dalam hal ini, JPW menjalankan program keusahawanan dalam bidang komersial seperti jahitan, kecantikan, pembuatan pastri, kraf tangan, asuhan kanak-kanak, penyediaan makanan dan pelancongan bagi melatih mereka menjadi usahawan yang berjaya. Program ini dijalankan di seluruh negara melalui latihan kemahiran dan pendidikan asas keusahawanan.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, penerima bantuan kebajikan kategori ibu tunggal mengikut skim yang saya katakan tadi, untuk tahun ini sahaja sehingga bulan September secara totalnya kita sudah belanja RM90,886,000 ratus ringgit untuk membantu 63,395 penerima ibu tunggal. Akhir sekali, saya ingin menyatakan bahawa *insya-Allah* pihak kementerian kita akan meneruskan program-program untuk ibu tunggal bukan hanya melalui agensi-agensi di bawah kementerian tetapi juga dengan pemberian Bantuan Khas Perbendaharaan kepada persatuan-persatuan ibu tunggal untuk mereka sebagai *smart partner* kementerian menjalankan program-program pembangunan kapasiti termasuklah motivasi untuk ibu tunggal menjaga keluarga mereka dengan sebaik-baiknya. Terima kasih.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ucapkan terima kasih kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang memberikan satu jawapan yang begitu bagus. Soalan tambahan saya adalah, adakah bantuan bulanan dibayar kepada warga emas, miskin dan fakir miskin sebanyak RM70 hingga RM100 ataupun lebih daripada itu cukup untuk mereka belanja untuk satu bulan? Soalan kedua saya, kami dapat lihat setiap tahun angka atau jumlah penerima bantuan meningkat. Apakah langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengurangkan jumlah ini? Adakah kementerian membantu golongan ini untuk menambah pendapatan dan sekali gus keluar daripada golongan penerima bantuan ini? Sekian.

**Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin maklumkan bahawa bantuan yang kita beri terutama untuk warga emas, orang kurang upaya dan kumpulan sasaran kementerian adalah bantuan untuk menentukan saraan hidup asas mereka itu terpelihara dan terjamin.

Untuk warga emas misal kata Yang Berhormat, harapan kerajaan adalah supaya keluarga mereka juga mesti membantu. Hari ini kita dapati bahawa ramai daripada anak-anak misal kata, melepas tangan kepada kerajaan untuk membantu warga emas mereka. Kita tidak boleh biar budaya seperti ini berleluasa. Bukan semua anak-anak begitu tetapi ada dalam kalangan anak-anak apabila ibu dan bapa mereka sudah tua, tidak dapat hendak buat apa-apa, mereka lepas tangan kepada kerajaan tetapi *insya-Allah* kerajaan, kita bertanggungjawab.

Kita ada institusi kita, selain daripada bantuan yang kita beri, kalau ada warga emas atau orang kurang upaya mahupun kanak-kanak yang tidak ada keluarga, pihak kerajaan, kita yang menjaga mereka. Itu pertama. Saya faham bahawa bantuan yang kita beri sudah semestinya tidak mencukupi, tidak mencukupi untuk menampung kesemua keperluan hidup melainkan keperluan asas mereka, itu pertama. Kedua, kita di kementerian ada program yang dinamakan *productive welfare* sebab kita bukan dengan izin, *welfare state* yang mana kita beri begitu sahaja. Kita ada program yang dinamakan *productive welfare*, yang mana kita membantu keluarga-keluarga miskin untuk keluar daripada kepompong kemiskinan terutamanya kemiskinan tegar. Terkini melalui Program NKRA untuk isi pendapatan rumah yang rendah.

Di bawah program kita melalui Program 1Azam, Azam Tani, Azam Kerja, Azam Khidmat misal kata, yang mana kita membantu mereka untuk meniaga, mencari kerja, untuk bercucuk tanam dan lain-lain. *Insya-Allah* program *productive welfare* ini bersama-sama dengan NGO seperti mana misal kata NGO Yang Berhormat sendiri menerajunya, saya percaya bahawa akan mampu untuk membantu kerajaan mengeluarkan keluarga-keluarga miskin daripada kepompong kemiskinan tegar...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, maaf ya.

**Tuan Ng Fook Heng:** Tuan Ng Fook Heng.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Ng Fook Heng.

**Tuan Ng Fook Heng:** Terima kasih. Menteri, saya nak tujukan soalan ini yang saya pernah tujukan kepada timbalan iaitu berkenaan dengan kaum wanita, ibu tunggal di mana dengan kematian *husband* dia, maka dia terpaksa menanggung keluarganya.

Tekanan jiwa ini amat kuat dan akhirnya dia jatuh sakit, tidak boleh kerja dan tanggungjawab ini diambil alih oleh anak perempuannya yang kerja dan gajinya lebih kurang RM2,000 untuk menanggung keluarganya, emaknya, abangnya semua sakit dan adiknya bersekolah. Akan tetapi pihak JKM mengatakan keluarga ini tidak layak dapat bantuan kerana anaknya ada gaji RM2,000 tetapi anaknya, dia ada kehidupannya sendiri. Seorang perempuan yang muda, dia ada kehidupannya sendiri, dia pun hidup juga.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat ya.

**Tuan Ng Fook Heng:** Jadi, adakah pihak kementerian menukar anggapan ini bahawa ada seorang kerja itu terus tidak dapat. Sekian.

**Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil:** Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab utama Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah untuk menentukan kita bantu mereka yang betul-betul daif, miskin tegar, tidak ada harapan dalam hidup ini, tidak ada keluarga, tidak ada anak, tidak ada siapa yang hendak bantu mereka. Itu dengan izin adalah *core business* kita. Kita kena jaga mereka dahulu, kategori pertama. Keduanya, kalau ada kes seperti mana Yang Berhormat Senator Tuan Ng kata tadi, jika dihadapkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan didapati ibu itu misal kata memerlukan, walaupun ada anak yang bekerja tetapi keadaannya masih daif, maka kita amat prihatin. Kita mempunyai hati budi dan saya sudah pinta kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat di dalam *description* yang diberikan supaya membantu.

Mungkin bukan seumur hidup tetapi untuk membantu sekadar mana yang boleh untuk menentukan ibu itu tidak terlantar tetapi kalau misal kata tidak ada siapa yang mampu untuk membantu, boleh hantar ke institusi kita.

## ■1140

Jadi kita mempunyai hati perut, sebagai satu kementerian yang bertanggungjawab, kita ada beberapa *this exception* dengan izin, yang di mana pihak pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita akan membantu dalam kes-kes seperti mana Yang Berhormat katakan tadi. Daripada hari ini Yang Berhormat, bil untuk kita kian meningkat. Saya hendak maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, kerajaan yang diterajukan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak hari ini, memberi dalam program KAR1SMA iaitu Kebajikan Rakyat 1Malaysia, di mana kumpulan sasar kita menerima kebajikan, bil kita telah naik di antara RM1.4 bilion yang membantu lebih kurang 500 ribu penerima. Ini adalah satu bil yang agak besar jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Terima kasih.

**9. Tuan Chiew Lian Keng** minta Menteri Kewangan menyatakan, sama ada akan mengurangkan jumlah pengutipan cukai pendapatan perseorangan sekiranya Cukai Perkhidmatan Barangan (GST) dilaksanakan.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan GST sebenarnya adalah untuk menyusun semula sistem percukaian sedia ada supaya menjadi lebih komprehensif, efisien, telus dan mesra perniagaan. GST yang merupakan satu langkah dalam polisi fiskal boleh digunakan sebagai platform untuk mempelbagaikan sumber hasil negara supaya tidak terlalu bergantung kepada sumber hasil daripada cukai pendapatan dan petroleum. Kerajaan sedar akan pengalaman negara-negara lain yang telah mengurangkan kadar cukai pendapatan individu apabila GST dilaksanakan di negara mereka. Cadangan pengurangan cukai pendapatan individu adalah merupakan salah satu langkah kerajaan di dalam penstrukturan semula sistem percukaian negara. Namun begitu, buat masa sekarang, keutamaan kerajaan adalah memastikan agar GST dapat dilaksanakan dengan berjaya dan diterima oleh rakyat. Sekian.

**Tuan Chiew Lian Keng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Dato' Timbalan Menteri. Soalan saya adalah, adakah kerajaan memberi pelaksanaan yang mencukupi kepada rakyat jelata mengenai faedah dan manfaat pelaksanaan cukai pendapatan barangan ataupun GST dan adakah polisi-polisi sampingan yang membolehkan memastikan beban dan tanggungjawab rakyat tidak meningkat kerana pelaksanaan cukai perkhidmatan barangan (GST)?

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Chiew Lian Keng. Untuk makluman Yang Berhormat, memang seperti kita sedia maklum, kerajaan telah mengemukakan rang undang-undang di Dewan Rakyat bacaan kali pertama kita telah kemukakan, kita tunggu masa yang sesuai untuk bacaan kali yang kedua dan ketiga. Buat masa ini kita telah melancarkan program-program supaya pengguna dan juga peniaga, mereka faham apa mekanisme atau model GST yang kita cadangkan di Malaysia. Untuk tahun 2010, seramai 4,389 program telah dilancarkan dan jumlah yang hadir adalah 171,721 orang peserta. Untuk tahun 2011, kita memang meneruskan program dan kita hendak memberi lebih maklumat dan mekanisme dan untuk rakyat semua.

Saya juga ingin memberi sedikit maklumat tentang GST. Buat masa ini, jumlah negara yang ada GST di dunia ini adalah sebanyak 135 buah negara dan di ASEAN *country* ini, hanya tiga buah negara yang tidak ada GST iaitu Malaysia, Brunei dan Myanmar.

Soalan Yang Berhormat yang bimbang tentang isu-isu akan memberi bebanan kepada rakyat. Memang kita akan ambil tindakan yang sewajarnya seperti negara yang lain telah ambil. Kita anggap langkah-langkah kita ambil akan memberi lebih manfaat kepada negara kita.

**10. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, kedudukan terkini industri sarang burung walit di Malaysia.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I [Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Tuan Ng Fook Heng pada 12 Disember, Datuk Paul Kong Sing Chu pada 15 Disember dan Datuk Abdul Rahman bin Bakar pada 22 Disember.

Isu berkaitan dengan sarang burung walit dari Malaysia ke negara China telah ditangani semasa perjumpaan dan lawatan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani ke negara China. Hasil daripada lawatan kedua-dua Menteri berkenaan, kerajaan telah memutuskan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan berurusan dengan *Administration of Quality Supervision, Inspection and Quarantine* (AQSIQ) China berhubung dengan aspek kawalan penyakit haiwan di sepanjang rantaian bekalan kementerian dan Kementerian Kesihatan Malaysia dalam aspek keselamatan makanan.

Di sepanjang rantaian bekalan makanan dan telah menetapkan piawaian nitrat setelah perbincangan dengan kementerian kesihatan negara China berkaitan dengan eksport sarang burung walit ke sana. Sehingga bulan November 2011, jumlah nilai jualan bagi industri sarang burung walit adalah sebanyak RM973 juta dengan pengeluaran sebanyak 121.7 tan metrik. Adalah dianggarkan sebanyak 27 tan metrik produk sarang burung walit bernilai RM200 juta telah terjejas eksportnya ke negara China bagi tempoh bulan Oktober hingga Disember 2011. Rekod daripada data eksport jabatan menunjukkan terdapat penurunan sehingga 60 peratus kuantiti eksport ke negara China.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Walau bagaimanapun, tidak berlaku penurunan eksport secara keseluruhan kerana produk-produk burung walit ini turut dieksport ke pasaran baru seperti Taiwan, Macau, Vietnam, Singapura, Jepun, Itali dan Kanada. Keseluruhan eksport sarang burung walit sehingga bulan Oktober 2011 adalah berjumlah 121.7 metrik tan dengan beranggaran lebih kurang RM1 bilion, berbanding dengan tahun 2010 berjumlah 108.9 metrik tan.

Bagi memastikan industri ini terus berkembang dan berada dalam landasan yang betul, pihak DBS telah mengadakan pendaftaran premis ternakan sebagai salah satu usaha memantau perkembangan industri ini.

Sehingga bulan November 2011, sebanyak 3,301 buah premis ternakan telah didaftarkan dengan Jabatan Veterinar. Pada masa yang sama, kerajaan melalui Jabatan Veterinar telah membangunkan Sistem Daya Jejak (*traceability*) dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk produk hasil sarang burung walit yang berupaya menjejak pergerakan produk sarang burung walit daripada premis ternakan sehingga produk eksport ke luar negara. Sistem ini melibatkan penggunaan RFID dan disokong dengan pembangunan sistem pangkalan data secara *online*. Bagi tujuan kepastian kualiti produk sarang burung walit Malaysia dan pertubuhan eksport ke luar negara, beberapa aspek kualiti dititikberatkan oleh MOA melalui DVS dengan pelaksanaan Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) di ladang ternakan dan persijilan *Veterinary Health Mark* (VHM) di loji pemprosesan.

■1150

Oleh itu melalui usul-usul ini adalah diharapkan eksport sarang burung walit akan dapat dipertingkatkan. Pihak DVS juga turut mengadakan program pendidikan dan pembangunan dengan usaha sama Universiti Putra Malaysia dan bertindak sebagai *centre of excellent* bagi memantau pembangunan industri ini dalam bidang R&D. Selain daripada DVS juga menjalinkan kerjasama dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi membangunkan lapan pusat pengumpulan.

MOA melalui DVS juga telah menjalankan pelbagai usaha untuk memastikan industri sarang burung walit dapat berkembang dengan pesat di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh. Beberapa program telah dilaksanakan melalui DVS sebagai agensi peneraju bagi pembinaan upaya meliputi:

- (i) pendidikan garis panduan pembangunan industri walit (1GP) yang bersepadu dan mampan untuk menyelaras pelbagai garis panduan yang diguna pakai; dan
- (ii) menyediakan modal insan berpengalaman melalui program latihan dan bimbingan serta pendidikan standard, kemahiran pekerja bagi industri burung walit, meningkatkan kapasiti analisa serta diagnosis melalui pengukuhan peralatan makmal kesihatan awam veterinar di Salak Tinggi.

Terima kasih.

**Tuan Mohd Khalid bin Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, isu sarang burung walit dikira memerlukan perhatian segera pihak kementerian. Di sini ada dua, tiga perkara. Pertama, dia bunyi bising, berisiko penyakit kepada orang ramai. Bunyi bising kemungkinan berisiko tinggi kepada orang ramai, penyakit. Kedua, dia hampir dengan kediaman orang ramai dan pengusaha gagal untuk memenuhi SOP. Ketiga, banyak kawasan *shop lot* yang dijadikan sarang burung walit yang dekat dengan rumah dan beroperasi secara haram. Bagaimana kementerian menangani masalah sarang burung walit ini serta menjadikan ia satu bentuk industri? Kita berharap kerajaan membuat satu *stop centre* bagi pengusaha-pengusaha ini mendapatkan lesen-lesen sarang burung walit secara yang sah.

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat, saya rasa apa Yang Berhormat tanya itu kebanyakannya saya sudah jawab. Sebenarnya kita sudah ada garis panduan yang telah kita keluarkan oleh kementerian iaitu berkenaan dengan tempat-tempat yang mana yang dibenarkan untuk mendirikan sarang-sarang burung walit.

Walau bagaimanapun, benda ini terpulunglah kepada Majlis-majlis Daerah untuk mengambil tindakan. Ada di setengah-setengah tempat, benda ini sudah lama, sudah bertahun-tahun. Macam di setengah-setengah tempat, ia di dalam pekan dan sebagainya, benda ini sudah ada. Akan tetapi bagi burung walit ini kalau kita hendak pindah dia bukan macam kita pelihara ayam. Jikalau dia pindah kita boleh bawa dengan ayam-ayam tetapi burung ini belum tentu kalau kita buat tempat baru dia akan datang kepada kita. Ini kerana burung ini dia bukan tahu tuan dia siapa. Itu *problem* yang banyak sekali sekarang di Sarikei di setengah-setengah tempat dia tidak boleh hendak berpindah dan masalah ini menjadi masalah yang besar dalam kalangan pengusaha dan juga kerajaan tempatan. Walau bagaimanapun, garis panduan untuk masa-masa yang akan datang kita telah tetapkan.

Berkenaan dengan penyakit, hari ini belum ada lagilah yang kita dengar dan benda ini penyakit-penyakit yang dibawa oleh burung walit ini. Selain daripada itu, berkenaan dengan lain-lain R&D yang kita buat yang masalah seperti sekarang ini, pengusaha-pengusaha kita. Pengusaha-pengusaha burung walit ini mereka hendak cepat untung. Oleh sebab itu, banyak penipuan yang berlaku iaitu sarang-sarang burung walit yang dieksport itu yang telah melalui proses-proses yang dibuat secara manual yang menjejaskan kualitinya dengan kandungan matriks umpamanya sarang burung walit merah itu di *soak* atau direndam dalam najis burung itu untuk ditukar *colour* supaya kualitinya baik dan akhirnya ia telah menjejaskan eksport kita baru-baru ini ke negara China.

So bagi pihak kementerian, kita telah mengambil semua langkah yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi dan kita harap supaya semua pihak sama ada pengusaha, sama ada pihak berkuasa tempatan dan juga pada pengeksporth-pengeksporth sarang burung walit ini mengamalkan sistem yang benar atau maknanya mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh kementerian. Jadi dengan cara itu, masalah-masalah yang akan timbul tidak akan wujud lagilah. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan, sekianlah tamatnya pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada pagi ini. Seterusnya.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2012**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [8 Disember 2011]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat kerana yang lepas hari itu kita minta Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali menyambung berucap dan masanya rasanya kita akan benarkan kerana Yang Berhormat telah makan masa lama hari itu, saya akan beritahu bila Yang Berhormat kena berhentilah. Silakan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap kalau dapat 20 minit sahaja...

**Tuan Yang di-Pertua:** Berapa minit?

**Dr. Syed Husin Ali:** Kalau 20 minit...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau 20 minit tidak boleh. 10 minit boleh!

**Dr. Syed Husin Ali:** Oleh sebab itu hari 10 minit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hari itu 30 minit.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tidak Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Catatan di sini seperti itu. Walau bagaimanapun, saya bagilah. Yang Berhormat cakap dahulu saya tengok keadaan.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Belanjawan ini sepatutnya telah mengesyorkan langkah-langkah untuk melunakkan kesan kuat ke atas ekonomi akibat kejutan dari luar. Satu cara ialah dengan menaikkan permintaan domestik melalui penggunaan domestik yang dipertingkatkan. Belanjawan ini ada menyentuh perkara ini akan tetapi dengan premis yang boleh dipertikaikan iaitu kenaikan kadar pendapatan. Sebenarnya yang diperlukan ialah memperkenalkan strategi pengagihan pendapatan yang lebih banyak memberikan tumpuan kepada golongan yang berpendapatan rendah. Misalannya perbelanjaan tidak produktif seperti perbelanjaan kementerian, baik pulih dan peningkatan taraf kediaman rasmi dan perbelanjaan keluar negara sepatutnya dikurangkan bahkan jika sesuai, dibatalkan.

Pada masa yang sama, perbelanjaan untuk pembangunan masyarakat dan desa dan perbelanjaan untuk kebajikan masyarakat misalnya hendaklah dinaikkan lebih besar. Sekarang ini perbelanjaan masing-masing bagi kedua-dua ini hanya 0.3 peratus dan 0.2 peratus sahaja daripada jumlah anggaran perbelanjaan. Simpanan atau penjimatan yang daripada mengurangkan atau membatalkan segala perbelanjaan yang tidak produktif ini boleh dan patut disalurkan kepada golongan miskin yang berpendapatan rendah dalam bentuk bayaran kebajikan, bayaran pencen minimum dan juga bantuan untuk perumahan dan sebagainya. Walaupun ada peruntukan bagi menaikkan pencen 2 peratus tetapi ini adalah lebih rendah daripada kadar inflasi. Walaupun ia membantu sedikit, peruntukan ini gagal untuk melindungi nilai sebenar pencen. Sehubungan ini, gaji minimum boleh memainkan peranan penting. Akan tetapi, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengelak perkara ini dalam ucapan belanjawannya.

Perlu diingat bahawa para petani juga boleh terjejas dengan pendapatannya oleh perubahan suasana ekonomi yang berlaku di pusat pasaran dunia. Getah dan kelapa sawit merupakan hasil pertanian komersial yang boleh turun naik mengikut harga pasaran dunia dan pendapatan mereka pun turut dipengaruhi. Beberapa langkah boleh membantu petani semasa mengalami harga rendah:

- (i) dengan memberikan subsidi dan seharusnya subsidi adalah ditumpukan kepada golongan miskin ini; dan
- (ii) dengan mengadakan stok pengimbal iaitu stok dikeluarkan waktu harga naik dan dikumpulkan semasa harga turun.

Saya tidak hendak menerangkan perkara ini dengan lebih lanjut lagi. Daripada segi pemilikan sumber pengeluaran, pendapatan petani adalah rendah apabila mereka tidak memiliki atau kurang memiliki tanah. Oleh itu, mereka menyewa tanah dan akibatnya mereka mendapat hanya sebahagian biasanya separuh daripada hasil yang dikeluarkan.

#### ■1200

Cara terbaik ialah untuk mengadakan rancangan seperti rancangan FELDA. Akan tetapi nampaknya tujuan FELDA yang asal telah terpesong, bukan untuk memberi pemilikan kepada petani tetapi sekarang ini sudah menjadi ladang. Kita dapati sekarang ini di bawah FELDA Plantations, banyak peneroka telah menyerahkan tanah mereka secara sukarela ataupun terpaksa. Mereka mendapat pendapatan bulanan yang jauh lebih kecil. Kadang-kadang separuh ataupun sepertiga daripada yang diperolehi oleh peneroka yang tidak menyerahkan tanah mereka tetapi terus mengerjakan sendiri.

Dalam ucapan belanjawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyebut tentang Global Ventures Holdings Berhad akan disenaraikan dan peneroka akan mendapat durian runtuh. Saya ingin menyatakan bahawa FELDA Global Ventures miliki hanya 42,000 hektar tanah di Kalimantan dan masih dalam peringkat penanaman dan semaian. Jadi, untuk tujuan-tujuan penyenaian ini, FELDA berhasrat untuk memajakkan 350,000 hektar kepada Global Ventures. Memajakkan tanah FELDA dengan tujuan penyenaian ini adalah bertentangan dengan semangat Akta Kemajuan Tanah yang dihasratkan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Razak.

Difahamkan tujuan perubahan struktur pra penyenaian FELDA Global Ventures yang mana Koperasi Permodalan FELDA memiliki 60 peratus ekuiti, sementara FELDA memiliki 40 peratus, kelihatan direka untuk mengaburi mata rakyat terutama peneroka kakitangan FELDA. Kononnya wujud konflik kuasa Eksekutif apabila Pengarah Besar FELDA juga memegang jawatan Pengerusi Permodalan FELDA. Pengerusi FELDA, Tan Sri Isa Samad telah mengambil kuasa daripada Pengerusi Permodalan FELDA dengan melanggar Akta Koperasi melalui agenda khas mesyuarat Lembaga Pengarah FELDA ketika Pengarah Besar FELDA sedang menunaikan umrah. Mengikut maklumat, perubahan struktur ini dirancang oleh Ketua Eksekutif FELDA, Datuk Sabri Ahmad.

Sekarang ini kita mendengar berita kononnya Pengarah Besar FELDA sudah digantung lapan bulan. Difahamkan, tujuan perubahan ini adalah untuk memungkinkan Tan Sri Isa Samad mengambil tindakan meluluskan pelepasan pegangan ekuiti Koperasi Permodalan FELDA dan FELDA Holdings dan rombak pengurusan dan ahli lembaga pengarah, mengetuai ahli jawatankuasa pelaburan dan merubah polisi sedia ada yang menjaga kepentingan ahli koperasi.

Ia juga untuk menutup mata kakitangan FELDA yang menjadi ahli Koperasi Permodalan FELDA daripada mengetahui bahawa mereka bakal kehilangan majoriti 55 peratus dalam saham FELDA Holdings Berhad. Struktur selepas penyenaian akan menyaksikan penguasaan saham Koperasi Permodalan FELDA dalam anak-anak syarikat FELDA susut kepada 30 peratus sahaja dan baki 70 peratus ditawarkan kepada pelabur luar.

FELDA Global Ventures bukanlah sebuah syarikat yang diurus dengan baik. Ia telah mengalami kerugian sehingga ratusan juta ringgit dalam pelaburan luar negara seperti pelaburan dalam *Twin Rivers Technologies* dan pembelian apartmen di Mekah. Ketua Eksekutif syarikat ini pula pernah disyaki terlibat dalam salah laku yang mengakibatkan kerugian sebanyak RM120 juta di syarikat Golden Hope Plantation Sdn Berhad. Setelah disiasat oleh KPMG Forensic, beliau terpaksa meletakkan jawatan sebagai penasihat integrasi kumpulan Sime Darby seperti dilaporkan dalam *the New Straits Times* bertarikh 11 Jun 2008.

Durian runtuh yang dijanjikan Perdana Menteri akan merupakan hanya pemberian sekali, *one-off*. Sebaliknya, FELDA kehilangan pendapatan antara RM1.5 juta sehingga RM2 bilion setahun yang seharusnya boleh digunakan untuk kebajikan peneroka. Jaminan Tan Sri Isa Samad dan Datuk Sabri Ahmad bahawa FELDA bakal dibayar RM1 bilion setahun, selama 99 tahun bagi meneruskan aktiviti pertanian dan pembangunan sosial ekonomi peneroka amat disangsikan. Ini ialah kerana difahamkan tidak ada jaminan bertulis mengenai perkara tersebut dalam perjanjian pajakan.

Di negara ini, tampungan kemahiran dan pengetahuan adalah terbatas dan asas teknologinya lemah. Ini mungkin diakibatkan oleh mutu pendidikan yang semakin merosot dan kapasiti penyelidikan yang terbatas dalam kalangan universiti lain-lain institusi pendidikan tempatan. Seterusnya, *tendency* mengutamakan faktor-faktor lain daripada kejayaan ilmu bagi kemasukan pelajar ke pusat-pusat pengajian tinggi, kelayakan bagi kenaikan pangkat kakitangan, sukatan pelajaran yang tidak tersusun rapi, sistem peperiksaan yang tidak begitu ketat, semuanya menyumbang kepada kemerosotan mutu pendidikan dan seterusnya kelemahan asas teknologi kita. Kerjasama universiti dan institusi yang lemah dalam bidang latihan dan pendidikan membawa kepada kegagalan syarikat kecil dan sederhana (SMI) untuk meningkatkan teknologinya. Belanjawan 2012 sepatutnya memberikan insentif untuk menggalakkan kerjasama ini. Tampungan kemahiran dan pengetahuan ini ditambah burukkan lagi oleh *brain drain* yang meluas berlaku.

Saya menyokong rancangan untuk menaikkan pendapatan guru dan penjawat awam lain, akan tetapi ia tidak mencukupi. Lebih penting, ia mesti diikuti oleh langkah-langkah di dalam dan juga di luar belanjawan untuk mengatasi masalah-masalah yang saya sebutkan di atas bagi meningkatkan mutu, menambahkan efisien dan menguatkan kapasiti teknologi.

Sehubungan dengan ini, izinkan saya untuk merujuk kepada fokus kedua yang ditegaskan oleh Perdana Menteri. Dia mengatakan bahawa institusi pendidikan perlu menyusun semula strategi untuk menterjemahkan hasil R&D kepada produk bernilai komersial. Pandangan ini saya terima. Akan tetapi ia tidak mungkin berlaku dengan meluas kerana peruntukan negara ini kepada R&D sangat kecil iaitu dalam kurang daripada 3 peratus daripada KDNK. Padahal purata bagi seluruh dunia ialah 6 peratus dan dalam rantau ini dalam lingkungan 4 peratus. Daripada segi peruntukan ini, kelihatan seolah-olah Malaysia tidak memberi penekanan yang berat kepada R&D.

Keduanya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan inovasi perlu diterap dan diamalkan oleh semua. Untuk menggalakkan ini, beliau mengumumkan gerakan inovasi nasional bagi tahun 2012 dengan peruntukan sebanyak RM100 juta bagi mengatur beberapa inisiatif strategik. Sesuai dengannya, tujuh langkah dihidangkan. Sebenarnya, gerakan seperti ini tidak begitu mencukupi. Inovasi adalah berkaitan dengan kreativiti dan seterusnya dengan pembentukan minda yang bebas dan kritikal. Ini tidak mungkin akan berlaku sekiranya meluas psikologi takut di dalam masyarakat melalui undang-undang seperti ISA dan pelbagai tindakan menekan minda dalam institusi pendidikan terutama peringkat universiti melalui AUKU dan Akujani. Perkara ini akan dibincangkan nanti, bila sampai masanya.

Apabila pasaran saham pulih nanti, saya ingin melihat cukai keuntungan modal, *capital gains tax* iaitu untuk mencukai keuntungan daripada spekulasi. Saya juga ingin melihat kerajaan menumpu atau fokus sumber cukainya daripada cukai langsung lebih daripada cukai tidak langsung. Daripada segi inilah cukai GST harus ditolak, kerana ia berbentuk *regressive* dan akan lebih memberatkan beban ke atas golongan berpendapatan rendah. Seterusnya, demi menggalakkan kesaksamaan serta kesamarataan sosial, kerajaan perlu meningkatkan kadar cukai pendapatan yang lebih tinggi kepada golongan kaya kepada kedua-dua peringkat individu dan korporat.

Dengan langkah-langkah sedemikian, *surplus* ataupun lebih daripada isi rumah dan korporat yang kaya boleh dipindahkan. Dengan langkah-langkah sedemikian, *surplus* ataupun lebih daripada isi rumah dan korporat yang kaya boleh dipindahkan kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah yang mempunyai *marginal propensity* lebih tinggi untuk mengguna.

Lebih daripada mereka yang berada dan selalunya terbiar ataupun dilabur kepada aset kewangan yang tidak produktif ataupun harta, bolehlah digerakkan melalui penggunaan dan yang bertambah oleh golongan miskin dan berpendapatan rendah. Dengan ini, jumlah permintaan boleh ditingkatkan dan pertumbuhan dapat dipercepat walaupun pada masa suasana antarabangsa tidak begitu baik.

Akan tetapi perkara ini akan berjaya dilakukan hanya dengan campur tangan pihak pemerintah. Ini tidak mungkin dilakukan sekiranya pemerintah melaksanakan dasar liberalisasi dan sistem ekonomi pasaran yang luas. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nyata sekali berazam untuk menguatkan dasar liberalisasi dalam melaksanakan segala rancangan pembangunannya.

#### ■1210

Perlu diingat bahawa jika dasar liberalisasi diteruskan tanpa batas dengan tidak membenarkan peranan kerajaan, kerajaan akhirnya akan terpaksa menamatkan DEB itu sendiri oleh kerana sebahagian besar daripada matlamat DEB akan dapat tercapai hanya dengan membenarkan peranan kerajaan dan bukannya bergantung kepada peranan pasaran.

Begitu juga dengan kemudahan sosial seperti pendidikan dan kesihatan. Dalam keadaan dasar liberalisasi luasnya, tentulah kemudahan pendidikan dan kesihatan akan diwastakan sepenuhnya. Selari dengan ini, kemungkinan besarnya kebajikan rakyat akan diabaikan untuk memberikan peluang terbuka kepada modal untuk membuat untung daripadanya. Golongan yang paling teruk menanggung tekanan di dasar ini tentu sekalilah golongan miskin dan berpendapatan rendah. Lihat sahaja betapa mahalannya bayaran untuk memasuki universiti dan hospital swasta. Sudah tentu mereka daripada lapisan bawahan dalam masyarakat tidak akan mampu membayarnya.

Baru-baru ini ada berita besar yang menyatakan bahawa akan dilakukan penstrukturan semula perkhidmatan perubatan dengan mengubah antara lainnya *health financing*. Saya tidak faham mengapa hal ini perlu dilakukan melainkan hanya untuk memberi keuntungan kepada golongan kecil tertentu yang memang sudah kaya melalui penswastaan perkhidmatan kesihatan ini.

Ini sesuai dengan tuntutan liberalisasi. Kerajaan hendaklah mengkaji dengan halus sekali sebelum melaksanakan rancangan ini sebab ia akan mengakibatkan bebanan berat terutama sekali kepada golongan miskin dan berpendapatan rendah. Mengikut ini, setiap pesakit terpaksa membayar sendiri untuk mendapat khidmat kesihatan. Ia tidak harus berlaku sama sekali.

Sehubungan dengan ini juga, harga ubat-ubatan mesti direndahkan lagi dan hendaklah diadakan peraturan supaya ubat-ubatan generik yang jauh lebih murah, mudah diperolehi oleh rakyat ramai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada tiga minit lagi.

**Dr. Syed Husin Ali:** Terima kasih. Nampaknya salah satu daripada tujuan meluaskan dasar liberalisasi ialah untuk menarik lebih banyak lagi pelaburan asing. Saya ingin menjelaskan di sini bahawa prestasi Malaysia untuk menarik pelaburan ini tidaklah begitu baik. Misalannya kita lihat bahawa mengikut *FDI Report Outlook* yang diterbitkan oleh *Financial Times*, lima pelaburan tertinggi ialah China, India, Australia, Vietnam dan Singapura. Malaysia tidak termasuk dalam senarai. Vietnam mendapat RM87 bilion dan Singapura RM39 bilion tetapi Malaysia hanya RM29 bilion.

Walaupun begitu, kita tidak harus menekankan sangat soal modal asing ini walaupun saya menyokong perlunya pada ketika tertentu. Pertama, kita tidak boleh bergantung kepada modal asing sepenuhnya bahkan mobilisasi modal tempatan hendaklah digalakkan juga. Keduanya, apabila kita menerima modal asing, kita hendaklah jelas untuk tujuan apa atau untuk matlamat apa ia digunakan. Adakah lebih untuk menjana pekerjaan dengan gaji berpatutan dalam kalangan rakyat daripada memberi peluang modal asing mengaut keuntungan?

Seterusnya sebagai misalan, jikalau modal asing itu digunakan untuk membina rumah, adakah yang dibina itu hanya rumah-rumah mewah sahaja dan untuk dijual kepada golongan atasan dan memaksimumkan keuntungan modal asing?

Saya sebenarnya ingin membincangkan sedikit tentang laporan Audit tetapi baiklah saya ringkaskan sahaja dengan mengatakan bahawa setiap tahun kita mendapat laporan tentang bagaimana harga barang dibeli lebih mahal daripada yang sebenarnya dan setiap tahun laporan dikemukakan dan setiap tahun menjanjikan perubahan tetapi setiap tahun diteruskan juga berlakunya hal ini. Jadi terpaksa diambil tindakan yang sekuat-kuatnya dan seberkesannya untuk memastikan perkara ini tidak akan berlaku lagi pada masa akan datang supaya tidak sampai dua tiga kali ganda harga barang dibeli dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu minit lagi Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi perkara yang saya hendak sebut tetapi baik saya terus sahaja pergi kepada satu perkara yang tidak disebut oleh Ketua Audit iaitu tentang Jambatan Sungai Bagus di Daerah Ketereh, Kemaman. Harga jambatan Sungai Bagus ini ialah RM174 juta dan jambatan ini didirikan atas daratan dan tambahan RM70 juta lagi diperlukan untuk memastikan sungai dipindahkan untuk mengalir di bawah jambatan. Jadi ertinya, jambatan didirikan bukan di atas sungai dan kemudian tambah lagi perbelanjaan untuk memastikan sungai itu mengalir di bawah jambatan. Kontraktor jambatan darat ini ialah TSR Construction Sdn. Bhd. dan khabarnya kontraktornya adalah seorang Ahli Jawatankuasa UMNO Bahagian Hulu Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menegaskan bahawa banyak sekali ketirisan yang berlaku dalam soal jambatan itu, soal laporan audit dan juga soal lembu yang tidak disebutkan di sini tetapi ketirisan ini sangat kecil. Satu minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tolong gulung Yang Berhormat.

**Dr. Syed Husin Ali:** Akan tetapi ketirisan ini sangat kecil dibandingkan dengan wang sebanyak RM52 bilion iaitu wang ekuiti bumiputera yang telah hilang. Perkara ini telah diakui dalam Dewan Rakyat. Bagaimanakah wang sebanyak ini boleh lesap? Siapakah secara langsung yang bertanggungjawab atas kelesapan ini? Jikalau RM52 bilion boleh hilang tanpa penjelasan, apalah perlunya mengambil tindakan ke atas jumlah RM210 juta atau RM250 juta yang lesap itu. Keadaan ini sudah parah dan kita harap tidak akan diidamkan begitu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat, sebenarnya untuk semua Ahli Yang Berhormat, saya memang beri peluang itu kerana masa maklumlah agaknya tidak mengizinkan kita kerana ramai yang akan berucap dan masa adalah terhad dan masa yang diberi kepada Yang Berhormat tadi pun sudah lebih daripada masa yang sepatutnya. Sekarang tanpa membuang masa lagi saya persilakan Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng.

**12.17 tgh.**

**Tuan Ng Fook Heng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2012. Saya harap dapat membahaskan rang undang-undang ini tanpa emosi tetapi segala pendapat saya adalah demi kepentingan rakyat jelata terutamanya mereka yang miskin dan daif yang biasanya tinggal di kampung-kampung atau di kawasan pedalaman yang mana kemudahan prasarana-prasarana tidak berapa lengkap atau mencukupi.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan untuk menyediakan buat pertama kali satu bajet yang begitu mesra rakyat dan begitu terperinci dan prihatin terhadap semua lapisan masyarakat baik dari kampung mahupun di bandar. Reaksi rakyat adalah amat positif dan gembira kerana Bajet 2012 ini dan ia dapat dilaksanakan dengan segera seperti pemberian RM100 kepada setiap murid sekolah rendah dan menengah yang menelan belanja sebanyak RM530 juta yang menguntungkan seramai 5.3 juta pelajar.

Sebagaimana yang kita ketahui, bantuan ini telah dilaksanakan oleh pihak sekolah tanpa masalah yang besar. Ibu bapa yang miskin berasa lega dan gembira kerana dapat menyediakan persiapan persekolahan anaknya dengan baik. Tindakan kerajaan ini bukan sahaja dapat menolong rakyat secara terus tetapi juga dapat menggerakkan aktiviti ekonomi pasaran kerana wang sebanyak RM530 juta ini sedang dan akan mengalir terus ke pasaran. Para peniaga pasti gembira dengan perkembangan ini tetapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang pula mereka memberikan RM100 kepada warga tua dan mempolitikannya seolah-olah telah memberi RM1 juta kepada warga tua.

#### ■1220

Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak ikhlas kerana selepas mereka memberi peruntukan ini, mereka mengiklankan selama setahun, bercakap tidak berhenti-henti. Akan tetapi kami di Barisan Nasional, kerajaan memberikan RM100 kepada setiap murid sekolah yang berada di Tahun 1 hingga ke Tingkatan 5 termasuk anak-anak penyokong pembangkang.

Kerajaan Barisan Nasional telah menyempurnakan bantuan ini dan tidak banyak bercakap tentang kehebatannya. Pihak pembangkang pula iri hati dan cuba menjahanamkan keikhlasan Kerajaan Barisan Nasional ini dengan mempertikaikan tentang kesahihannya, kononnya ia masih belum diluluskan di Parlimen. Soalan saya kepada pembangkang ialah adakah bantuan ini bersifat jenayah? Bukankah ia dibuat untuk kepentingan rakyat? Kalau ia baik untuk rakyat, kenapa pula pihak pembangkang begitu berkira sangat sama ada ia telah diluluskan oleh Parlimen atau belum? Jelas di sini pihak pembangkang takut tentang kebijaksanaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Seterusnya, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja prihatin terhadap murid sekolah, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga prihatin kepada rakyat yang berpendapatan rendah, yang mana pendapatan seisi keluarga yang kurang daripada RM3,000 diberikan RM500 *one-off* untuk menolong mereka mengatasi kenaikan harga barang yang di luar kawalan kita semua seperti kenaikan barang makanan disebabkan banjir yang berlaku di Thailand dan di Vietnam serta perubahan cuaca dunia yang menjejaskan semua tanaman.

Berkenaan pelaksanaan usaha ini, yang saya difahamkan akan diuruskan oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dibantu oleh beberapa pihak NGO dan JKKK. Persoalan saya adalah bagaimana dengan mereka yang kerja upah harian yang tidak ada *pay slip* dan peniaga-peniaga kecil seperti gerai-gerai yang juga daif dan tinggal di pedalaman, adakah LHDN dapat menghubungi mereka? Sebaliknya, bagaimana pula LHDN akan mengesan penipuan iaitu mereka yang tidak layak tetapi masih mengisi borang dengan maklumat yang palsu? Saya berharap soalan ini akan dijawab oleh pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Bajet 2012 ini juga membuktikan bahawa kerajaan Malaysia komited terhadap Deklarasi Copenhagen pada tahun 2009. Kalau tidak salah saya iaitu Yang Amat Berhormat telah bersetuju mengurangkan pengeluaran karbon dioksida di Malaysia sebanyak 40 peratus menjelang tahun 2020 dengan memajukan teknologi hijau dan menjamin kelestarian pembangunan negara. Pengecualian sepenuhnya duti import dan duti eksais kepada pemegang francais yang mengimport kereta hibrid dan kereta elektrik. Usaha ini patut dipuji kerana ia dapat membantu mengurangkan perubahan cuaca atau *global climate change* yang juga akan menjejaskan alam semula jadi Malaysia.

Berkenaan menggalakkan sektor pelancongan pula, izinkan saya menyoalkan bahawa angka 25 juta pengunjung asing ke negara kita ini tepat atau tidak? Adakah kemasukan rakyat Singapura ke Johor Bahru setiap hari diambil kira setiap kali? Saya membangkitkan keraguan ini kerana saya pernah menerima maklumat bahawa rakyat Singapura adalah pelancong yang terbanyak melawat ke negara kita. Bilangannya menjangkau 14 juta setahun. Kiraan saya adalah rakyat Singapura hanya ada lebih kurang 4 juta, bagaimana boleh dapat 14 juta yang melawat Malaysia?

Berkenaan perhotelan pula, saya dapati harga hotel di Malaysia terutamanya hotel lima bintang, ia adalah terlalu mahal untuk orang tempatan tetapi terlalu murah untuk pelancong asing.

Apabila kita melawat ke luar negara, kebanyakan ataupun hampir semua harga hotel di luar negara yang dikenakan atau dicaj adalah dalam dolar Amerika Syarikat ataupun euro. Cuba kita bandingkan, caj satu bilik adalah RM350, ia adalah mahal untuk rakyat Malaysia tetapi amat murah untuk orang asing. Ini kerana RM350 hanya lebih kurang USD100 sahaja. Jadi, di sini saya cadangkan bahawa kita adakan dua jenis harga untuk penginapan hotel. Satu untuk warga Malaysia dalam Ringgit Malaysia dan satu lagi untuk pelancong asing dalam USD.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membahaskan tentang memantapkan pembangunan pendidikan iaitu seperti tercatat di muka surat 17 dalam buku bajet ini iaitu peruntukan RM1 bilion akan diwujudkan melalui tabung khas pembinaan, penambahan, penambahbaikan, penyelenggaraan sekolah dan sebagainya serta pembinaan blok tambahan. Soalan saya adalah, kebanyakan sekolah terutamanya di bandar tidak mempunyai kawasan lapang yang mencukupi untuk murid-murid menjalankan senaman dan aktiviti kokurikulum. Jadi, dengan pembinaan blok tambahan ini, kawasan lapang seperti padang dan tempat letak kereta guru akan dikorbankan.

Oleh itu, saya berharap Kementerian Pelajaran akan sensitif terhadap perkara ini. Jangan sewenang-wenangnya buat blok-blok baru di sekolah-sekolah yang sempit sehingga murid-murid terpaksa berjalan sisi, tidak boleh jalan lurus kerana tidak ada tempat.

Seterusnya berkenaan pemansuhan pembayaran yuran khas sebanyak RM24.50 untuk sekolah rendah dan RM33.50 untuk sekolah menengah. Saya sokong sepenuhnya tetapi bagaimana pula sesetengah guru besar yang memanipulasikan PIBG, memaksa murid membeli buku-buku kerja dan ulang kaji yang berlebihan. Perkara ini adalah berleluasa. Saya berharap Kementerian Pelajaran harus mengambil berat tentang perkara ini. Gejala ini telah berlaku begitu lama sekali sehingga kadang-kadang guru-guru sekolah tidak sempat hendak mengajar, hendak menyiapkan buku-buku kerja yang dibeli oleh pihak sekolah. Guru besar ini dia cerdik pandai, dia tidak memaksa mereka beli, tetapi ia melalui PIBG. PIBG yang keluarkan surat menyatakan ini buku-buku yang perlu dibeli.

Akan tetapi hakikatnya adalah, kebanyakan buku-buku ini tidak digunakan langsung kerana buku yang dibekal oleh kerajaan sudah mencukupi. Kalau hendak beli pun, satu atau dua pun cukup tetapi banyak sangat yang digunakan. Apakah tujuannya? Kami semua tahu sendiri niatnya adalah tidak baik, bukan untuk kelebihan atau kebaikan anak-anak muda kita. Sebenarnya ia menyusahkan guru dan menyusahkan, menekan anak-anak kita semua sehingga kadang-kadang anak-anak kita yang umur 7 tahun atau 8 tahun membuat kerja rumah sampai pukul 12.00 tengah malam menangis-nangis. Saya rasa perkara ini perlu disiasat *once and for all*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyokong Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan berkenaan pemberian potongan cukai kepada sesiapa yang memberi sumbangan kepada semua tempat ibadat yang berdaftar dan juga sekolah-sekolah seperti apa yang tercatat dalam muka surat 19. Saya hendak tahu ialah bagaimana pengesahan ataupun proses pemotongan cukai yang dilakukan oleh LHDN. Adakah tempat-tempat ibadat ataupun sekolah diberikan kuasa untuk membuat pengesahan dan pengiktirafan oleh pihak LHDN?

#### ■1230

Seterusnya, izinkan saya merujuk kepada muka surat 21 berkenaan peruntukan RM500 juta untuk projek PIA (Penyelenggaraan Infrastruktur Awam) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) yang melibatkan 29,000 kontraktor Kelas 'F'. Saya menyokong usaha ini tetapi bagaimana pula dengan kualiti projek? Adakah pemantauannya mencukupi? Kini banyak projek di bawah PIA dan PIAS dan terutamanya di luar bandar tidak dibuat dengan baik. Contohnya, jalan-jalan yang siap, rosak semula dalam beberapa bulan sahaja.

Berkenaan dengan kenaikan pangkat dan kenaikan gaji untuk semua guru, saya amat gembira kerana rakan-rakan saya dapat menikmati perubahan struktur gaji ini. Saya juga berharap, usaha ini dapat menggalakkan para guru menjadi lebih komited dalam kerja membina insan yang berguna untuk masa depan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini di dalam Dewan yang mulia ini meminta penjelasan satu kes yang istimewa dan ganjil. Ceritanya adalah begini, pada tahun 1986 sebuah syarikat yang bernama *Pahang Investment Public Limited* yang dahulunya dipanggil *Pahang Consolidated Company Limited* atau pendeknya (PCCL) yang mendapat pajakan tanah selama 100 tahun daripada kerajaan negeri untuk melombong bijih timah di Sungai Lembing, Pahang iaitu di kampung saya.

Syarikat ini mempunyai lebih kurang 3,000 pekerja pada masa gemilang tetapi oleh kerana kejatuhan harga timah pada tahun 80-an, hanya tinggal lebih kurang 800 orang sahaja pekerja yang tinggal. Seterusnya, pada tahun 1986, syarikat ini, *company* ini *bankrupt*. Selepas itu, Jabatan Insolvensi Malaysia mengambil alih dan menjual semua aset syarikat ini iaitu besi buruk, macam-macam, berlori-lori, berjuta-juta tan untuk membuat pampasan kepada pekerja-pekerja. Kes ini telah berlarutan begitu lama dan pekerja-pekerja lombong tidak diberikan pampasan yang sewajarnya.

Contohnya, bagi kes seorang pekerja yang sepatutnya diberi *layoff benefit* sebanyak RM40,000, hanya diberikan RM5,100 sahaja. Apabila ditanya tentang akaun insolvensi ini, Jabatan Insolvensi memberitahu ada lagi RM5 juta di simpan sebagai simpanan tetap atau pun *fix deposit* dalam bank. Soalan saya, kenapa begitu banyak wang disimpan dalam bank? Kenapa jumlah ini tidak diagihkan kepada semua pekerja dahulu? Adakah wang ini masih ada lagi? Saya harap benar Jabatan Insolvensi akan memberi jawapan yang tepat dan mengambil serius terhadap perkara ini sebelum perkara ini dibesar-besarkan.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang laporan yang menyatakan wanita di Malaysia ini adalah keenam belas tertekan di dunia. Di sini saya ingin membawa segolongan wanita yang amat memerlukan simpati dan keprihatinan daripada Jabatan Kebajikan Malaysia iaitu ibu tunggal ataupun *single mother* yang baru kematian suaminya terutama yang suaminya adalah pencari rezeki ataupun *breadwinner for the family* untuk keluarganya.

Golongan yang amat teruk adalah mereka yang suaminya ditimpa sakit kronik seperti kanser dan sebagainya dan melarat bertahun-tahun. Maknanya, segala simpanan wang yang ada dalam keluarganya habis digunakan untuk merawat sakit suaminya. Akhirnya suami ini meninggal dunia. Sebelum meninggal dunia, mungkin suami ini mendapat bantuan RM300 daripada JKM. Selepas dia meninggal dunia, memang dia tidak pergi lagi ambil duit itu, maknanya JKM tahu dia tidak hidup lagi, sudah meninggal. Mengapa JKM ini ataupun Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat tidak menghantar orang pergi melihat keluarganya, keadaannya, memberi kaunseling yang sewajarnya kepada ahli-ahli keluarganya?

Inilah yang menyebabkan ibu tunggal ini mengalami tekanan jiwa dan bayangkan kita *in their shoes*, kita boleh jadi gila terus. Kehilangan suami, kehilangan pendapatan, kehilangan rezeki, kehilangan sokongan, kehilangan cinta, kehilangan kasih sayang, sokongan dan sebagainya. Kalau keluarga itu ada lima orang, habis jahanam kelima-lima sekali. Tekanan habis. Ini amat penting untuk pihak Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk terus prihatin terhadap golongan ibu tunggal yang sangat-sangat memerlukan bantuan ini.

Saya faham perkara ini sebab saya terlibat langsung dengan satu keluarga ini. Saya sebagai ketua bahagian di kampung saya banyak menolong mengisi borang-borang untuk menolong orang-orang yang daif, orang yang miskin, ibu tunggal dan sebagainya untuk memohon bantuan daripada JKM. Kadang-kadang yang sakit kronik punya hanya diberi RM50 sebulan. Dia tidak ada ahli keluarga dan tambah lagi RM20 untuk tambang bas. Contohnya daripada Sungai Lembing ke Kuantan RM20. Pergi bank ambil duit itu. Maknanya RM70 bantuan ini, hanya tinggal RM50 sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat bayangkan RM50, apa benda yang kita boleh beli sekarang? Untuk kita, setengah jam habis semua. Cerita habis.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bahaskan tentang PPSMI dan MBMMBI. Ini amat penting. Saya ingin berkongsi dengan semua Ahli dalam Dewan ini satu petikan akhbar yang *summarize* semua kekhawatiran tentang MBMMBI khususnya standard-standard bahasa Inggeris kita, kemerosotannya tahun demi tahun sejak dahulu sampai sekarang. Macam-macam kita telah lakukan tetapi apakah hasilnya?

Kita kena amat rasional untuk menangani perkara ini dan janganlah sesekali kita beremosi dan mempolitikkan isu pendidikan di negara kita. Jelas kita tahu, kita faham bagaimana *performance* ataupun kedudukan anak-anak kita sekarang habis. Dia kata iaitu daripada S.L. Lim Pulau Pinang dengan izin, "*PPSMI for future generations*", itu tajuknya. Antaranya dia kata, *in the past 30 years, the number of English classes had increased and decreased a number of times. During that time there has been no discernible or significant increase in the proficiency of English. Because* sebelum ini dia kata, *I just share with you the short one.*

*"We are happy the Education Minister has agreed to let school continue with the PPSMI if that the wish of parents and teachers. However, I hope that the students in this year's Standard 1 and future students will have this option to continue with the PPSMI in schools that have the resources to do so. Yes, there is the MBMMBI to replace PPSMI, with the hope of improving English but if we look back, the teaching of English in schools over the past 20 to 30 years, the number of English classes per week had been increased and decreased again a few times".*

Tambah dan kurang, tambah dan kurang. Macam-macam. *"...During that time, there has been no discernible or significant increase in the proficiency of English. So looking at the past 30 years, MBMMBI does not seem to be significantly different from what was done previously. As such, it is questionable whether this policy will succeed. It will easily take 10 years before we can find out if the policy is successful - and at the end of that time, if we do find out that MBMMBI has not been successful, we would have wasted 10 years of not providing our students with a means to better themselves in English."...*

#### ■1240

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Mencelah boleh?

**Tuan Ng Fook Heng:** Saya habiskan dahulu Yang Berhormat. *"...The reasons that would be given should English fail to improve would be that the teachers were not fluent in the subject, the students could not understand well, did not have a conducive English-speaking environment to practice speaking the language, etc, nothing very different from the reasons given for the failure of PPSMI. The current generation of decision-makers may not even be around to take responsibility for that. So my plea to the Education Minister is to allow PPSMI to continue and also look at other options of improving English such as introducing English literature" - S. L. Lim. Sila.*

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak tahu apa tujuan Yang Berhormat membacakan artikel itu tadi.

Sudah pasti Tuan Yang di-Pertua, bahawa laporan-laporan mengenai PPSMI itu menyatakan, PPSMI ini selama dilaksanakan telah gagal. Telah banyak merugikan terutama pelajar-pelajar di luar bandar. Oleh kerana itu, saya rasa kita tidak usah membuang masa lagi mengungkit-ungkit supaya PPSMI itu dihidupkan kembali. Yang patut kita lakukan sekarang, ialah bagaimana supaya program baru MBMMBI itu dapat dilaksanakan sebaik-baiknya.

Jikalau kita hendak mengungkit yang lama-lama itu dengan izin, akan menjadi *unproductive*, malah *counter productive*. Sebaik-baiknya ialah bagaimana untuk kita dapat untuk memastikan supaya MBMMBI itu dapat berjaya. Saya rasa Yang Berhormat sebagai seorang bekas pendidik saya percaya dapat memberikan pandangan yang lebih konstruktif bagaimana MBMMBI itu dapat dijayakan. Memang tentang kelemahan-kelemahan itu kita akui semua. Itulah sebabnya kerana bukan sahaja bahasa Inggeris tidak fasih, Bahasa Melayu - Bahasa Kebangsaan ramai antara anak kita yang tidak fasih.

Barangkali ini ada kaitannya dengan masalah pedagogi, masalah pendidikan dan lain-lain seumpamanya. Jadi saya rasa mengungkit-ungkit tentang PPSMI dihidupkan balik, mengungkit kelemahan-kelemahan, tidak perlu. Saya rasa yang penting ialah bagaimana supaya MBMMBI itu dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada empat minit lagi.

**Tuan Ng Fook Heng:** Saya bacakan petikan ini kerana ia memberikan *summary* apa perkembangan selama 30 tahun yang lepas. Saya khuatir 30 tahun kemudian ini bendanya diulang sama juga. Jadi seterusnya sebelum saya berundur, saya amat berterima kasih dan ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua atas usaha beliau untuk memartabatkan Dewan Negara yang mulia ini.

Usaha mengadakan taklimat bersama Jabatan Peguam Negara baru-baru ini membuka minda saya dan memberikan keyakinan kepada saya untuk membuat perbahasan pada hari ini. Jikalau tidak, saya selalu dibuli oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi. Saya faham hari ini bagaimana sesuatu rang undang-undang ini yang kami bahaskan di Dewan ini digubal. Lebih gembira lagi pihak AG telah setuju untuk memberi kami latihan sebanyak tiga kali setahun. Tahniah dan ini amat menguntungkan terutamanya Ahli-ahli Dewan yang baru kerana saya mengambil masa dua tahun untuk faham bagaimana Dewan Negara ini berfungsi. Saya betul-betul mengaku pada hari ini. *It takes me long time to understand how is the function.* Kadang-kadang saya tidak faham langsung cokmar itu naik turun, naik turun. Patut diberi kursus semua. Bukan semua orang tahu. Oleh sebab *its a different culture totally from outside world when come inside here.*

Ini pasti akan menguntungkan para Ahli Dewan Negara terutamanya kami yang tidak mempunyai latar belakang undang-undang. Saya bangkitkan perkara ini di sini bertujuan ia direkodkan dalam *Hansard* Dewan ini. Maka Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Rang Undang-Undang Perbekalan 2012, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Setidak-tidaknya Yang Berhormat menghargai usaha kita bersama Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi untuk berbahas seterusnya. Agaknya kita ada lebih kurang 15 minit lagi, dipersilakan.

#### 12.45 tgh.

**Puan Doris Sophia ak Brodi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2012 pada sesi pagi ini. Saya mungkin akan memakan masa selama 25 minit Tuan Yang di-Pertua. Jika saya tidak dapat habis pagi ini, mungkin saya boleh diberi peluang lagi untuk meneruskan perbahasan saya tengah hari nanti jika boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya melihat kandungan Bajet 2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada 7 Oktober lepas dan juga oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada hari Khamis lepas, cukup baik dan memberangsangkan dan boleh saya klasifikasikan bajet ini sebagai bajet yang betul-betul mesra rakyat, ataupun bajet rakyat ataupun lebih tepat lagi bajet 1Malaysia. Ini kerana ia merangkumi rakyat tidak mengira kaum serta mengambil pendekatan semua peringkat sama ada rakyat di bandar mahupun di luar bandar tanpa meninggalkan aspek perpaduan. Sungguhpun begitu Tuan Yang di-Pertua, terdapat juga beberapa perkara atau isu yang ingin saya ketengahkan atau bangkitkan *especially those that is really very close to my heart*, dengan izin.

Isu yang pertama ialah mengenai transformasi masyarakat luar bandar. Saya melihat kedudukan masyarakat luar bandar merupakan komponen penting dalam demografi negara kita hari ini. Kebanyakan mereka ini menjalankan aktiviti perekonomian seperti pertanian, penternakan, juga sebagai nelayan, membuat perusahaan kecil serta pelbagai pekerjaan rencam atau kerja kampung untuk menyara keluarga. Justeru, usaha membina kesejahteraan hidup kawasan luar bandar menjadi perhatian kerajaan bukan hanya sekarang akan tetapi sejak dahulu lagi. Saya tidak nafikan walaupun pelbagai kemajuan telah dinikmati oleh penduduk luar bandar, masih terdapat juga mereka yang hidup susah kerana memperoleh pendapatan yang rendah.

Oleh itu, selari dengan Dasar Transformasi Nasional (DTN), kerajaan telah menekankan Program Transformasi Luar Bandar atau *Rural Transformation Programme* (RTP). RTP ini akan terus mempertingkatkan pembangunan infrastruktur dan pembangunan ekonomi luar bandar.

Apa yang saya sempat amati Tuan Yang di-Pertua, melalui ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Bajet 2012 ini, RTP bakal menerima peruntukan sebanyak RM5 bilion bagi mengukuhkan pembangunan infrastruktur asas luar bandar. Ini merangkumi projek jalan luar bandar dan projek perhubungan desa, memperluaskan bekalan air bersih dan bekalan elektrik terutamanya di Sabah dan Sarawak, mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di kawasan luar bandar. Saya juga sempat menelaah inti pati lain seperti peluang di mana sebilangan besar penduduk luar bandar yang berpendapatan rendah yang bakal menikmati Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Perumahan Mesra Rakyat. Saya amat memuji langkah kerajaan yang bakal menyediakan sebanyak 15,000 unit Program Perumahan Rakyat dan 10,000 unit Perumahan Mesra Rakyat.

Kerajaan turut menyediakan tabung khas perumahan nelayan untuk membina rumah yang lebih selesa. Saya amat yakin pastinya beberapa ganjaran yang diberikan kerajaan kepada rakyat melalui Bajet 2012 akan dapat meringankan bebanan hidup golongan berpendapatan rendah. Antara pemberian tersebut ialah bantuan RM500 kepada seisi rumah yang berpendapatan di bawah RM3,000, pemansuhan yuran sekolah rendah dan menengah, bantuan persekolahan sebanyak RM100 untuk pelajar Tahun 1 hingga Tingkatan 5.

#### ■1250

Pemberian baucar buku RM200 untuk pelajar IPTA, IPTS dan Tingkatan 6. Penerusan pemberian pelbagai bentuk subsidi makanan asas sebanyak RM3.2 bilion, subsidi produk petroleum sebanyak RM17 bilion dan subsidi bil elektrik bagi penggunaan RM20 ke bawah sebanyak RM150 juta. Jadi, ganjaran-ganjaran ini memanglah suatu langkah yang amat memberi kepentingan kepada rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah dan juga mereka yang duduk atau tinggal di luar bandar. Kalau kita lihat kepada statistik terutama sekali di Sarawak, mereka inilah yang taat dan senantiasa memberi sokongan padu kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Isu yang kedua yang saya ingin kemukakan Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan isu pesara polis dan tentera. Di negara kita sekarang, saya difahamkan bilangan guru-guru sahaja sudah menjangkau 4,000 orang. Ditambah pula dengan bilangan polis seramai 100,000 orang, ditambah lagi dengan pasukan tentera seramai 100,000 orang. Bilangan ini telah menduduki separuh daripada bilangan kakitangan awam yang lain.

Oleh yang demikian, harus kita sedari dan fahami bahawa 1.4 juta orang kakitangan awam adalah meliputi kakitangan awam yang berada di peringkat kerajaan negeri serta kerajaan tempatan. Jadi, memang patutlah dan wajar kebajikan mereka perlu dijaga termasuklah golongan pesara polis dan pesara tentera.

Di dalam Bajet 2012 ini, saya dapati Tuan Yang di-Pertua, kebajikan mereka cukup terjaga. Dengan pencen dan imbuhan perubatan lain walaupun selepas bersara. Namun, ingin saya usulkan di sini iaitu supaya bekas polis dan tentera yang pernah berkhidmat pada zaman koloni dahulu iaitu semasa zaman penjajah British dan juga waris mereka yang layak agar turut diberi pengiktirafan dengan pemberian pencen yang setimpal dan imbuhan perubatan dan sebagainya. Termasuk juga jika boleh dan tidak salah pada pendapat saya Tuan Yang di-Pertua, jika mereka ini diberi penganugerahan pingat bagi mengenang jasa-jasa mereka. Kita semua sedia tahu bahawa jasa dan pengorbanan mereka terutama sekali dalam menentang penjajahan British dan anasir komunis dahulu sangat besar dan tidak ternilai dan sudah sampai masanya kita membantu mereka dengan memberi bantuan menjelang hari tua mereka untuk meniti sisa-sisa kehidupan mereka ini. Saya mohon dan berharap agar pihak atasan atau kementerian yang berkenaan boleh meneliti serta mempertimbangkan perkara ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu yang ketiga iaitu berkenaan dengan kebajikan bekas renjer di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, saya merasa terpenggil untuk membawa sedikit permasalahan dan isu yang dibangkitkan oleh sesetengah penduduk di Sarawak yang sempat bertemu dengan saya baru-baru ini dan memohon supaya saya dapat sampaikan semasa persidangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat rungutan daripada beberapa bekas pengesan jejak *or trackers*, dengan, izin, dari Sarawak dan bekas anggota Pasukan Renjer Sarawak yang berkhidmat ketika darurat dahulu. *That is from the late 1940s*, kalau tidak silap saya mungkin *1948 till 1960*, dengan izin, yang menyatakan bahawa mereka diberitahu tidak layak mendapat sebarang bayaran pencen.

Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa kebanyakan mereka ini sekarang dalam lingkungan usia 80-an dan menetap di rumah panjang dan bertanam padi walaupun sudah lanjut usia, namun terpaksa menyara kehidupan seharian mereka secara begini. Ada juga yang tinggal dan bergantung pada anak-anak untuk menjaga mereka. Sungguhpun begitu Tuan Yang di-Pertua, mereka ini sampai ke saat ini masih berharap agar mereka juga termasuk dalam kumpulan yang layak menerima bayaran khas *one-off*, dengan izin, sebanyak RM3,000 yang diumumkan kerajaan dalam pembentangan Bajet 2012 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bayaran khas berkenaan amat besar ertinya bagi mereka walaupun jumlah itu jika dibandingkan dengan pengorbanan serta jasa dan khidmat mereka semasa berkhidmat untuk negara itu tidaklah seberapa. Akan tetapi bagi saya memang wajarlah permintaan serta harapan mereka ini dipertimbangkan oleh pihak kerajaan dan kementerian yang berkenaan. Saya difahamkan agak ramai daripada mereka yang masih hidup. Kalau digabungkan bekas pengesan jejak dan bekas anggota Pasukan Renjer Sarawak, jumlahnya tidaklah begitu ramai, cuma beberapa ratus orang sahaja. Di dalam Bajet 2012, kalau tidak silap saya, ada disebut tentang peninjau sempadan tetapi tidak sebut pula tentang bekas pengesan jejak berbangsa Iban dan bekas renjer dari Sarawak.

Oleh sebab terdapat pengumuman bahawa kerajaan akan memberi bayaran khas sebanyak RM3,000 kepada bekas anggota pasukan keselamatan serta balu dan duda mereka yang berjumlah hampir 62,000 orang, saya fikir eloklah sekiranya pengesan jejak dan bekas anggota Pasukan Renjer Sarawak ini diberi bayaran yang sama demi kesaksamaan kaum. Saya juga difahamkan bayaran khas itu juga diberi kepada lebih 40,000 orang bekas anggota pasukan konstabel khas dan polis bantuan yang berkhidmat melindungi negara ini pada zaman darurat. Mereka terdiri daripada anggota *Home Guard*, dengan izin, konstabel khas, konstabel polis bantuan, polis bantuan, polis bantuan wanita dan polis hutan. Di sini saya tidak pasti sama ada bayaran *one-off* sebanyak RM3,000 itu akan turut diberi kepada bekas pengesan jejak dan bekas anggota renjer Sarawak tetapi berharap agar kerajaan memberi perhatian khusus terhadap perkara ini.

Ini kerana kebanyakan pengesan jejak yang berbangsa Iban telah berkhidmat dengan tentera British sebagai anggota pasukan separa tentera dengan kumpulan pertama berkhidmat dari tahun 1940 hingga 1952, diikuti pasukan kedua pada tahun 1953 hingga 1960 dalam renjer Sarawak yang baru atau dipanggil Unit Malaya. Ketiga, Renjer Sarawak Pasukan Darat Timur Jauh dari 1960 hingga tahun 1963.

Bagaimanapun, saya difahamkan hanya bekas anggota renjer Sarawak iaitu Unit Timur Jauh yang mendapat bayaran pencen di samping mereka yang kemudiannya membuat pilihan untuk sama ada menyertai Pasukan Renjer Malaysia, polis atau pasukan peninjau sempadan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, masalahnya mereka yang berkhidmat pada tahun 1942 hingga 1952 dan 1953 hingga tahun 1960 tidak layak mendapat sebarang bayaran pencen kerana mereka ini dianggap sebagai anggota pasukan separa tentera. Ramai di antara mereka setelah selesai berkhidmat atau tamat tempoh kontrak, kembali ke kampung halaman masing-masing. Jadi, sebagai pengiktirafan terhadap perkhidmatan mereka, Kerajaan Persekutuan hanya membayar mereka elaun sebanyak RM100 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya difahamkan terdapat gesaan supaya pihak kerajaan mengkaji semula jumlah elaun yang dibayar itu, sekurang-kurangnya dengan mengambil kira indeks kemiskinan kebangsaan yang sebanyak RM700. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya berpandangan wajarlah bagi pihak kerajaan juga menggolongkan mereka ini sebagai sebahagian daripada bekas anggota pasukan keselamatan yang layak menerima bayaran khas sebanyak RM3,000 itu dan mohon pihak kementerian mempertimbangkannya.

Seterusnya, isu saya yang keempat ialah berkenaan dengan pengangkutan awam di luar bandar. Pada pengamatan saya, kebanyakan pengusaha pengangkutan awam di negara ini hanya menumpukan operasinya di bandar-bandar utama tetapi kurang memberi perhatian kepada pengguna di kawasan pedalaman.

Saya ambil contoh di sesetengah kawasan di Sarawak, sesetengah bandar kecil seperti di Bau, Mukah dan Serian, penumpang perlu menunggu hampir satu jam untuk mendapatkan bas. Di kampung halaman saya pula Tuan Yang di-Pertua, di Sri Aman iaitu di bahagian Simanggang, memang langsung tidak ada perkhidmatan bas berhenti-henti ke kampung-kampung atau rumah-rumah panjang walaupun sudah mempunyai jalan raya yang elok. Jika penduduk hendak membeli belah ke bandar Sri Aman, mereka terpaksa menggunakan servis van sapu atau menumpang jiran-jiran yang mempunyai motosikal dan sebagainya. Ini agak merumitkan penduduk-penduduk di situ. Sebenarnya isu ini telah saya bangkitkan semasa pembentangan bajet di persidangan tahun lepas dan saya harap ia dapatlah diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, kerana jam telah menunjukkan tepat jam satu tengah hari, Dewan ditangguhkan kepada jam 2.30 petang ini. Yang Berhormat boleh sambung selepas mula jam 2.30 petang nanti.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Puan Doris Sophia ak Brodi untuk sambung berucap.

#### **2.34 ptg.**

**Puan Doris Sophia ak Brodi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyambung balik hujah-hujah saya bagi membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2012.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu saya ingin mencadangkan agar kerajaan perlu melihat permasalahan ini secara lebih komprehensif dan di sini saya mencadangkan agar SPAD dapat memainkan peranan menghantar para pegawainya untuk meninjau permasalahan yang saya bangkitkan di sini. Mohon pandangan pihak kementerian dalam perkara ini.

Isu seterusnya ialah berkenaan dengan keperluan menggunakan tanah terbiar di luar bandar. Saya berpandangan kerajaan juga harus mencari jalan untuk menjadikan sektor pertanian negara menjadi lebih mampan dan kompetitif. Ini kerana negara kita mempunyai tanah terbiar sekitar sejuta hektar dan tanah ini seharusnya mampu memberi nilai dan faedah kepada rakyat. Ini bagi memastikan negara kita tidak dilanda krisis *food insecurity* atau yang lebih teruknya krisis kemanusiaan daripada kurang makanan seperti di sesetengah negara seperti Afrika serta memastikan bekalan makanan kita mencukupi di saat ketidakpastian ekonomi dan permasalahan global seperti bencana alam yang melanda di Thailand kini yang menyebabkan harga beberapa barang keperluan melonjak tinggi.

Saya kurang pasti di sini sama ada peniaga sengaja mengambil kesempatan atau memang benar barang-barang tersebut sukar didapati ekoran kurang stok kemasukan dari negara jiran ataupun isunya Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh selama-lamanya bergantung kepada negara luar membekalkan barangan harian kerana kita juga mempunyai *expertise* atau kepakaran. Kita juga mempunyai tanah, tenaga buruh dan teknologi terkini untuk menjadi negara pengeksport makanan di rantau ini. Jadi saya juga mohon pandangan daripada pihak kerajaan dalam hal ini.

Seterusnya isu yang ingin saya sentuh Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan isu data daripada Jabatan Statistik atau lebih dikenali sebagai banci penduduk dan perumahan negara. Peningkatan terhadap keperluan statistik kesan daripada perubahan pantas struktur ekonomi dalam dan luar negara serta perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah mewujudkan kelompok komuniti pengguna yang sentiasa menuntut penjanaan maklumat yang berintegriti bertepatan masa dan relevan serta capaian dalam bentuk *real time*, dengan izin.

Keperluan komuniti pengguna yang dinamik dan kompleks memberi cabaran kepada jabatan untuk memastikan fungsi memungut, mentafsir dan menyebarkan perangkaan dilaksanakan dengan lebih efisien. Saya melihat isu ini, kepentingan data dan sumber statistik sebagai keperluan dalam menentukan hala tuju dan misi serta visi sesuatu organisasi mahupun mengukur kemajuan dalam pelbagai sektor sesebuah negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya terpenggil untuk mengajukan soalan berkaitan inisiatif yang dilakukan oleh Jabatan Statistik kira-kira dua tahun lepas iaitu yang dilaksanakan pada bulan Julai 2010 hingga pertengahan bulan Ogos tahun sama yang mana saya ingin bertanya berkaitan hasil dan *progress* kutipan data peringkat nasional yang dijalankan oleh Jabatan Statistik kira-kira dua tahun lalu dan juga beberapa soalan lain yang berkaitan yang ingin saya ajukan:

- (i) bagaimana data dan sumber banci yang terkini mampu menjawab segala tohmahan dengan bukti dan data dan statistik termasuk *figure* dan *fact* dengan izin?;
- (ii) apakah standard piawaian yang diguna pakai semasa menyusun perangkaan akaun negara?;
- (iii) apakah data-data yang tersedia untuk rujukan bagi isi rumah termasuk kelahiran dan kematian?;
- (iv) apakah hasilnya dan bagaimana ia berjaya memanfaatkan rakyat?;
- (v) berkaitan inti pati ataupun *content*nya, apakah topik dan sub topik data yang di kumpul?; dan
- (vi) apakah ia melibatkan Sarawak dan Sabah?

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan isu pelantikan kontraktor luar untuk menyelenggarakan sesuatu projek. Projek-projek seperti bekalan elektrik, pemasangan lengkap, pendawaian, semua ada banyak yang kita boleh nampak tetapi tidak boleh juga. Bekalan air pun sama. Ada paip tetapi tiada air. Sampai hari ini Kementerian tidak ambil tindakan walaupun sudah dimaklumkan kepada pihak Kementerian terbabit.

#### ■1440

Saya juga nampak sedikit isu berkaitan pelantikan kontraktor asing untuk menyelenggarakan sesuatu projek di mana kerap kali kontraktor tempatan tidak dilantik bagi memudahkan urusan penyelenggaraan kemudahan asas di suatu kawasan. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kenapa tidak dilantik dari kawasan yang sama? Jika kontraktor dari kawasan luar, susah untuk berhubung terutama sekali jika berlaku sesuatu perkara yang perlu perhatian segera. Yang bakal menjadi mangsa sudah tentu masyarakat tempatan yang tidak dapat menggunakan kemudahan yang sepatutnya siap dan sempurna.

Seterusnya, isu wanita Sarawak menjadi keldai dadah. Ini isu yang paling sensitif, paling menyentuh perasaan saya Tuan Yang di-Pertua. Isu keldai dadah adalah antara masalah besar yang melibatkan belia yang mana mangsanya terdiri daripada golongan pelajar perempuan lepasan universiti.

Mereka ini senang terpedaya. Lulusan universiti yang cemerlang dengan kelulusan kelas pertama umpamanya bersungguh-sungguh untuk keluar negara mencari pekerjaan dengan kelulusan yang mereka ada. Keinginan ibu bapa yang mahu anak mereka bekerja di luar negara juga menjadi punca anak mereka terjebak dalam masalah keldai dadah. Bagi kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman pula, wanita-wanita mudah diperdaya dan keinginan mereka sendiri untuk berhijrah dan keluar daripada kepompong kemiskinan mendorong mereka mudah terpedaya dengan janji manis pengedar dadah tersebut. Menurut statistik PEMADAM yang baru saya dapati tadi menunjukkan seramai 67 orang remaja merupakan mangsa keldai dadah pada tahun ini. Mengikut rekod Kementerian Luar Negeri, seramai 11 rakyat Malaysia termasuk sembilan wanita ditahan di luar negara kerana terbabit dalam sindiket dadah antarabangsa dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini.

Dalam tempoh 20 tahun, rakyat Malaysia antara paling ramai ditahan di luar negara kerana terbabit dengan pengedaran dadah iaitu seramai 833 orang, selain Thailand 272 orang, Singapura 164 orang, Taiwan 125 orang dan China 82 orang. Jadi, saya ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, berapakah pula jumlah warga Malaysia yang ditahan di luar negara bagi kesalahan keldai dadah sejak lima tahun lepas dan pecahan mengikut kaum dan negaranya? Soalan saya seterusnya ialah bagaimana pula bentuk kerjasama antara Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam menangani isu ini di samping Jabatan Imigresen, Kastam Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia serta pembabitan Kelab Putera 1 Malaysia? Bagaimana pula kerjasama dengan negara-negara luar yang sering kali menjadi destinasi keldai dadah seperti Jepun, Brazil, Peru dan Australia, yang mana sering kali wanita kita ditahan di sana?

Bagaimana bentuk bantuan seperti guaman, kemanusiaan, menghubungi sanak saudara serta penghantaran pulang setelah selesai hukuman diuruskan oleh Kementerian Luar Negeri? Adakah kementerian bercadang mewujudkan satu pusat sehati bagi memudahkan keluarga individu yang diperalatkan sindiket pengedaran dadah mengikut perkembangan kes terutama mereka yang ditahan atau menjalani hukuman di luar negara? Ini kerana ramai ibu bapa atau ahli keluarga mangsa mengalami kesukaran mendapatkan maklumat mangsa dan kebiasaannya hanya mengetahui perkembangan menerusi laporan media.

Bagaimana juga jika cadangan ini diterima, saya berpandangan pusat ini bakal bertujuan menyalurkan maklumat mangsa, bukan membantu menyelamatkan atau membebaskan mangsa serta menafikan undang-undang negara luar.

Ini kerana ia hanya bertindak sebagai perantara antara keluarga dan mangsa dan tidak terbabit dalam urusan berkaitan pembelaan terhadap mangsa. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu wanita tempatan dari Sarawak yang menjadi mangsa keldai dadah. Disebabkan keinginan untuk memperbaiki taraf hidup dan keluar daripada kelompok kemiskinan, mereka ini mudah diperdaya oleh keldai dadah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagikah?

**Puan Doris Sophia ak Brodi:** Tiga minit Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Puan Doris Sophia ak Brodi:** Okey, terima kasih. Disebabkan keinginan untuk memperbaiki taraf hidup dan keluar daripada kelompok kemiskinan, mereka ini mudah diperdaya oleh keldai dadah, baik oleh rakyat Malaysia sendiri mahupun rakyat asing. Soalan saya, berapakah jumlah rakyat dari Sarawak yang telah ditahan di negara luar akibat aktiviti ini dan berapa pula pecahan mengikut jantina lelaki dan perempuan? Seterusnya, apa pendekatan kerajaan dan agensi berkaitan dalam turun padang untuk mendekati wanita ataupun gadis luar bandar supaya tidak mudah dipengaruhi oleh ejen yang menipu mereka kononnya menjanjikan kerja yang bergaji mewah?

Saya berpandangan kerajaan harus mempromosi melalui media massa dan media cetak, turun padang memberi penerangan supaya tidak mudah mempercayai janji manis orang yang baru dikenali. Agar juga jangan cepat terpedaya jika disuruh membawa barangan yang tidak diketahui isi kandungannya terutama semasa berada di lapangan terbang dan dalam perjalanan menuju ke luar negara. Saya juga ingin bertanya bagaimana kementerian bercadang untuk memantau aktiviti merekrut keldai dadah melalui *Facebook*, *Twitter*, *online Yahoo Messenger* dan *internet* serta lain laman web berbayar yang banyak membuat penyamaran seterusnya menipu gadis-gadis yang terlalu mempercayai janji-janji manis.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah perbincangan saya untuk Perbekalan Tahun 2012 kali ini. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh. Selepas itu minta bersedia Yang Berhormat Dr. Malasingam.

**2.46 ptg.**

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk menyampaikan ucapan sulung saya pada hari ini mengenai Rang Undang-undang Perbekalan 2012,

*Awal mula pertama mula,  
Pemula langkah pemula acara,  
Di Dewan mulia melafaz kata,  
Memohon laluan bermula bicara.*

Saya juga ingin memberi penghargaan saya kepada Presiden MIC, Yang Berhormat Senator Dato' G. Palanivel dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak kerana memberi peluang kepada saya menjadi Ahli Dewan yang mulia ini. Tahniah saya ucapkan kepada Perdana Menteri untuk membentangkan bajet yang begitu komprehensif lagi inovatif. Ciri utama Bajet 2012 selain daripada pertumbuhan dan mencergaskan kebangkitan ekonomi adalah menyayangi kebimbangan rakyat mengenai kos sara hidup. Bajet 2012 adalah bajet untuk semua lapisan rakyat. Dalam Bajet 2012, kerajaan akan membelanjakan RM232 bilion terdiri daripada RM181 bilion untuk perbelanjaan pengurusan atau *operating budget* dan RM51.2 bilion untuk perbelanjaan pembangunan atau *development budget*.

Bajet 2012 mempunyai tumpuan ke atas lima aras iaitu mempercepatkan pelaburan, menjana modal insan yang cemerlang, kreatif dan inovasi, transformasi program luar bandar, memperkukuhkan perkhidmatan awam, memudahkan inflasi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Hasil kerajaan untuk Bajet 2012 akan datang daripada cukai pendapatan sebanyak 41.9 peratus, bukan cukai pendapatan dan cukai lain sebanyak 24.5 peratus, lain-lain cukai tidak langsung sebanyak 12.8 peratus, cukai eksport dan import sebanyak 1.8 peratus, pinjaman dan penggunaan aset kerajaan sebanyak 19 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita meninjau bajet sesebuah negara, adalah penting untuk kita memahami sesuatu bajet itu diwujudkan dan apakah yang cuba dicapai dengan bajet itu. Untuk membolehkan kita – mengenai Bajet 2012 ini, mula-mula kita perlu menganalisis perkara-perkara berikut:

- (i) cabaran ekonomi dunia;
- (ii) perubahan permintaan dan keperluan rakyat;
- (iii) perubahan demografi negara; dan
- (iv) melihat ke masa depan dan bagaimana negara kita boleh meletak dirinya untuk bersaing secara kompetitif.

**■1450**

Cabaran ekonomi dunia negara-negara kuasa kuat tradisional di dunia *the superpowers*, Amerika Syarikat negara di zon *Europe* dan Jepun semua menghadapi kekangan ekonomi yang mencabar. Pertumbuhan di negara-negara ini telah ditindas dengan kos hidup yang meningkat dan kos minyak yang tidak stabil. Dengan kejatuhan sistem perbankan disebabkan oleh krisis sub *prime*, faedah-faedah yang naik ditambah dengan pasaran buruh yang lemah. Terdapat tekanan melampau yang menyebabkan penurunan harga hartanah.

Risikonya penurunan ekonomi ini masih kekal pada masa hadapan terdekat memandangkan pengangguran yang tinggi, hutang negara yang tidak terkawal, kedudukan fiskal, dan kewangan yang lemah jumlah import oleh negara-negara ini sungguh penting sekali, untuk banyak negara, kerana jumlah importnya adalah begitu besar iaitu sebanyak USD3,000 bilion setahun. Kelembapan berterusan di negara-negara ini sudah tentu akan memberi kesan kepada semua negara perdagangan termasuk Malaysia juga. Akan tetapi ini berlainan di Asia. Asia mengetuai carta pertumbuhan ekonomi dunia dengan peningkatan golongan pendapatan kelas pertengahan di negara China dan India, pertumbuhan China kekal teguh pada kadar 9.6 peratus didorong oleh permintaan dalam negara yang kukuh.

India berkembang pada kadar 7.8 peratus disokong oleh perkembangan yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan pertanian.

Persatuan negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) terus mencatat pertumbuhan positif berikutan peningkatan permintaan domestik dan luar negara. ASEAN dijangka akan menjadi pasaran dengan pertumbuhan yang cepat dan besar dalam jangka masa yang pendek. ASEAN mempunyai penduduk lebih daripada 550 juta dan kebangkitan pendapatan per kapita yang tinggi justeru akan meningkatkan pendapatan isi rumah berpendapatan sederhana. Landskap politik di seluruh dunia pula pantas berubah. Majoriti rakyat hari ini adalah mereka yang lahir selepas Perang Dunia Kedua. Mereka semua menuntut kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan asas dan polisi penjagaan rakyat yang komprehensif. Kita dapat melihat di negara-negara yang paling maju, walaupun mempunyai pertumbuhan dan pemulihan ekonomi yang kukuh, kerajaannya tidak mendapat sokongan majoriti yang besar. Satu contoh yang baik adalah pilihan raya baru-baru ini yang diadakan di Australia dan Singapura. Fenomena ini akan disebabkan memandangkan bahawa rakyat pada zaman sekarang mempunyai pendidikan dan akses kepada ribuan informasi.

Tiap-tiap rakyat mempunyai permintaan dan keperluan yang sangat berbeza daripada satu sama lain. Inilah membuat mustahil bagi mana-mana kerajaan untuk memenuhi setiap keperluan dan permintaan rakyat individual. Kerajaan sepatutnya fokus dan melaksanakan program yang boleh menyentuh permintaan rakyat ataupun sesuatu kumpulan sasaran. Tiap-tiap rakyat di negara ini tidak kira berapa umurnya, adalah warganegara Malaysia dan mempunyai hak yang sama untuk menikmati perkhidmatan kerajaan ini. Malaysia sekarang menghampiri 55 tahun kemerdekaan, demografi negara ini juga telah berubah. Kita boleh mengklasifikasikan rakyat negara kita ke dalam kategori berikut:

KATEGORI	UMUR (TAHUN)
baru lahir	< 3
kanak-kanak	4 - 6
murid sekolah	7 - 17
pemuda (sekolah, kolej, universiti) pekerja muda	8 - 35
pekerja dewasa, warga emas	35 - 65

Semua kategori mempunyai keperluan mereka sendiri. Sebagai contoh, seorang bayi yang baru lahir, berharap kerajaan untuk menyediakan penjagaan perubatan dan rawatan asas, menyediakan susu pemakanan yang baik tanpa mengira latar belakang ibu bapa lebih-lebih lagi jika mereka adalah daripada golongan susah. Setiap kanak-kanak tidak mahu tertinggal daripada peluang hendak pergi ke prasekolah sama ada taska ataupun tadika. Golongan pekerja muda yang sudah bekerja sudah tentu ingin memiliki rumah, skim perumahan yang mampu milik mesti disediakan dan akses kepada pinjaman daripada sistem perbankan perlu sentiasa tersedia. Golongan warga emas akan meningkat dari semasa ke semasa yang akan datang. Mereka berharap kerajaan membentuk satu skim penjagaan dan rawatan yang lebih inovatif dan sebagainya.

Kadang-kadang, ia adalah penting bagi kita mengambil langkah ke belakang dan cuba bayangkan kita semua mempunyai kuasa untuk melihat ke dalam satu bola kristal dan cuba meramalkan masa depan yang kita akan hadapi. Memahami masa depan akan membolehkan kita untuk meletakkan asas-asas yang betul yang boleh mendorong ataupun *guide* aset terbesar negara kita iaitu rakyat Malaysia ke jalan yang selaras dengan perkembangan ekonomi dunia supaya negara kita boleh kekal berdaya saing dan menjadi pemain yang serius dalam dunia ekonomi.

Negara India dan China adalah kini di jalan raya untuk menjadi kuasa-kuasa besar dunia. India akan terus berkembang dan dapat menyediakan sejumlah besar intelek-intelek untuk keperluan dunia dalam bidang perkhidmatan dan akan menjadi hab dunia dalam bidang ini.

India akan terus mempunyai pembangkitan ekonomi yang pantas dan pembangkitan ekonomi dalam negeri dua digit disebabkan golongan yang berpendapatan sederhana berterusan untuk menjadi lebih besar.

Negara China dengan populasi yang besar, kemahiran dalam bidang keluaran dan keupayaan untuk memperoleh produk sumber dan bahan-bahan pada kos yang rendah akan kekal menjadi rakan kongsi yang sangat penting bagi dunia dalam pengeluaran barang-barang. Negara China juga mempunyai penduduk muda yang menjalani pendidikan sekarang serta *emphasis* kepada bahasa Inggeris akan menghasilkan bilangan besar intelek dengan kelayakan keupayaan bertaraf dunia untuk menjadi pesaing serius untuk India dalam bidang perkhidmatan. Ekonomi dan keupayaan pembelian domestik di kawasan luar dan dalam bandar akan berkembang di angka dua digit dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Negara Asia Tenggara dengan kerajaan yang stabil dan rakyat yang mudah membentangkan peluang pembangkitan GTP yang besar bagi perdagangan dalaman dan luaran bagi semua sektor termasuk perkhidmatan.

Amerika, negara-negara dari *Europe*, Jepun masih kekal sebagai rantau ekonomi berkuasa besar. Walau bagaimanapun, ini adalah ekonomi matang dan kadar pertumbuhan akan kekal dalam angka tunggal yang rendah. Ekonomi masa depan adalah ekonomi tanpa sempadan. Dunia ini akan menjadi satu pasaran, sempadan negara hanya semata-mata untuk menentukan rakyat sendiri. Barangan dan perkhidmatan akan bergerak merentasi, perlindungan harga akan menjadi fenomena masa lalu contohnya satu produk yang sesuai untuk pasaran di Brazil boleh direka bentuk di Malaysia kemudian dibuat ujian di negara India, dihasilkan di China, di pakej di Mexico dan akhirnya dijual di Brazil.

Proses ini dipilih oleh kerana ia mempunyai mutu yang paling tinggi dan kos yang paling rendah. Kecekapan yang tinggi, keberkesanan yang tinggi, keupayaan untuk mengendalikan jumlah yang besar, membawa turun kos transaksi dan mengambil langkah mengurangkan kos urus niaga akan menjadi kritikal kepada perniagaan sesebuah negara dan ciri ini penting untuk kerajaan membawa pelaburan daya asing. Malaysia, kekuatan negara kita adalah sejarah kita. Malaysia sentiasa negara stabil dan aman daripada sudut pemerintahan.

#### ■1500

Malaysia bertuah kerana ia terlepas daripada bencana semula jadi contohnya gempa bumi, gunung berapi ataupun taufan. Malaysia menawarkan lokasi yang hebat untuk menjadi pintu ke kawasan pertumbuhan ekonomi baru iaitu negara China, India dan ASEAN. Di dalam Bajet 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membuka 17 sektor untuk pemain-pemain antarabangsa. Ini adalah langkah-langkah pertama dan lebih banyak insentif patut diberikan supaya negara kita akan menjadi *getaway* kepada ekonomi baru ini.

Kepelbagaian kaum adalah kekuatan kita. Kumpulan pelbagai etnik Malaysia termasuk Melayu, Cina dan India memberikan kita tapak kukuh dan permulaan awal untuk mengambil kesempatan daripada pertumbuhan yang tinggi di China, India dan rantau ASEAN iaitu negara-negara pengekspor minyak. Lebih banyak insentif harus diberikan di dalam bajet supaya *encourage* orang-orang di sini mencari perniagaan di tempat-tempat di negara-negara yang disebutkan tadi.

Rakyat kita berbakat dan tahap pencapaian yang tinggi dalam Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris, Malaysia kini sudah berkedudukan tinggi sebagai sebuah negara yang boleh memainkan peranan penting dalam bidang perkhidmatan seperti India dan Singapura dan boleh menjadi satu hab perkhidmatan di dunia. Malaysia juga dikurniakan dengan sumber asli yang banyak. Ini menyediakan platform yang indah untuk menarik dana asing bukan sahaja untuk perkhidmatan tetapi juga untuk menghasilkan produk bernilai tinggi melalui penggabungan sumber asli dan bakat negara kita. Universiti-universiti di Malaysia harusnya memainkan peranan yang penting menumpukan masa kepada R&D untuk mengeluarkan produk-produk yang bernilai mutu tinggi.

Malaysia mesti bergerak keluar cuba untuk menjadi pembuat kos rendah ataupun hab perkhidmatan nilai rendah. Ini cukup jelas bahawa kebanyakan rakyat Malaysia tidak lagi berminat dalam pekerjaan bernilai rendah. Hari ini negara kita bergantung pada pekerja asing untuk pekerjaan jenis ini.

Cara-cara baru yang lebih inovatif dan lebih menggunakan teknologi yang baru patut dilaksanakan supaya negara kita mengurangkan beban pekerja asing. Bajet 2012 seharusnya memberi insentif kepada *automation* dan kegunaan teknologi-teknologi baru yang mana kita dapat mengurangkan beban pekerja asing. Setiap bajet mestilah mempunyai strategi perkembangan dan mempercepatkan ekonomi. Bajet 2012 mengendalikan strategi ini dengan implementasi *Second Rolling Plan* (RP2) dengan peruntukan RM49.2 bilion. Projek kereta api *track* kedua dari Gemas ke Johor Bahru, empat lebuh raya, satu jalan raya dan pembangunan semula lapangan terbang di Sungai Besi bergabung dengan pembangunan di lima koridor *regional* menjadi tumpuan bajet dalam hal ini.

Program *Rural Transformation Centre* pembangunan infrastruktur seperti jalan, air, elektrik, pembangunan-pembangunan imuniti, projek *flood mitigation*, *rain water harvesting* diperuntukkan sebanyak RM8.052 bilion. Projek-projek ini serta projek MRT2 yang akan dijalankan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh sudah tentu akan memberi peluang untuk banyak syarikat mendapat kerja dan membuka peluang pekerjaan-pekerjaan baru untuk rakyat Malaysia. Saya harap bahawa kerajaan Malaysia bukan mengambil kira memberi kontrak hanya kepada syarikat-syarikat besar dan ternama sahaja tetapi juga memberi peluang kepada syarikat sederhana dan baru supaya mereka juga boleh mendapat pengalaman dan satu hari kelak dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Projek-projek ini mesti juga membangunkan usahawan-usahawan baru di Malaysia. Projek-projek seperti ini mempunyai *effect multiplier* bukan sahaja dia memberi peluang perniagaan tetapi ia juga mewujudkan peluang pekerjaan baru. Apabila projek ini siap, setiap rakyat dapat menikmati hasilnya daripada kegunaan jalan yang lebih bagus dan cepat ataupun mempunyai akses perkhidmatan yang lebih efisien..

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dua minit lagi ya.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Sektor SME memainkan peranan yang begitu penting di setiap negara. Di Malaysia kita mempunyai lebih kurang 550,000 syarikat SME. Daripadanya, 85 peratus adalah syarikat mikro. Alokasi RM2 bilion melalui faedah, 2 peratus konsep SME *revitalization* dan *emergency fund* memanglah bagus. Saya berharap dana ini diberi kepada mereka yang tidak mempunyai akses ke sistem perbankan swasta terutamanya golongan yang sudah mendapat pinjaman.

Sebenarnya, sebanyak lebih daripada RM90 bilion pinjaman diberi kepada sektor ini melalui bank-bank swasta tetapi malangnya banyak yang masih tidak dapat akses ke sistem ini diakibatkan syarat-syarat yang tertentu. Misalnya skim WCGS yang mana kerajaan memberikan jaminan sehingga 70 peratus. Bank-bank masih menggunakan syarat yang sama menyebabkan banyak yang terjejas daripada skim ini.

Terdapat 450,000 perniagaan mikro di Malaysia. Lebih kurang 80 peratus daripada mereka mempunyai jualan kurang daripada RM8,000 sebulan dan keuntungan kurang daripada RM1,600. Pinjaman antara RM20,000 hingga RM30,000 diperlukan untuk kelengkapan baru. Majoriti daripada mereka tidak dapat akses ke sistem perbankan kerana perniagaan mereka terlalu informal ataupun banyak disekat kerana mempunyai masalah kad kredit ataupun pinjaman. Walaupun kerajaan telah menyediakan dana sebanyak RM300 juta di bawah TEKUN, ini tidak mencukupi kerana dana yang perlu untuk sektor ini adalah lebih kurang RM7.5 bilion.

Untuk kita mencapai status negara pendapatan tinggi, golongan ini perlu dilihat teliti. Program-program untuk menaikkan perniagaan mereka ke RM25,000 perlu di implementasi. Ini hanya akan dapat dilaksanakan melalui satu skim pinjaman yang efektif. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Saya menyokong penuh Bajet 2012. Terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat atas ucapan sulungnya yang begitu bernas. Silakan Yang Berhormat Dr. Malasingam a/l Muthukumar.

### 3.08 ptg.

**Dr. Malasingam a/l Muthukumar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera, selamat petang dan salam 1Malaysia. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memanjangkan rasa syukur dan terima kasih kerana memberikan saya ruang untuk turut serta dalam membahaskan dan juga menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2012 sepertimana yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia pada 7 Oktober baru-baru ini. Lazimnya belanjawan ini dilakar dengan maksud memacu pertumbuhan ekonomi mampan serta menjamin kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum, pecahan Bajet 2012 ini merangkumi RM181.6 bilion untuk belanja mengurus dan RM51.2 bilion bagi belanja pembangunan. Kesan jangka panjang setiap rancangan belanjawan selalu dikatakan namun kesan serta-merta yang dipelopori bajet rakyat ini telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan.

#### ■1510

Antara peruntukan bajet rakyat yang amat dihargai rakyat biasa ialah penghapusan yuran sekolah, pelbagai bantuan serta sumbangan wang tunai dan *voucher* buku pelajar, menambahkan Kedai Rakyat 1Malaysia di seluruh negara, sumbangan tunai RM500 untuk isi rumah untuk berpendapatan kurang daripada RM3,000 serta pelbagai kemudahan untuk memiliki atau membina rumah sendiri. Tahniah saya ucapkan atas usaha murni kerajaan dalam peringkat Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa membuang masa, saya juga ingin menyentuh beberapa isu yang saya lihat sebagai penghalang matlamat kerajaan dalam melaksanakan agenda pembangunan negara dalam perancangan Bajet 2012 ini. Pertama sekali, saya ingin menyentuh sedikit tentang pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dalam mengurus dan mentadbir kerajaan yang sungguh prihatin ini. Kita sedar bahawa negara kita mempunyai banyak dasar dan polisi yang amat bagus berbanding dengan negara-negara yang membangun serta asal dasar ini diambil kira pembangunan negara bagi tempoh yang amat ke hadapan. Sebagai contoh, kawalan bahan makan, dasar memelihara alam sekitar, dasar kesihatan negara, dasar pendidikan dan sebagainya.

Akan tetapi, apa gunanya dasar sedemikian yang amat holistik apabila kita tidak dapat mempraktikkannya dengan penuh komited. Saya percaya dan amat sedar bahawa pelaksanaan dan penguatkuasaan dalam pelaksanaan dasar kerajaan ini tidak efisien dan dilihat amat lemah. Apakah punca fenomena ini? Apakah ini berpunca daripada kegagalan pegawai-pegawai penjawat awam yang gagal melihat sepenuhnya segala dasar di kementerian masing-masing? Adakah ia dilihat sebagai satu beban pelaksanaan bagi mereka yang bertanggungjawab dalam membawa pelaksanaan dasar ini untuk dipraktikkan. Sebagai contoh kesedaran awam, dalam dasar pemeliharaan *wetlands* dan penguatkuasaan dalam memelihara kawasan tersebut diabaikan sehingga kerajaan terpaksa menanggung kos pemuliharaan semula dan memelihara kawasan-kawasan sedemikian.

Begitu juga dengan beberapa dasar kerajaan yang gagal diberikan hayat untuk menguar-uarkan dasar mereka ini agar orang awam tahu dan sedar akan dasar ini dalam turut sama menjaga serta mengawal sebarang salah laku yang bertentangan dengan sesuatu dasar. Penguatkuasaan juga dilihat amat lemah. Apakah ini kerana kita kekurangan pegawai penguat kuasa yang fasih dalam sesuatu dasar? Mengikut kementerian masing-masing, apakah jumlah tindakan yang telah diambil dalam memperbetulkan atau menyalah guna dasar sehingga kini sejak sepuluh tahun dahulu? Kita sedar bahawa kesalahan dasar tidak boleh didakwa. Akan tetapi apakah tindakan alternatif yang diambil agar dasar ini tidak diabaikan? Apakah tidak sampai masanya untuk sesuatu dasar ini dijadikan akta dalam memelihara ketenteraman, kesaksamaan, keamanan, pelaksanaan serta pengawalan yang kini dilihat di tahap yang membimbangkan.

Seterusnya, saya ingin beralih kepada Kementerian Kesihatan, khususnya Tabung Bantuan Perubatan or TBP. Saya ingin tahu, berapakah jumlah keseluruhan yang telah diberikan kepada pesakit bagi tahun kewangan 2011 daripada tabung ini? Dalam jumlah ini, berapakah disalurkan melalui Institut Jantung Negara?

Berikan jumlah pesakit yang memohon dari Institut Jantung Negara dan daripada jumlah ini, berikan pecahan mengikut kaum. Pada masa yang sama, saya telah menerima beberapa aduan mengenai unit taksiran yang berpejabat di IJN yang mana pegawai yang bertugas di IJN ini amat tidak prihatin terhadap pesakit yang memohon. Berikan jumlah pegawai yang bertugas di unit ini dan berikan pecahan kaum mengikut kekuatan di unit tersebut.

Saya juga ingin membawa perhatian Menteri Kesihatan bahawa *attitude* dan *mentality* pegawai yang bertugas di situ tidak langsung mencerminkan komitmen kerajaan dalam memanjangkan bantuan perubatan ini. Saya difahamkan bahawa seseorang pemohon yang ingin memohon bantuan dari unit tersebut diarahkan untuk mendapatkan salinan KWSP dahulu sebelum membuat sebarang permohonan. Pihak IJN juga tidak menawarkan satu jumlah yang rasional untuk sesuatu pembedahan dan bil yang dikeluarkan adalah anggaran yang mana ia dianggarkan jauh lebih tinggi daripada kos sebenar. Apabila pesakit ingin membuat permohonan bantuan, pegawai yang meluluskan bantuan tersebut sedar akan jumlah yang akan dikenakan dan terus membuat tawaran anggaran. Tawaran tersebut dapat diberikan dengan kadar yang amat rendah dan pesakit atau waris terpaksa mengeluarkan simpanan KWSP untuk menampung kos perubatan tersebut.

Jika simpanan KWSP mereka ini digunakan sepenuhnya oleh pesakit, apa maksud simpanan KWSP ini untuk mereka mengharungi masa depan setelah bersara. Jika waris atau pesakit yang tidak mempunyai simpanan KWSP, mereka terpaksa mencari jalan untuk mencari jumlah wang yang masih tidak mencukupi sehingga meminjam daripada along untuk membuat rawatan. Adakah ini mencerminkan dasar kerajaan dalam menyediakan bantuan perubatan kepada warga kita? Kenapa kementerian tidak mempunyai satu skim yang mana simpanan KWSP ini digunakan sebagai bayaran premium untuk skim insurans perlindungan perubatan agar ia tidak membebankan bakal pesakit atau pencarum KWSP ini? Apakah pegawai-pegawai yang bertugas di unit-unit taksiran ini dididik dan diajar untuk memanipulasikan situasi pesakit untuk meraih seberapa banyak yang mungkin agar pihak kementerian mengurangkan pemberian bantuan ini? Saya mohon agar kementerian dapat membuat satu kaji selidik berhubung dengan sistem yang diguna pakai serta mengenal pasti satu cara pemberian bantuan ini dengan ikhlas serta *transparent* terhadap yang benar-benar memerlukan tanpa perasaan pilih kasih dan kedudukan ahli keluarga.

Satu lagi isu yang ingin saya sentuh berhubung dengan kemudahan perubatan. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya bangkitkan berhubung dengan IJN tadi adalah benar-benar belaka. Bagi mengesahkan bahawa kementerian memang mempraktikkan pilih kasih, saya ingin tahu, apakah kriteria yang digunakan dalam menyediakan ubat-ubatan kepada pesakit? Mengapa ubat yang diberikan kepada pelanggan yang membayar diberikan untuk tempoh tiga bulan selepas pembedahan? Manakala ubat-ubat kepada pesakit yang ditanggung oleh kebajikan yang menjalani pembedahan hanya diberikan untuk tempoh sebulan dan diarahkan untuk datang kembali selepas sebulan untuk mengambil stok bagi bulan seterusnya. Apabila pesakit ingin mendapatkan stok bagi tempoh tiga bulan, pihak farmasi membuat pengesahan dari unit taksiran dan memberitahu bahawa pesakit terpaksa datang kembali setelah stok mereka untuk satu bulan habis. Apakah ini tidak lihat sebagai menyusahkan pesakit semata-mata mereka ini dibiayai oleh bantuan kerajaan? Saya ingin tahu apakah dasar kerajaan dalam hal ini. Mengapa perkara ini masih wujud sehinggakan hasrat kerajaan yang mulia ini mencerminkan niat yang buruk akibat tiada profesionalisme pegawai di unit taksiran IJN.

Beralih kepada satu lagi isu berhubung dengan Kementerian Kesihatan. Saya ingin bertanya, apakah pendirian kementerian dalam membekalkan ubat *psychotropic pills* untuk mereka yang memerlukan? Kerajaan telah menghadkan pengeluaran pil sedemikian, yang mana ia hanya dijual mengikut kotak pengeluaran dan ini akan membabitkan rakyat yang benar-benar memerlukan tidak dapat membelinya. Dengan adanya kuota sedemikian, klinik-klinik yang mempunyai kemampuan kewangan yang kukuh akan membeli pil-pil ini dengan kuantiti yang begitu banyak serta, dengan izin, *first come first service basis*. Sehingga klinik-klinik yang kurang berkemampuan atau lambat untuk mendapatkan stok tersebut tidak dapat membeli kerana stok tersebut telah kehabisan.

Adakah kerajaan sedar bahawa pil-pil *psychotropic* ini adalah amat penting kepada pesakit-pesakit yang kritikal dan bergantung kepada pil-pil sebegini? Mengapakah Kementerian tidak mengambil langkah yang lebih proaktif dalam menyediakan pil-pil ini untuk pesakit yang benar-benar memerlukan?

■1520

Lebih teruk lagi, kini kerajaan telah membuat keputusan untuk memberhentikan penjualan ini kepada pegawai perubatan persendirian oleh syarikat-syarikat pengeluar ubat-ubatan. Kini pesakit yang ingin mendapatkan pil tersebut harus pergi ke hospital kerajaan untuk mendapatkan ubat tersebut. Tidakkah kerajaan sedar bahawa kesihatan adalah salah satu sektor dalam menjamin kesejahteraan rakyat jelata. Satu lagi isu adalah kos perubatan yang kian meningkat berbanding dengan negara-negara lain. Kos perubatan serta ubat-ubatan di negara kita telah naik secara mendadak dan alasan yang diberikan adalah kerana kuasa pasaran *market forces* yang menyebabkan kenaikan harga ubat-ubatan serta kos perubatan secara amnya.

Apakah Kementerian sedang memantau industri perubatan ini bagi menjamin agar rakyat sentiasa mempunyai akses perubatan yang berkemampuan? Apakah Kementerian akan menghadkan harga siling yang berpatutan agar syarikat-syarikat pengeluar ubat-ubatan ini tidak mengaut keuntungan yang amat tidak munasabah sambil membebankan rakyat untuk merawat penyakit mereka dengan perubatan yang berkualiti?

Berita terbaru yang keluar di surat khabar 7 Disember baru-baru ini *The Star*. Saya ingin satu penjelasan mengapa hospital di Melaka tidak mempunyai stok ubat-ubatan sehingga hampir sebulan? Sedarkah Kementerian kesan kepada pesakit yang bergantung kepada ubat-ubat daripada hospital awam ini terutama mereka yang telah berumur dan menghidap penyakit kencing manis? Isu yang terpapar di surat khabar hari ini jelas menunjukkan bahawa fakta dan isu yang dibangkitkan oleh saya adalah benar dan pohon agar Kementerian dapat memberikan satu penjelasan sejelas-jelasnya.

Kerajaan harus sedar bahawa akses kepada perubatan dan rawatan yang berkemampuan berdasarkan kepada kedudukan ekonomi rakyat jelata. Ini penting dan ia adalah tunjang utama dalam pembangunan negara sihat. Apakah cadangan Kementerian dalam mengatasi masalah ini? Sila berikan satu penjelasan yang munasabah dan jangan memberi jawapan sekadar melepas batuk di tangga. Sejak saya menjadi Ahli Dewan yang mulia ini, saya dapati jawapan-jawapan yang diberikan khasnya di Dewan Negara ini mencerminkan sandiwara serta sekadar menjawab soalan tanpa sebarang pelaksanaan yang konkrit.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sisa pepejal merupakan satu perkara yang penting dalam negara yang mana dikatakan sisa pepejal ini pada hari wajar dikitar semula. Kitar semula dalam dunia ada tempat-tempat di negara-negara maju hanya 20 peratus daripada sisa pepejal ditanam di dalam *landfill* tetapi hari ini saya ingin menarik perhatian Kementerian Perumahan yang mana saya percaya memang ada kepakaran tetapi kita belanja banyak untuk menanam semua bahan-bahan pepejal ini.

Bahan-bahan pepejal kalau ada sepatutnya hari ini wajar dan syarikat-syarikat yang mengendalikan pengurusan sisa pepejal yang mana pemisahan-pemisahan ini boleh berlaku secara automatik. Mekanikal dan bahan-bahan yang hendak dibuang pada akhirnya hanya tidak sebanyak mana seperti yang dibelanjakan oleh kerajaan.

Difahamkan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan diberikan bajet yang banyak tetapi pada hari ini memberikan kontrak yang besar-besar seluruh Malaysia untuk menanam keseluruhan bahan-bahan sisa pepejal yang mana apabila ditanam, tanah-tanah tapak yang ditanam itu tidak boleh digunakan lagi. Ada tempat-tempat menggunakan *sanitary landfill* seperti Bukit Tagar, apabila habis tempoh masanya, tanah itu tidak boleh digunakan lagi, walhal pada hari ini sudah ada teknologi dalam negara sendiri. Majalah internasional atau jurnal iaitu *International Power Journal* keluaran daripada US mengiktiraf sebuah syarikat Malaysia yang sudah pun menerokai dan telah pun berjaya menghasilkan sistem pembuangan sampah dengan cara menjana tenaga elektrik dan mengitar semula plastik yang lain tanpa belanja daripada kerajaan.

Cuma mereka ini memerlukan tapak-tapak untuk pelupusan di mana tapak-tapak itu telah pun menjadi tapak buang sampah. Lokasi sedemikian diperlukan untuk mereka menggali semula tapak ini untuk mengambil sampah-sampah untuk dikitar semula dan tapak-tapak berkenaan boleh digunakan untuk perumahan atau apa sahaja yang *economic*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Agensi Antidadah Kebangsaan. Saya ingin tahu, berapakah jumlah penagih dadah di negara kita dan di antara jumlah yang menjalani rawatan pemulihan, berapakah di antara mereka ini menjadi *repeat of handler*? Berikan jumlah mengikut jantina dan kaum. Apakah langkah-langkah yang diambil dalam memastikan penagih-penagih ini tidak kembali ke kancuh dadah ini? Apakah sistem pemulihan yang dipraktikkan ini dapat benar-benar membantu penagih kita untuk pulih secara sepenuhnya dan kembali ke pangkal jalan?

Saya ingin tahu, berapakah jumlah pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di bawah Agensi Dadah Kebangsaan dan berikan jumlah mengikut pecahan kaum dan nyatakan jumlah pusat pemulihan penagih dadah swasta yang beroperasi di seluruh negara? Apakah tahap pencapaian pemulihan berbanding pusat pemulihan kerajaan? Apakah jenis bantuan yang disediakan oleh kerajaan bagi membantu pihak swasta ini menjalankan urusan pemulihan ini dan apakah kaedah yang diguna pakai dalam proses pemulihan dan adakah cara perubatan tradisional dipraktikkan dalam program ini?

Walaupun negara-negara ASEAN sedang berusaha untuk mewujudkan *Drug Free ASEAN 2015*, setakat mana pencapaian negara kita dalam membanteras pengedaran dadah di negara kita? Mengikut satu laporan dalam sebuah buku *Merchants of Madness*, penyelidik membangkitkan bahawa usaha ASEAN dalam membanteras dadah adalah amat tipis dengan memberikan beberapa alasan yang boleh dicegah tetapi gagal ditangani.

Apakah komitmen kerajaan dalam memastikan agar kegiatan pengedaran dadah ini dapat dipantau atau dikawal agar ia tidak menembusi pasaran tempatan? Dadah sintetik jenis *methamphetamine* atau syabu kini dilihat lebih ketara penggunaannya dalam kalangan belia kita dan laporan menunjukkan bahawa laporan pasaran untuk dadah sintetik ini berleluasa di semua kelab malam yang tertumpu di kawasan-kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan. Sila selesaikan.

**Dr. Malasingam a/l Muthukumar:** Okey, boleh saya gulung? Bak kata pepatah, *prevention is better than cure*. Jadi saya harap satu pelan induk dan komprehensif dapat diketengahkan kepada masyarakat agar kita dapat menggembelng ramai lagi tenaga rakyat jelata untuk turut sama memerangi dadah di negara kita yang aman dan makmur sebelum ia meluru dan berkubu dalam kalangan belia kita. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader dan selepas itu minta bersedia Yang Berhormat Tuan Ahmad Hussin.

**3.29 ptg.**

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** *Bismillahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dalam perbahasan Rang Undang-undang Belanjawan 2012.

Belanjawan 2012 ini adalah merupakan belanjawan rakyat yang terbaik setakat ini. Sesungguhnya ini membuktikan bahawa slogan Gagasan 1Malaysia, '*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*' bukan retorik malah telah dibuktikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Belanjawan 2012 yang menyediakan pelbagai insentif kepada semua lapisan masyarakat di negara ini.

**■1530**

Masyarakat India Muslim di negara ini juga menyambut baik insentif-insentif yang diumumkan dalam Belanjawan 2012 terutamanya kepada golongan berpendapatan rendah. Sekiranya apa yang dibentangkan ini menjadi realiti, maka Kerajaan Barisan Nasional telah membuktikan kita adalah pendukung sebenar negara berkeadilan. Walau bagaimanapun, apa yang kita bimbang ialah kerenah birokrasi yang masih wujud di agensi-agensi kerajaan.

Walaupun daripada segi dasar kerajaan telah menetapkan pelbagai insentif kepada rakyat tetapi daripada segi implementasi, dasar tersebut masih dibelenggu kerenah birokrasi yang berleluasa di pejabat-pejabat kerajaan. Tentu sekali kita akan menghadapi masalah besar dan pihak yang akan menanggung di air keruh sekiranya ini berterusan. Saya mempunyai asas untuk berkata sedemikian memandangkan banyak aduan yang kita terima berhubung isu berkenaan.

Oleh yang demikian, saya memohon agar Ketua Setiausaha Negara dapat mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam usaha memastikan segala dasar yang diputuskan oleh kerajaan dilaksanakan dengan sebaik mungkin bagi memudahkan prosedur permohonan dan tidak membebankan rakyat dengan keperluan pelbagai dokumentasi dan tatacara. Saya percaya jika kita dapat membantu rakyat dengan memudahkan urusan mereka di pejabat kerajaan, mereka akan sentiasa memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menggunakan peluang ini untuk membawa beberapa isu dan masalah yang membelenggu masyarakat India Muslim sekian lama di negara ini. Untuk makluman semua, kaum India Muslim telah tiba sejak abad ke-16 lagi. Ini terbukti melalui sejarah Melayu bahawa Tun Mutahir seorang yang berketurunan Tamil Muslim pernah menjadi penasihat kepada Sultan Melaka. Mereka tiba pada kurun ke-16 sebagai pedagang dan pendakwah dengan tujuan membawa syariat Islam. Ini dapat kita lihat di mana kebanyakan Masjid India yang ada di Malaysia merupakan masjid lama yang terletak berhampiran pelabuhan utama dan sesetengahnya masih mempunyai ciri-ciri sejarah yang tidak ternilai. Kesemua ini menggambarkan bahawa kedatangan India Muslim di Tanah Melayu telah hampir 600 tahun yang lalu.

Oleh yang demikian, sumbangan masyarakat India Muslim daripada segi ekonomi dan dakwah Islamiah terhadap Tanah Melayu tidak boleh dipertikaikan sama sekali. Walaupun pada zahirnya masyarakat India Muslim secara umumnya kelihatan sebagai golongan niaga yang berjaya tetapi ini tidak menggambarkan keadaan keseluruhan sebenar seyogianya dimaklumkan. Walaupun kaum India Muslim di negara kita adalah merupakan kaum minoriti tetapi jumlah keseluruhan berjumlah 674,000 bukan satu angka yang kecil. Kalau tidak silap, kaum India Muslim adalah merupakan kaum keempat terbesar selepas Melayu, India dan Cina. Hampir 90 peratus peniaga India Muslim di negara ini masih tergolong dalam kategori IKS atau SME yang masih memerlukan bantuan dan bimbingan.

Dalam belanjawan ini juga, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan beberapa peruntukan untuk membantu rakyat Malaysia. Antaranya, peruntukan sebanyak RM2 bilion untuk SME dan ini akan disalurkan melalui bank-bank Islam terpilih. Sebelum ini juga kerajaan banyak memberikan peruntukan kepada bank komersial terpilih untuk menyalurkan pinjaman kepada SME. Malangnya, masih ramai yang gagal mendapatkan pinjaman dari bank komersial terpilih atas pelbagai kerenah birokrasi oleh pihak bank. Saya ingin tahu, apakah justifikasi kerajaan untuk memberi peruntukan kepada bank tempatan tetapi ia gagal disalurkan oleh mereka kepada IKS atau SME yang memerlukan bantuan? Ini adalah kerana hasrat murni kerajaan adalah membantu SME tetapi pihak bank mengenakan pelbagai syarat yang pasti tidak dapat dipenuhi oleh SME.

Saya mohon agar kerajaan dapat campur tangan dalam hal ini bagi memudahkan prosedur pinjaman. Oleh yang demikian, saya gesa agar di masa akan datang agensi kerajaan urus secara terus proses permohonan dan agihan peruntukan SME ini. Begitu juga keadaan berhubung dengan *SME Revitalization Fund* yang ditubuhkan khusus bagi membantu SME bebas daripada masalah kewangan yang mereka hadapi. Walaupun kerajaan ada menyediakan kemudahan seperti ini untuk menyelamatkan SME yang menghadapi masalah tetapi birokrasi sering menjadi halangan kepada mereka untuk mendapatkan pinjaman.

Tujuan dana ini adalah untuk menyelamatkan IKS bermasalah tetapi masalah mereka tidak pernah selesai akibat terlalu banyak syarat yang ketat dikenakan oleh bank komersial. Syarat-syarat ini jelas tidak dapat dipatuhi oleh SME disebabkan mereka sendiri sedang menghadapi masalah kewangan. Jikalau mereka dapat memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh bank, maka mereka boleh terus pergi mendapatkan kemudahan pinjaman yang sedia ada pada bank komersial. Akan tetapi, tujuan dana ini adalah untuk membawa mereka keluar daripada belenggu kewangan yang mereka hadapi.

Jika dana ini sendiri tidak dapat membantu mereka, maka saya tidak lihat rasional mengapa dana ini harus diwujudkan. Kita mahu lihat IKS yang bermasalah dan mereka yang benar-benar memerlukan ini dibantu. Bantuan sahaja tidak memadai, malah kita harus ada satu mekanisme untuk membimbing mereka dari semasa ke semasa untuk memastikan mereka berada dalam landasan yang betul. Kegagalan memperoleh bantuan ataupun pinjaman kerajaan, menyebabkan ramai peniaga terjebak dalam kegiatan meminjam daripada ceti haram. Ramai peniaga yang meminjam wang daripada along tidak dapat keluar daripada cengkaman mereka disebabkan segala untung yang mereka peroleh terpaksa diserahkan kepada along.

Ada di antara peniaga yang meminjam wang daripada lebih lima orang along untuk menyelamatkan perniagaan mereka. Punca utama kepada kegagalan mereka mendapatkan pinjaman adalah disebabkan oleh rekod senarai hitam yang didedahkan oleh CTOS. Perkara ini pernah dibangkitkan di Dewan Rakyat sebelum ini. CTOS merupakan sebuah syarikat yang menyimpan data pelanggan bank yang tidak dikemas kini. Saya ingin tahu, bagaimana syarikat swasta ini mendapat hak untuk memegang data perbankan individu tanpa kebenaran mereka? Adakah apa-apa peruntukan undang-undang yang membenarkan syarikat ini memegang data perbankan mereka tanpa kebenaran bertulis daripada pemilik akaun? Siapakah yang memberi kuasa kepada mereka? Bagi saya, ini merupakan satu bentuk pencabulan terhadap hak asasi kemanusiaan. Kita pernah berhadapan dengan banyak kes yang mana individu atau syarikat masih disenaraihitamkan walaupun hutang bank tersebut telah dijelaskan sepenuhnya.

Apabila kita bertanya mengapa masih disenaraihitamkan, maka mereka akan meminta kita untuk mendapatkan surat pelepasan dari bank dan diserahkan kepada mereka. Setelah mendapat surat pelepasan tersebut, mereka hanya letak *remark* kata *debt settle*. Nama dan kad pengenalan pelanggan-pelanggan bank tersebut akan ada selama-lamanya. Apabila kita membuat permohonan pinjaman dari bank di masa hadapan maka dalam sistem, nama kita tetap ada dan bank mempunyai pilihan untuk tidak meluluskan pinjaman atas sebab kes lampau kita. Persoalan saya, adakah wajar untuk kita menghukum para peniaga yang telah melalui kesulitan pada ketika dahulu. CTOS memang jelas memberikan gambaran yang tidak betul seiring dengan pepatah Inggeris, "*discrediting the credible fellow*".

Kerajaan seharusnya mengambil satu keputusan drastik dalam hal ini bagi menyelamatkan para pelanggan institusi kewangan daripada terus dianiaya oleh CTOS. Kerajaan harus menetapkan CCRIS yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia sebagai satu-satunya pusat rujuk kewangan, *credit reference centre* untuk semua institusi kewangan bagi tujuan mendapatkan kedudukan kewangan bakal peminjam. Saya cadangkan agar kita harus mengambil satu pendekatan komprehensif bagi membantu golongan ini dengan memberi bantuan kewangan serta bimbingan yang sewajarnya kepada mereka. Kita sedia maklum bahawa kerajaan telah mengkaji semula peruntukan yang diberikan kepada Amanah Ikhtiar Malaysia dengan menaikkan jumlah peruntukan daripada RM120 juta kepada RM300 juta dalam Belanjawan 2012.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa RM100 juta diperuntukkan untuk usahawan muda India dan RM100 juta juga untuk usahawan Cina. Saya telah mengemukakan soalan lisan untuk sidang Dewan kali ini berhubung di mana terletaknya peruntukan bagi kaum India Muslim dan dimaklumkan melalui jawapan bertulis bahawa peruntukan untuk kaum India Muslim terletak dalam peruntukan untuk kaum India. Malah soalan saya bahawa berapakah peratusan yang dikhususkan untuk masyarakat India Muslim dalam dana ini tidak dijawab. Saya tidak puas hati dengan jawapan tersebut dan saya mohon di masa hadapan, soalan yang kemukakan dapat dijawab sepenuhnya.

Oleh yang demikian, saya mohon agar Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dapat menyatakan peratusan yang dikhususkan untuk kaum India Muslim dalam jumlah keseluruhan yang diperuntukkannya untuk kaum India.

■1540

Dengan adanya pengkhususan ini, saya yakin ia dapat disalurkan kepada usahawan muda India Muslim tanpa menyinggung mana-mana pihak. Saya juga ingin mencadangkan di sini agar dalam Belanjawan 2013, kerajaan dapat mengemukakan insentif kerajaan kepada masyarakat India Muslim secara khususnya mengikut nisbah populasi mereka di negara supaya tidak timbul kekeliruan dalam kalangan masyarakat India Muslim. Dengan adanya peruntukan khusus bagi kaum India Muslim, kita akan dapat tahu di mana kedudukan kita dan bagaimana kita boleh agihkan peruntukan yang diberi mengikut keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, *MSB Act 2011* atau juga lebih dikenali dalam bahasa Malaysia sebagai Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 yang baru-baru ini menyukarkan peniaga-peniaga, pengurup wang untuk menjalankan perniagaan mereka di bawah akta ini. Akta ini memberi peluang kepada peniaga-peniaga, pengurup wang melalui *guideline* Bank Negara Malaysia seperti besar, sederhana dan kecil mengikut jumlah yang telah ditetapkan bagi setiap kategori.

Hanya pengurup wang daripada kategori besar dan sederhana sahaja diberi peluang untuk menjalankan kiriman wang secara berlesen atau dikenali sebagai *remittance* dari Bank Negara Malaysia. Kita faham bahawa matlamat utama Bank Negara Malaysia melalui akta ini adalah bagi menyekat pengeluaran mata wang secara haram ke luar negara. Sekiranya Bank Negara Malaysia masih menyekat pengurup wang bagi kategori terendah untuk menjalankan kiriman wang luar negara, kita bimbang gejala penyeludupan mata wang ke luar akan lebih berleluasa. Sekiranya lesen *remittance* ini diberikan kepada semua kategori, maka saya yakin ini akan memudahkan pemantauan oleh Bank Negara Malaysia.

Saya juga ingin membawa kepada perhatian Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan *Money Service Business Act 2011* yang diluluskan baru-baru ini. Walaupun kita menyambut baik langkah Kementerian Kewangan untuk menambah baik serta menggubal akta baru yang membolehkan para pengurup wang berlesen menarik nafas lega, masih ada beberapa perkara dalam akta tersebut yang menindas mereka terutamanya akta 12(1)(a) MSB 2011 yang memaklumkan bahawa sekiranya pemegang lesen, ketua pegawai eksekutif, pengarah syarikat, pemilik saham dan pengurus melakukan apa jua kesalahan seperti yang termaktub dalam akta tersebut, boleh menyebabkan lesen pengurup wang dibatalkan.

Apa yang membuatkan kita terkilan adalah adakah sekiranya pengurus terbabit dalam kesalahan luar tanpa berkaitan dengan tukaran wang asing di bawah akta yang dimaksudkan, maka lesen dibatalkan? Ini merupakan satu perkara yang tidak masuk akal. Pengerusi itu hanya merupakan seorang kakitangan bergaji sahaja. Adakah sukar untuk majikan mengawal serta mengambil tahu tentang isu perbankan pekerja terbabit seperti pinjaman kereta dan kad kredit mereka? Sekiranya pemilik, pengarah atau CEO didapati melanggar undang-undang, maka adakah wajar bagi Bank Negara Malaysia membatalkan lesen tersebut? Adalah tidak wajar untuk menghukum pemegang lesen untuk kesalahan pekerja.

Berkenaan dengan kes rampasan simpanan tunai, pengurup wang yang melebihi had pula adalah jelas bahawa dalam seksyen 29(11)(c), Akta Pengurup Wang 1998 bahawa Bank Negara Malaysia hanya boleh mengenakan denda terhadap mereka yang melanggar syarat tersebut. Akan tetapi, pegawai Bank Negara Malaysia yang melakukan serbuan tersebut merampas kesemua simpanan tunai mereka, terbukti di mahkamah bahawa tindakan pegawai penguat kuasa Bank Negara Malaysia itu jelas melanggar peruntukan akta tersebut yang hanya membolehkan hukuman denda sahaja.

Perbuatan ini jelas merupakan satu bentuk salah guna kuasa oleh sebilangan kakitangan Bank Negara Malaysia. Saya mohon agar Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dapat memastikan bahawa tidak berlaku sebarang tindakan yang melampau batasan undang-undang.

Manakala dalam seksyen 8(3)(d) MBS 2011 pula memberikan imuniti khas bahawa tiada sebarang tindakan undang-undang diambil terhadap kakitangan Bank Negara Malaysia. Jika imuniti ini diberi kepada Menteri Kewangan dan Gabenor, kita faham bahawa mereka ini terlibat dalam penggubalan dasar. Akan tetapi, ini merupakan satu akta yang tidak wajar serta akan mendorong penguat kuasa Bank Negara Malaysia untuk bertindak di luar bidang kuasa mereka. Dalam sesetengah kes, ada pegawai penguat kuasa Bank Negara Malaysia menjalankan operasi dengan emosi, keterlaluan serta tidak beretika. Berhubung kadar denda yang bakal dikenakan dalam MSB 2011, saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan agar dapat menjustifikasikan denda dengan keselarasan secara terperinci memandangkan fasa denda sehingga RM5 juta atau penjara sehingga sepuluh tahun itu terlalu umum.

Borang permohonan MSB kalau kita rujuk begitu susah untuk diisi. Ramai pengurup wang berlesen keliru dengan syarat-syarat. Nombor akaun bank pengarah atau pemegang syer termasuk nombor akaun *credit card*, *housing loan*, sesiapa saudara yang menjalankan perniagaan yang sama iaitu pengurup wang berlesen harus mengemukakan nama, nombor kad pengenalan dan nombor akaun bank mereka termasuk *loan* perumahan dan *credit card*. Sesiapa saudara yang bukan menjalankan perniagaan, pengurup wang berlesen yang sama manakala saudara tersebut menjalankan perniagaan yang lain seperti restoran ataupun kedai emas harus mengemukakan nama mereka atau kad pengenalan, nombor akaun bank mereka dan kad kredit dan *loan* perumahan mereka. Ini merupakan satu proses yang merumitkan untuk mendapatkan maklumat kewangan mereka yang tidak mempunyai kepentingan dalam syarikat dan tidak faham apakah motif Bank Negara Malaysia di sebalik memohon kesemua maklumat tersebut.

Saranan saya kepada Bank Negara Malaysia adalah Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sebagai menteri bertanggungjawab akan mendapatkan maklum balas daripada persatuan pengurup wang Malaysia sebelum sebarang kata putus diambil. Saya beri jaminan bahawa kita bersedia untuk membantu kerajaan dalam membanteras gejala penyeludupan mata wang di negara kita. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan agar dapat menjelaskan apakah mekanisme yang berkesan yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu IKS dan SME yang dijalankan oleh masyarakat India Muslim? Mohon untuk memberikan setitik bilangan SME dan IKS milik masyarakat India Muslim yang memohon pinjaman melalui peruntukan SME dengan menyatakan bilangan yang memohon serta jumlah amal pinjaman yang diluluskan setakat ini. Apakah prosedur permohonan bantuan dan tabung bencana bagi SME yang terbabit dengan bencana alam seperti banjir, ribut dan sebagainya?

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah terus membangunkan sesebuah negara. Dalam Belanjawan 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperuntukkan hampir RM37.28 bilion bagi Kementerian Pelajaran dan RM12.96 bilion bagi Kementerian Pengajian Tinggi. Ini menunjukkan bahawa kerajaan benar-benar serius dalam melahirkan generasi *ulul albab* yang bakal menyumbang dalam pembangunan negara. Walaupun negara telah hampir 55 tahun merdeka, anak-anak India Muslim yang cemerlang masih menghadapi masalah melanjutkan pelajaran ke UiTM. Walaupun Yang Amat Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, dua minit lagi masa untuk Yang Berhormat.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Ini penting Tuan Yang di-Pertua. *Just* lima minit saya akan *settlekan*. Walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan dengan jelas pada bulan Oktober 2010, malah telah diulang semula pada satu perhimpunan pada 1 Disember 2011 bahawa India Muslim dan Malabari adalah terdiri daripada rumpun Melayu, namun anak-anak kami masih menghadapi masalah mendapat tempat di UiTM.

Kalau mengikut Perlembagaan Persekutuan, kami memang berhak untuk mendapat keistimewaan sebagai orang Melayu dan secara automatik mendapat taraf bumiputera. Akan tetapi kami di sini bukan untuk merampas hak orang lain tetapi menuntut apa yang sewajarnya bagi kami.

Apa yang lebih parah adalah di mana anak-anak India Muslim itu telah mendapat surat tawaran bagi mengikut kursus diploma atau ijazah pertama di UiTM tetapi selepas seminggu daftar masuk, mereka ditamatkan pengajian oleh UiTM dengan alasan India Muslim. Cuba bayangkan emosi pelajar dan ibu bapa terbabit yang telah membina impian tinggi untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan tinggi musnah dalam sekelip mata sahaja.

Apakah dosa anak-anak ini sehingga dilayan sedemikian oleh sebuah institusi pengajian tinggi terkemuka negara yang telah melahirkan ramai tokoh politik dan intelektual negara. Apakah UiTM bertindak bertentangan dengan hasrat murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk tidak ada diskriminasi dalam pendidikan. Satu peruntukan yang agak besar iaitu hampir RM2 bilion juga diumumkan bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dalam Bajet 2012. Ini menunjukkan kerajaan benar-benar komited dalam memastikan aspek kebajikan rakyat Malaysia dipelihara sepenuhnya. Sebagai satu kementerian yang bertanggungjawab menjaga kebajikan rakyat terutamanya golongan wanita, adalah amat penting bagi kita untuk memastikan segala dasar kerajaan sampai ke peringkat akar umbi.

#### ■1550

Kita juga mempunyai satu keperluan yang agak besar untuk membantu masyarakat India Muslim yang memerlukan terutamanya golongan ibu tunggal dan fakir miskin. Kita tidak mahu golongan yang memerlukan ini terus dipinggirkan memandangkan parti politik lain hanya membantu kaum yang mereka wakili sahaja. Saya mohon jasa baik Yang Berhormat Menteri agar jangan terlepas pandang dan silalah beri perhatian terhadap keperluan kami juga. Sejak kebelakangan kami, banyak pihak yang berfikir sempit memberi gambaran negatif tentang Islam dengan mengaitkannya dengan keganasan. Ini jelas telah mengundang gejala Islam fobia dalam kalangan penganut agama lain. Sebagai sebuah negara Islam yang cintakan keamanan, kita menolak segala jenis keganasan atau kekerasan oleh sesiapa tanpa mengira agama dan bangsa. Usaha KDN melalui agensi terbabit serta pasukan khas berjaya menangkis sebarang usaha oleh kumpulan ekstremis membawa fahaman mereka ke negara kita.

Walaupun kita masih lagi mempunyai ancaman daripada bentuk lain seperti filem dan media sosial, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua bahawa ada banyak unsur yang bertentangan dengan Islam di dalam filem-filem Tamil baru-baru ini. Adegan ataupun dialog dalam filem yang memberi gambaran yang salah serta menyeleweng daripada fakta sebenar Islam masih berlaku. Perkara ini masih melepasi tapisan Lembaga Penapis Filem KDN. Kita tidak menyalahkan Ahli Lembaga Penapis Filem keturunan India dan beragama Hindu kerana mereka mungkin tidak mempunyai pengetahuan tentang Islam. Jika ditapis oleh mereka yang beragama Islam tetapi tidak faham bahasa Tamil, lagi bermasalah. Saya pernah membawa perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri dan beliau meluluskan seorang wakil India Muslim diletakkan dalam Lembaga Penapis filem.

Akan tetapi wakil yang diluluskan ini hanya diterima sebagai ahli bersekutu dan bukan ahli sepenuh masa. Beliau dilantik pada 17 Januari 2011 dan apabila saya bertanya kepada beliau, berapa filem yang beliau telah hadir untuk tapisan, maka jawapan yang saya terima...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, minta kerjasama ya. Tadi minta lima minit, sudah bagi.

**Dato' Syed Ibrahim bin Kader:** Ya. Demi untuk menyelesaikan masalah dan isu-isu yang sering kali berulang yang sentiasa mengalami kesulitan serba-serbinya bagi masyarakat India Muslim, alangkah baiknya jika kerajaan mewujudkan satu kategori khas India Muslim dalam senarai rasmi kaum-kaum di Malaysia. Saya juga mohon agar dalam perangkaan penduduk Malaysia yang akan datang, kerajaan akan turut mengadakan banciaan bagi kaum India Muslim bagi mengenal pasti jumlah masyarakat India Muslim secara tepat di negara ini.

Ini akan memudahkan kerajaan dalam membuat susunan kuota bagi masyarakat India Muslim bagi pelajaran di UiTM ataupun Institut Pengajian Tinggi Awam, biasiswa tajaan JPA, pinjaman ataupun bantuan sosial dan sebagainya.

Apa yang saya harapkan, kerajaan dapat memberi perhatian kepada pembangunan India Muslim seperti yang diberi kepada kaum-kaum yang lain di negara ini. Cukuplah selama ini pihak yang sepatutnya menjaga keperluan masyarakat India Muslim telah gagal membantu mereka. Mereka juga turut memerlukan bimbingan seperti yang lain. Kita tidak mahu mereka dianaktirikan dalam arus pembangunan nasional. Perlu diingat bahawa setelah negara mengalami tsunami politik sekalipun, mereka masih berdiri teguh menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan pada petang ini, minta Yang Berhormat Menteri mengemukakan usul.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**3.54 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]:** Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 8.30 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi hari Selasa, 13 Disember 2011.”

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II [ Datuk Maglin a/l Dennis D’Cruz ]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

*Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin. Selepas itu, Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi minta bersedia.

**3.55 ptg.**

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 2012 di peringkat dasar.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi semasa iaitu pertumbuhan ekonomi negara 2011 berkembang hanya pada peringkat 5 peratus sehingga 5.5 peratus. Pertumbuhan ekonomi negara 2012 dijangka 5 peratus hingga 6 peratus. Jadi apa yang kita hendak buat? Pertama sekali kita kena takut kepada Allah SWT, itu yang pertama. Kedua kata... *[Bercakap dalam bahasa Arab]* Kesempatan ini diterangkan motivasi yang dapat merangsang jihad pada jalan Allah SWT, disebutkan bawah orang yang mati syahid pada jalan Allah SWT adalah mereka yang masih hidup di sisi Tuhannya dengan dikurniakan keistimewaan, kemuliaan rezeki yang terbaik dan ditempatkan pula pada peringkat yang paling menyenangkan. Mujahid dan as-Suddi, berkata kurnia yang besar itu ialah yang pertama ialah kesihatan badan, tidak kurang sesuatu apa.

Kedua, tidak jadi berperang kerana musuh tidak bertemu. Ketiga, mendapat keuntungan berniaga yang berlipat ganda. Di atas semua ini ialah teguhnya iman dan gembira hati di dalam memperjuangkan agama Allah SWT.

Dalam surah Ibrahim disebut dengan jelas, "*Kalau kita bersyukur atas nikmat-nikmat Ku, Aku akan tambah lagi nikmat-nikmat Ku. Akan tetapi kalau kamu kufur nikmat, sesungguhnya seksa Ku yang maha pedih.*"

Kedua, tentang perasingan kuasa, *the separation of powers*. Di sini kita mesti jelas supaya kita tidak tersasul memasuki baris yang tidak sebenarnya. Daripada segi kuasa eksekutif, kuasa legislatif dan kuasa *judiciary*, inilah kunci utama yang akan menentukan jaya gagalnya belanjawan negara. Saya berharap jaminan yang diberikan oleh kerajaan untuk menentukan ketiga-tiga cabang ini dipelihara sesuai dengan Artikel 145, Perlembagaan Persekutuan. Kuasa menyasat diberi kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, kes jenayah rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa terletak pada kuasa pendakwa raya. Saya pohon semua kes penyelewengan yang didedahkan secara jelas di dalam Laporan Ketua Audit Negara diambil tindakan dengan sewajarnya sokongan rakyat akan bertambah.

Ketiga, perkhidmatan awam. Sejarah telah membuktikan bahawa perkhidmatan awam telah banyak menyumbang kepada kepesatan pembangunan negara. Malah, sektor awam hari ini masih dipandang tinggi dan relevan dengan keperluan semasa. Pembangunan negara yang kita kecapai hari ini tidak diperolehi dengan mudah. Sebaliknya, ia adalah hasil daripada kerja keras jentera pentadbiran dan pengurusan yang cekap serta profesional. Saya harap semua penjawat awam dalam seluruh negara bersifat *apolitical* yakni dia tidak masuk belah mana, tetapi dia sensitif kepada kerajaan yang memerintah sekarang.

*Without fear or favor*, dengan izin, dan saya mohon pada sahabat-sahabat saya Pegawai-pegawai Tadbir dan Diplomatik, PTD *officers* yang ada di dalam seluruh negara yang menerajui perancangan, kepimpinan yang juga menjalankan polisi-polisi kerajaan perlu mempunyai pegangan hidup yang unggul, yakin, dan berani membuat keputusan, baru kita hendak berjaya.

Hasrat *Democratic Action Party* (DAP), anak angkat *People's Action Party* (PAP) Singapura untuk mengurangkan penjawat awam terus dipersoalkan, dibidas oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Kongres Kesatuan Pekerja dalam perkhidmatan awam, CUEPACS. Kata Tan Sri, jumlah penjawat awam yang sedang berkhidmat sekarang adalah ideal dengan nisbah penduduk negara ini dan Presiden CUEPACS telah mengatakan bahawa DAP yang hendak mengurangkan penjawat awam bukan tindakan bijak malah tidak realistik. Jangan bagi 'depa' perintah, masalah.

Tony Pua, masalah. Saya sebut dalam Dewan ini, Penasihat Ekonomi DAP telah menuduh JPA sebagai tempat lambakan siswazah. Melalui laman web Malaysiakini, 23 Mei 2007 bahawa sektor awam tempat lambakan graduan Melayu menganggur. Tony Pua juga telah tidak memahami sejarah dan budaya tradisi orang Melayu yang berpendidikan tinggi dalam organisasi kerajaan.

#### ■1600

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Pandangan beliau yakni Tony Pua ini, yang jumud dan tidak matang ini sudah tentu menyentuh sanubari Melayu yang telah berkhidmat sekian lama dengan kerajaan. DAP tidak menghormati perkara-perkara yang dipersetujui oleh pemimpin dahulu, sebab itu DAP - dan DAP hendak tulis pula Perlembagaan. Inilah kita harap, orang yang berkawan dengan DAP ini, DAP ini saya sebut sudah dalam Dewan, '*di ambang percintaan*'. Siapa yang bercinta dengan DAP ini, mati kita. Tidak kiralah dia sayang, dia lupa walaupun moralnya telah tergadai. Saya harap yang berkawan dengan DAP, berhentilah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Terima kasih. Saya hendak tahu pasal bila Yang Berhormat tentang angan-angan atau hasrat DAP hendak mengurangkan saiz perkhidmatan awam itu. Apa agaknya muslihat di sebaliknya? Saya nampak dan percaya Yang Berhormat memberikan perhatian yang besar kepada perkara ini. Jadi, kalau hendak tahu, saya percaya Yang Berhormat pernah dalam perkhidmatan awam dulu. Apa agaknya muslihat yang tersirat di belakang niat Yang Berhormat sebutkan tadi?

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebagai bekas PTD *officer*, saya amat terasa kalau sentuh hal hendak membangunkan.

Saya tidak ada masalah seperti hendak menjadikan ia persyarikatan Malaysia, sistem penyampaian, *delivery system* yang baik, *first class policies* tetapi menyentuh hal yang disebut '*sekilas ikan di air, kita sudah tahu jantan betina*'. Jadi, saya hendak ingatkan satu perkara kepada DAP, '*jangan mengajar anak harimau memakan daging*'.

Ketiga, masalah air. Ini penting. Tanpa air, kita boleh pupus bila-bila masa. Dalam Laporan Audit Negara 2010, syarikat Indah Water Konsortium (IWK) kerugian sebanyak RM1.2 bilion walaupun kerajaan telah *inject* sebanyak RM400 juta sebagai subsidi. Syarikat ini rugi tetapi saya hairan kakitangannya dapat bonus. Yang ini saya harap ambil malulah sedikit. Syarikat rugi, syarikat hampir bankrap, kakitangan dapat bonus. Saya harap menteri yang jaga ini, tolong perhati, apa sudah jadi dengan IWK. Mungkin ia jadi anak emas kerajaan, GLC yang di bawah Kementerian Kewangan. Jadi, saya minta Kementerian Kewangan semak kenapa perkara ini berlaku kerana saya tengok RM600 juta tidak dapat dikutip. Saya cadangkan bil air dan bil kumbahan kita sekaligus, baru kita dapat kutip. Kalau kita asingkan, ini ada masalah atau kita bagi terus kepada SYABAS untuk uruskan air dan juga kumbahan, selesai masalah. Saya ingat Tan Sri Rozali kena dengar cerita ini, saya tengah 'dok' bakar semangat.

Jangan lupa paip-paip yang ada sekarang ini sudah berkarat, asbestos lama tidak ditukar, tidak diganti. Penstrukturan semula industri air ini belum lagi selesai, apa sudah jadi? Ini masalah besar. Bagi orang makan air berkarat, masalah. Jadi, saya harap, saya merayu, bagilah buatlah kerja betul-betul. Kalau sekiranya lembaga pengarah ini sudah tidak berfungsi, IWK, berhenti sahaja. Saya cabar, malulah sedikit. Tarif baru, lulus atau tidak, saya tidak tahu. Dia kena jawab. Hutang Kerajaan Selangor pada SYABAS RM10 juta tiap-tiap bulan, bayar atau tidak? Saya takut orang Selangor minum air tidak berbayar.

Saya orang kampung, perkara keempat saya hendak sentuh hal petani. Dalam Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) telah meminta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menambah pengeluaran beras gred super 15 peratus hancur iaitu ST15. Inilah sebanyak tiga kali ganda, saya setuju kerana inilah beras orang kampung makan. Orang Kenny Hill, orang di presint-presint Putrajaya, orang di Bukit Tunku, mungkin tidak makan beras ini tetapi orang kampung, Cheruk To'kun dan sebagainya, tempat Datuk Seri Anwar pun makan beras ini. Jadi, tambahlah, tambahlah. Kemudian, harga potongan padi yang 10kg ke bawah, janganlah 15kg, 20kg, 25kg, kasihan, kasihanilah petani luar bandar yang bagi kita makan beras yang dikeluarkan, khususnya Jelapang Padi Kedah.

Saya harap tahun ini kerajaan potong hanya 10kg ke bawah. Satu kilo RM1, kalau dipotong 20kg, sudah RM20. Rugi petani. Kalau beribu-beribu, ratus ribu metrik tan, berapa banyak? Kena kira macam itu. Kemudian kita ada 700,000 petani dalam negara kita, sudah masalah. Benih padi sah pun tidak cukup. Kita perlu lagi 30 peratus. Jadi, saya minta bagilah peruntukan ini kepada Persatuan Peladang. Kita ada kempen untuk tambahkan 10 metrik tan satu hektar tetapi bila kita dapat padi 10 metrik tan, sudah BERNAS kata tidak boleh bayar pula, hendak bayar subsidi. Saya rasa ini semua masalah. Suruh tanam padi, sekarang MARDI sudah tolong. Kementerian Pertanian sudah tolong, syarikat swasta sudah jadikan petani anak angkat, sudah jadi enam metrik tan, sepuluh metrik tan. Malangnya, pihak BERNAS tidak mahu beri subsidi. Saya hendak beritahu pada BERNAS, kalau tidak pandai, kena belajar. Dia ingat padi itu mari dari Siam Tuan Yang di-Pertua. Mana ada padi Siam. Semua padi mana ada cap. Tidak ada. Semua padi sama sahaja.

Ini pun penting, nelayan. Orang kampung kata minta tolong Kementerian Pertanian siasat. Betul atau tidak pukut tunda ini makan habis semua benih ikan yang ada. Ia ambil semua, ia macam naga, makan semua. Jadi, kita harap kalau benarlah pukut tunda ini berperangai macam ini, kita minta diharamkan. Dalam *Straits Times*, disebut pada 6 Disember 2011 Tuan Yang di-Pertua, ini penting bahasa Inggeris, minta izin, "*No more fish by 2049*". Kalau tidak ada ikan dalam negara ini, orang yang kencing manis, orang yang penyakit gout, hendak makan apa. Daging tidak boleh, sotong tidak boleh, udang tidak boleh, ikan pun tidak ada. Apa yang kita hendak perjuangkan sekarang yang kita 'dok' ada dalam Dewan yang mulia ini. Makan, pakai, tempat tinggal, perubahan sikap? Laa, ikan dah habis dah! Jadi, saya minta 16,000 nelayan, mereka rasa syukur kepada kerajaan kerana dapat RM200. Nelayan pun kerajaan bagi RM200 tiap-tiap keluarga. Mana ada dalam dunia. Ini dalam Malaysia sahaja.

Jadi, dia bersyukur, cuma dia kata, "*Kot menang pula pilihan raya ini dengan cemerlang, tambahlah RM300*". Menanglah, *insya-Allah*. Nelayan minta satu lagi, *cold room*. Buat, khasnya di Kedah dan Perlis. Bila lambakan ikan, harga rendah, kita beli. Bila ikan kurang kita dapat, kita jual. Jadi, kita selamat seluruh rakyat, seluruh negara. Kalau dulu RM2 masa kita beli, kemudian bila ikan tidak ada, kita jual stok yang ada dan harga tidak akan lari antara RM2 ke RM5. Selamat rakyat. Kalau benar kita hendak tolong rakyat luar bandar, inilah cara-cara yang kita perlu buat.

#### ■1610

Satu lagi, ini penting. Saya pun kawan-kawan telefon, Tuan Yang di-Pertua. Isteri dimadu layak mohon bantuan sebanyak RM500. Isteri dimadu. Saya tidak tahulah. Saya pulang kepada kawan-kawanlah, siapa yang lebih. Jadi rupanya, Tuan Yang di-Pertua, kesemua empat orang dapat RM500, *alhamdulillah*. Saya ingat dalam dunia mana ada lagi ini. Empat orang isteri dapat RM500. Jadi kakak-kakak, yang nombor dua, nombor tiga dan nombor empat, jangan takut. Kerajaan sudah setuju. Saya baca. Kalau tidak, jumpa Datuk Dr. Awang Adek. Dalam surat khabar ini Datuk Dr. Awang Adek kata, *alhamdulillah* selesai.

Kemudian bantuan RM100. Semua sudah cakap, jadi saya tidak cakap. Cuma saya beritahu terima kasih kepada kerajaan. Yang saya tidak tahu swasta ini. Yang Berhormat Menteri dari Pulau Pinang. Orang swasta pun dapat. Inilah ikut surat khabar. Kalau silap, saya tidak tahu. Ini dia kata swasta, semua dapat, *alhamdulillah*. Kemudian dia kata satu lagi, ini penting, sahabat saya di sebelah. Seramai 1.3 juta orang rakyat Kelantan layak terima RM500. Itu dia - 1.3 juta orang Kelantan, *alhamdulillah*. Mungkin tidak bising sangatlah. Banyak ini. Kalau kali RM500 berapa Tuan Yang di-Pertua? Huh! Banyak. Jadi maknanya, *alhamdulillah*.

Kemudian satu lagi. Ini penting. Tadi saya beritahu dekat Yang Berhormat Profesor tentang pendidikan. Saya cuma hendak sebut satu. Jam pun sudah jatuh. Kata Engku Aziz sebab dia berlaga dengan sahabat saya tadi. Dia kata, "*Bagi saya, yang perlu ditekankan adalah pengajaran bahasa dan bukan mengajar bahasa dalam mata pelajaran seperti Matematik dan Sains*". Jelas. Sudah jelas seorang Profesor Diraja sebut. Jadi yang penting, Yang Berhormat Menteri sudah jawab. Kita tambah sahaja. Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, tambah masanya sebab laporan konsisten PPSMI ini daripada Profesor Ishak dan semua kumpulannya telah empat kali membuat kajian dan semua *resultnya* sama sahaja. Lebih kurang statistik. Memang budak luar bandar tidak boleh buat. Memang dia tidak boleh 'pi' lah kata orang kampung.

Jadi saya setuju satu *statement* dan kita tutup PPSMI bahawa PPSMI adalah bercanggah dengan Artikel 152, Perlembagaan Persekutuan, *null and void, unconstitutional*, Tuan Yang di-Pertua dengan izin. Jadi siapa cuba cakap PPSMI, dia sudah ketinggalan zaman dan kita bawa dia di bawah Akta Hasutan sebab Ibnu Khaldun ada mengatakan bahawa seorang tokoh ilmuwan Islam yang cukup mahal dengan penulisan dan ilmu sosiologinya Al-Muqaddimah, apa dia kata? Ada menyatakan bahawa pembinaan tamadun dalam peradaban manusia dalam sesebuah negara hanya akan berlaku dengan tertegaknya bahasa dan budaya sebagai tiang asasnya.

Keenam, tentang rasuah. Saya baca surat khabar, jatuh pula sampai nombor 60. Tidak apa, 60. Hari itu kita nombor 39, 44, 60. Apa sebabnya? Ada cadangan bahawa kita bagi kuasa penyiasatan dibuat SPRM, pendakwaannya katanya saya sudah cakap pada mula tadi, mukadimah saya *separation of powers* dengan izin, perasingan kuasa. Tidak boleh orang yang siasat, dakwa. Namun saya hendak cadangkan, Tuan Yang di-Pertua untuk hendak bagi kuat supaya orang tidak tuduh kata *AG Chamber* ini dok dakwa ikan bilis. Dia tidak dakwa ikan *shark* yang besar-besar. Jadi saya cadangkan supaya sama banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ikan *shark* itu apa dia?

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Oh! *Whale*lah. Jerung. Oh! Makan, Tuan Yang di-Pertua. Dia makan sungguh. Makan sampai habis anak, cucu dan cicit. Jadi kita cadangkan masa hendak tentukan, hendak bawa kes ke mahkamah, kita separuh AG, separuh SPRM. Dia tidak boleh bagi SPRM sahaja atau AG sahaja. AG pun dia manusia macam kita juga. Dia pun macam kita juga. Jadi kita ambil kedua-duanya sekali dan tentukan kes ini hendak bawa atau tidak.

Akan tetapi saya cadangkan semua kes dibawa. Kita *fight gentleman* dalam *court*. Dengan izin, *let the judge decide, let the court decide*. Apa masalahnya, macam mana? Saya ingat ini satu cara yang terbaik. Orang sudah tidak kata.

Keenam, saya hendak cadangkan akta baru. Akta Menghina Raja diwujudkan. Apa sudah jadi kepada Raja-raja Melayu kita? Semua orang cakap yang bukan-bukan. Semua orang kritik, hanya Karpal Singh. Karpal Singh kata, "*I am the king*". Apa, dia boleh *sue the king*? Ini Karpal Singh cakap. Sekarang ini kita buat akta macam di Thailand.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sudah ada undang-undang dalam itu. Siapa yang menghina raja sudah ada. Soal pelaksanaan sahaja.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Sekarang ini tindakan pelaksanaan kuat kuasa. Kita mahu macam Ampon. Ampon dipenjarakan 20 tahun kerana menghina Raja Thailand. Rakyat Amerika hina Raja Thailand dipenjarakan, jelas. Kalau kita tidak buat macam ini, hari-hari orang akan hina raja sebab mereka ini sudah makan benda yang tidak ketahuan. Sebab itu dia jadi ketidaktahuan. Dia sudah biul. Jadi saya harap benda ini dikuatkuasakan dan kita perlu tegas tangani pencabul Perlembagaan Persekutuan. Kalau boleh kita wujudkan, saya selalu sebut dari tahun 2006 sampai sekarang. Kita harus wujudkan mahkamah Perlembagaan, apa masalahnya? Khas. Ini dia hakim ini dia hanya jaga bahagian ini sahaja. Dia jangan pergi jaga yang lain-lain. Dia jaga Perlembagaan sahaja. Semua kes. Semua dua tiga orang yang kita lantik yang terbaik, yang betul-betul *expert* tentang Perlembagaan Persekutuan. Selesai masalah. Ini tidak ada. Hakim inilah yang ini. Hakim yang sama. *Last-last* hakim, saya bukan hendak katalah, Karpal Singh lepas. Saya kalau kena itu, kenduri pulutlah.

Tentang agama ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sebut dalam Perlembagaan dia tidak sebut Sunah Waljamaah. Dalam Perlembagaan dia sebut agama Islam, agama persekutuan, mana-mana agama boleh diamalkan dengan aman dan damai, 31. Saya sudah sebut beberapa kali. Kerajaan hendak kaji. Saya hendak tanya bila dia hendak kaji. Kerajaan jawab kita tidak akan masuk perkataan rasmi tetapi akan masuk perkataan Sunah Waljamaah. Bila sampai masanya kita masuk itu. Jelas siapa kadar ini, siapa yang lain-lain. Semua itu boleh kita tangkap. Boleh kuat kuasa. Sekarang tidak boleh. Kita bubuh di situ perkataan Sunah Waljamaah.

Kemudian, murtad. Saya ada buku ini. Siapa yang hantar ke rumah pun saya tidak tahu. Aktiviti tentang memurtadkan orang Islam ini. Saya harap Menteri yang jaga di Jabatan Perdana Menteri, kalau beliau hendak ambil buku ini pun boleh dan semua nama orang Melayu, siapa orang-orang yang memurtadkan mereka ini semua ada dalam ini. Saya tidak tahu siapa bagi dan saya harap kita kena ambil tindakan serta-merta kerana murtad ini kalau tidak kesemua kita tidak ada syurga. Saya hendak 'habaq' apa lagi. Dia kata dalam Islam mudah sahaja. Kalau kita makan, kalau kita boleh makan tetapi *neighbour* kita, adik-beradik kita sebelah tidak boleh makan, kita ada lebih makan tetapi kita tidak beri makanan, maka kita tidak ada syurga. Macam dengan ini juga. Kita tidak akan jumpa kalau kita sendiri tidak bersama-sama memperjuangkan hal-hal orang Islam yang murtad.

Tentang meritokrasi. Saya bangkitkan semula dari tahun 2006, 2007 dan 2008. Meritokrasi di universiti, ia rosakkan harapan Melayu. Ini Profesor Ungku Aziz sebut kerana di Singapura, ia tidak ada sistem meritokrasi. Ia hanya ada sistem kuota. Orang Cina sebanyak 75 peratus, orang Melayu sebanyak 15 peratus dan orang India 10 peratus. Dia tidak bergaduh. Tidak ada masalah. Jadi apa yang kita hendak bergaduh? Benda ini ada hitam putih. Dulu PAP, Lee Kuan Yew, majalah *Malaysia*. *Malaysian Malaysia*, *Malaysian Malaysia*. Pembohong! Mengarut! Bila dia keluar, hilang *Malaysian Malaysia*. Dia kira orang dia sahaja sebanyak 75 peratus. Orang kita di Singapura tidak ada tempat sekarang ini. Luluslah berapa puluh 'A' pun, tidak ada tempat. Hanya boleh isi 15 peratus sahaja.

Jadi saya harap sudah sampai masanya meritokrasi adalah bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan kerana tidak ada dalam Artikel 181, kesemua seksyen dalam Perlembagaan tidak ada satu pun perkataan merit. Yang ada hanyalah perkataan kuota. Jadi sudah sampai masanya kita hentikan meritokrasi kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Ini kerana merit bagi orang Islam dia bukan merit dapat 20A, 30A dan 40A. Tidak. Merit orang Islam ialah iman. Asas utama meritokrasi orang-orang Muslim.

Bagi MAS. Saya hendak memperingatkan lagi satu. MAS ini, Tuan Yang di-Pertua, dia sudah tidak jadi MAS. Tuan Yang di-Pertua tahu. MAS sudah tidak jadi MAS. Saya pun tidak tahu sudah jadi apa, apa sebabnya?

■1620

Kerajaan telah membeli balik 29.09 peratus kepentingan Tajudin yang dipegang melalui Naluri Berhad dalam MAS pada harga RM1.792 bilion tunai ataupun RM8 sesaham sedangkan kaunter syarikat penerbangan itu ditutup pada harga RM3.62 sen. Apa sudah jadi ini? Saya pun tidak tahu, dia belajar matematik di mana? Belajar bahasa Inggeris di mana ini, saya pun tidak tahu. Belajar di London, Los Angeles, Hawaii atau mana ini? Kini, ha! Ini dah jadi masalah pula. Kini rangka kerja kolaborasi komprehensif, dia nak bagi orang Melayu payah sebut, saya pun tidak boleh sebut, orang kampung lagi tidak boleh, CCF antara penerbangan Malaysia MAS, AirAsia Berhad, AirAsia X dimeterai.

Yang ini masalah Tan Sri, benda ini kena bawa. Kita ini hidup, kita tidak boleh biar benda ini berlalu. Tidakkah ini akan mewujudkan monopoli, yang mana akhirnya harga tambang dan perkhidmatan udara di Malaysia akan meningkat secara sewenang-wenangnya akibat terhapusnya persaingan. Sudah tidak ada siapa lagi. Tony Fernandes pun buat tidak tahu sahaja, semua kita tolong buat untuk dia. Apakah dengan kolaborasi ini, pengguna dapat menikmati harga murah? MAS sebagai syarikat berkaitan kerajaan, GLC bukan hanya untuk berniaga. MAS ini bukan untuk berniaga 100 peratus tetapi memainkan peranan sebagai *flight carriers* bagi negara. Dia pergi merata-rata dunia, ini Malaysia, ini Malaysia. Itu tujuan dia yang utama. Buat untung tetapi menaikkan nama Malaysia, bendera Malaysia di merata dunia, seantero dunia orang tahu Malaysia, Malaysia! Itu MAS, sekarang apa sudah jadi pada MAS?

Saya harap – apakah penglibatan Pengerusi AirAsia, Tony Fernandes dan penamanya dalam lembaga pengarah MAS turut menimbulkan konflik kepentingan walaupun beliau memegang jawatan bukan eksekutif. Dia di dalam itu, siapa nak cakap? Tidak ada kaki hendak cakap, dia duduk di situ, mati orang hendak cakap. Habis semua dia monopoli. *Last* sekali, MAS-Tony, Tony-MAS. Adakah benar kalau saya katakan, Hah! Ini saya katakan kita perlu seorang tokoh yang benar-benar hebat untuk menerajui MAS bagi bersaing di peringkat antarabangsa. Cari orang yang betul-betul *power* dan dirombak lembaga pengarah, pilih yang bersih, cekap, amanah serta takutkan kepada Tuhan.

Bagaimana untuk menjamin mutu perkhidmatan udara daripada merosot akibat pengguna yang tidak ada pilihan untuk mendapatkan perkhidmatan. Kita tidak boleh pergi sudah. Naik MAS pun *suffer*, AirAsia pun *suffer*. Dia sudah pakat dah. Jadi, yang jadi mangsa siapa? Kita, kita rakyat yang jadi mangsa. Saya tidak mahu perkara ini berlaku sebab ini tidak menguntungkan rakyat luar bandar. Itu hal MAS...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada dua minit lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Dua minit? Okey. Hah! Saya suka hendak sebut tentang Anwar ini sebab...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan sebut atau guna nama Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Tentang DAP sabotaj terhadap ekonomi bumiputera. Siapa kata? Anwar yang cakap. Apa dia kata? Rakyat perlu mengetepikan pengkhianat pembangunan dalam kalangan orang Melayu sendiri yang sebenarnya didalangi oleh DAP. Agenda DAP untuk memastikan kaum bumiputera terus kekal miskin dan hidup dalam keadaan daif. Itu tujuan DAP, itulah cara hidup dia. Ini siapa kata? Anwar kata. Percubaan untuk mensabotaj setiap projek yang dibuat oleh kerajaan untuk orang Melayu dan bumiputera jelas wujud sejak kebelakangan ini. Usaha ini bertujuan untuk sabotaj ekonomi selain menimbulkan suasana perpecahan semasa rakyat. Mana dia kata? Dia kata semasa berucap di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Warisan Negeri, Kangar pada 22 Januari 1995. Kangar, Perlislah.

*Last* sekali, apa DAP kata? Saya nak kata apa DAP kata – Anwar yang cakap. Tentang DAP menentang hak Melayu. Memang DAP kerja dia tentang orang Melayu sahaja, dia tidak peduli. Saya hairan bagaimana masih ada orang Melayu yang sanggup bekerja dengan DAP sedangkan Encik Lee Lam Thye yang telah lama berada dalam DAP tidak boleh bekerja dengan Setiausaha Agung DAP, Tuan Lim Kit Siang. Lee Lam Thye sudah tahu puak-puak ini puak pemusnah bangsa, memusnahkan perpaduan. Dia keluar, tinggalah *three stooges* duduk dalam itu. Tan Seng Giaw, Lim Kit Siang dan Karpal Singh. Ha! Dia pun boleh saman saya tetapi Anwar kata, bukan saya kata. Anwar Ibrahim berkata semasa memberi ceramah di Kubang Menderung, Kepala Batas pada 15 Oktober 1990. Sekian, dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Mustafa Kamal.

#### 4.25 ptg.

**Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2012 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, transformasi yang paling ketara dalam bajet kali ini adalah daripada segi agihan peruntukan kerana jelas sekali bajet ini cuba meliputi setiap golongan masyarakat.

Bagaimanapun, transformasi yang sebenar tidak hanya terhad kepada pelan agihan tetapi yang lebih penting lagi adalah perubahan daripada segi sistem yang dapat meningkatkan integriti dan mengekang ketirisan yang mengakibatkan perbelanjaan yang semakin mengembang.

Izinkan saya berkongsi satu maksud hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari, marhumnya, telah berdoa Rasulullah "*Ya Allah, aku berlindung kepada Mu dari dosa dan hutang.*" Lalu sahabat bertanya, "*Mengapa engkau sering meminta perlindungan dari hutang ya Rasulullah?*" Lalu Baginda menjawab, "*Jika seseorang berhutang, bila berbicara ia dusta, bila berjanji ia mungkir.*" Setelah 14 tahun berturut-turut kerajaan menyediakan bajet defisit atau bajet berhutang semenjak 1998 sehingga hari ini, tidak nampak tanda-tanda yang kecenderungan itu akan berubah.

Kerajaan perlu meminjam sekurang-kurangnya RM46 bilion untuk membiayai defisit Bajet 2012. Itu pun jika ekonomi tumbuh pada kadar 5 peratus hingga 6 peratus bagi tahun 2012. Sebenarnya kerajaan telah terjunam dalam defisit struktur yang berpunca daripada pengurusan atau sifat boros dalam mengendalikan perbelanjaan. Pada masa yang sama, keupayaan kerajaan mengeluarkan terbitan bon dan instrumen hutang dalam tahun 2012 pula adalah terbatas. Ini disebabkan had keberhutangan negara atau *debt ceiling* dengan izin, yang dihadkan kepada 55 peratus daripada KDNK di bawah Akta Pinjaman 1959 dan Akta Pendanaan Kerajaan 1983. Bajet 2012 berjumlah RM232 bilion pada ketika pendapatan negara tidak dapat menampung keupayaan berhutang kerajaan, dibimbangi akan mempercepatkan hasrat kerajaan untuk melaksanakan cukai barangan dan perkhidmatan.

Kerajaan seharusnya prihatin dengan kebanyakan rakyat Malaysia yang terbeban dengan jumlah hutang yang membimbangkan. Pada akhir tahun 2010, jumlah hutang isi rumah yang ditanggung rakyat Malaysia telah mencecah RM577 bilion bersamaan 77 peratus daripada KDNK negara. Melonjak daripada 63.9 peratus pada tahun 2008 manakala nisbah bayar hutang isi rumah meningkat 39.5 peratus pada 2008 kepada 47.8 peratus pada tahun 2010. Maknanya hanya separuh daripada pendapatan isi rumah boleh digunakan bagi menampung keperluan hidup sekeluarga kerana separuh yang lain perlu digunakan untuk membayar pinjaman.

Sekiranya kerajaan beranggapan bahawa pemberian *one-off* RM500 kepada isi rumah yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah sebulan akan menyelesaikan masalah ekonomi keluarga mereka, maka itu adalah kesilapan besar. Apakah jaminan kerajaan, isi rumah yang layak tidak tercicir dalam pengagihan RM500 ini.

Jika benar agihan akan dilakukan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri, berapakah kos tambahan yang diperlukan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi menyempurnakan agihan ini.

#### ■1630

Bagaimana pula dengan masyarakat yang tinggal di hujung-hujung kampung dan desa. Kebimbangan ini terserlah apabila melihat bagaimana pemberian *one-off* RM100 kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah yang dijalankan baru-baru ini. Bukan sahaja ia satu pujukan malahan satu bebanan tambahan kepada guru-guru besar dan pengetua kerana tanggungjawab melaksanakan pemberian ini diserahkan kepada mereka dengan cara tergesa-gesa.

Rumah Pertamaku. Tuan Yang di-Pertua, sedang kebanyakan rakyat bimbang tentang tanggungan hutang yang semakin meruncing, kerajaan turut membuka ruang yang lebih bagi membolehkan rakyat melebarkan bebanan hutang mereka. Kerajaan mencadangkan had maksimum harga rumah Skim Rumah Pertamaku dinaikkan daripada RM200,000 kepada RM400,000.

Harga rumah yang sudah pun melambung tinggi akibat spekulasi sekarang diberi lampu hijau pula untuk dinaikkan lagi, kononnya sebagai penambah baikkan skim ini. Harga rumah yang tinggi bermakna hutang yang tinggi. Faedah yang tinggi dan pembayaran balik yang boleh sampai ke dua generasi. Nampaknya kerajaan sudah tidak ada inisiatif untuk mengurangkan harga rumah malahan menyokongnya dengan meningkatkan harga maksimum bagi Rumah Pertamaku. Kita fikirkanlah mampukah golongan berpendapatan kurang RM3,000 ini memiliki rumah sebegini? Jika tidak dapat membayar balik pinjaman bank, rumah mereka mungkin dilelong. Kaedah bina kemudian jual patut disegerakan supaya isu projek terbelengkalai yang mana pembeli terpaksa membayar pinjaman walaupun rumah tidak siap-siap seperti selalu kita dengar dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, lebih daripada 75 peratus daripada keseluruhan Bajet 2012 diperuntukkan bagi tujuan pengurusan dengan beberapa kementerian menerima peruntukan lebih tinggi berbanding dengan tahun 2011. Peruntukan mengurus jawatan Perdana Menteri meningkat 12 peratus, Kementerian Kewangan meningkat 12 peratus, Kementerian Kerja Raya meningkat 29 peratus, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula meningkat 61 peratus, Kementerian Dalam Negeri meningkat 25 peratus.

Ketika beberapa kementerian menikmati lonjakan peruntukan pengurusan, rakyat rasa kecewa dengan membelakangkan kepentingan pembangunan modal insan apabila memotong peruntukan pengurusan Kementerian Pelajaran sebanyak 3 peratus. Malahan peruntukan bagi pembangunan untuk kementerian yang sama juga turut dikurangkan sebanyak 28 peratus. Apalah hendak kita banggakan dengan pemberian RM100 kepada para pelajar apabila keseluruhan peruntukan kementerian telah dicantas dengan begitu banyak.

Kerajaan juga bercadang memansuhkan yuran tahunan ko-kurikulum, kertas ujian dalaman, Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia dan insurans takaful sebanyak RM24.50 bagi pelajar sekolah rendah dan RM33.50 bagi sekolah menengah. Kita juga maklum dengan dakwaan bahawa buat pertama kali rakyat akan menikmati persekolahan percuma. Mengelirukan, kerana ini bukanlah kali pertama malahan mantan Perdana Menteri Tun Abdullah Badawi telah terlebih dahulu melakukannya apabila mengumumkan perkara yang sama pada pembentangan Bajet 2008 iaitu bajet terakhir sebelum Pilihan Raya Umum Kedua Belas dalam usaha menawarkan rakyat pendidikan 100 peratus percuma yang disiarkan dalam BERNAMA pada 7 September 2007.

Kerajaan kemudiannya memperkenalkan bayaran tambahan yang perlu dibayar oleh para pelajar yang dikategorikan kepada tiga pakej. Saya merujuk kepada Surat Pekeliling Ikhtisas bertarikh 31 Oktober 2007. Setiap pakej ada enam jenis yuran pada kadar yang berbeza. Pakej 'A' yang termahal dan pakej 'C' yang termurah. Mulai Bajet 2012, kerajaan hanya memansuhkan empat jenis yuran berdasarkan pakej yang termurah iaitu pakej 'C'. Ini menggambarkan betapa tidak seriusnya ketika mengumumkan persekolahan percuma kepada rakyat. Masih banyak sekolah yang tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi menampung perbelanjaan, menyediakan program-program dan aktiviti yang berkualiti kepada para pelajar.

Atas sebab itu, sekolah-sekolah terpaksa mengutip derma daripada masyarakat yang rata-rata akan mempersoalkan tindakan sekolah kerana kerajaan telah mengumumkan bahawa persekolahan di Malaysia adalah percuma. Kita lihat hari ini banyak PIBG yang tugasnya tidak lebih daripada meminta derma dan bantuan daripada orang perseorangan mahupun syarikat-syarikat korporat. Maka kita tidak perlu terkejut sekiranya suatu hari nanti, ada sekolah yang gagal menjalankan mesyuarat agung PIBG kerana ibu bapa tidak berminat untuk menjadi peminta derma bagi pihak sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh sedikit tentang Perumahan Rakyat. Nasib yang sama juga menimpa projek menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat.

Kerajaan dilihat gagal menyediakan perumahan mampu milik sedangkan pelbagai agensi telah dipertanggungjawabkan selama ini. Berbilion ringgit wang rakyat telah diperuntukan saban tahun dan disalurkan kepada kontraktor dan syarikat bagi maksud ini. Akan tetapi, bagi memiliki rumah mampu milik seolah-olah mimpi ngeri bagi rakyat Malaysia. Syarikat Perumahan Negara Berhad yang ditubuhkan sebagai agensi kerajaan membantu menyediakan perumahan rakyat. Kini, kerajaan menubuhkan pula agensi baru yang dikenali sebagai PR1MA (Perumahan Rakyat 1Malaysia), sebagai agensi tunggal untuk membangunkan rumah-rumah mampu milik di tanah-tanah bernilai tinggi kerajaan seperti Sungai Buloh, Sungai Besi serta kawasan-kawasan sekitar MRT dan LRT. Pengumuman ini menimbulkan dua keraguan.

Pertama, bukankah fungsi ini bertindih dan serupa dengan SPNB? Kenapa pula ditubuhkan agensi baru yang menelan belanja pentadbiran yang baru untuk menjalankan tugas yang sama? Kedua, kenapa PR1MA diberikan tugas lumayan membangunkan rumah mampu milik di tanah milik kerajaan yang bernilai tinggi? Apakah PR1MA juga akan menjadi pemaju tidak ubah seperti SPNB?

Seterusnya melibatkan peruntukan ratusan juta daripada wang kerajaan dengan kerjasama swasta. Bagi sektor perumahan, peruntukan untuk program perumahan rakyat di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan diturunkan daripada RM646 juta pada tahun 2011 kepada RM546 juta pada tahun 2012. Program Pembasmian Kemiskinan. Tiga contoh terbaik yang boleh saya huraikan ialah:

- (i) pengumuman-pengumuman yang melibatkan usaha menjamin kelangsungan bekalan makanan dengan memajukan sektor pertanian;
- (ii) menaikkan taraf infrastruktur dengan jaringan bekalan api dan elektrik luar bandar termasuk Sabah dan Sarawak; dan
- (iii) pengumuman yang menyentuh usaha mewujudkan rumah mampu milik kepada rakyat.

Kerajaan telah berjanji untuk mengekang import makanan dan menjamin bekalan makanan yang mencukupi semenjak sepuluh tahun yang lalu. Selain menjadi teras utama RMKe-8, kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM11.4 bilion sepanjang RMKe-9 untuk mencapai hasrat ini selain daripada meletakkan pengurangan sasaran import makanan kepada RM14.3 bilion sahaja menjelang tahun 2010.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi beberapa contoh kegagalan projek tersebut. Projek ternakan fidlot yang menelan belanja sekitar RM250 juta yang ditimbulkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Peruntukan sedemikian besar jumlahnya sama dengan potongan subsidi gula yang terpaksa ditanggung oleh rakyat. Selain itu, apakah status Terminal Agribisnis Negara? Apakah kejayaan sehingga kini? Jutaan ringgit telah dibelanjakan tetapi objektif penggunaannya belum nampak sepenuhnya. Kini dijenamakan kembali di dalam Bajet 2012. Manakala keadaan tersebut belum pun dijawab, tiba-tiba kerajaan berhasrat melancarkan satu lagi dasar iaitu Dasar Agro Makanan Kebangsaan kononnya untuk merangka hala tuju industri makanan dan menjamin bekalan makanan di negara ini. Bukankah semuanya sudah diputuskan dalam RMKe-9 sehingga RMKe-10 dan dasar-dasar yang lain.

Saya harus mengingatkan Dewan ini bahawa yang tergelincir bukannya dasar tetapi matlamat, akibat tiadanya tata kelola yang baik. Bajet 2012 dilihat mengulangi kembali janji-janji dalam belanjawan yang lepas iaitu RMKe-8 sehinggalah RMKe-9, cuma kini dijenamakan semula. Jikalau dulu dipanggil TEMAN (Terminal Agribisnes Negara) kini mula dijenamakan semula sebagai Pusat Transformasi Desa. Kalau dahulu tabungunya dipanggil Tabung Jaminan Makanan kini tabungunya turut melibatkan Dana Pengkomersialan Pertanian.

Bank Negara dalam perangkaan perdagangan luar negeri Disember 2010 menyatakan bahawa import makanan telah mencecah sebanyak RM30 bilion. Import makanan telah meningkat daripada RM17.7 bilion dalam tahun 2005 kepada RM26.7 bilion dalam tahun 2009 pada kadar pertumbuhan 10.2 peratus setiap tahun. Ini membuktikan kegagalan sepuluh tahun berturut-turut dasar dan pelaksanaan program yang kini dijenamakan semula dalam Bajet 2012. Kelemahan pengurusan Program Pembasmian Kemiskinan di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri dengan peruntukan sebanyak RM691.52 juta pada tahun 2010 dan didapati mengalami kegagalan 54.4 peratus daripada pencapaian objektifnya.

Kelemahan pengurusan skim insentif peningkatan hasil padi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mendedahkan kegagalan kerajaan membayar insentif sejumlah RM110.67 juta kepada 70,291 pesawah kerana peruntukan tidak mencukupi. Insentif Peningkatan Hasil Padi (IPF) adalah untuk memberi galakan kepada petani untuk meningkatkan hasil padi semasa dan meningkatkan tahap sara diri. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 September 2006 telah bersetuju Skim IPF dilaksanakan dan pembayarannya dibuat pada bulan Mac 2007.

Semenjak skim ini dilaksanakan sehingga tahun 2010, sejumlah RM230.6 juta telah dibelanjakan daripada peruntukan Skim IPF yang sejumlah RM72 juta daripada peruntukan Dasar Jaminan Bekalan Makanan. Pengauditan yang dijalankan dari bulan Ogos sehingga November 2010 mendapati objektif Skim IPF ini untuk meningkatkan keluaran padi telah dapat dicapai. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan IPF seperti tiada perjanjian yang mengikat BERNAS yang dilantik sebagai agensi pelaksana skim. Peruntukan tidak mencukupi mengakibatkan kerajaan belum membayar insentif sebanyak RM110.67 juta kepada 73,291 pesawah.

Kadar insentif yang tidak munasabah bagi pesawah yang mengusahakan tanaman lebih dua hektar dan kelewatan BERNAS menyelesaikan siasatan terhadap kes yang mana peningkatan hasil padi melebihi 10 peratus daripada anggaran hasil yang ditetapkan. Saya merujuk kepada Laporan Ketua Audit 2010 pada muka surat 22. Melalui Laporan Ketua Audit 2010 yang dibentangkan pada 24 Oktober 2011 menunjukkan kerajaan sudah pun jauh daripada berupaya mengurus tadbir negara dengan baik dan berkesan. Antara yang dilaporkan adalah RM160.7 juta yang telah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran untuk membina 300 makmal komputer. Namun, hanya dua buah makmal sahaja yang siap. Peralatan ICT yang dibekalkan semenjak tiga tahun lepas masih belum dapat digunakan lagi.

Majlis Sukan Negara pula mencatatkan pembelian boros dengan membeli 23 ekor kuda baka baik untuk pertandingan dengan harga RM5.66 juta. Pembelian ini dibuat secara runding terus tanpa mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Namun, 18 ekor daripadanya tidak melepasi piawaian antarabangsa. Hanya lima ekor sahaja lulus untuk menyertai pertandingan.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pula gagal menguruskan secara efektif kerana peralatan yang berjumlah RM46.69 juta masih terbiar dan tidak dapat digunakan sehingga kini. Akibat itu, sejumlah RM0.44 juta lagi dibazirkan untuk kawal selia dan insurans bagi menjamin peralatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Audit Negara yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada setiap tahun, setiap kalilah kita membuat teguran atas masalah yang berulang-ulang. *Years after years*, dengan izin, sama sahaja seolah-olah teguran Ketua Audit Negara biasa sahaja tidak membawa sebarang kesan. Saya ingin merujuk Tuan Yang di-Pertua kepada kenyataan Pengerusi PAC dalam *The Star*, pada 24 November 2011, yang melaporkan setiap tahun masalah yang sama dan jawapan daripada kementerian atau pegawai yang bertanggungjawab sama sahaja.

Sebagai Ahli Dewan yang terlibat sama dalam meluluskan bajet ini, kita juga ada tanggungjawab untuk memastikan bahawa tindakan diambil untuk memperbetulkan keadaan ini dan inilah satu amanah yang kita kena pikul bersama sebagai penggubal dan pelaksana.

Saya berpendapat, jikalau sistem pentadbiran yang menjadi punca kepada segala masalah ini, maka masalah tersebut hendaklah diselesaikan dengan secepat mungkin. Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Chew Lee Giok. Dipersilakan.

#### 4.48ptg.

**Puan Chew Lee Giok:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya menyertai perbahasan Bajet 2012. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib di atas pembentangan bajet yang begitu komprehensif dan berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membincangkan tentang meningkatkan pengeluaran bekalan makanan dan industri agro. Saya amat setuju kerajaan mengambil langkah-langkah yang bersepadu, yang bersifat jangka pendek, sederhana dan panjang bagi meningkatkan pengeluaran bekalan makanan industri agro. Saya ingin bertanya, bagaimana peruntukan sebanyak RM300 juta untuk memperluaskan skop pembiayaan dana pertanian komersial kepada projek pertanian berinovasi dijalankan?

Di sini saya ingin mencadangkan bahawa, pertama, petani berilmu atau *knowledge farmer*, dengan izin. Petani zaman dahulu adalah petani yang kurang berpendidikan dan bergantung kepada jabatan dan agensi kerajaan untuk pengetahuan pertanian. Petani berilmu ini adalah lepasan ijazah universiti yang memilih untuk bergiat dalam pertanian dan mampu sentiasa mempelajari ilmu pengetahuan dan teknologi terkini bagi pertanian dengan harapan petani berilmu akan dapat menanam tanaman bahkan cemerlang menggunakan kaedah penanaman dan pembiayaan yang sesuai serta menghasilkan hasil pertanian yang amat produktif.

#### ■1650

Pihak kerajaan boleh menggalakkan graduan universiti yang mempunyai tanah di kampung halaman untuk bergiat dalam sektor pertanian ini. Kursus jangka pendek boleh diadakan untuk graduan universiti tersebut untuk melengkapkan mereka dengan pengetahuan tentang jenis-jenis pertanian yang spesifik. Juga menggunakan internet boleh menambahkan pengetahuan tentang jenis pertanian yang diminati. Semoga petani berilmu dapat melipat gandakan hasil pertanian di negara kita.

Kedua, MARDI dan lain-lain institusi penyelidikan pertanian harus mempergiatkan pelbagai jenis penyelidikan untuk baka baru, meningkatkan jumlah hasil per hektar, cara menangani penyakit tanaman, jenis baja yang sesuai untuk jenis tanaman tertentu dan sebagainya. Pengetahuan hasil penyelidikan boleh diedarkan kepada petani tradisional dan petani berilmu. Jangan lupa Malaysia pernah menjadi negara yang terkenal dengan penyelidikan getah dan penyelidikan kelapa sawit.

Ketiga, Universiti Putra Malaysia (UPM) dahulunya dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia. Saya mencadangkan agar UPM memfokuskan semula kursus-kursus ijazah dan diploma kepada pertanian. Sektor pertanian adalah amat penting kerana dapat menghasilkan makanan dan menjadikan Malaysia sebagai *self-sufficient*, dengan izin. Bagaimanakah Malaysia boleh mencapai visi 2020 sekiranya kita terpaksa mengimport hampir semua jenis makanan? Malaysia perlu mempergiatkan lagi sektor pertanian khususnya pertanian yang menghasilkan makanan. Saya ingin tanya, apakah usaha yang telah dijalankan oleh kementerian untuk meningkatkan pengeluaran pertanian di Malaysia pada hari ini dan pada masa yang akan datang. Saya juga mencadangkan agar UPM tukar balik namanya kembali kepada Universiti Pertanian Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bincang tentang subsidi barangan asas dan bantuan. Kerajaan telah membelanjakan RM33.2 bilion untuk subsidi dan insentif. Akan tetapi ramai rakyat tidak mengetahui kerajaan telah membelanjakan subsidi yang begitu banyak untuk mereka. Maka, Malaysia memang boleh dikatakan dianggap sebagai sebuah negara kebajikan sejak kita mencapai kemerdekaan. Di sini saya ingin meminta Kementerian berkenaan mewajibkan pengilang mencatatkan harga asal, harga yang disubsidi dan harga jualan pada bungkusan jualan tersebut. Barulah ramai rakyat mengetahui berapa subsidi yang telah dibiayai oleh kerajaan.

Saya berharap bahawa Kedai Rakyat 1Malaysia hendaklah diperkembangkan dengan lebih cepat ke seluruh negara memandangkan kedai 1Malaysia boleh dibuka dan dipohon oleh orang ramai. Maka, saya ingin bertanya, apakah *procedure*, dengan izin, untuk permohonan membuka kedai 1Malaysia? Berharap harga dan kualiti barang hendaklah dijaga agar rakyat boleh membeli barang murah yang berkualiti. Adakah pengilang yang mengeluarkan barang yang tidak bermutu di kedai 1Malaysia telah disaman?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbahas tentang Kementerian Kesihatan. Rawatan kesihatan di hospital awam adalah percuma untuk rakyat. Maka, adalah baik pihak kementerian mencatatkan jumlah harga ubat yang telah diguna oleh rakyat. Oleh sebab biasanya kalau rakyat tidak tahu berapa harga ubat itu. Kalau kita tengok Asia Tenggara, semua negara jiran kita tiada *free*, tiada percumanya untuk ubat. Hanya Malaysia sahaja memberi percuma kepada perubatan rakyat.

Barah pangkal rahim merupakan barah kedua tertinggi, *cancer* dengan izin, dalam kalangan wanita. Saya memang mengalu-alukan kerajaan memberikan suntikan percuma untuk semua kaum wanita. Bagaimanakah kerajaan menyediakan perkhidmatan suntikan percuma imunisasi HPV kepada kaum wanita? Terdapat had umurkah? Kalau ia hanya terhad di LPPKN, sebab LPPKN adalah terhad di tempat yang tertentu sahaja. Mungkin di dalam sesebuah negeri ada satu atau dua, tiga LPPKN, maka ia akan menyusahkan kaum wanita. Maka saya berharap suntikan percuma imunisasi HPV boleh didapati di semua hospital atau klinik kerajaan. Saya memohon mengadakan klinik, van bergerak ke kampung-kampung bagi memudahkan kaum wanita di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan prihatin terhadap suara dan nurani orang muda dengan menubuhkan *My Creative Venture Capital*, dengan izin dengan dana RM200 juta. Di sini saya ingin bertanya kepada Kementerian Belia dan Sukan mengenai fungsi dan peranan yang dimainkan oleh *My Creative Venture Capital*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, bajet pertahanan merupakan satu bajet yang *significant*. Kita tahu bahawa pertahanan moden ada berorientasikan teknologi canggih iaitu C4I dan juga *Fire Power Assets*. Untuk menjaga kedaulatan negara dan mengekalkan kemerdekaan kita, Malaysia perlu ada satu angkatan tentera yang *credible*. Apakah jenis kerjasama yang melibatkan TLDM dan APMM untuk menjaga keamanan dan keselamatan di laut semenarik APMM diwujudkan? Adakah *exercise* bersama diadakan oleh TLDM dan APMM bersama? Bila dan di mana?

Tuan Yang di-Pertua, tentang membincangkan kos sara hidup. Kerajaan Pusat yang prihatin terhadap rakyat memberi bantuan persekolahan RM100 kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah, telah membantu rakyat dan mengurangkan beban mereka. Dengan adanya RM100 ini, murid-murid boleh membeli buku-buku, baju sekolah ataupun kasut sekolah untuk persekolahan pada tahun 2012. Begitu juga bantuan sebanyak RM500 kepada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM3,000. Saya ingin minta Kementerian Kewangan agar jangan terlalu ketat terhadap permohonan ini. Misalnya, mungkin penjaja ataupun pekerja sambilan itu tidak pernah membayar *tax*. Tidak ada slip bayar gaji. Maka berilah pelonggaran kepada mereka. Untuk mereka yang memperoleh bantuan kebajikan, janganlah mengetepikan mereka sebab mereka merupakan golongan yang miskin dan berupaya. Bagilah mereka RM500 ini sebagai angpau 2012.

Saya berharap pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat janganlah iri hati dengan mengeluarkan kata-kata yang memburukkan Bantuan Rakyat 1Malaysia. Saya mengatakan ini sebab ia memang berlaku. Setahu saya, Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor dan Pulau Pinang telah memberikan RM100 kepada warga emas dan dikatakan ini merupakan bantuan kewangan.

Apabila Kerajaan BN, Kerajaan Pusat memberikan RM100 ini kepada pelajar, dikritik pula oleh MP-MP Pakatan Rakyat. Begitu juga MCA yang memberikan angpau sebanyak RM100 kepada ahli-ahli parti warga emas pula dikritik oleh MP Pakatan Rakyat itu daripada DAP disebut sebagai *money politic*.

Ini merupakan angpau yang diberi oleh Parti MCA sendiri pun dikritik oleh mereka. Ini merupakan *double standard*. Bantuan yang diberikan oleh mereka merupakan bantuan yang sebenarnya. Akan tetapi bantuan ataupun angpau yang diberikan oleh parti ataupun Barisan Nasional, Kerajaan Pusat merupakan sesuatu yang dikritik oleh mereka. Saya rasa ini merupakan *double standard*, dengan izin. Sepatutnya kita hendaklah menyokong polisi-polisi kerajaan yang memberi manfaat kepada rakyat dan jangan pergi mengkritik polisi-polisi yang memberi manfaat kepada rakyat kita.

Mengenai Bantuan Rakyat 1Malaysia, saya amat kecewa kerana taklimat sebegini tidak diberikan kepada Senator. Kita hanya memperoleh maklumat ini melalui surat khabar. Di sini ingin saya bertanya beberapa soalan, dua soalan sahajalah. Pertama, permohonan Bantuan Rakyat 1Malaysia akan mengambil masa berapa lama untuk diluluskan? Kedua, memandangkan bilangan permohonan mungkin sangat ramai, mengapakah permohonan tidak dilakukan secara internet?

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada latihan, saya ingin bertanya, apakah langkah-langkah kerajaan untuk menggalakkan pencapaian 30 peratus wanita di peringkat membuat keputusan dalam sektor korporat? Polisi bukan diperketat tetapi hendaklah dilaksanakan dan bagaimana hendak memastikan pelaksanaan itu berjaya adalah merupakan cabaran yang besar kepada kerajaan.

#### ■1700

Selain daripada sektor korporat, bagaimana kementerian boleh menolong peningkatan wanita dalam bidang politik? Sehingga hari ini, pencapaian wanita dalam bidang politik adalah tidak memuaskan. Apakah langkah-langkah kementerian untuk mengatasi masalah ini? Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah menyediakan RM2.1 bilion untuk pembiayaan pinjaman mikro kepada usahawan kaum wanita.

Saya ingin bertanya, pertama, bagaimanakah pencapaian RM1 juta untuk usahawan kaum India dan begitu juga setakat mana prestasi dan pencapaian yang telah dikeluarkan RM1 juta ini kepada usahawan kaum Cina? Saya hendak tahu tentang pencapaiannya.

Terdapat ketidakseimbangan jantina dalam bidang-bidang pekerjaan dalam sektor industri tertentu. Polis, tentera, jurutera dan juga juruterbang biasanya kurang penglibatan kaum wanita. Bagi hampir semua bidang pekerjaan, wanita mampu melakukan kerja sama seperti lelaki. Apakah langkah-langkah kementerian untuk menggalakkan anak muda wanita untuk memasuki bidang kerja yang sekarang ini majoritinya lelaki?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sedikit tentang kawasan yang bermasalah berkaitan Kementerian Pelajaran. Kementerian Pelajaran hendaklah meluluskan tapak tanah untuk pembinaan sekolah rendah jenis kebangsaan Cina di Bukit Serdang yang dijanjikan sebelum pilihan raya 2008. Pegawai-pegawai tinggi di dalam Kementerian Pelajaran janganlah menyusahkan dan melambatkan kelulusan tapak tanah dan janganlah kita hendak berharap pemberian tapak tanah oleh kerajaan Pakatan di Selangor. Memang Kerajaan Pakatan Negeri Selangor memang mereka kata mereka berjanji hendak beri tanah untuk pembinaan sekolah ini tetapi memang senang dijanjikan tetapi susah hendak ditunaikan. Saya minta tolong, Kerajaan Pusat secepat mungkin Kementerian Pelajaran meluluskan tapak tanah di Bukit Serdang ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Kementerian Sumber Manusia. Restoran boleh memohon untuk menggaji pembantu dalam operasi restoran. Ini nyata dilihat di banyak kedai mamak, di *Old Town White Coffee* dengan izin, dan juga restoran Cina berhawa dingin dan juga *western restaurant*, dengan izin, dan sebagainya. Namun demikian, penjaja dan peniaga warung makan menghadapi masalah menggaji pembantu. Kebiasaannya mereka akan memohon untuk mendapatkan pembantu rumah ini dan menggunakan pembantu rumah ini untuk menolong mereka dalam urusan menjaja warung ini.

*Businessman*, dengan izin mempunyai pejabat juga sering menggunakan pembantu rumah untuk menolong membersihkan pejabat sekali seminggu sebagai contoh.

Di Indonesia, adalah kebiasaan bagi keluarga kelas menengah dan ke atas mereka boleh mendapatkan orang gaji seramai tiga orang iaitu mungkin dapat seorang *babysitter*, dengan izin, yang terlatih bagi menjaga bayi dan kanak-kanak. Begitu juga mereka akan dapatkan seorang pembantu rumah tangga untuk melakukan kerja rumah dan seorang lagi dipanggil supir untuk memandu kereta. Akan tetapi tidak seperti di Malaysia. Kita hanya boleh dapat seorang pembantu rumah.

Oleh sebab itu pada seminggu yang lepas, dikatakan ada pegawai tinggi yang dikatakan majikan yang menggaji pembantu rumah Indonesia dan mengarahkan mereka menjalankan kerja selain daripada di rumah, boleh didenda sekurang-kurangnya RM500,000 atau penjara tiga hingga 20 tahun. Pada pendapat saya denda yang dikenakan ini adalah sangat tinggi sebab kalau seseorang penjaja itu apabila dia mengambil pembantu rumah Indonesia untuk membantu kerja rumah, apabila pagi-pagi dia keluar menjaja, tidak akan dia akan tinggalkan pembantu rumah seorang di rumah. Mungkin pembantu rumah itu tidur, buat kerja rumah atau tidak, tidak tahu. Oleh sebab itu, apa salahnya kalau penjaja itu membawa pembantu rumah itu keluar bersama menjaja dan balik tengah hari ke rumah.

Oleh sebab itu saya berpendapat, denda yang dikenakan itu adalah sangat tinggi dan tidak munasabah. Pada pandangan saya, saya ingin meminta agar rakyat Malaysia janganlah terlalu bergantung kepada pembantu rumah asing. Buatlah kerja rumah sendiri demi kesihatan kita ataupun mengambil pembantu rumah sambil seminggu datang sekali atau dua kali membersihkan rumah. Ini juga akan mengurangkan mata wang Malaysia daripada dibawa keluar negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membincangkan sedikit tentang Laporan Audit Negara. Saya amat kecewa memandangkan Laporan Audit Negara setiap tahun masih menunjukkan penyelewengan di dalam jabatan-jabatan kerajaan. Saya ingin bertanya, adakah penyelewengan telah berkurangan berbanding dengan tahun-tahun yang lepas? Minta penjelasan, berapa kes penyelewengan yang telah dikesan sejak tahun 2006 hingga sekarang dan berapa kes yang telah dibawa ke mahkamah dan berapa orang yang berjaya dijatuhkan hukuman?

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan permintaan rakyat Sabah bahawa rakyat mempunyai kebebasan untuk memasang piring satelit parabola besar. Saya berharap kerajaan boleh mengkaji semula undang-undang tersebut bagi membolehkan rakyat Malaysia menggunakan piring satelit. Pada hari ini semua orang boleh mendapat informasi yang baru melalui internet dan janganlah membenarkan ASTRO yang memonopoli dan juga dengan bayaran yang begitu mahal sekali. Persoalan saya ialah mengapa piring satelit parabola besar tidak boleh dipasang? Bolehkah kementerian mengkaji semula undang-undang tersebut? Sekian sahaja, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Datuk Maijol Mahap:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah? Sekejap, belum selesai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya boleh, silakan.

**Datuk Maijol Mahap:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat tadi mengenai parabola. Memang menjadi kemusykilan di Sabah Tuan Yang di-Pertua, menjadi tajuk di mana-mana pun sekarang ini sebab baru-baru ini pihak kastam telah pun mengeledah dan merampas parabola yang ada di Sabah dan dianggarkan berjumlah RM200,000 jumlahnya.

Jadi selepas itu, orang ramai bertanya, kenapa boleh terjadi begitu? Pertama, kenapa selama ini tidak dicegah, tidak dipantau dan sebagainya dan kedua, kenapa tiba-tiba ia dirampas begitu sahaja dan ia menyusahkan? Jadi saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua bahawa undang-undang harus dilihat kembali tentang perkara ini kerana saya difahamkan di negeri-negeri lain contohnya di Sarawak, mereka boleh mempunyai atau memiliki parabola tersebut dan kenapa pula di Sabah tidak boleh? Jadi satu perkara yang harus kita lihat bersama dan kita harap kementerian berkenaan akan melihat perkara ini. Apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

**Puan Chew Lee Giok:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat. Tadi memang saya bersetuju, minta kementerian berkenaan supaya mengkaji semula tentang undang-undang ini sebab pada masa kini *actually* dengan izin, apa-apa informasi kita boleh dapati dari internet. Maka tidak payahlah hanya memberi ASTRO monopoli. Lagipun bayarannya begitu mahal. Bukan Sabah dan Sarawak sahaja *actually* di Semenanjung pun di tempat-tempat yang terpencil pun ada menggunakan parabola ini. Maka saya minta kementerian berkenaan mengkaji semula agar kita boleh menggunakannya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz dan selepas itu saya minta bersedia kerana kita semua akan selesai pada malam ini sehingga jam 8.30 iaitu nama-nama ini akan kita bagi ruang sampai kita akhiri pada malam ini iaitu Yang Berhormat Haji Muhamad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Tuan Subramaniam, Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar dan juga Yang Berhormat Hajah Dayang Madinah. Saya harap semua ini bersedia dan tinggal lagi bahagikan masa sebaik-baik mungkin dan saya harap Yang Berhormat jangan tinggalkan Dewan. Nanti apabila masa sampai, senang Yang Berhormat ada dalam Dewan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz.

#### ■1710

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim... [Membaca sepotong ayat surah Al-A'raf]*

Bermaksud, "*Sekiranya penduduk negeri itu beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka pintu pengurniaan yang melimpah berkatnya dari langit dan bumi tetapi mereka mendustakan Rasul kami lalu ditimpakan kepada mereka azab seksa terhadap apa yang telah pun mereka perbuatkan*". Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk membahaskan Bajet 2012 pada kali terakhir sempena saya berada di Dewan Negara selama enam tahun. Ini merupakan bajet terakhir yang akan saya bahaskan pada Dewan Negara.

Sebelum kita pergi kepada kementerian lain, saya ingin sentuh yang pertama berkenaan dengan Parlimen. Saya mengucapkan tahniah, berbilang-banyak tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua kerana inisiatif memberikan kursus induksi kepada Senator dan baru-baru ini telah memanggil daripada Pejabat AG Chamber untuk kita berbincang tentang penggubalan undang-undang. Ini merupakan hasrat saya yang saya rasa cukup baik, yang perlu kita buat bagi memastikan mutu yang akan dipersembahkan oleh Ahli Dewan Negara kepada rakyat Malaysia khususnya yang melibatkan Parlimen Malaysia.

Seterusnya, saya juga ingin merakamkan tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong kerana telah pun menamatkan khidmat sebagai Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong serta Permaisuri dari negeri Terengganu, Tuanku Mizan kerana telah pun berkhidmat untuk negara selama lima tahun. *Alhamdulillah*, semasa pemerintahan yang diketuai oleh Baginda, kita melihat satu sikap yang kita rasa seimbang dan aman yang telah pun ditunjukkan oleh Baginda berdua. Tahniah kepada Sultan Kedah, *insya-Allah* yang akan dilantik esok yang akan memimpin Dewan Negara, Dewan Rakyat sebagai Parlimen yang akan dihormati di masyarakat dunia, *insya-Allah*.

Jadi sehubungan dengan itu, selaku dua Dewan yang mewakili Duli Yang Maha Mulia dalam sistem penggubalan negara kita, saya meminta penjelasan daripada pihak Parlimen. Mengapakah kita tidak boleh memanjangkan masa dan takwim Dewan Negara khusus untuk memberikan masa kepada kita untuk menghantar pulang Duli Yang Mulia pada pagi tadi khususnya. Ini kerana Parlimen pada pagi ini, kita lihat semasa istiadat kembalinya tadi Yang di-Pertuan Agong, Ahli Dewan Rakyat mampu untuk bersama dengan Yang di-Pertuan Agong dan kita Ahli Dewan Negara yang bersidang tidak mampu kita tempohkan walaupun untuk setengah jam bagi kita menghantar. Saya harap perkara ini diambil perhatian kerana peristiwa ini berlaku lima tahun sekali dan jarang bertembung di antara istiadat pulang atau kembalinya Yang di-Pertuan Agong dengan persidangan Dewan Negara.

Sepatutnya perkara ini tidak berlaku kerana yang kita akan hantar itu adalah kepala ataupun tonggak kepada Parlimen di sini. Saya pohon perkara ini agar diberi perhatian dan lain kali tidak berlaku kerana saya percaya kalau perlu tambah satu hari pun, kita akan tambah. Ini kerana kita lihat sehingga hari ini, tidak pernah lagi masa yang diberikan oleh kerajaan untuk Dewan Negara, kita tambah semata-mata untuk memberikan peluang kepada Ahli Dewan Negara membuat kerja yang lebih banyak. Ini kerana kali ini kita lihat kita akan berbahas untuk bajet ini lima hari, kita ada 29 rang undang-undang yang perlu kita luluskan. Jadi, kita tidak mahu dianggap sebagai satu pihak yang akan tentu meluluskan apa pun rang undang-undang yang dibahaskan. Ini akan mencemarkan imej Ahli Dewan Negara yang kita kira sebagai badan tertinggi selepas Yang di-Pertuan Agong untuk meluluskan sebarang undang-undang.

Kita pohon agar pada lain kali untuk rakan-rakan saya pada akan datang, mereka akan ditambah takwim Dewan Negara supaya lebih panjang kerana kita tidak mahu pakaian nombor satu yang kita diberikan bajet beribu untuk buat, kita tidak boleh pakai sebab tidak ada *event* yang boleh kita pakai dan kita ada gaji, tiba-tiba kita hanya perlu berbahas sepuluh hari untuk 29 rang undang-undang. Saya rasa perkara ini cukup tidak munasabah. Kalau kita kata kepada pelajar sekolah habiskan periksa dalam masa sepuluh hari, 29 subjek. Saya rasa perkara ini dapat kita pertimbangkan. Saya pohon agar diambil tindakan.

Begitu juga dengan keadaan, kita lihat kita hadir banyak – saya dihantar oleh pihak Parlimen untuk ke banyak tempat dalam dunia ini untuk lihat Parlimen negara lain. Kita lihat negara kita, dia punya Putrajaya cantik dengan pembangunan yang ada. Akan tetapi bila kita lihat ke Parlimen, kita luluskan bajet untuk kementerian lain, bajet untuk Parlimen - bas panjang untuk Parlimen ini, ada orang kata bas kilang lebih elok daripada bas panjang Parlimen yang bawa Ahli-ahli Parlimen serta kita punya rakan-rakan dari negara luar yang menjadi wakil kepada negara mereka untuk melawat negara kita. Maknanya pelancong ataupun wakil daripada Parlimen lain datang ke negara kita, kita gunakan bas itu. Jadi, ini maruah negara. Saya pohon untuk bajet akan datang, tolonglah masukkan bajet untuk bas panjang Parlimen sebab kita hendak lihat jugalah bukan sekadar bangunan cantik tetapi kenderaan pengangkutan kerana ini melambangkan imej kita.

Saya juga merayu buat sekian kalinya untuk mendapat akses kepada *printer*. Kita tulis apa-apa dalam komputer, kita ada komputer, kita ada *laptop* tetapi kita tidak dapat akses kepada *printer*. Hendak pergi *print*, kita perlu mengambil masa kadang-kadang 20 minit untuk mencari *printer*.

Saya pohon, banyak kali sudah saya beritahu perkara ini. Kita habis beribu-ribu, berjuta-juta untuk komputer. Kalau boleh, berilah akses kepada kami untuk mendapatkan pencetak. Kerana apa? Ini kerana setiap kali kami buat, kami perlu ada bahan yang perlu kami cetak. Jadi, saya pohon kepada pihak Parlimen untuk membuat tindakan.

Berkenaan dengan Tabung Haji. Saya mengucapkan tahniah kepada Tabung Haji kerana telah mendapat keuntungan yang baik dan dapat memberikan pulangan ataupun dividen kepada pelabur dalam keadaan yang baik dan baru-baru ini telah pun menguruskan lebih kurang 28,000 jemaah haji di Tanah Suci. Jadi, saya difahamkan daripada 28,000 jemaah haji ini, 24,000 jemaah haji pergi dengan Tabung Haji iaitu dari sudut muassasah bukan melibatkan *travel agent*.

Jadi, di sini saya ingin menyatakan beberapa perkara yang perlu ditambah baik oleh Tabung Haji setelah Tabung Haji ditubuhkan pada tahun 1969. Lebih kurang 40 tahun yang lepas, Tabung Haji telah pun diwujudkan. Kita mahu agar perkara ini diambil tindakan oleh pihak Tabung Haji kerana walaupun pihak Tabung Haji ada mengedarkan satu dokumen untuk kita isi sebagai penambahbaikan Tabung Haji, tetapi di sini saya ingin mengambil – ini kerana diminta oleh rakan-rakan yang bersama dengan saya pada waktu haji untuk membentangkan kepada Parlimen agar dibuat pindaan ataupun perubahan dalam penambahbaikan dalam Tabung Haji khususnya berkaitan dengan yang pertama, 'sahabat ibadah.' Kita difahamkan di dalam masa haji, akan dipilih beberapa orang sukarelawan untuk menjadi 'sahabat ibadah' kepada jemaah haji. Walau bagaimanapun, kursus kepada 'sahabat ibadah' ini hanya diberikan ketika berada di Makkah dan kursus mereka adalah amat pendek.

Jadi, saya mohon agar pihak Tabung Haji memikirkan pada masa hadapan untuk membuat kursus lebih awal kepada mana-mana jemaah haji yang sanggup untuk menjadi sukarelawan sebagai 'sahabat ibadah.'

Kedua, kalau sebelum ini kita pergi haji, kita lihat ziarah luar itu diuruskan oleh pihak Tabung Haji. Akan tetapi sekarang ini kita lihat untuk ziarah luar, pihak Tabung Haji telah menswastakan perkhidmatan ziarah luar ini kepada pihak yang lain dan ini menyebabkan berlaku, ada jemaah yang pergi, ada jemaah yang tidak pergi walaupun perkara itu bukan sunat, bukan wajib kepada jemaah haji. Akan tetapi kita ingin tahu daripada pihak Tabung Haji yang patutnya cekap, yang patutnya lebih baik menawarkan khidmat, mengapa ziarah luar ini diswastakan kepada pihak lain.

Saya minta agar khidmat pengangkutan umrah sunat dan solat jemaah diberikan kepada Tabung Haji. Ini kerana Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini banyak bangunan-bangunan sekitar Masjidil Haram telah pun diruntuhkan. Ini menyebabkan kedudukan ahli jemaah kita, kebanyakannya 5,000 jemaah atau 6,000 jemaah berada di luar daripada kawasan Masjidil Haram dan mereka berada lebih kurang 1.5 kilometer daripada masjid. Mereka simpan duit selama lebih daripada 15 tahun untuk pergi Makkah, tiba-tiba bila sampai di Makkah mereka hanya boleh pergi wuquf dan mereka tidak boleh pergi buat solat jemaah di Masjidil Haram. Kerana apa? Ini kerana jarak terlalu jauh.

Jadi, perkara ini kita minta kepada pihak Tabung Haji agar menyediakan pengangkutan selepas daripada waktu wuquf supaya mereka ini dapat bayar khidmat Tabung Haji ini. Tidak mengapa, tidak ada masalah kalau berbayar tetapi saya kasihan melihat ramai jemaah kita yang duduk dan solat hanya di hotel-hotel kerana tidak boleh pergi ke masjid sedangkan mereka sudah lama simpan duit untuk pergi ke Makkah. Dalam perkara ini, saya harap perlu ditangani oleh pihak Tabung Haji dan kita juga difahamkan daripada segi soal keselamatan. Kalaupun pengangkutan umrah sunat ini diberikan khidmat oleh Tabung Haji, *insya-Allah*, keselamatan pihak jemaah kita tidak ada masalah.

Begitu juga saya difahamkan bahawa kakitangan yang dibekalkan oleh pihak kerajaan untuk Tabung Haji adalah seramai 800 orang untuk mengendalikan 28,000 jemaah. Jumlah ini mungkin betul, mungkin tidak betul. Akan tetapi kita difahamkan, kakitangan kesihatan yang dihantar di sana, mereka langsung tidak ada cuti. Mereka bertugas sejak daripada mula sebelum jemaah haji sampai, sampailah jemaah haji balik. Jadi, kakitangan ini tidak diberikan cuti rehat yang munasabah. Saya minta, walaupun kita tahu jumlah ini terhad tetapi berikanlah rehat yang munasabah kepada kakitangan kesihatan kerana mereka hendak merawat orang, mereka sendiri pun batuk, mereka sendiri pun sakit. Jadi, ini perkara yang saya rasa patut diberi perhatian oleh pihak Kementerian Kesihatan dan juga pihak Tabung Haji.

Saya juga ingin tanya kepada pihak Tabung Haji berkenaan dengan perkembangan dengan bank-bank tempatan untuk kemudahan perluasan kemudahan ATM. Sebelum ini kita lihat Tabung Haji sudah buat kerjasama dengan Bank Rakyat dan Bank Islam, ada atau tidak lagi bank-bank lain yang menawarkan kemudahan sama bagi menggalakkan pendeposit untuk menandatangani wang mereka ke Tabung Haji. Saya juga ingin meminta kepada pihak kerajaan supaya melihat dari sudut jadal. Tadi kita lihat rakan kita berbicara tentang MAS dan AirAsia.

#### ■1720

Untuk jadual penerbangan bagi melihat jemaah haji, kita mohon agar pihak kerajaan memerhatikan dua perkara daripada segi penerbangan.

Pertama, penerbangan transit bagi jemaah yang terpaksa transit di Kuala Lumpur. Kita lihat hari ini mereka terpaksa keluaran barang dari Kuala Lumpur dan kemudian pergi ke tempat di Kelana Jaya untuk mereka menghantar barang ini ke Makkah. Jadi, ini sebenarnya menyusahkan kepada jemaah haji terutamanya yang telah berumur. Kita juga lihat baru-baru ini untuk jadual pulang dari Makkah, keseluruhan jadual penerbangan ketibaan di KLIA ialah pada pukul 11.05 malam.

Ini bererti kepada jemaah yang kena transit, mereka akan tidur di lapangan terbang dari malam sampai pagi melainkan untuk jemaah yang *direct* seperti ke Kedah, ke Johor, ke Kuching. Akan tetapi yang lain-lain mereka terpaksa tidur di KLIA terutamanya jemaah untuk Kelantan.

Berkenaan dengan jadual makan, walaupun perkara ini kecil tetapi saya minta bagi pihak Tabung Haji peka diberi makan *time* antara pukul enam hingga lapan. Maghrib pukul 6.00 petang. Jadi, sekarang ini kalau jadual makan serta jadual makan pagi pun dia beri makan di sana, kena makan dalam masa dua jam dan diberi makan itu *time* sembahyang. Jadi, ini menyebabkan kesukaran kepada jemaah haji yang hendak makan dan yang hendak solat. Maksud saya hendak solat di Masjidil Haram. Jadi, dalam konteks ini, kita pergi Makkah sebab hendak solat di Masjidil Haram. Kalau boleh jadual makan itu diawalkan sedikit demi memastikan bahawa jemaah kita berpeluang untuk makan dan juga untuk pergi solat jemaah. Hari ini kita lihat kalau mereka pergi solat Maghrib dan Isyak, selepas Isyak baru mereka boleh makan, kerana apa? Makanan itu diberikan pada *time* waktu solat.

Begitu juga dengan saya diminta oleh jemaah untuk bercakap soal kemudahan tandas di Mina. Ada jemaah kita sampai terpaksa bergaduh. Ada yang terpaksa buang air di depan orang ramai kerana menunggu lebih pada dua jam untuk gunakan kemudahan tandas di Mina. Jadi, saya minta sangat kepada pihak kerajaan bercakap dengan pihak Kerajaan Arab Saudi untuk memastikan kita mendapat kemudahan tandas yang munasabah dengan bilangan jemaah dan kalau perkara ini tidak boleh kita buat, kalau boleh pihak Tabung Haji sasarkan dan galakkan kepada jemaah untuk buat *nafar awal*. Ini kerana hari ini kita lihat daripada Laporan Jemaah Haji yang dikemukakan dalam Dewan Negara, Statut 53 tahun 2011 ini, jumlah yang *nafar awal* adalah 10 peratus hingga 15 peratus sahaja, sedangkan kita lihat jemaah-jemaah dari negara lain, mereka buat *nafar awal* lebih ramai kerana jemaah kita menderita lama kalau berada di Mina kerana kemudahan asas amat terhad bila mereka berada di Mina, begitu juga ketika mereka wuquf di Arafah.

Begitu juga saya ingin membicarakan kepada pihak Tabung Haji untuk memperluaskan penggunaan kad ATM ataupun memperkenalkan kad ATM Tabung Haji yang dibuat kerjasama ataupun MoU dengan mana-mana bank di Makkah khusus untuk haji dan umrah. Ini kerana baru-baru ini kita difahamkan bahawa setiap jemaah hanya boleh mengeluarkan RM500 hingga RM1,000 sahaja setiap hari untuk mereka keluaran duit di Makkah dan Madinah dan mereka terpaksa beratur di kaunter Tabung Haji dan kadang-kadang bila mereka sampai, nombor sudah habis. Jadi, perkara ini kalau mereka boleh gunakan ATM, ini lebih bagus. Saya cadangkan pihak Tabung Haji memperkenalkan kad ATM untuk jemaah haji bagi kegunaan haji dan umrah di Makkah dan buatlah MoU dengan mana-mana bank pun bagi membantu jemaah kita menyenangkan pengeluaran duit ataupun transaksi kewangan mereka di Makkah.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak Tabung Haji untuk memperkenalkan sistem bagi memberikan air zamzam ataupun khidmat air zamzam ini dibuat diambil di negeri. Bukan sekarang ini kita terpaksa yang diberikan secara percuma oleh Tabung Haji hanya lima liter. Manakala yang lain kita terpaksa bayar sendiri. Akan tetapi hari ini semua pengurusan itu dibuat di Makkah dan ini menyusahkan sebenarnya untuk mereka angkat ataupun untuk mereka bawa dari KLIA tempat di mana air zamzam ini diberi.

Adalah lebih baik kerana semua pejabat Tabung Haji di seluruh negara ada di setiap ibu negeri. Adalah lebih baik air zamzam ini terus dikutip di pejabat Tabung Haji Negeri supaya tidak menyusahkan jemaah untuk mengangkat dan mengambil air zamzam ini di KLIA.

Saya juga ingin mencadangkan perkara ini kalau Yang Berhormat semua pergi ke Makkah, kita akan lihat kebanyakan yang menjadi mutawwif untuk haji dan umrah bukan rakyat Malaysia walaupun oleh *travel agent* Malaysia ataupun oleh *muassasah* kita, mengapa? Ini kerana mereka ini kita akan ambil khidmat orang dari Indonesia. Saya rasa kita sudah 41 tahun ada Tabung Haji, Kerajaan Malaysia tolonglah cari, didik, latih sama ada yang ambil yang *muwallad* di Makkah untuk jadi *mutawwif* rakyat kita di Malaysia di Makkah ataupun rakyat kita di Malaysia ini untuk kita bawa memberikan penerangan haji kerana apa, kita rasa pelik bila di sana yang memberikan penerangan kita bercakap dalam bahasa Indonesia. Jadi, kalau boleh pihak kerajaan tolong ambil perhatian benda ini.

Kita juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, bagaimanakah penguasaan ataupun martabat JAWHAR khususnya kita lihat dalam kes-kes umrah dan haji, baru-baru ini ada lebih daripada 80 kes jemaah haji yang ditipu visa hajinya. Jadi, perkara ini sebenarnya apabila berbincang tidak boleh berbincang di antara *travel agent* dengan pihak kerajaan tetapi harus dibincangkan di antara pihak JAWHAR dengan Kerajaan Arab Saudi.

Jadi, kita pohon agar pihak kerajaan memperkasakan peranan JAWHAR dan saya mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk membuat satu seminar ataupun konvensyen Ahli Parlimen Wanita bercakap mengenai jemaah haji wanita. Ini kerana setiap kali haji di Makkah mereka akan buat persidangan melibatkan menteri-menteri yang akan bercakap soal-soal haji. Akan tetapi langsung tidak melibatkan Menteri Wanita ataupun Ahli Parlimen Wanita membincangkan tentang kepentingan jemaah haji wanita.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada kerajaan kita untuk mengendalikannya kursus dan seminar seperti itu dan kalau boleh kumpul di tempat kita ataupun kumpul di tempat mereka yang mana kita boleh buat MoU untuk kita pastikan kepentingan jemaah haji wanita khususnya wanita ini dibincangkan di peringkat antarabangsa. Pihak Tabung Haji juga harus memperkenalkan pelan khas untuk jemaah berisiko. Kita lihat baru-baru ini penempatan jemaah haji tidak kira umur mereka tempatkan ada yang dekat, ada yang jauh.

Akan tetapi sebenarnya kita boleh perhatikan ada jemaah haji dan kebanyakan jemaah haji ini mereka akan dibekalkan dengan buku kesihatan. Rekod kesihatan mereka ada. Sepatutnya jemaah yang berusia ataupun yang dikenali sebagai warga emas ini ditempatkan di tempat yang lebih dekat supaya mereka dapat terus pergi buat ataupun terus bersolat jemaah tetapi jemaah yang mungkin masih lagi muda, mereka boleh berpeluang untuk berjalan kaki lebih jauh. Jadi, dalam konteks ini perlu dibuat pelan khas untuk jemaah berisiko khususnya yang mempunyai penyakit-penyakit yang kita rasa sepatutnya kita galakkan mereka pergi masjid tetapi dalam keadaan mereka berada di tempat yang lebih dekat.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan dalam bajet baru-baru ini dikatakan bahawa pihak kerajaan akan memperkenalkan pengeluaran wang KWSP untuk mereka mendaftar haji. Setakat ini bagaimana perkembangannya? Bagaimanakah persiapan dan mekanisme yang akan digunakan bagi memastikan pencarum-pencarum KWSP ini boleh menunaikan haji dengan dikeluarkan wang daripada mungkin Akaun 2 daripada KWSP untuk mereka daftar.

Saya juga ingin tanya kepada pihak kerajaan, berapakah jumlah bangunan yang telah pun kita beli di Makkah ataupun Madinah? Saya mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memastikan sama ada kita benarkan tadi parabola ataupun memberikan pilihan kepada Astro untuk membuat satu saluran khas untuk siaran langsung Makkah dan Madinah ketika musim haji. Sepanjang musim haji diberikan pilihan supaya kami yang menjadi pelanggan Astro ini ada pilihan untuk kita tengok sebab di sana kita boleh keseluruhan siaran sepanjang musim haji. Jadi, sepatutnya diberi pilihan bukan hanya benarkan program itu dalam rancangan tertentu sahaja tetapi keseluruhan apa yang berlaku di sekitar Baitul Haram dan juga di Madinah. Jadi, kalau boleh pihak Astro tolong buat satu saluran khas untuk siaran ini terutamanya untuk tiga bulan musim haji.

Kita juga difahamkan di sana ketika balik daripada wuquf, ramai jemaah kita yang batuk dan demam. Mereka ini terpaksa berulang alik pergi ke klinik kerana bekalan ubat kita habis di Makkah. Jadi, saya pohon agar perkara ini diambil perhatian dan jumlah bekalan ubat itu dipastikan sebab antara perkara yang berlaku semasa wuquf, jumlah air minuman yang dibekalkan tidak mencukupi. Jadi, perkara ini kita harap mungkin pihak lain ramai yang pergi dengan *travel agent*, mereka tidak rasa tetapi kita yang pergi dengan *muassasah* ini boleh rasa bagaimana apa yang dilalui oleh pihak ataupun jemaah haji di sana.

Begitu juga dengan saya difahamkan bahawa untuk 28,000 jemaah haji yang berada di Makkah, kita hanya mempunyai 40 orang pembimbing agama yang bertugas sepanjang masa di Makkah dan Madinah. Saya pohon pihak Tabung Haji yang telah untung berjuta-juta ringgit untuk memastikan kita menghantar ustaz dan ustazah yang mencukupi.

Kalau boleh, kita minta khusus untuk wuquf di Mina bagi memastikan ada seorang ustaz ataupun ustazah dalam setiap khemah yang akan mengendalikan solat jemaah dalam waktu wuquf dan juga waktu berada di Mina. Ini kerana apa, kita lihat baru-baru ini dalam khemah kadang-kadang sampai empat imam kerana apa tidak dengar, tidak ada yang pakai uniform yang bertugas. Jadi, perkara ini saya minta pihak kerajaan beri perhatian.

Saya juga ingin bertanya, kita difahamkan bahawa tempat kita mabit, kita berada di Muassim itu, dikatakan bahawa telah diwartakan sebagai sebahagian daripada Mina. Akan tetapi bila kita lihat kepada peta yang berada di Arab Saudi setakat ini Muassim itu masih lagi berada di luar Mina, bukan dalam kawasan Mina.

#### ■1730

Jadi apakah status kedudukan ataupun pewartaan ataupun hukum, adakah kita wajib membayar dam kerana kita tidak terbabit dalam kawasan Mina kepada Jemaah Haji Malaysia? Jadi kalau boleh, kalau ada pewartaan, kita pohon untuk perkara ini ditunjukkan kepada kita supaya perkara ini dapat kita atasi.

Begitu juga dengan jadual kuliah dan taklimat. Bagi minggu pertama jemaah tiba, kebanyakan jadual untuk taklimat yang diberikan kepada Jemaah Haji Malaysia ialah pada pukul 9 malam bersamaan dengan pukul 3 pagi waktu Malaysia. Jadi kebanyakan daripada segi siri kuliah ini, saya perhatikan hanya ustaz yang bangun. Yang lain semua tidur. Ini kerana apa?

Memang waktu, *time* tidur. Jadi saya cadangkan, walaupun perkara ini saya *detailkan* sebagaimana hari ini, tetapi ini perlu untuk pada lain kali kuliah ini diberikan pada waktu *dhuha* iaitu pada waktu 8 pagi. Sekurang-kurangnya 8 pagi itulah lebih kurang mungkin dalam pukul 3 petang Malaysia. Jadi kita tidak mengantuklah. Jadi saya minta perkara ini diberi perhatian oleh pihak Tabung Haji.

Berkenaan dengan Peguam Negara, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk membuat semakan berkala undang-undang setiap tahun...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh saya? Saya menyokong cadangan-cadangan membina yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mumtaz tadi tentang penambahbaikan perkhidmatan haji kita di Mekah. Akan tetapi saya hendak tahu pada pandangan Yang Berhormat sendiri ada tidak negara lain yang lebih sempurna penyelenggaraan jemaah dia daripada kita? Jikalau ada, negara mana, dan daripada segi mana bahawa penyelenggaraan jemaah haji daripada negara lain itu lebih baik daripada negara kita. Terima kasih.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Profesor. Saya dapat lihat perkembangan ini kerana dapat membuat perbandingan. Saya pergi pada tahun 2003, ini sudah tahun 2011, sudah lapan tahun. Kita lihat perubahan besar berlaku kepada Jemaah Haji dari Indonesia, Jemaah Haji Thailand, perubahan penambahbaikan pengusahaan haji dari Turki. Mereka jauh kita lihat dari tahun 2003 *compare* dengan hari ini, kita nampak mereka lebih tersusun walaupun jumlah jemaah haji dari Indonesia adalah 300,000. Oleh sebab itu sekarang ini, bukan kita hendak kata Tabung Haji semua salah. Banyak juga yang betul. Akan tetapi kalau boleh ditambah baik kerana jumlah kita tidak ramai. Sepatutnya kita boleh buat perkara yang lebih baik kerana difahamkan tahun ini jemaah haji kita yang pergi pinjam tandas Jemaah Haji Indonesia dan Thailand. Jadi pelik, kerana sebelum itu tidak pernah berlaku macam itu kerana mungkin daripada segi pengurusan ataupun mungkin daripada segi tempat, berlaku sedikit kekeliruan. Untuk makluman Yang Berhormat, pada waktu wukuf, kipas pun tidak ada, elektrik pun tidak ada. Jadi perkara itu tidak pernah berlaku sebelum ini. Jadi kemungkinan perkara ini berlaku kerana masalah muassasah perbincangan antara Tabung Haji dengan pihak di sana, tetapi kita mohon penambahbaikan, terima kasih.

Saya sambung Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan semakan undang-undang, saya pohon kerana banyak undang-undang lapuk yang telah pun kita kesan, dibuat satu polisi bahawa semua Kementerian melalui penasihat undang-undang mesti mengemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri undang-undang yang telah pun mereka kira sebagai lapuk untuk di *review* semula, untuk disemak ataupun digubal kembali bagi manfaat negara.

Ini kerana kita tidak mahu perkara ini hanya jadi tinggal satu perkara yang kalau ternampak, pinda, kalau ternampak gubal, kalau tidak nampak tinggallah undang-undang lapuk sebagai undang-undang dalam negara dan perkara ini penting untuk manfaat Parlimen.

Saya juga memandang bahawa setiap tahun sepanjang saya menjadi Senator ini, setiap tahun ada Akta Pindaan Saraan Hakim. Saya pun tidak tahulah kenapa hakim kita ini terpaksa kita beri pindaan saraan setiap tahun dan kadang-kadang pindaan itu hanya melibatkan dalam dua tiga *paragraph* sahaja. Jadi kalau boleh untuk pindaan hakim ini dibuat pindaan tetapi sekurang-kurangnya bagilah eksklusif sedikit. Jangan setiap kali kita bincang mesti ada saraan Hakim. Jadi seolah-olah ada masalah dengan saraan setiap tahun berlaku pada pihak Hakim. Jadi saya minta diberi jawapan berkenaan apa yang berlaku.

Bagi SBPA (Saraan Baru Perkhidmatan Awam), kita difahamkan bahawa melalui cadangan kerajaan untuk SBPA skim yang akan menguruskan semula saraan kepada kakitangan kerajaan untuk gaji JUSA daripada RM8,000 mereka akan dinaikkan kepada RM14,000. Akan tetapi untuk kakitangan bawahan, kenaikannya hanya melibatkan kenaikan yang minimum daripada RM100, RM200 ataupun sehingga RM800. JUSA yang terima banyak. Jadi kalau boleh, pihak kerajaan tolong bagi justifikasi. Kenapa untuk JUSA naik sampai RM6,000, untuk kakitangan bawahan yang memang mempunyai masalah dari sudut saraan diri ini, kenapa tidak dinaikkan banyak? Jadi kalau kita hendak bela pegawai kerajaan, kita jangan bela yang atas. Ini kerana yang RM8,000 *insya-Allah* mereka sudah boleh mampu tetapi yang bawah ini macam mana?

Begitu juga dengan skim tertutup, skim bukan guna sama atau *close service*. Kita lihat pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun sebut di Pusat Konvensyen Antarabangsa pada tahun 2010, bahawa pihak kerajaan akan mengkaji skim *close service* kerana kita percaya hari ini apabila melibatkan *close service* ini, mereka lambat naik gaji. Jikalau rakan mereka di PTD naik berkali-kali, mereka tetap berada dalam tempat yang sama kerana mereka ini dipanggil *close service*. Jadi buatlah kajian agar kita memberi *exit plan* kepada kakitangan-kakitangan daripada skim guna sama, skim yang mereka mahu bertukar kementerian ataupun cara supaya mereka ini dapat kenaikan dan pangkat sebagaimana rakan-rakan mereka yang tidak terlibat dengan *close service*.

Berkenaan dengan Kementerian Pelajaran, untuk pencemaran bahasa, kita difahamkan bahawa daripada beribu-ribu yang menghadiri PLKN, terdapat lebih kurang seribu yang langsung tidak tahu membaca, menulis. Kaedah pengawalan bahasa SMS pula kita lihat bahawa SMS, bahasa rojak berlaku dengan begitu meluas dalam kalangan rakyat. Jadi saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, di bawah Kementerian Pelajaran, bagaimana kita menguatkuasakan Akta Bahasa Kebangsaan? Bagaimanakah program untuk menyubur jati diri dan kasih kepada bahasa ibunda ini dibuat? Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memberikan insentif khas kepada guru laras Bahasa Melayu.

Kalau kita berikan insentif kepada guru Bahasa Inggeris, guru Sains, tolong ini adalah masa sesuai untuk kita memastikan bukan hanya kepada guru Bahasa Inggeris, tetapi juga guru Bahasa Melayu untuk diberikan insentif khas kepada mereka, begitu juga dengan guru Agama. Ini kerana kita lihat hari ini masalah yang berlaku dalam negara kita adalah masalah yang paling teruk ialah masalah sosial. Akan tetapi, insentif tidak diberikan dengan jumlah yang banyak kepada pihak guru agama sedangkan untuk guru-guru yang lain mereka dibekalkan dengan bahan bantu yang banyak dan kemudahan-kemudahan yang banyak dan diberi keutamaan dari sudut kekananan berbanding dengan guru agama serta guru Bahasa Melayu. Saya juga ingin tanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan program penguasaan bahasa Cina di sekolah kebangsaan sebagai alat komunikasi ekonomi pada masa hadapan.

Adakah kerajaan bersedia untuk membuat program pertukaran pelajar sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dengan sekolah kebangsaan bagi memastikan wujudnya ataupun kesinambungan supaya boleh berlaku seolah-olah macam kursus untuk penguasaan bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Tamil dan Bahasa Melayu yang lebih baik dalam kalangan pelajar. Saya juga ingin mengetahui jadi sekarang ini berapakah proses ataupun jumlah kelulusan dan penguasaan Bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam negara?

Sehingga ini banyak menyebut tentang PPSMI, menyebut tentang belajar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Hari ini hendak tahu dari sudut keseluruhannya, berapa penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan warganegara dan berapa pula penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan warganegara?

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk mengembalikan semula bantuan kepada sekolah agama rakyat yang setelah diberhentikan dahulu bantuan kepada sekolah agama rakyat, banyak sekolah agama rakyat telah pun gulung tikar.

Jadi sampailah masa kalau kerajaan memandang serius untuk membantu sekolah-sekolah ini bagilah balik bantuan kepada sekolah agama rakyat dan saya juga ingin menyarankan kepada pihak kerajaan untuk menjadikan UPSR peperiksaan di sekolah rendah agama Islam di seluruh negara diambil kira dan diiktiraf dalam persijilan pelajar ke tempat-tempat pengajian yang lebih tinggi khususnya untuk memasuki ke sekolah asrama penuh kerana hari ini kita difahamkan mana-mana pelajar yang ambil UPSR mereka tidak mendapat kelebihan apabila mereka hendak pergi ke sekolah-sekolah yang berasrama penuh. Saya ingin tanya, adakah pihak kerajaan mempunyai rancangan dalam masa terdekat untuk menubuhkan sekolah menengah dan rendah tahfiz yang diselia oleh kerajaan dan kerana kita lihat hari ini daripada segi peruntukan dalam 2012 ini, tidak ada peruntukan yang diberikan *direct* kepada NGO untuk menangani gejala sosial.

Kalau untuk gelandangan, ada peruntukan, untuk yayasan untuk yang membantu orang yang membuat salah. Bantuan peguam, mereka diberikan untuk yang dituduh buat salah yang menghadapi kes jenayah mereka diberi bantuan peguam, peruntukan yang diberikan oleh kerajaan adalah RM15 juta. Mereka sudah dituduh, yang menuduh mereka adalah Polis Diraja Malaysia dan dibantu oleh AG. Kita percaya polis ada *evidences*. AG juga ada pertimbangan, mereka ini dituduh. Jikalau mereka ini dituduh, kerajaan bagi bantuan kerana 80 peratus tidak mampu bayar peguam, mereka diberi bantuan RM15 juta. Kenapa orang yang memang ada masalah gejala sosial, orang yang ada masalah *civil* mereka tidak diberikan peruntukan yang sama, kenapa hanya diberi kepada orang yang telah pun dituduh sahaja untuk diberi bantuan dari sudut bantuan guaman seperti ini.

Berkenaan dengan pengajian tinggi. Oleh kerana pihak kerajaan bersetuju untuk meminda AUKU dan saya harap pindaan ini adalah pindaan yang benar-benar *signifikan*, apakah persediaan kerajaan daripada segi sudut mekanisme dan peraturan mengenai pengundian pilihan raya umum di universiti-universiti dalam bentuk kempen dalam tempoh pengundian khususnya untuk pilihan raya umum yang akan dibenarkan di universiti?

#### ■1740

Kalau boleh dikeluarkan dalam bentuk *black and white*, dengan izin, supaya pelajar-pelajar kita yang akan mungkin menjadi calon ataupun mereka akan menjadi pengundi, mereka boleh dapat satu pelepasan yang benar-benar bila mana mereka diberikan kebebasan berpolitik sebagaimana rakan-rakan mereka di luar negara. Begitu juga dengan masalah biasiswa.

Kita difahamkan bahawa pelajar-pelajar perubatan kita yang berada di Mesir, mereka susah untuk mendapat bantuan biasiswa. Terpaksa merayu berkali-kali barulah dapat pinjaman daripada pinjaman PTPTN dan biasiswa, sedikit sangat. Sedangkan untuk pelajar perubatan dalam negara, mereka dibekalkan dengan bantuan ataupun pinjaman sejumlah RM500,000 sepanjang pengajian. Sedangkan untuk belajar ijazah perubatan di Mesir, jumlah yang diperlukan hanyalah lebih kurang RM100,000 hingga RM200,000 sahaja. Jadi, kalau untuk dalam negara, boleh *supply* untuk seorang tetapi kalau hantar ke Mesir, kita mungkin dapat tiga orang pelajar yang akan jadi pelajar-pelajar perubatan. Saya pohon agar pihak kerajaan mengkaji polisi ini agar menambah kerana kita tahu bahawa wujudnya ataupun kurangnya jumlah doktor yang bertauliah yang berada di dalam negara dibandingkan dengan nisbah penduduk dalam negara.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi berkenaan dengan penempatan matrikulasi UIA ke Nilai. Dalam masa dua tiga tahun lepas saya pernah bangkit dalam ucapan penangguhan, kenapakah matrikulasi UIA dipindahkan dari PJ ke Nilai. Jawapan kerajaan beri, kena pindah kerana tidak cukup tempat. Hari ini pula kita difahamkan mereka akan dipindah balik ke Petaling Jaya.

Sedangkan kita difahamkan untuk kerugian renovasi dan perpindahan, pihak UIA terpaksa menanggung RM7 juta. Bayar balik kepada tuan punya bangunan kerana pindah balik ke Petaling Jaya. Saya hendak tanya atas rasional apakah yang pertama, pindah dan kemudian pindah balik? Bagaimanakah perjanjian itu dibuat sehingga kita terpaksa bayar RM7 juta kepada tuan punya bangunan? Jadi, kalau boleh, kalau ada perundingan, kalau ada masalah, tolong nyatakan kepada Parlimen kerana perkara ini sudah saya sebut sebelum ini di dalam ucapan penangguhan dalam dua tiga tahun lepas. Saya ingin tahu apakah terma yang telah mengikat UIA sehingga terpaksa bayar balik kepada tuan?

Kita juga difahamkan bahawa kerajaan ada membina dan mencadangkan untuk membuat pembinaan ataupun segi tiga emas untuk universiti di Pagoh. Kita difahamkan bahawa Sime Darby yang memberikan tanah untuk dimajukan oleh pihak kerajaan telah membuat satu anggaran bahawa perbelanjaan yang akan dihabiskan lebih kurang RM2.3 bilion. Akan tetapi lokasi yang telah ditunjukkan ataupun diambil itu, bukan lokasi yang kondusif, tanahnya rendah. Atas dasar apakah perkara ini dibuat sedangkan keperluan di Kelantan khususnya, universiti tidak ada. Baru satu sahaja UMK. Itu pun baru sedikit sahaja naik. Kenapa diberikan begitu banyak sedangkan di Johor sudah ada UTM, macam-macam sudah ada. Kenapa sekarang ini semuanya ditumpukan di sana.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berapa panjang lagi?

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Dalam lima minit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya bagi tetapi jangan lama sangat.

**Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi:** Okey. Jadi, saya teruskan kepada Kementerian Pengangkutan. Untuk lapangan terbang, saya minta kerajaan setelah membuat perundingan di antara MAS dengan AirAsia, kalau betul-betul hendak bantu rakyat, tolong turunkan cukai lapangan terbang. Oleh kerana hari ini cukai lapangan terbanglah yang memakan besar daripada jumlah harga tiket yang telah kita guna. Kalau betul-betul, turunkan cukai lapangan terbang, *insya-Allah* harga tiket kita akan lebih murah. Saya minta pihak kerajaan untuk mewujudkan jaringan baru laluan antarabangsa antara Kota Bharu dengan hab antarabangsa seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching selain dari Kuala Lumpur kerana pada hari ini sukar untuk rakyat Kelantan ke depan kerana hendak dapatkan laluan antarabangsa, kena singgah transit di Kuala Lumpur dulu. Jadi, ini terhad. Saya terpaksa bincang pasal Kelantan sebab saya memang wakil Kelantan. Jadi, saya pelik juga bila menteri tanya kenapa saya selalu cakap pasal Kelantan. Ini kerana saya dilantik oleh Kerajaan Kelantan untuk bercakap isu Kelantan di dalam Dewan ini.

Saya juga hendak tanya kenapa MAS tidak kaji setiap tengah tahun untuk laluan jauh. Kita tengok dua tiga hari lepas dilaporkan bahawa MAS rugi untuk tahun ketiga berturut-turut kerana laluan jauh yang tidak produktif. Jadi, kenapa tunggu sampai rugi baru hendak tutup. Patutnya dibuat kajian. Mungkin dalam tiga bulan ataupun suku tahun, setengah tahun terus lapor, kalau perlu tutup, tutup. Kenapa tunggu rugi sampai begini? Kita difahamkan bahawa untuk pakaian pramugari bukan Islam, ketika musim haji yang disewa khas oleh pihak Tabung Haji, semua pramugari MAS tidak kira Islam atau bukan Islam, mereka terpaksa turut aurat. Saya hendak fahamkan kepada pihak kerajaan, saya minta tutup aurat ini bukan uniform. Tutup aurat ini adalah kewajipan bagi orang Islam. Kalau bukan untuk jemaah haji pun, yang Islam digalakkan tutup aurat sepatutnya ataupun diwajibkan tutup aurat.

Akan tetapi ini kenapa pula yang bukan Islam kena pakai tudung. Jadi, sepatutnya uniform begini tidak patut diperkenalkan, diperkenalkan uniform tutup aurat kepada pramugari Islam, kepada yang bukan Islam, tidak payah tutup aurat. Ini pelik pula bila kita paksa orang bukan Islam pakai tudung dalam penerbangan jauh, lapan jam pakai tudung. Saya rasa perkara yang tidak munasabah yang dibuat kerana ini semata-mata uniform untuk Tabung Haji sahaja. Ini perkara yang tidak bagus tetapi sepatutnya diwajibkan kepada semua pramugari untuk pakai tutup aurat kalau mereka Islam.

Saya juga ingin tanya pihak kerajaan sekali lagi, jumlah kutipan daripada pembayaran lesen memandu dan menunggang yang dikutip setiap tahun dan minta kerajaan supaya memberi opsyen Takaful bagi insurans untuk perjalanan di semua yang melibatkan *online ticketing*. Sekarang ini kalau kita hendak beli tiket, kita kena tekan untuk insurans, tiba-tiba kita dipaksa untuk ambil insurans konvensional. Sepatutnya berilah opsyen kepada kami hendak ambil Takaful atau konvensional. Jadi, sekarang ini kenapa pula dipaksa sedangkan fatwa daripada Majlis Fatwa Kebangsaan mengesahkan bahawa tidak boleh orang Islam menggunakan selain daripada Takaful sebagai insurans mereka.

Terakhir, berkenaan dengan kewangan. Saya pohon pihak kerajaan mengurangkan cukai kereta nasional kalau kita benar-benar ikhlas untuk membantu rakyat kerana hari ini kadar hidup kita tinggi kerana ramai rakyat kita pakai kereta dan harga kereta ataupun kos ansuran kereta ini yang memakan harga tinggi untuk kehidupan mereka. Sebagai contohnya, kita difahamkan bahawa harga Exora asasnya RM32,000 tambah untung untuk *dealer*, RM42,000, harga pasaran RM65,000 kerana termasuk *road tax* dan cukai. Jadi kalau boleh, untuk kereta nasional dan pemasangan tempatan, berilah subsidi untuk kereta pertama bagi golongan muda supaya mereka ini digalakkan ada kereta tetapi mereka dapat pengurangan yang banyak apabila cukai itu diturunkan. Jadi, kalau kita mahu supaya perkara ini bukan hanya untuk rumah pertama tetapi juga untuk kereta pertama dan penurunan harga untuk kereta yang penumpangnya lebih daripada lima orang kerana ramai rakyat kita ini anak lebih daripada dua orang.

Saya juga ingin tanya kepada kerajaan tentang pertanian. Bila banjir di Thailand, apakah jaminan bekalan makanan kepada negara sebagai alternatifnya. Kalau Thailand tidak dapat bekalkan kepada kita, bagaimana? Kerana kita difahamkan bahawa jumlah jaminan bekalan stok dalam negara hanya ada lebih kurang dalam enam bulan. Jadi, kalau boleh diberitahu secara rasmi bagaimana.

Terakhir, berkenaan Kedai Rakyat 1Malaysia. Kenapakah tender ini eksklusif kepada Mydin? Dari manakah dana diperolehi? Berapa lama kontrak yang diberikan kepada Mydin? Bagaimana kerajaan boleh mengatasi masalah kos renovasi yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan kerana Mydin sebagai operator. Kenapakah dibuat di bangunan-bangunan kerajaan sedangkan operator tidak menanggung apa-apa kos. Bagaimanakah dari sudut keselamatan pejabat-pejabat kerajaan setelah pejabat ini digunakan sebagai Kedai 1Malaysia?

Bagaimanakah perbezaan di antara Kedai 1Malaysia dengan kedai kerajaan yang diamalkan oleh sesetengah negara komunis khususnya untuk menjual produk-produk kerajaan? Bagaimanakah persaingan ini dapat kita pastikan tidak ada monopoli kerana dalam Kedai 1Malaysia, tidak ada persaingan jenama walaupun mungkin produk yang dipasarkan ialah produk-produk IKS tetapi semua jenama 1Malaysia. Jadi tidak ada persaingan dan ini tidak sihat.

Jadi, kita mahu pihak kerajaan memberikan jaminan untuk mengekalkan persaingan dan subsidi kepada pengusaha IKS dan menjamin agar kualiti dan maklumat kandungan produk supaya rakyat sasaran dapat faedah. Kita tengok hari ini kerajaan mengumumkan dalam akhbar bahawa satu daerah akan ada Kedai Rakyat 1Malaysia. Ini tidak cukup. Kerajaan tahu dengan Kedai Rakyat 1Malaysia, kita boleh kurangkan harga 30 peratus, tidak bolehkah kerajaan buat satu undang-undang ataupun galakan insentif kepada semua peruncit ataupun pengeluar produk makanan untuk merendahkan harga barang makanan khususnya, sehingga mungkin antara 10 peratus hingga 15 peratus kerana kerajaan tahu 30 peratus mereka boleh dapat untung. Jadi, saya pohon kalau kita hendak memastikan rakyat kita ini dapat makanan yang cukup, tidak menjadi tekanan kepada wanita yang sekarang ini di tangga 16 menderita, wanita khususnya, ibu yang akan menderita bila anak tidak cukup makanan, suami pula tidak cukup duit, gaji minimum belum diperkenalkan.

Jadi, ini akan menyebabkan wanita itu tidak sejahtera. Jadi, saya pohon agar dengan kita meluluskan bajet pada tahun ini, gaji minimum dan kesejahteraan wanita serta anak-anak mereka dan keluarga akan jadi satu perkara yang penting. Bajet bukan hanya membincangkan soal ekonomi tetapi bajet seharusnya membincangkan soal kesejahteraan insan dan kesejahteraan insan itu meliputi semua aspek minda, spiritual, fizikal, emosi dan sosial. Sekian, terima kasih.

## ■1750

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Hajah Zainun binti A. Bakar.

## 5.50 ptg.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** *Bismillaahir Rahmaanir Raheem. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, agaknya Yang Berhormat ini ada kecederaan. Dia mohon kepada saya bercakap sambil duduk. So, saya benarkanlah. Dipersilakan, Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Terima kasih kerana mengizinkan saya berucap dalam keadaan duduk atas sebab kecederaan kaki saya. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta membahaskan Bajet 2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan izinnya saya dapat turut sama dalam perbahasan Bajet 2012 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia yang telah mengemukakan Bajet 2012 yang konklusif dan menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat serta dalam masa yang sama mampu memacu negara untuk menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi. Bajet 2012 ini melibatkan peruntukan sebanyak RM232.8 bilion. Pertamanya, saya ingin juga menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong yang datang dari Terengganu yang telah tamat tempohnya pada hari ini yang berkhidmat dengan cemerlangnya sepanjang lima tahun baginda memerintah negara Malaysia dan juga selamat datang kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah yang akan memerintah negara Malaysia untuk lima tahun akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, khususnya Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), khususnya berhubung dengan pembangunan desa yang berobjektif untuk meningkatkan keupayaan masyarakat desa ke arah perubahan dan pembangunan yang lebih pesat di kawasan luar bandar. Bilangan kampung yang diiktiraf sebagai Kampung Gerakan Daya Wawasan (GDW) dijangka meningkat daripada 6,607 dalam tahun 2010 kepada 7,607 dalam tahun 2012. Pertambahan bilangan Kampung GDW ini amat memberangsangkan. Bilangan penduduk yang terlibat dengan program GDW ini pun ramai dan boleh memberikan impak besar terhadap pembangunan penduduk desa atau luar bandar jika diberi fokus yang sewajarnya.

Walau bagaimanapun, kita dapati bilangan Kampung GDW yang benar-benar aktif agak terhad bilangannya. Kalau kita merujuk kepada Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012, umpamanya bilangan kampung yang terlibat dalam projek keceriaan kampung hanya 217 buah bagi tahun 2010, 2011 dan 2012. Manakala kampung yang melaksanakan Program Mesra Rakyat hanya 450 buah kampung. Jumlah ini amat rendah berbanding dengan lebih 7,000 buah kampung yang terlibat seluruh negara.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, mengapakah penyertaan kampung-kampung GDW ini agak terbatas kepada aktiviti-aktiviti anjuran kerajaan, khususnya Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sedangkan kita mempunyai begitu banyak kampung di bawah Program GDW? Saya ingin mendapatkan penjelasan bilangan Kampung GDW mengikut negeri, bilangan penduduk yang terlibat serta apakah perancangan kerajaan untuk menggembelng penduduk luar bandar ini daripada segi sosial dan ekonomi.

Berdasarkan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2012, agak mendukacitakan apabila bilangan yang menerima bantuan ekonomi kampung dijangka berkurangan daripada 247 dalam tahun 2010 kepada hanya 50 orang bagi tahun 2011 dan 2012.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, mengapakah penerima bantuan ekonomi kampung ini semakin berkurangan bagi tahun 2012? Bagi Kampung GDW ini juga, saya ingin mencadangkan agar kerajaan menggiatkan semula aktiviti sosial, kemasyarakatan dan ekonomi secara tersusun dan bersepadu di 7,607 Kampung GDW ini pada tahun 2012, khususnya bagi kampung-kampung GDW di negeri Terengganu dengan melebarkan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang mendapat pertambahan peruntukan daripada RM3 bilion pada tahun 2011 kepada RM3.2 bilion bagi tahun 2012. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak MARA yang banyak membantu rakyat negeri Terengganu seperti daripada segi melahirkan dan membangunkan usahawan bumiputera, pembinaan MRSM, IKM, Pusat GiatMARA, Institut Kemahiran Tinggi MARA dan ruang perniagaan. Bagaimanapun, saya berharap MARA akan mengkaji dalam Bajet 2012 ini bagi mewujudkan pusat bengkel kereta setempat sebagaimana bengkel *Smart Car* di Johor Bahru.

Pada masa ini, terlalu banyak bengkel kereta, motor, kimpalan dan sebagainya secara berselerak di kawasan saya iaitu Majlis Perbandaran Dungun. Jadi, saya berpendapat amat penting MARA mewujudkan kawasan bengkel kereta, motor dan sebagainya.

Pewujudan bengkel seperti ini bukan sahaja usaha-usaha pembangunan usahawan dapat dilaksanakan malah latihan kepada belia-belia dapat diadakan secara tersusun. Berhubung dengan MARA ini juga, saya ingin mendapatkan penjelasan anggaran pecahan perbelanjaan yang diperlukan MARA bagi melaksanakan lapan aktiviti utama pada tahun 2012 iaitu daripada segi penganjuran pelajaran pendidikan menengah, khususnya Maktab Rendah Sains MARA.

Kemahiran dan teknikal pendidikan tinggi GiatMARA dan juga perkhidmatan usahawan dan pelaburan. Saya ingin mendapatkan penjelasan jumlah pinjaman perniagaan dan pelajaran yang telah dikeluarkan MARA setakat ini dan sejauh manakah prestasi kutipan bagi pinjaman-pinjaman ini. Berhubung dengan MARA ini juga, saya ingin menyentuh tentang MRSM yang telah berjaya melahirkan ramai pelajar bumiputera yang cemerlang. Bilangan pelajar MRSM dijangka akan meningkat daripada 30,406 orang dalam tahun 2010 kepada 38,170 orang bagi tahun 2012. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM50.2 bilion bagi sektor pendidikan bagi tahun 2012. Sebagai tambahan, kerajaan juga menyediakan peruntukan sebanyak RM1 bilion melalui tabung khas pembinaan, penambahbaikan dan penyelenggaraan sekolah, antaranya RM100 juta Maktab Rendah Sains MARA. Saya memohon agar Majlis Amanah Rakyat akan mempertimbangkan untuk membina Maktab Rendah Sains MARA di Dungun sebagai pelengkap daerah Dungun sebagai hab pendidikan.

#### ■1800

Pembinaan MRSM di Dungun juga adalah relevan dan penting dalam konteks pencapaian negeri Terengganu dalam UPSR 2011. Negeri Terengganu sekali lagi mengekalkan pencapaian terbaiknya dalam UPSR buat kali kesebelas berturut-turut dengan seramai 3,546 orang mendapat 5A. Saya merakamkan tahniah kepada semua guru, murid-murid dan ibu bapa yang terus memberi komitmen kepada kecemerlangan pendidikan di negeri Terengganu. Adalah wajar MARA mempertimbangkan untuk membina MRSM di Daerah Dungun. Saya difahamkan tanah telah pun disediakan tiga tahun yang lepas oleh MARA. Jadi, saya berharap MARA akan memberikan perhatian yang serius ke atas cadangan pembinaan MRSM di Daerah Dungun ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Kerja Raya yang mendapat pertambahan peruntukan sebanyak 40 peratus berbanding tahun 2011 daripada RM4.1 bilion kepada RM5.8 bilion dalam tahun 2012 iaitu pertambahan sebanyak RM1.7 bilion.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan program membina jalan-jalan baru, projek baru yang diperuntukkan RM1.8 bilion bagi tahun 2012 berbanding hanya RM420 juta bagi tahun 2011. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan cadangan-cadangan projek baru melalui peruntukan Kementerian Kerja Raya berhubung dengan projek jalan-jalan baru yang akan dilaksanakan pada tahun 2012.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan sama ada kerajaan bercadang melebarkan jalan dari jambatan Sungai Dungun, Seberang Pintasan ke jalan besar Dungun, Kuala Terengganu di persimpangan Tanjung Jara. Jalan ini sudah menjadi jalan atau laluan utama semenjak siangnya jambatan Sungai Dungun. Saya berharap kerajaan akan melebarkan jalan ini kerana pada masa ini terdapat banyak kenderaan yang menggunakan jalan ini. Selain itu, saya berharap kerajaan akan mengadakan lampu isyarat di persimpangan Tanjung Jara bagi melancarkan lagi pergerakan trafik demi keselamatan pengguna jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembinaan jalan-jalan baru di bawah Kementerian Kerja Raya, saya ingin membangkitkan tentang mutu jalan-jalan raya baru yang dikatakan kurang memuaskan dan mudah rosak serta perlu selalu diselenggarakan. Sebagai contohnya, jalan di Lebuhraya Pantai Timur 1, LPT 1 dari Karak ke Jabor yang saya dapati apabila saya selalu melintas jalan ini, selalunya rosak dan selalu terpaksa diselenggarakan. Kita tidak mahu penggunaan LPT dibebankan untuk membiayai kos penyelenggaraan jalan ini kerana kegagalan kontraktor membina jalan raya yang bermutu tinggi.

Saya ingin mendapat penjelasan kementerian, adakah kementerian sedar tentang adanya jalan raya yang mudah rosak ini dan sejauh manakah kementerian berusaha untuk meningkatkan teknologi membina jalan raya ini supaya lebih tahan dan akhirnya mengurangkan kos penyelenggaraan. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembinaan jalan raya ini, saya ingin membangkitkan projek jalan raya di Dungun iaitu di Jalan Yahya Ahmad hingga ke Kuala Dungun. Saya dapati projek ini begitu lama disiapkan sehingga menyebabkan kesukaran kepada orang awam termasuk banyak kemalangan jalan raya. Saya dapati banyak jalan yang rosak serta berlubang terutamanya di Shell Dungun. Majlis Perbandaran Dungun, Syarikat Air Terengganu 1 dan sebagainya yang didapati terlalu banyak berlubang menyebabkan kerosakan kenderaan dan kemalangan.

Sepatutnya pihak JKR segera menyelenggarakan jalan yang rosak dan berlubang ini tetapi nampaknya terus dibiarkan sehingga mengganggu keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya. Saya ingin mendapat penjelasan mengapa jalan ini tidak diselenggarakan dengan segera.

Saya amat berharap Jabatan Kerja Raya akan segera menyelenggarakan jalan ini kerana saya menerima banyak aduan daripada orang ramai. Saya juga mendapat penjelasan bilakah projek Jalan Yahya Ahmad di Dungun ini dijangka akan dapat disiapkan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pelajaran khususnya berhubung dengan pendidikan teknikal. Saya mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk memulakan program pendidikan vokasional bagi pelajar Tingkatan Satu 2012 sebagai usaha untuk mengembangkan bakat dan potensi murid bagi melahirkan modal insan yang kreatif, inovatif dan berdaya saing serta melahirkan tenaga kerja mahir dan separuh mahir untuk memenuhi keperluan negara dan industri melalui penyediaan prasarana pendidikan teknikal dan vokasional.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, adakah kerajaan telah mengenal pasti sekolah-sekolah menengah yang akan menjalankan program perintis ini? Setakat manakah kemudahan-kemudahan daripada segi tenaga pengajar, bahan dan alat pengajaran termasuk bengkel dan makmal telah disediakan bagi pengajaran dan pembelajaran vokasional ini? Saya juga ingin mendapat penjelasan bilangan guru-guru terlatih dalam bidang pengajaran vokasional ini. Saya juga ingin mencadangkan agar sekolah-sekolah menengah luar bandar diberikan keutamaan bagi projek perintis ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh berhubung dengan Kementerian Kesihatan khususnya berhubung dengan kesihatan wanita.

Saya ingin menyentuh berhubung dengan kemudahan imunisasi HPV yang diberikan suntikan percuma ,yang dilaksanakan Lembaga Pembangunan Perancang Keluarga Negara (LPPKN) bagi mencegah kanser pangkal rahim.

Bagi tahun 2012, kerajaan telah memperuntukkan RM50 juta. Berdasarkan tahap keberkesanan vaksin, 98 peratus kadar kanser serviks dijangka menurun hingga ke tahap 1:100 penduduk selepas 30 tahun akan datang, berbanding anggaran tahun 2003, kadar anggaran adalah 70 hingga 20 orang. Saya ingin mendapat penjelasan, bilangan kes baru kanser pangkal rahim yang dikesan pada tahun 2010 dan 2011. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah kerajaan bagi memastikan semua remaja berumur 13 tahun mendapat suntikan ini, khususnya yang berada di luar bandar? Sejauh manakah kesan sampingan daripada suntikan ini dapat diatasi dan ditangani bagi memastikan remaja yang menerima suntikan ini tidak menerima kesan sampingan yang membahayakan kesihatan mereka?

Saya juga ingin mendapat penjelasan kerajaan kepentingan dan kesesuaian suntikan ini kepada remaja berumur 13 tahun di negara ini. Berhubung dengan Kementerian Kesihatan, saya ingin juga membangkitkan tentang jangkitan HIV dalam kalangan suri rumah.

Bagi tempoh antara tahun 1986 hingga tahun 2010, seramai 91,362 rakyat Malaysia yang dijangkiti HIV dengan 3,291 orang adalah suri rumah tangga berbanding 593 pekerja seks. Tahun 2010, trend jangkitan HIV berubah daripada punca utama melalui perkongsian jarum suntikan kepada hubungan seksual sama ada secara heteroseksual ataupun homoseksual pada tahun 2010.

#### ■1810

Kes jangkitan akibat perhubungan seksual menyumbang 48.5 peratus daripada 3,652 kes jangkitan HIV baru berbanding perkongsian jarum suntikan sebanyak 47.6 peratus sedangkan trend sebelum tahun 2009, sebanyak 55 peratus jangkitan HIV baru adalah disebabkan perkongsian jarum, sedangkan hanya 31.9 peratus adalah melalui hubungan seks.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, sejauh manakah kejayaan pelan strategik tahun 2005 hingga tahun 2010 bagi menghalang jangkitan HIV? Apakah pelan strategik baru yang telah dirangka bagi menangani jangkitan HIV dalam kalangan wanita khususnya suri rumah tangga serta kanak-kanak. Saya juga berharap kerajaan menyediakan peruntukan khas dalam Bajet 2012 kepada Majlis AIDS Malaysia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang terlibat membantu pesakit AIDS seperti Yayasan Pink Triangle dan sebagainya.

Tentang kesihatan untuk wanita dan kanak-kanak, saya ingin mengambil kesempatan ini mengalu-alukan usaha kerajaan untuk membangunkan hospital khusus untuk kaum wanita dan kanak-kanak yang akan dibina di Kuala Lumpur melalui perkongsian awam swasta berjumlah RM700 juta. Saya berharap kerajaan akan mempertimbangkan pembinaan hospital wanita dan kanak-kanak yang sama di setiap negeri melalui inisiatif pembiayaan awam (PFI). Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah meluluskan peruntukan cadangan membina dan menaik taraf Hospital Dungun bagi meningkatkan perkhidmatan kesihatan untuk rakyat. Saya ingin mendapat penjelasan bilakah kerja-kerja akan dimulakan bagi pembinaan Hospital Dungun ini memandangkan keperluan yang mendesak pada ketika ini dan tanah pun telah dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh berhubung Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan khususnya yang berhubung dengan perumahan rakyat. Perumahan merupakan keperluan asas kepada setiap rakyat. Adalah menjadi objektif pembangunan negara untuk menyediakan perumahan yang mampu milik kepada rakyat di kawasan bandar dan luar bandar terutamanya golongan berpendapatan rendah. Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk memastikan setiap rakyat memiliki rumah pertamanya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Kerajaan bercadang membina 75,000 rumah mampu milik melalui Program Perumahan Rakyat (PPR). Bajet 2012 memperuntukkan RM443 juta bagi membina hampir 8,000 unit PPR disewa dan lebih 7,000 untuk PPR dimiliki.

Keduanya, kerajaan juga menyediakan Program Rumah Mesra Rakyat di bawah pengurusan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). Bajet 2012 memperuntukkan 10,000 unit rumah mesra rakyat berharga RM65,000 tetapi akan dijual dengan harga RM45,000. Kerajaan menanggung subsidi sebanyak RM20,000 dan memperuntukkan sebanyak RM200 juta.

Ketiga, kerajaan juga mengambil inisiatif bagi memulihkan rumah terbenkakai melalui Program Pemulihan Rumah Terbenkakai. Bagi tahun 2012, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM40 juta bagi memulihkan 1,270 unit rumah terbenkakai. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan jumlah rumah yang telah dan akan dibina di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR), Program Rumah Mesra Rakyat dan Program Pemulihan Rumah Terbenkakai di negeri Terengganu khususnya di Daerah Dungun.

Tuan Yang di-Pertua, Program Perumahan Negara di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah bertujuan untuk membantu golongan rakyat berpendapatan rendah yang tiada punca pinjaman bagi mendirikan rumah asas atau membeli rumah kos rendah yang telah siap selari dengan hasrat Dasar Perumahan Negara. Program PPR disewa disasarkan untuk menempatkan semula setinggan khususnya di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor, Kota Bharu dan Kuching sehingga tahun 2007. Sebanyak 49 projek mengandungi 52,716 unit telah siap dibina manakala 26 projek berjumlah 17,483 unit akan disiap antara 2008 hingga 2010.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan bilangan setinggan yang masih ada di seluruh negara termasuklah setinggan daripada rakyat tempatan dan pendatang asing dan yang menduduki tanah kerajaan dan persendirian atau swasta. Apakah langkah kerajaan bagi menjadikan sifar setinggan bagi seluruh negara? Sementara itu, KPKT melalui Program Perumahan Rakyat Bersepadu dianggarkan RM10 juta bagi tahun 2012. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan apakah langkah dan tindakan kerajaan bagi memastikan dasar setiap rakyat memiliki rumah sendiri dapat direalisasikan? Saya ingin mencadangkan agar kerajaan melaksanakan pendaftaran bagi setiap warganegara ini bagi memastikan setiap rakyat akhirnya akan memiliki rumah mampu milik sesuai dengan pendapatan masing-masing kerana sekiranya kerajaan berjaya menyelesaikan masalah perumahan rakyat, maka separuh daripada masalah sosial telah dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga menyentuh mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada KBS yang telah berjaya memastikan atlet-atlet negara terus mencapai kejayaan di peringkat negara dan antarabangsa termasuk Sukan SEA dan kejohanan dunia lainnya dalam skuasy, bola sepak dan badminton. Saya ingin menyentuh butiran berhubung dengan pembangunan sukan yang diberikan peruntukan sebanyak RM35.7 juta bagi tahun 2012. Peruntukan ini adalah berkurangan daripada peruntukan tahun semasa 2011 yang berjumlah RM42 juta, perbezaannya adalah sebanyak RM7 juta.

Sebagaimana maklum, objektif aktiviti pembangunan sukan adalah untuk membina masyarakat yang berbudaya dan harmoni dalam meneruskan pembangunan negara. Maka, kemudahan sukan wajar disediakan untuk membolehkan rakyat pelbagai lapisan, tua ataupun muda bergiat cergas dalam kegiatan sukan. Saya ingin membangkitkan peranan Majlis Sukan Negeri dalam membangunkan mutu sukan negeri. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu yang akan mewujudkan Akademi Bola Sepak negeri Terengganu tahun hadapan. Saya berharap kerajaan akan mewujudkan juga Akademi Badminton Negeri memandangkan ketiadaan pemain badminton daripada kalangan bangsa Melayu.

Dahulu kita ada pemain hebat daripada keluarga Datuk Haji Sidek seperti Datuk Misbun, Razif, Jailani dan Rashid Sidek serta Hafiz Hashim, akan tetapi sekarang saya agak hairan tiadanya pemain Melayu yang mewakili negara. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung ketandusan pemain Melayu dalam skuad badminton negara dan langkah bagi melahirkan pemain badminton Melayu bertaraf dunia. Berhubung dengan sukan juga, saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung dengan kemudahan sukan di peringkat daerah khususnya di daerah saya iaitu di Dungun termasuklah gelanggang tenis yang didapati amat terhad dan bermain serta berlatih.

Saya juga ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah langkah kerajaan dalam membangunkan sukan golf di peringkat daerah dan negeri? Berhubung dengan sukan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan penyelaras Rakan Muda yang mendapat peruntukan sebanyak RM29 juta bagi tahun 2012...

■1820

**Datuk Maijol Mahap:** Mohon mencelah.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Maijol Mahap:** Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat dengan pemain-pemain badminton negara.

Tadi Yang Berhormat menyentuh tentang pemain-pemain daripada kalangan bangsa Melayu yang mengikut Yang Berhormat sudah ketandusan, ya. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita mempunyai pelapis-pelapis yang baik. Kita sentiasa memberikan perancangan badminton yang jitu di negara ini dan tahukah Yang Berhormat bahawa sebenarnya untuk membangunkan seorang pemain yang betul-betul baik yang bertaraf antarabangsa mengambil masa yang banyak dan juga memerlukan pengorbanan yang tinggi.

Sebenarnya di Malaysia ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita mempunyai pelapis yang baik berumur 18 hingga 19 tahun dan adakah Yang Berhormat tahu bahawa baru-baru ini seorang pemain yang bernama Mohd Arif Latif baru juga bermain di Korea dengan begitu baik sekali. Dia memasuki *semi-final* mengalahkan pemain dari Malaysia juga dan mengalahkan pemain-pemain dari Korea.

Jadi itu satu pencapaian yang tinggi cuma saya ingin menyatakan di sini bahawa kita harus bersabar sedikit kerana saya nampak sebagai orang sukan dalam badminton, saya melihat bahawa ada kilauan, ada cahaya bagi kita untuk memastikan bahawa ada pelapis-pelapis yang baik untuk mengikut jejak langkah pemain-pemain yang dahulu yang sepertimana dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Pemain antarabangsa sekarang yang ada di Malaysia ini. Jadi itu pendapat saya dan apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

**Puan Hajah Zainun binti A. Bakar:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk dan saya berharap usaha akan dipergiatkan untuk pemain-pemain muda kita. Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Jadi saya akan teruskan. Berhubung dengan sukan ini, saya ingin menyentuh berhubung dengan penyelaras Rakan Muda yang mendapat peruntukan sebanyak RM29 juta bagi tahun 2012. Program Rakan Muda adalah penting bagi melahirkan generasi muda yang dinamik, prihatin dan mahir yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara serta mempromosikan gaya hidup aktif. Saya ingin mendapat penjelasan berapa banyak kumpulan Rakan Muda yang telah diwujudkan masa kini dan bilangan remaja yang terlibat secara perancangan aktiviti bagi tahun 2012?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung kelulusan peruntukan sebanyak RM10 juta bagi mendalami muara Sungai Dungun pada tahun 2011. Projek ini sesungguhnya akan memberi manfaat kepada golongan nelayan dan dalam masa yang sama dapat menangani masalah hakisan pantai. Pada masa kini, masalah hakisan pantai Teluk Lipat, Dungun, Terengganu amat kritikal terutamanya ketika musim tengkujuh sekarang. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan berhubung dengan kedudukan peruntukan ini bagi tahun 2012 ini dan apakah langkah kerajaan bagi menangani masalah hakisan pantai Teluk Lipat, Dungun, Terengganu yang kritikal?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menyentuh berhubung dengan Tabung Khas Perumahan Nelayan sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2012 iaitu sebanyak RM300 juta untuk membina dan membaik pulih rumah nelayan. Peruntukan ini amat penting bagi membantu nelayan membina atau membaiki rumah. Di Dungun kita mempunyai ramai nelayan seperti di Rantau Abang, Kuala Abang, Pulau Serai, Seberang Pintasan, Kuala Dungun dan Paka. Ramai di antara mereka ini masih tidak mempunyai dan mampu memiliki rumah sendiri. Antara masalahnya adalah ketiadaan tanah sendiri untuk membina rumah.

Saya berharap kerajaan akan mengambil langkah proaktif dengan membangunkan kawasan perumahan khas kepada nelayan-nelayan ini. Saya percaya jika masalah rumah nelayan ini dapat diselesaikan, lain-lain masalah sosioekonomi golongan nelayan akan dapat diatasi lebih mudah. Sesungguhnya Bajet 2012 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia ini adalah bukti iltizam kerajaan untuk meneruskan tradisi membela rakyat sesuai dengan gagasan 1Malaysia, rakyat didahulukan, prestasi diutamakan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tahniah Yang Berhormat. Beginilah semangat seorang pemimpin yang punya tanggungjawab kepada negara yang tercinta walaupun terpaksa berucap dalam keadaan duduk atas sebab kecederaan kaki namun tanggungjawab tetap dilaksanakan. Tahniah... [Tepuk] Semangat seorang wanita. Silakan Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan.

### 6.26 ptg.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya peluang untuk bahas Rang Undang-undang Perbekalan 2012.

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan bajet ini, Bajet 2012 yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada banyak ciri-ciri kebaikan, mesra dengan rakyat. Jadi ini satu yang baik yang kita terima juga. Lagipun pilihan raya akan datang jadi ini satu pilihan raya yang bertujuan untuk pilihan raya saya terima. Akan tetapi ada juga beberapa perkara yang saya hendak bangkit dan bahas di Dewan yang mulia ini.

Satu ialah defisit bajet iaitu 4.7 peratus. Defisit ini ialah berturut-turut selama 15 tahun. Ini mesti diatasi sebab dalam keadaan ekonomi yang merosot yang sekarang defisit begini tidak ada satu tanda baik jadi kerajaan mesti mengurangkan defisit ini. Di sini saya juga diingatkan bahawa dalam tahun lalu iaitu 2010 dan juga 2011 di mana Bajet 2011 dan Bajet 2010 walaupun ada defisit tetapi ada juga dua kali *supplementary budget* jadi kerajaan minta tambahan wang. Jadi saya harap tahun ini tidak ada *Supplementary Budget*. Kalau ada defisit ini kan bertambah lebih lagi bukan 4.7 peratus.

Dalam bajet yang defisit, saya nampak ada satu perkara tidak disentuh dalam perbincangan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu apa yang dilaporkan oleh *Auditor General* iaitu mengenai pembaziran, kesalahan, kerugian, penyelewengan dalam sistem pembelian perbelanjaan dan bayaran yang tidak betul bila belian yang dilaporkan oleh *Auditor General*. Saya buat satu kiraan mengirakan semua berapakah jumlah kerugian, pembaziran, penyelewengan dan juga bayaran yang tidak betul dan bila saya kira semua sekali saya dapat bahawa dalam apa yang dilaporkan oleh AG dalam Bajet 2011 iaitu semua ini jumlah RM5.51 bilion. Jadi RM5.51 bilion ini tidak dimasukkan dalam bajet tetapi kena bayar juga oleh sebab penyelewengan, pembaziran dan sebagainya oleh Kerajaan Persekutuan, GLC dan badan berkanun.

### ■1830

Jadi, ini mesti diatasi. Bagaimana suatu jumlah iaitu RM5.51 bilion diwujudkan sebab ini ialah satu kelemahan dalam perbelanjaan. Jadi, saya minta Menteri Kewangan dan Perdana Menteri kenapa pembaziran dan penyelewengan terus berlaku juga walaupun laporan begini dibuat oleh *Auditor General* dalam tahun-tahun kebelakangan tetapi masih juga berlaku. Jadi, saya mahu minta juga berapakah ramai orang yang dikenal pasti yang menyebabkan pembaziran dan penyelewengan ini. Berapa orangkah dibawa ke mahkamah, dan juga berapa orangkah diberi amaran?

Kedua ialah hutang negara sebanyak RM437 bilion, satu angka yang besar dan bila saya membandingkan dengan jumlah penduduk Malaysia lebih kurang 27 juta. Saya dapati bahawa setiap orang menanggung satu hutang negara sebanyak RM16,000. Setiap rakyat Malaysia menanggung satu hutang negara sebanyak RM16,000 termasuk bayi yang baru lahir. Ada di atas kepala RM16,000. Ini pun mesti dikurangkan. Ini tidak baik.

Jadi, perkara-perkara macam penyelewengan yang sebanyak RM5.51 bilion ialah satu perkara yang serius dan saya minta kerajaan siasat dan betulkan keadaan ini. Oleh sebab perkara ini tidak disentuh, saya difahamkan bahawa kerajaan belum mengiktiraf bahawa ada kelemahan dalam sistem perbelanjaan negara. Ini satu perkara yang penting dan mesti dibetulkan untuk mengurangkan defisit-defisit di masa hadapan.

Perkara yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, ialah bila Perdana Menteri mula memperkenalkan ETP dan GTP. Kerajaan mahu mengurangkan penglibatan dalam sektor ekonomi. *Target* pelaburan swasta ialah pada masa itu 92 peratus daripada RM1.4 trilion yang diperlukan untuk membangunkan 12 bidang keberhasilan utama ekonomi (NKEA) dari tahun 2010 hingga 2020. Akan tetapi ketika ini GLC memiliki kira-kira 40 peratus daripada jumlah permodalan pasaran. Tujuan asalnya ialah mengurangkan penglibatan kerajaan dalam perniagaan tetapi apa yang saya nampak ialah GLC menambahkan pemilihan saham di Bursa Malaysia. Pada masa ini lebih kurang 40 peratus. Ini bertentangan dengan tujuan asal Perdana Menteri bila beliau memperkenalkan ETP dan GTP.

Sektor-sektor utama ekonomi masih dikuasai oleh GLC. Daripada pengurangan penglibatan awam dalam sektor swasta ia terus meningkat. Misalannya, Sunrise Berhad dibeli oleh UEM Land Berhad - 30 peratus E&O Berhad dibeli oleh Sime Darby Berhad. SP Setia pula, saham utama dibeli oleh TNB. Inilah misalan-misalannya di mana GLC meningkatkan pemahaman saham. Pengambilan alih telah menimbulkan spekulasi pasaran tentang motif kerajaan. Adakah GLC akan memperoleh lebih banyak syarikat yang bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri? Ini akan mengusir orang yang menerajui syarikat dengan aset tunai yang mereka milik ke tempat lain.

Peranan kerajaan adalah untuk memudahkan pembangunan keusahawanan, mengawal dan menghapuskan halangan-halangan dan membenarkan syarikat-syarikat untuk bersaing di landasan yang sama. Saya berharap kita akan kekal dengan cadangan ETP dan tidak terganggu dengan matlamat jangka pendek. Saya minta Menteri Kewangan memberi penjelasan, adakah langkah-langkah kerajaan bertentangan dan bercanggah dengan apa yang disarankan oleh Perdana Menteri.

Keempat, Bank Negara melaporkan bahawa hutang isi rumah sudah hampir separuh daripada pendapatan iaitu *disposable income*, dengan izin. Hutang ini tambah buruk. Di tahun 2006, hutang isi rumah adalah 39.1 peratus dan pada tahun 2010 naik 47.8 peratus. Memandangkan hampir separuh peruntukan pendapatan digunakan untuk menyelesaikan hutang, jadi baki separuhnya hanya sedikit untuk makanan, pengangkutan, pendidikan dan kecemasan. Ini akan menyebabkan kemurungan, tekanan dan keluarga pecah belah dalam kalangan rakyat. Jadi, keadaan ini tidak boleh terus berlaku.

Rakyat Malaysia mengambil pinjaman yang besar kerana harga rumah yang tinggi dan kadar faedah yang rendah. Pemaju juga menawarkan bayaran pendahuluan yang rendah. Pinjaman perumahan membentuk sebahagian besar daripada perbelanjaan yang diikuti oleh pinjaman kereta, pembelian keselamatan dan bayaran kad kredit. Oleh itu, kerajaan perlu bina perumahan mampu dimiliki, mengetatkan kaedah-kaedah gadai janji untuk menyejukkan pasaran harta, mengurangkan pemilikan kereta dengan menyediakan sistem pengangkutan awam yang sangat baik, mengawal pertumbuhan kad kredit. Saya cadang kepada Menteri Kewangan membawa perubahan seperti berikut:

- (i) pinjaman kepada nisbah nilai perlu dipertimbangkan apabila pendapatan pinjaman. Ini adalah untuk memastikan bahawa sistem kewangan tidak mengikut apa yang berlaku di Amerika Syarikat iaitu *a debt bubble*;
- (ii) skim pembayaran berperingkat awal yang mana pembeli rumah kedua dan ketiga diminta untuk pengeluaran pembayaran awal berperingkat-peringkat yang lebih tinggi macam rumah pertama 10 peratus, rumah kedua 20 peratus, rumah ketiga 30 peratus;

- (iii) pengesahan kekuatan atau kemampuan kewangan pembeli untuk memastikan bahawa risiko gagal membayar balik pinjaman oleh pembeli adalah minimum dan juga untuk menghalang pelabur daripada mengelakkan perkara yang satu iaitu nisbah nilai perlu dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, di sempena hutang isi rumah, satu perkara yang penting ialah gaji minimum. Gaji minimum perlu dimulakan sekarang juga dan inflasi makan oleh sebab tukaran cuaca mesti diatasi dengan menambahkan pengeluaran makanan tempatan. Ada ramai petani dan penternak mahu menambah sayur-sayuran dan menternak kambing dan lembu di banyak kawasan luar bandar. Akan tetapi mereka sukar dapat kawasan tanah untuk menjalankan pertanian dan penternakan mereka. Memandangkan cuaca buruk dan banjir di negara-negara yang membekalkan makanan kepada negara kita, sangat penting bahawa kita berdikari dengan pengeluaran makanan sendiri.

Saya mohon petani-petani dan penternak di kawasan luar bandar diberi tempat untuk pertanian dan penternakan. Diharap Kementerian Pertanian akan mempertimbangkannya. Saya nampak banyak kawasan di Johor khususnya di kawasan Cha'ah, Labis, ada ramai orang mahu menjalankan pertanian dan penternakan tetapi mereka susah mendapat tanah.

Kelima, masalah pembantu rumah. Tuan Yang di-Pertua, hampir 300,000 orang pembantu rumah asing yang berdaftar bekerja di Malaysia dan ada yang mengatakan seramai 100,000 lagi tidak berdaftar dan tanpa dokumen juga ada di negara kita. Indonesia dan Kemboja ketika ini telah mengharamkan penghantaran pembantu rumah ke Malaysia kerana gaji yang rendah, penderaan, malahan pembunuhan rakyat mereka yang bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia. Ini telah memberi publisiti dan reputasi yang buruk kepada negara kita.

#### ■1840

Pada tahun ini sahaja, seramai 12 orang pembantu rumah Kemboja telah meninggal dunia di Malaysia atas pelbagai sebab. Pada masa yang sama, terdapat banyak permintaan untuk pembantu rumah dalam keluarga-keluarga rakyat Malaysia. Oleh sebab ini saya minta Menteri Sumber Manusia supaya:

- (i) mengukuhkan mekanisme undang-undang dan peraturan untuk perlindungan pembantu rumah yang komprehensif melalui kontrak standard yang mengiktiraf hak teras tertakluk dengan Konvensyen ILO mengenai pembantu rumah;
- (ii) memastikan bahawa peraturan agensi pengambilan swasta memenuhi standard yang ditetapkan oleh Konvensyen ILO No. 189 berkenaan dengan kerja yang bersesuaian dan berkaitan dengan pembantu rumah termasuk pendaftaran penubuhan mekanisme aduan yang boleh diakses dan melarang potongan gaji untuk membayar balik yuran pengambilan;
- (iii) mengesahkan Konvensyen ILO No. 189 mengenai kerja-kerja yang bersesuaian dengan pembantu rumah dan menyelaraskan undang-undang negara dan penguatkuasaan;
- (iv) mewujudkan satu mekanisme pemantauan bagi memastikan tanggungjawab dan ketelusan yang tinggi dalam pengambilan penempatan dan penggajian pembantu rumah dengan sokongan pertubuhan-pertubuhan masyarakat sivil;
- (v) usaha melalui mekanisme serantau terutamanya proses membina satu masyarakat ASEAN untuk menggalakkan standard minimum serantau bagi pembantu rumah serta mengukuhkan Deklarasi ASEAN mengenai pekerja asing dan pelan tindakan ASEAN;

- (vi) meningkatkan dan menambah baik akses untuk memperbetulkan *remedy* yang dibenarkan *legal remedies* dengan izin, dan prosedur aduan di negara yang menghantar dan Malaysia sebagai negara penerima bagi semua mangsa penyalahgunaan dan pencabulan hak; dan
- (vii) menambah baik pemeriksaan dan penapisan mengenai...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya minta mencelah sedikit, boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat tentang keperluan negara kita terhadap pembantu-pembantu rumah dari negara asing itu. Akan tetapi cara Yang Berhormat berhujah tadi seakan-akan kesalahan yang menyebabkan pembantu-pembantu rumah dari negara asing itu kurang selesa atau masalah-masalah yang ditimbulkan oleh pembantu rumah itu berpunca daripada kita sahaja. Namun sedarkah Yang Berhormat bahawa masalah ini lebih banyak sebenarnya berpunca dari negara asalnya, *the sending countries*, dengan izin.

Jadi benda ini harus dilihat seimbang. Bukan sahaja negara penerima atau *servicing countries*, dengan izin, malah juga atau lebih-lebih lagi negara penghantar atau *the sending countries*. Saya minta maaf kalau boleh memberi contoh yang saya tahu secara peribadi ada dua tiga orang yang saya tahu dalam masa sepuluh hari pembantu rumahnya lari berganti-ganti, dibekalkan oleh syarikat-syarikat, dua tiga hari lesap dan ini masalah lari malam atau hari pagi daripada kalangan pembantu rumah. Ini adalah masalah yang bukan kita punya masalah tetapi masalah mereka. Jadi dalam menilai masalah ini, harus juga diingat bahawa kadang-kadang kita menerima pembantu-pembantu yang sedia bermasalah dan menimbulkan masalah itu kepada kita. Hanya hendak melengkapkan lagi hujah Yang Berhormat, terima kasih.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih Yang Berhormat. Ya memang ada masalah. Kadang-kadang satu dua perkara sudah hendak cakap siapa yang salah. Oleh sebab itu saya cadangkan bahawa negara-negara ASEAN sebab negara penghantar dan negara penerima, mereka semua dalam ASEAN juga. Jadi kita mesti ada satu persefahaman dari peringkat ASEAN, ada satu standard prosedur yang dipersetujui oleh negara penerima dan negara penghantar di peringkat ASEAN sebab perkara ini akan juga menjadi satu halangan persahabatan antara negara. Macam Malaysia dengan Indonesia walaupun Malaysia bantu orang Indonesia tetapi ada juga perasaan yang tidak selesa. Jadi perkara seperti ini boleh dielakkan kalau kita ada satu persefahaman di peringkat ASEAN di antara negara-negara ASEAN. Itu cadangan saya. Jadi saya sambung.

Tuan Yang di-Pertua, perkara keenam ialah perlindungan keselamatan sosial yang tidak bergerak sejak ia diperkenalkan. Sejak memperkenalkan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, tidak ada apa-apa tambahan atau perubahan. Kerajaan telah berjanji untuk melanjutkan perlindungan ini sejak beberapa tahun yang lalu untuk melindungi perkara tidak dijangka yang lain iaitu *contingency* dan juga melindungi semua pekerja dan keluarga mereka.

Malaysia merupakan perintis, *pioneer*, dengan izin dan telah mendapat pujian di atas inisiatif berani berkenaan perlindungan pekerja dan kesanggupannya menggunakan prinsip keselamatan sosial untuk menyediakan penjagaan secara perubahan dan kewangan kepada pekerja dan tanggungan mereka dalam tempoh masa yang panjang. Negara-negara jiran kita seperti Filipina, Thailand, Vietnam dan terbaru Indonesia yang sebelum ini tiada skim keselamatan sosial telah mewujudkan skim sederhana mereka setelah Malaysia memperkenalkannya pada tahun 1969. Pada tahun 1980-an, mereka mempunyai skim atau akta yang lebih baik dan perlindungan yang lebih luas kepada pekerja dan keluarga mereka.

Skim mereka melindungi pekerja dan keluarga yang kemalangan, kecederaan dan masalah kesihatan yang berkaitan dengan pekerja ketidakupayaan iaitu *invalidity*, dengan izin, sakit, bersalin, pengangguran dan perlindungan usia tua. Namun, Malaysia telah ketinggalan dengan hanya pandai berjanji untuk melakukan apa yang telah dijanjikan dengan hanya sedikit atau tiada tindakan yang diambil.

Malaysia telah menyertai negara-negara lain di Perhimpunan Umum Negara-negara Bersekutu iaitu UN yang mana ia telah diisytiharkan dan diterima oleh semua kerajaan bahawa perlindungan keselamatan sosial adalah hak asasi manusia. Saya minta Menteri Sumber Manusia, kenapa Malaysia tidak menambah baik apa-apa skim keselamatan sosial yang melangkaui Akta 1969 sebaliknya hanya menukar nama kementerian daripada buruh kepada sumber manusia dan tiada yang lain.

Pada tahun 1984, pekerja-pekerja lombong Sungai Lembing dibiarkan tanpa sebarang bayaran bagi pemberhentian dan Menteri telah mengisytiharkan bahawa Malaysia akan memperkenalkan satu skim untuk pengangguran. Kementerian telah berlaku jujur dalam Akta Kerja 1955 untuk menambah peruntukan bagi pembayaran pemberhentian jika majikan menutup perniagaannya. Itu adalah 27 tahun yang lalu tetapi tiada perlindungan untuk penganggur sehingga hari ini. Beribu-ribu telah diberhentikan kerja semasa kemelesetan pada tahun 1987, 1998 dan 2008 tanpa faedah-faedah pemberhentian. Saya pasti jawapan daripada Menteri adalah perkara ini akan dikaji dalam perbincangan dengan pakar-pakar ILO. Saya minta Menteri Sumber Manusia lebih proaktif dalam perkara ini.

Melihat kepada perlindungan pekerja wanita di Malaysia, satu-satunya perlindungan adalah dalam Akta Kerja 1955 yang disediakan sebelum merdeka. Perlindungan bersalin hanya memberi 60 hari cuti bergaji. Tiada peruntukan perubatan untuk sebelum, semasa dan selepas kelahiran. Pada tahun 1955, terdapat rawatan perubatan percuma untuk semua pekerja termasuk yang bekerja di ladang mendapat bantuan perubatan tetapi keadaan telah berubah.

#### ■1850

Malaysia ketika ini berada dalam kumpulan tujuh negara yang mempunyai perlindungan bersalin yang paling teruk. Konvensyen ILO Ketiga ini mencadangkan 90 hari cuti bersalin bergaji tetapi Malaysia gembira berada dalam senarai terbawah. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berjanji untuk membuat satu kajian mengenai perkara ini. Itu adalah pada tahun 2004 dan selepas tujuh tahun, mungkin mereka akan memberikan beberapa alasan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri ambil tindakan segera dalam perkara ini?

Selain itu, Rancangan Lima Tahun Pembangunan EPU dari tahun 2000 hingga tahun 2005 adalah untuk meningkatkan penyertaan pekerja wanita dalam ekonomi dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing. Ini memerlukan beberapa dasar untuk menggalakkan ibu-ibu mengambil bahagian dalam ekonomi dengan waktu kerja yang fleksibel, pengeluaran dasar-dasar dan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja. Oleh sebab tiada satu pun dasar-dasar ini di tempat yang sepatutnya, telah menyebabkan kebanjiran berjuta-juta pekerja asing dan kerugian berbilion-bilion ringgit dalam pertukaran wang asing. Saya nampak melalui laporan Menteri Sumber Manusia dan pegawai-pegawai tinggi kementerian, seperti mereka pun sangat *helpless* dengan izin, dalam hal pekerja asing. Mereka tidak boleh mengadu seperti pembangkang sebab mereka adalah Menteri dan pegawai tinggi kementerian. Jadi, mereka mesti ambil tindakan.

Tidak ketinggalan juga janji-janji untuk perlindungan mereka yang bekerja sendiri iaitu perlindungan untuk petani, nelayan, penjaja, kontraktor dan lain-lain yang bekerja sendiri. Janji pertama yang telah dibuat adalah pada tahun 1978 dan diikuti dengan satu kajian pada tahun 1996, yang mana Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia ketika itu melaporkan bahawa kajian yang dibiayai oleh UNDP itu telah sedia untuk dilaksanakan. Seperti biasa dan mengikut proses perjanjian yang normal selepas 15 tahun, mereka yang bekerja sendiri tiada perlindungan keselamatan sosial untuk mana-mana kecederaan dan kemalangan. Tidak ada apa-apa untuk warga emas kecuali perlindungan sukarela untuk KWSP.

Tiada perlindungan perubatan dan sekiranya mereka meninggal dunia, keluarga mereka ditinggalkan tanpa perlindungan kebergantungan iaitu *dependency coverage* untuk menyara kehidupan. Ini menyebabkan sebahagian besar rakyat Malaysia yang bekerja sendiri terabai tanpa perlindungan.

Saya minta Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia mencontohi negara-negara jiran kita seperti Thailand dan Vietnam yang mempunyai skim untuk rakyatnya yang bekerja sendiri. Perlindungan perubatan untuk pekerja dan juga perlindungan bersalin.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan keselamatan sosial untuk Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 telah terjejas daripada segi faedah. Faedah pengebumian RM1,500 telah diputuskan pada tahun 1987 sehingga sekarang. Skim Pencen Ilat, *invalidity*, dengan izin, tidak menyediakan peruntukan untuk penyakit yang berpanjangan. Ini telah menyebabkan 70 peratus pemohon yang tidak berupaya untuk bekerja dan mendapatkan tuntutan-tuntutan Pencen Ilat mereka ditolak dan seterusnya mengakibatkan penderitaan mereka. Malah, mereka yang diisytiharkan cacat atau kurang upaya – *invalid*, tidak menerima apa-apa faedah perubatan dan mereka menggunakan semua wang pencen mereka untuk kos perubatan. Saya juga minta Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dan pegawai-pegawai tinggi untuk bertindak segera dalam hal ini.

Kerajaan juga telah berjanji sejak tahun 2000 bahawa *Scheme No-Fault Accident* untuk melindungi semua kemalangan yang merupakan penambahbaikan Skim SOCSO. Akan tetapi selepas 11 tahun, kerajaan tidak melakukan apa-apa berkenaan janji yang dibuat. Saya hanya boleh membuat kesimpulan bahawa Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia dengan jelas telah gagal untuk menyediakan perlindungan keselamatan sosial yang mencukupi untuk pekerja-pekerja Malaysia dan tidak ada apa-apa rancangan untuk berbuat demikian. Perlindungan keselamatan sosial adalah kriteria yang paling penting untuk mengukur kesejahteraan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berikut ialah nombor tujuh. Saya juga ingin mengetahui bahawa Dato' Seri Samy Vellu dilantik sebagai Duta Khas Infrastruktur. Kita sudah mempunyai seorang Menteri Kerja Raya, mengapa Dato' Seri Samy Vellu dilantik sebagai Duta Khas Infrastruktur? Itu yang saya tidak faham melainkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak berkeyakinan terhadap Menteri Kerja Raya yang berkenaan. Saya hendak minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan berapakah nilai kontrak yang dilindungi ataupun yang *disecure* oleh Dato' Seri Samy Vellu dan syarikat mana yang mendapat kontrak daripada pelantikannya?

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bila mereka bina *flat* PPR, mereka tidak masuk satu bilik mayat, *funeral parlor* untuk masyarakat bukan Islam. Di *flat* PPR, lebih kurang 40 peratus ialah yang bukan Islam. Mereka perlu satu bilik mayat tetapi pada masa ini saya nampak mereka membuat *tents* yang boleh dan mereka mengalami banyak kerumitan pada masa kematian. Jadi, saya mohon kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat bilik mayat di semua PPR *flat*.

Tuan Yang di-Pertua, perkara berikut ialah menyentuh Kementerian Pelajaran. Tuan Yang di-Pertua, saya nampak di kawasan Yong Peng, saya pun ada pergi sana satu ketika dahulu. Di kawasan Yong Peng, Timbalan Menteri Pelajaran menjanjikan untuk membina dua sekolah, satu sekolah Cina dan sekolah Tamil, dua tahun dahulu. Sekolah Cina sudah dibina tetapi sekolah Tamil masih tidak ada apa-apa dibina. Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri Pelajaran, mengapakah sekolah Tamil yang sebelah, di mana tanah pun diperuntukkan, wang pun diperuntukkan tetapi bangunan tidak wujud. Mengapa sekolah Tamil itu tidak dibina? Saya juga difahamkan bahawa...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Mencelah sedikit.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ya.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Boleh tahu atau tidak, berapa penduduk Tamil di sekeliling Daerah Yong Peng, Yang Berhormat maksudkan itu? Bukan penduduk Tamil, murid-murid Tamil yang pada umur persekolahan.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Tuan Yang di-Pertua, di situ, di kawasan Yong Peng, ada murid-murid di bandar pergi ke satu ladang untuk belajar. Di sekolah Tamil ladang, ada 130 murid yang belajar. Daripada 130 murid, 124 murid datang dari bandar ke estet untuk belajar. Akan tetapi, satu sekolah di bandar tidak wujud lagi. Biasanya murid-murid estet datang ke bandar untuk belajar tetapi sekarang di sini, murid-murid bandar pergi ke estet untuk belajar. Jadi, ini tidak baik untuk kemajuan murid-murid Tamil di bandar.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** ...Kalau sekiranya murid-murid Tamil yang telah Yang Berhormat sebut itu... Kalau mereka pergi ke sekolah kebangsaan sebab ini akan menolong integrasi nasional.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Saya sudah sangka bahawa Yang Berhormat akan minta soalan ini... [Tepuk] Saya arahkan Yang Berhormat Menteri jawab soalan ini. Yang Berhormat Menteri boleh jawab dengan lebih persefahaman.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** ...Bukan arahkan akan tetapi minta untuk menjawab.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Okey. Jadi, saya arahkan Yang Berhormat Menteri jawab ini... [Ketawa] Saya juga berpandangan bahawa Yang Berhormat minta soalan ini, Yang Berhormat mesti maklum bahawa di institusi pengajian tinggi seperti MARA, sekolah berasrama, sekolah sains, itu semua satu kaum sahaja. Prinsip Yang Berhormat minta *apply* di situ juga. Jadi, kita tidak boleh minta soalan ini hanya memandangkan sekolah Tamil sahaja. Ini *apply* kepada semua sekolah. Saya juga mengarah Menteri menjawab...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** ...Tadi kerana untuk masa ini adalah lebih praktikal untuk pelajar-pelajar Tamil dari Yong Peng itu bersekolah kebangsaan, lebih praktikal...

#### ■1900

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Praktikal atau tidak praktikal, Yang Berhormat Menteri boleh jawab... [Ketawa] Saya juga di sini menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti MIC yang selalu berjuang sebagai *champion* sekolah Tamil menjawab soalan ini. Saya jemput mereka menjawab soalan ini juga tetapi pandangan saya, saya telah pun beritahu. Terima kasih.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Sebenarnya kalau tidak silap saya, Yong Peng ini di kawasan Ayer Hitam, betulkah?

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ya, betul.

**Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh:** Jadi saya difahamkan tanah itu telah di lokasi dan pelan-pelan bangunan pun kita telah melantik seorang arkitek untuk mencadangkan sekolah yang baik untuk murid-murid ini. Kalau tidak salah saya, tender pun sudah keluar dan kerja ini akan dilaksanakan secepat mungkin. Jadi memang MIC tahu tentang perkara ini tetapi sebab Yang Berhormat ini hendak membawa satu isu, kita biarkan sahaja.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah ini tidak dibina selama dua tahun. Bila saya membangkitkan isu ini di dalam surat khabar minggu lalu, baru dua hari kemudian wakil-wakil MIC cakap bahawa mereka akan membina sekolah ini pada tahun hadapan. Itulah keadaannya.

**Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan:** Saya ingat Yang Berhormat cuma bangkitkan satu atau dua buah sekolah. MIC bangkitkan tentang masalah banyak sekolah... [Tepuk]

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Terima kasih. Jadi Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah, mereka pun cakap mereka bina banyak sekolah.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya bertanya pada Yang Berhormat sahaja. Daripada sebilangan seratus berapa tadi murid-murid Tamil di sekitar itu, berapa orang ibu bapa mereka penyokong DAP? Ada data atau tidak tentang itu?

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Soalan itu saya tidak perlu jawablah... [Ketawa] Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Siapa yang jawab? Menteri?... [Ketawa]

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Yang Berhormat Menteri boleh jawab itu... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ada terdapat 524 sekolah Tamil. Daripada itu, 322 sekolah ialah bantuan modal yang dibina atas tanah swasta. Sekolah bantuan penuh mendapat semua bantuan manakala yang belajar di sekolah bantuan modal hanya mendapat separuh bantuan. Saya ingin tahu mengapa kerajaan menjadikan pelajar-pelajar ini sebagai mangsa keadaan. Mereka ini tidak bersalah. Mengapa kerajaan berat sebelah dan mendiskriminasikan sekolah Tamil. Nampaknya kerajaan memberi bantuan penuh kepada pelajar di bandar tetapi memberi bantuan separuh atau langsung tidak ada kepada pelajar-pelajar di estet. Kerajaan harus sedar bahawa ibu bapa pelajar-pelajar di estet ini juga menyumbang kepada ekonomi negara dan ini tidak adil kerana menghukum kanak-kanak yang belajar di estet ini.

Saya minta kesemua 322 sekolah Tamil ini diberi bantuan penuh secepat mungkin. Kerajaan telah melakukan ketidakadilan terhadap murid-murid sekolah Tamil di estet selama 54 tahun. Harap ia dapat diperbetulkan dengan kadar segera.

Untuk makluman Dewan, baru-baru ini semasa Deepavali tahun 2011...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Sedikit lagi. Dalam tahun ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sibuk menghadiri banyak rumah terbuka semasa perayaan Deepavali untuk memikat hati pengundi-pengundi India. Saya merayu kepada mereka bahawa mereka boleh betul-betul memikat hati masyarakat India kalau 322 buah sekolah ini ditukarkan kepada bantuan penuh. Tuan Yang di-Pertua, dalam Bajet 2012, ada peruntukan sebanyak RM100 juta untuk sekolah Tamil. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Pelajaran beritahu apakah projek atau sekolah mana yang akan menerima peruntukan ini?

Perkara yang akhir Tuan Yang di-Pertua, ialah mengenai syarikat-syarikat kelapa sawit yang sekarang menebang hutan di Kalimantan. Saya dengar banyak berita daripada *mass media* bahawa banyak syarikat besar Malaysia menebang hutan di Kalimantan. Bila mereka menebang hutan ada terdapat orang utan di situ. Itu ialah tempat tinggal orang utan dan orang utan yang mereka jumpa itu dibunuh. Ini satu kekejaman. Syarikat-syarikat Malaysia yang menebang hutan untuk menanam kelapa sawit yang melakukannya. Saya minta Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar mengenal pasti syarikat yang melakukan perkara ini, dan mana syarikat yang tidak mengikut *corporate social responsibility* dan *good governance* mereka bila mereka *clearkan* hutan, dan harus dihukum. Juga harus dikenal pasti berapa GLC yang terlibat di dalam aktiviti ini. Ini akan menjejaskan pasaran kelapa sawit kita di negara-negara Eropah kalau mereka tahu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bahawa Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengenal pasti apa yang dilakukan oleh syarikat-syarikat kelapa sawit di Kalimantan dan mengawal, serta *bring to book* syarikat-syarikat yang membunuh orang utan, harimau dan juga gajah sebab itu adalah tempat mereka. Syarikat-syarikat ini tidak peduli hal ehwal mereka dan tumpangan..

**Dato' Azian bin Osman:** Minta mencelah sedikit. Saya hendak buat pembedaan sedikit Yang Berhormat. Di Kalimantan tidak ada gajah. Okey?

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Okey, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, celah sedikit. Ada buktikah orang utan dibunuh? Sila berikan *proof*.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Ada NGO-NGO yang melaporkan. Jadi itu..

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Itu biasa bohong. *You* auta sahaja... [Ketawa] Auta tidak boleh terima.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Itulah UMNO.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Itulah DAP loyar buruk. Jadi kena bukti.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Siapa loyar buruk rakyat tahu. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Eh?... [Ketawa].

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Dia takut, pondan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Minta Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad Yusof Husin. Selepas itu minta bersedia Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg. Saya juga ingin tahu selepas dua orang Yang Berhormat ini berucap, ada lagikah Ahli-ahli Yang Berhormat turut berucap? Okey, terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

**7.08 mlm.**

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh...* [Membaca sepotong ayat al-Quran] dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mendahului ucapan terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan ataupun Bajet 2012.

Sebagaimana lazimnya oleh kerana saya adalah Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Dewan Undangan Negeri iaitu Kerajaan Negeri Kedah, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kabinetnya yang telah bekerjasama dan membantu kerajaan negeri dalam bentuk semangat, karisma yang sehingga kini tidak ada masalah untuk kedua-dua kerajaan negeri dan pusat untuk menjalankan amanah yang diberi oleh rakyat. Juga saya ingin merakamkan menjunjung kasih kepada di bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ketiga belas yang hari ini tamat perkhidmatannya dan juga menjunjung kasih kepada di bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang akan dilantik sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mulai esok.

■1910

Tuan Yang di-Pertua, menyediakan bajet merupakan satu tanggungjawab setiap kerajaan. Tidak kira kerajaan mana pun, penyediaan bajet ini perlu mengikut prosedur pentadbiran untuk disediakan dengan mengikut kemampuan pendapatan dan juga wang yang hendak dibelanjakan.

Daripada pengalaman saya sedikit walaupun menjadi pegawai rendah kerajaan, penyediaan bajet ini akan bermula pada setiap awal bulan Januari sehinggalah pada bulan Oktober dibentangkan di Parlimen yang mana semua jabatan turun sampai ke peringkat paling bawah untuk menyediakan perbelanjaan yang diperlukan pada tahun hadapan. Ini menunjukkan kepada kita, penyediaan bajet ini melibatkan seluruh agensi kerajaan dan saya yakin dan percaya di peringkat akhirnya, Kementerian Kewangan khususnya akan mengkaji sedalam-dalamnya tentang sesuatu bajet yang hendak dibentangkan di Parlimen yang sebahagiannya barangkali ada pandangan yang berbeza dengan apa yang dibentangkan. Bagi saya, itu bukan soal dan masalah tetapi yang menjadi masalah kepada kita semua ialah pelaksanaan bajet itu sendiri.

Bagaimanakah ia dapat dilaksanakan mengikut perancangan yang dibuat sepuluh bulan sebelum bajet itu dibentangkan yang mana bukan sahaja pegawai-pegawai kerajaan yang akan melaksanakan tanggungjawab ini bahkan pemimpin-pemimpin kerajaan sendiri yang diberikan amanah untuk memastikan supaya penyediaan wang yang kesemuanya hasil daripada negara ini yang sebahagian besarnya adalah cukai yang kita pungut daripada rakyat dan pelaksanaan bajet ataupun perbelanjaan ini adalah wang rakyat dikembalikan kepada rakyat.

Oleh sebab itu saya masih ingat semasa berlaku krisis di negara Mesir yang mana pelajar-pelajar terpaksa pulang dan Kedah merupakan pelajar yang paling ramai balik secara tergesa-gesa.

Akan tetapi apabila hendak balik belajar, Kerajaan Pusat menyerahkannya kepada negeri-negeri dan di Kedah, Yang Berhormat Menteri Besar panggil semua waris dan pelajar yang terlibat mengumumkan bahawa kapal terbang disediakan oleh kerajaan negeri dan wang poket setiap pelajar diberi RM500 seorang. Kita tidak heboh pun. Saya tidak perasan keluar atau tidak keluar dalam surat khabar.

Bangun seorang waris yang mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Besar dan kerajaan negeri. Jawab balas balik Yang Berhormat Menteri Besar kata, wang ini bukan wang saya. Saya jadi kerajaan ini sebagai orang yang menjaga wang tuan-tuan semua, wang rakyat. Jadi terima kasihlah kepada rakyat. Tuan-tuan kena bayarlah cukai tanah, kena bayarlah cukai pintu. Apabila berlaku musibah semacam ini, saya ada kuasa sebagai amanah sebagai Yang Berhormat Menteri Besar, boleh kembalikan wang ini kepada rakyat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita semua hendaklah sedar bahawa pemimpin terutama kerajaan mempunyai amanah dan tanggungjawab yang begitu besar yang Islamnya bukan sahaja amanah dan tanggungjawab ini di atas dunia ini. Maka di akhirat kelak di hadapan *Qhadi Rabbul Jalil* akan dipersoalkan satu persatu. Oleh sebab itu, kalau silap perhitungan, ini membahayakan diri kita sendiri. Oleh sebab itu, saya kalau ditawarkan jadi Menteri Besar Kedah, saya tidak hendak. Tidak mampu... [Ketawa] Sebab ini amanah yang cukup besar.

Jadi, dalam Dewan yang mulia ini saya pernah menyebut Imam Ghazali RA berpesan kepada pemerintah sepuluh perkara yang sudah tentu pada petang ini saya tidak dapat menghabiskan kesemuanya. Pertama, sultan ataupun pemerintah memahami tugas sebagai pentadbir serta bertanggungjawab dan melaksanakan tugas sebaik-baiknya. Itu yang saya sebutkan tadi. Pemerintah, dia mengambil hasil daripada rakyat dan dia mengembalikan kepada rakyat dengan penuh beramanah dan bertanggungjawab.

Bajet kita dirancang sedemikian rupa. Perancangan itu elok. Pelan tindakan itu elok tetapi bagaimanakah pelaksanaan? Saya mohon supaya kerajaan dalam melaksanakan Bajet 2012 ini hendaklah memastikan peruntukan-peruntukan yang disediakan kepada kementerian-kementerian dan semua agensi itu dibelanjakan mengikut prosedur dan tidak ada kepentingan orang ketiga. Pihak yang saya maksudkan ialah kerajaan, rakyat dan orang ketiga. Tidak ada kepentingan yang dipertimbangkan kerana ini boleh menjejaskan wang rakyat. Oleh sebab itu telah disebut oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat bahawa kita sekarang hutang negara ada RM437 bilion. Ini bukanlah satu angka yang kecil dan tahun ini kita masih defisit lagi, tahun yang ke-13, ke-14 barangkali. Sudah tentu kita terpaksa berhutang lagi. Dalam Islam, hutang ialah jalan untuk hidup tetapi hutang bukanlah beban untuk hidup. Jangan jadikan hutang beban untuk hidup.

Oleh sebab itu orang yang berhutang, dia layak menerima zakat dalam Islam sebab dia sesak, dia perlu. Akan tetapi apabila negara kita mempunyai hutang yang saya kira besar dengan sebuah negara seperti Malaysia ini dan 27 juta orang rakyat ini secara keseluruhannya menanggung hutang RM16,000 ini satu benda yang membahayakan. Oleh itu, alternatif kedua mestilah difikir ataupun dilaksanakan oleh kerajaan yang mana pentadbiran yang berhemat dan berjimat-cermat perlu dilaksanakan oleh kerajaan. Saya ingin jelaskan dalam Dewan yang mulia ini, Laporan Ketua Audit Negara terhadap Kerajaan Negeri Kedah. Walaupun baru menjadi kerajaan, saya tidak mahu hendak bodek Yang Berhormat Menteri Besar. Itu tanggungjawab dia.

Tahun 2009, Laporan Audit Negara menunjukkan perbelanjaan kerajaan surplus, melebihi deposit dan juga melepasi pendapatan. Begitu juga tahun 2010, juga surplus. Saya bukan ahli ekonomi tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat boleh fahamlah surplus. Ini satu perkara yang mengagumkan dan Laporan Audit memberi pujian terhadap Kerajaan Negeri Kedah. Jadi apa sebenarnya masalah yang berlaku dalam negara kita tentang pelaksanaan untuk memberikan khidmat kepada rakyat? Saya ambil contoh, ketirisan dan salah urus yang jelas sepertimana yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara yang mana peralatan dan perubatan yang tidak digunakan dengan mesin LPPKN yang tidak digunakan sehingga luput tarikh menyebabkan hampir RM300,000 kerugian. Jabatan Taman Laut beli teropong RM2,800, 5 peratus lebih tinggi daripada harga pasaran.

## ■1920

Harga pasaran ikut ulasan Audit hanya RM1,940 tetapi Jabatan Laut beli RM56,350. Inilah yang menyebabkan kita tidak boleh menghapuskan defisit dalam bajet kita kerana perbelanjaan kita diuruskan dalam bentuk pembaziran. Kementerian berkenaan kena melihat perkara ini dengan serius. Ini saya sebut yang kecil-kecil. Tadi Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan beritahu kata, kerugian salah urus ini. Saya tidak mahu sebutlah fasal kuda, fasal MARA, beli ketuhar RM1,200. Harga satu RM419, tiga kali ganda lebih. Tadi Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan sebut kita kerugian RM5.51 bilion.

Saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini, Ketua Setiausaha Negara pernah mengeluarkan kenyataan bahawa kita kerugian RM10 bilion setahun kerana rasuah dan juga salah urus yang sedemikian dan mungkin lebih besar daripada itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, teguran Audit ini saya mohon supaya Menteri-menteri yang berkenaan melihat secara serius dan ambil tindakan yang sewajarnya kepada mereka yang terlibat. Supaya perkara ini janganlah jadi ulangan yang tiap-tiap tahun kita mendengar komen-komen yang semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut tadi bahawa Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri Kedah, *alhamdulillah*. Memang baik hubungannya dan cuma ada beberapa perkara yang kecil tetapi saya memerlukan bahawa Menteri yang berkenaan supaya menjelaskan. Di mana di negeri Kedah, Kabinet telah memutuskan pada tahun 2006 untuk memberi imbuhan kepada Kerajaan Negeri Kedah sebanyak RM100 juta setahun. Ini yang mana negeri Kedah ini mempunyai kawasan *water catchment area*, kawasan tadahan air. Di mana kawasan tersebut mempunyai balak-balak yang cukup tua yang telah matang. Walaupun tidak termasuk dalam *water catchment area* ini, dengan izin, kawasan di sekelilingnya kalau ditebang akan memberi kesan kepada alam sekitar tentang takungan air. Di mana Kedah membekalkan air bukan sahaja untuk pesawah, petani di negeri Kedah bahkan ke Perlis.

Sebab itu Perlis jangan 'dok' lawan Kedah... [Ketawa] Juga ke Pulau Pinang. Jadi, Kabinet telah memutuskan untuk memberi *payment environment services*, dengan izin, kepada Kerajaan Kedah kerana menjaga kawasan tadahan air ini yang manfaatnya diperolehi oleh petani dan rakyat di ketiga-tiga negeri ini. Sampai sekarang sudah enam tahun. Makna belanjanya RM600 juta, sedikit sahajalah. Saya kemukakan soalan kepada Jabatan Perdana Menteri, tahun 2009 soalan saya dijawab bahawa kerajaan akan membayar *payment environment services* ini dan tahun 2010 saya tanya sekali lagi bila hendak bayar. Dia kata akan dibayar. Kerajaan jawab akan dibayar dalam bentuk pembangunan. Ini terlalu umum. Saya mohon Jabatan Perdana Menteri bagilah RM600 juta. Bukan banyak mana, Perlis sokong ini.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Saya hendak minta laluan. Dua tiga kali sebut Perlis. Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Pertama sekali, saya amat bersetujulah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Ini kerana Kerajaan Persekutuan telah menunaikan janji kepada kerajaan-kerajaan yang bukan di bawah Barisan Nasional, bermakna semua negeri. Tadi Yang Berhormat dari Kedah mengatakan bahawa mereka telah mendapatkan perhubungan baik. Kedua, geran yang diberikan mengikut seksyen atau Artikel 109, pemberian kepada negeri-negeri. Maka, Kerajaan Persekutuan *owner*lah, makna dia tunai janji walaupun negeri itu bukan Barisan Nasional kerana benda ini termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Maka, geran kepala iaitu - dan geran jalan diberi kepada semua negeri. Jadi, tidak timbul soal Kerajaan Persekutuan menganaktirikan kerana Kerajaan Persekutuan telah akur kepada Perkara 109, Perlembagaan Persekutuan.

Kedua, Kerajaan Persekutuan telah memberi geran kemiskinan, bermakna ada tiga geran yang telah diberikan kepada semua kerajaan negeri. Akan tetapi bezanya geran kemiskinan, dia kena pohon, itu satu. Kedua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bangkitkan sebab dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang hutang. Jadi, hutang yang banyak ini, yang disebut dalam jumlah RM400 bilion, hutang pembangunan. Saya hendak kena jelaskan kerana ini penting. Ini bukan hutang emolomen, ini bukan hutang membayar gaji dan sebagainya. Ini hutang kita membangunkan negara.

Jadi, saya harap kita jangan tersilap tafsir kenapa kita hutang banyak. Bermakna kalau kita buat KLIA, dia bukan harga yang sedikit, kita buat titi Pulau Pinang tempat pembangkang yang kuat, yang macam harimau itu pun kita buat, kita buat Putrajaya. Jadi, itu satu, itu jenis hutang.

Semua pembangunan, itulah duit dia. Kalau beratus bilion pun itulah. Jadi, saya hendak perspektif, *mind set* kita supaya jangan tersilap, itu yang kedua. Ketiga ialah tentang PPRT iaitu Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Ini tidak ada dalam dunia ini yang ada program macam ini sebab saya sendiri terlibat secara langsung pada tahun 1987 semasa berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri. Saya kena jelas sebab kita takut nanti kita tersilap. Oleh sebab PPRT inilah apa yang disebutkan Dr. Mahathir, saya baca dengan izin, dia kata, "*Dr. Mahathir, we give all sorts of assistance to hardcore poor.*" *New Straits Times, 23 Jun 1998, Tuesday, "We observed,"* dengan izin, "*...that to the hardcore poor group, we give all sorts of assistance and we even built homes for them. I challenge anyone who can prove other nations in the world who has the same program to care to the people the way we have done.*"

Jadi, benda ini orang Kedah dapat rumah, orang Kelantan dapat rumah, orang Terengganu, semua seluruh negeri mendapat rumah. Tidak ada dalam dunia ini kata mantan Perdana Menteri buat. Sebab itu kita hutang. Hutang ini hendak tolong, yang boleh jadi boleh mari ke Dewan ini pun sebab hutang itulah, yang boleh jadi Ahli Parlimen, boleh jadi *engineers, lawyers, doktor*. Boleh jadi ahli kimia, fizik, biologi. Boleh jadi *pharmacist, geologist*, hutang inilah. Sebab saya terlibat secara langsung semasa Jabatan Perkhidmatan Awam. Baik JPA, baik Petronas, baik MARA, baik RISDA, baik Tenaga Nasional, baik Telekom, baik Kementerian Pelajaran, air ke Langkawi, Perlis bagi laluan dekat Kedah. Baru orang Langkawi boleh minum air. Sekian terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya Yang Berhormat sahabat saya ini bukan dia hendak mencelah, dia belah...  
[Ketawa]

#### ■1930

Saya tidak bangkitkan benda itu semua. Jadi, memang lah sebab itu persoalannya kita minta supaya Menteri Kewangan, tadi pun saya sebut supaya menjelaskan bagaimana hutang-hutang ini hendak dilangsaikan. Bagaimanakah jadualnya? Itu tujuan kita bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Kemudian, terima kasih kepada Kerajaan Pusat. Saya awal-awal tadi sudah. Itu yang saya hendak minta supaya *Payment Environment Services (PES)* dengan izin, sebanyak RM600 juta daripada tahun 2006 bayarlah.

Begitu juga barangkali tadi Yang Berhormat Mumtaz tidak sebut royalti minyak di Kelantan. Bagilah, bukan pada siapa. Puak kita belaka kerana itu peraturan. Yang Berhormat Mulia Tengku Razali pun pernah menyebutkan bahawa itu perlu dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat, okey.

Keduanya, pemerintah tidak boleh melakukan kezaliman. Pada awal pelantikan saya pada tahun 2008, saya sudah bercakap mengenai dengan ISA. Banyak ahli yang menyebut bahawa ISA perlu dikekalkan untuk keselamatan negara. Akan tetapi sekarang *alhamdulillah*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan ISA dimansuhkan. Cuma harapan kita supaya undang-undang lain itu janganlah yang menyerupai ISA. Maksud saya, tidak boleh kita menahan seseorang tanpa kita adili dia, bicarakan setelah dia didapati bersalah, hukum tidak apa.

Sebab itu dalam hal kezaliman ini saya teringat pernah mendengar ulasan beberapa orang ulama yang mengatakan orang yang melakukan kezaliman masuk syurga. Hadis Nabi maksudnya lebih kurang macam itulah. Orang yang kena zalim masuk syurga. Orang yang melakukan kezaliman masuk syurga. Orang kena zalim masuk neraka. Dia ada *part* terbalik tetapi saya tidak mahu ulas yang itu. Saya hendak ulas, yang melakukan kezaliman masuk syurga. Yang dizalimi juga masuk syurga. Hal ini telah berlaku kepada diri saya sendiri. Ini pengalaman saya.

Saya dalam satu majlis di Perak, dalam satu majlis berucap. Kebetulan yang berucap itu ialah bekas pegawai tinggi polis. Saya terkejut, dalam ucapannya saya tidak payah sebut nama dalam Dewan yang mulia ini.

Dalam ucapannya, dia menyebut bahawa saya memohon maaf kepada Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin kerana saya pernah terlibat melakukan kezaliman kepada dia di mana saya mencadangkan dia dalam laporan saya untuk ditahan di Kamunting selama dua tahun. Semua orang ramai pun terkejut. Saya minta maaf kepada dia dunia akhirat. Selepas dia berucap, saya berucap. Saya macam saya lah lawak. Saya kata "*Aku dok cari lama dah. Malam ini baru jumpa*". Akan tetapi saya menyebut tentang maksud hadis ini. Orang yang melakukan kezaliman, dia insaf, dia bertaubat, dia minta ampun kepada orang yang dia lakukan kezaliman. Orang itu pun ampunkan dosa dia dan orang yang kena zalim pula redha akan takdir Allah yang dia kena zalim dan memberi ampun kepada orang yang menzalimi dia. Dua-dua masuk syurga, tiada masalah.

Sebab itu kita di Dewan yang mulia ini merupakan benteng yang terakhir untuk meluluskan sesuatu rang undang-undang supaya rang undang-undang itu tidak menzalimi rakyat kita khusus. Ini tanggungjawab. Kalau orang Islam dia ada tanggungjawab peribadi sebagai Ahli Dewan Negara. Jadi, *alhamdulillah* kerajaan sekarang telah memansuhkan ISA. Saya tidak mahu komen pasal ISA sebab ini pun dimansuhkan. Cuma, dalam peristiwa Memali yang saya sendiri terlibat secara langsung, seorang bekas pegawai tinggi polis juga yang pada ketika itu dia OCPD Baling, dia ada menulis buku yang bertajuk, "*Memali: A Policeman Remembers*."

Saya tidak mahu ulas apa isi kandungan buku, takut saya tersilap *because my English vocabulary is very poor* sebab buku itu dalam bahasa Inggeris. Akan tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat boleh dapatkan buku itu, baca sendiri apa komennya terhadap peristiwa Memali yang menyebabkan seorang ulama dibunuh dan pengikut-pengikutnya. Bukan ada hal yang besar pun. Inilah kalau kita silap pertolongan, ia akan berlaku sehingga melibatkan nyawa.

Ketiganya, pemerintah, dia kena menjauhkan diri daripada marah atau sombong. Kalaulah pemerintah marah, dia cukup bahaya sebab dia ada kuasa. Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini saya kadang-kadang terkilan juga. Saya tanya itu bukan saya rujuk dekat siapa. Contohnya saya tanya mengenai dengan FDI, pelaburan yang merosot pada tahun ini, sepertimana yang disebut oleh mantan Perdana Menteri. Dijawab balik inilah kerja pembangkang dan sebagainya. Saya cukup terkejut.

Sepatutnya menteri-menteri menjawab dengan berhemah. Dengan lembut sebab kita tanya. Tanya bukan satu tuduhan. Tanya untuk minta penjelasan dan jawapan. Sebab itulah semasa berbahas Tuan Yang di-Pertua, saya sudah masuk tahun yang keempat. Saya cukup ingat, saya tidak pernah sentuh peribadi seseorang sebab saya pernah sebut bahawa Perdana Menteri yang ada sekarang, Perdana Menteri saya juga. Sebab dia Perdana Menteri Malaysia. Bukan Perdana Menteri untuk orang UMNO dan Barisan Nasional sahaja. Jadi, *insya-Allah*, hak yang jadi pemerintah ini, yang ada kuasa jadi Menteri, Timbalan Menteri janganlah sombong sangat. Janganlah pandang Dewan Negara ini hendak datang pun tidak apa, tidak datang pun tidak apa. Nanti kita buat undi belah bahagian lagi terkejut 'kot'. Terbang 'mai'.

Okey, pemerintah juga perlu ada kesanggupan untuk menimbang suasana dan keadaan orang lain. Kami lapan orang ini, hendak kata pembangkangkah wakil kerajaan? Wakil kerajaan negeri. Saya sudah bercakap dalam Dewan yang mulia ini dan secara peribadi dengan Tuan Yang di-Pertua pun saya bercakap. Orang lain semua dapat peruntukan RM200,000 sepenggal. Kami ini kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, bank telefon cek kena tendang. Tang itu RM500, tang ini RM1,000. Terlupa gaji Senator ini RM4,100 sahaja. Bukannya banyak mana. Campur elaun *driver*, jimat sedikit telefon *driver* tidak pakai, bawa sendiri. Itulah boleh belanja. Tidak cukup. Apa masalah untuk lapan orang ini diberi hak yang sama dengan sahabat-sahabat Ahli Dewan Negara yang lain.

**Tuan Ng Fook Heng:** Minta celah boleh?

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Sila.

**Tuan Ng Fook Heng:** Tuan Yang di-Pertua, minta mencelah. Yang Berhormat, saya hairan tentang, saya simpati juga tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Senangnya Yang Berhormat keluar daripada parti itu, masuk UMNO.

Itu pilihan pertama. Pilihan kedua ialah saya hairan bila Perdana Menteri cadangkan kenaikan elaun untuk semua Ahli Parlimen tetapi Ketua PR itu yang membantah sekuatkuatnya. Itu... [Tepuk]

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Yang pertama tadi saya tidak jelas.

**Tuan Ng Fook Heng:** [Ketawa] Bahasa saya tidak cukup bagus. Maksud saya adalah apabila Perdana Menteri mencadangkan bahawa semua elaun untuk Ahli Parlimen Dewan Negara dan Dewan Rakyat sekali lah akan dikaji dan dinaikkan melainkan semua pihak, kedua-dua pihak bersetuju. Akan tetapi Ketua Pembangkang terus tidak bersetuju dan membantah. Jadi, itu lah sebabnya kenapa.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Yang itu saya hendak komen pun pasal dia orang sana. Akan tetapi sebenarnya macam yang saya sebutkan tadi, hendak kata di Dewan Rakyat sana tidak setuju, cadangan itu tidak dibawa ke dalam Dewan. Tidak ada undian dilakukan.

#### ■1940

Cuma dibentangkan di dalam bajet dan berapa orang pemimpin barangkali PAS saya tidak perasan, menyebut tidak perlu. Apabila saya minta penjelasan daripada mereka, pemimpin yang berkenaan sebab apa tidak bersetuju, saya pun hendak naik gaji juga Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah:** Minta laluan. Di belakang... [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat Senator. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai tambah elaun. Di negeri Selangor, semua ADUN dapat kenaikan gaji elaun sebab *reserve* negeri bertambah. Walaupun kerajaan negeri beri banyak sumbangan, rizab pun bertambah setiap tahun. Akan tetapi di peringkat *Federal*, setiap tahun ada defisit. Kali ini pun defisit juga. Jadi, bagaimana mahu tambah elaun? Kalau defisit jadi *surplus* boleh beri elaun, tambah elaun. Jadi, inilah masalahnya. Oleh sebab itulah, Ketua Pembangkang tidak bersetuju. Terima kasih.

**Tuan Ng Fook Heng:** Boleh sertai?

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** *Floor* saya ini... [Ketawa]

**Tuan Ng Fook Heng:** Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat? Okey. Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Ng Fook Heng:** Sebenarnya saya difahamkan, permintaan meningkatkan *allowances* ini datang daripada kedua-dua pihak; daripada pihak pembangkang dan juga daripada pihak pemerintah. Akan tetapi apabila ini dicadangkan, terus-terang mereka terus menolak dengan sebulat-bulatnya. Kemudian ada juga yang pihak pembangkang di belakanglah, saya dengar semasa saya datang di lobi itu, bisung juga. Itu masalahnya. Itu yang menyebabkan pencennya kurang... [Ketawa] Terima kasih.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya jelas tidak sempat habis ini, apabila saya minta penjelasan individu yang berkenaan, yang membuat kenyataan bahawa tidak perlu elaun dinaikkan sebab dia kata yang kita minta, bukan sahaja gaji tetapi pemberian-pemberian lain untuk semua Ahli Parlimen sama ada Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat, diselaraskan. Biar semua dapat. Jadi, itu mungkin puncunya. Kita di Dewan Negara ini Yang Berhormat, boleh cadangkanlah. *Insyallah*, saya sokong... [Ketawa] Untuk kalau hendak naik gaji. Okey.

Seterusnya ialah kerajaan yang memerintah hendaklah cepat-cepat melaksanakan kehendak rakyat. Betul sudah slogan, '*Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan*'. Pemberian RM100. Sesiapa pun berterima kasih sebab memberikan RM100. Soalnya, RM100 diberikan kepada semua pelajar sekolah dan sampai kepada sekolah-sekolah agama rakyat pun turut diberikan. Jadi, maksudnya kalau bapanya berpendapatan RM20,000 sebulan pun, dia mendapat RM100. Kalau bapanya berpendapatan RM500 atau RM600 pun dia dapat, RM1,000. Inilah selalu yang kita sebut, sama rata. Apa yang kita hendak ialah kesaksamaan.

Jumlah RM100 bagi orang yang berpendapatan RM5,000, RM10,000 atau RM20,000, tidak ada nilai bagi dia. Akan tetapi RM100 bagi orang yang berpendapatan rendah, nilainya amat tinggi. Oleh sebab itu, pemberian RM500 secara *one-off*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya sokong. Akan tetapi kerajaan tidak boleh berterusan memberikan pemberian yang sebegini. Tentulah kerajaan mana-mana pun tidak mampu kecuali ada hasil kita yang berlipat-ganda, bertambah. Apa yang kita perlukan ialah suatu perancangan yang rapi oleh ahli-ahli pakar ekonomi untuk bagaimana memberikan kail kepada rakyat, golongan yang lebih kurang 40 peratus yang di bawah pendapatan rendah. Bawah seribu... dalam negara kita. Kita tidak mampu berterusan untuk memberikannya. Tambah pula sekarang ini hujung tahun, macam-macam *sale* ada. RM500 itu sekali pergi *supermarket*, habis.

Akan tetapi yang kita hendak bagaimana mendidik tadi. Disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Ng Fook Heng kalau tidak silap saya, wanita Malaysia ini yang ke-16 tertekan. Tertekan sungguh sebab tanggungan hidup yang kebanyakannya saya percaya daripada ibu tunggal. Kalau ibu tidak tunggal pun, yang suami tidak bertanggungjawab, yang tidak menjaga nafkah keluarga dan sebagainya. Jadi, apa yang kerajaan perlu laksanakan ialah untuk merancang. Buat satu pelan supaya maklumat yang kita dapat, diperolehi dalam negara kita ini, golongan yang miskin ini bagaimana kita hendak mendidik mereka supaya mereka boleh melakukan kerja mengikut kesesuaian, kemampuan dan kebolehan mereka.

Kalau kebolehan mereka itu tidak sebanyak mana, kementerian yang berkenaan; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini perlu merancang untuk memberikan kursus ataupun latihan kepada mereka yang akhirnya mereka boleh berdikari.

Sebagai sejarah Islam, Oh! Ingat hendak minta laluan... *[Ketawa]* Sejarah Islam. Semasa Sayidina Umar al-Khattab menjadi khalifah, beliau beri zakat kepada satu orang itu, dua ekor unta. Hamba Allah itu kata, "*Aku tiap-tiap tahun, khalifah yang dahulu pun bagi seekor sahaja. Sebab apa kamu beri kepada aku, dua ekor?*". Khalifah Umar kata, "*Aku beri dua ekor ini supaya seekor kau pelihara ia untuk memerah susu, untuk makanan kau dan ahli keluarga engkau. Seekor lagi kau jadikan ia pengangkutan, ambil upah. Tahun hadapan, aku tidak beri sudah. Jangan datang lagi minta zakat kepada kerajaan*". Ini cara kita mendidik rakyat. Kalau tidak, sampai bila keadaan ini akan berlaku.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya minta, ini banyak yang diminta oleh veteran tentera. Yang mana saya tidak tahulah sekarang tetapi tentera dahulu perkhidmatannya ialah yang berpangkat Sarjan ke bawah, perkhidmatannya dalam tentera hanya 21 tahun. Apabila enam bulan sebelum genap 21 tahun, mereka ini akan dihantar pada kursus supaya mereka balik melakukan kerja sendiri dan mereka ini tidak berpencen. Mereka merayu supaya kerajaan mempertimbangkan agar mereka ini juga diberikan pencen. Ini kerana bukan kehendak mereka untuk berkhidmat selama 21 tahun. Akan tetapi peraturan dalam tentera itu bagi yang berpangkat rendah, hanya berkhidmat selama 21 tahun. Sedangkan syarat untuk mendapatkan pencen, perkhidmatan 25 tahun ke atas. Jadi, golongan ini tidak mendapat pencen. Ini supaya kerajaan membuat kajian semula untuk diberikan kelonggaran walaupun...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, panjang lagi?

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya sejam lagi pun boleh Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan. Jangan.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Saya ikut. Kalau Tuan Yang di-Pertua suruh berhenti, pukul berapa pun saya berhenti.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beri satu minit lagi.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Satu minit? Allah... *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada beberapa orang lagi.

**Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin:** Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, supaya kerajaan menimbangkan supaya tentera yang berkhidmat penuh 21 tahun ini, diberikan pencen walaupun bukan pencen yang penuh.

Separuhkah atau 1/3 untuk membantu mereka untuk menghabiskan sisa hidup? Saya pergi ke Sabah, Sarawak, di mana-mana pun, kalau bekas tentera, inilah yang diminta bercakap dalam Dewan yang mulia ini.

Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua menghadkan masa dan saya... *[Ketawa]* Tidak akan langgar perintah Tuan Yang di-Pertua kerana ini merupakan peraturan mesyuarat. Kita tidak mahu - minta maaf, menjadi Dewan yang satu lagi, bukan. Larangan tidak pernah didengar. Jadi, saya mengucapkan terima kasih dan saya mohon apa yang saya sampaikan ini diambil perhatian oleh kerajaan, kementerian yang berkenaan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, terima kasih. Bukan saya menghadkan kerana masa Yang Berhormat pun sudah kita beri lama juga. Ada beberapa orang yang hendak bercakap lagi. Terima kasih banyak Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Puan Hajah Dayang Madinah.

**7.49 mlm.**

**Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg:** Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam 1Malaysia dan salam perpaduan.

■1950

Terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Bajet 2012 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bajet 2012 yang bertemakan dasar transformasi nasional iaitu bajet membela rakyat, menyejahtera negara diterima baik oleh rakyat. Tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya ingin menyentuh beberapa faktor khususnya yang berhubung kait dengan negeri Sarawak. Pertama, ekonomi. Negeri Sarawak sedang rancak membangun kawasan koridor diperbaharui iaitu SCORE. Kami di Sarawak mengucapkan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Pusat untuk membangunkan prasarana dan infrastruktur di kawasan SCORE sepertimana yang diperuntukkan dalam Bajet 2012. Bagi memastikan kejayaan di koridor SCORE, Kerajaan Pusat diseru supaya syarikat penerbangan khususnya MAS tidak akan menamatkan atau menghapuskan laluan penerbangan dari Sibul ke Kuala Lumpur dan dari Bintulu ke Kuala Lumpur. Ini kerana para pelabur dan juga ahli-ahli perniagaan berkehendakkan laluan penerbangan yang efisien untuk menjana kegiatan ekonomi di kawasan SCORE.

Negeri Sarawak mengalu-alukan keputusan Kerajaan Pusat supaya MASwings menjadi syarikat penerbangan yang beroperasi di kawasan BIMP-EAGA. Ini adalah keputusan yang amat baik yang kita yakin dapat mengeratkan lagi perhubungan di antara negara-negara Malaysia, Indonesia, Brunei dan Filipina. Saya ingin syorkan supaya Kerajaan Pusat juga mengambil perhatian supaya kawasan BIMP-EAGA mesti dihubungkan dengan *hub* yang penting iaitu Singapura, Hong Kong, Bangkok dan Bali. Laluan ini akan dapat mempertingkatkan lagi industri pelancongan dan juga pelaburan, di mana kawasan BIMP-EAGA mempunyai sumber semula jadi yang kaya yang berkehendakkan kepakaran dan teknologi daripada pelabur-pelabur asing.

Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua, walaupun keadaan krisis ekonomi global seperti di Eropah dan Amerika Syarikat masih berlarutan kini, namun ekonomi Malaysia masih bertahan, buktinya iaitu:

- (i) pelabur asing masih berminat untuk datang melabur di Malaysia;
- (ii) belum ada lagi pembuangan pekerja beramai-ramai dalam bilangan ratusan ataupun ribuan sekaligus; dan

- (iii) atas kebijaksanaan dan kepantasan bertindak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan melaksanakan Program Transformasi Ekonomi (ETP), Model Baru Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan (GTP). Saya penuh yakin bahawa kerajaan sudah bersedia untuk berdepan dengan masalah dan cabaran yang timbul daripada krisis ekonomi global pada masa akan datang, *insya-Allah*.

Dalam bidang pendidikan pula, saya mengalu-alukan peruntukan Kerajaan Pusat bagi meringankan belanja seharian rakyat termasuklah dalam menyekolahkan anak-anak iaitu bantuan berjumlah RM500 untuk isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 ke bawah dan bantuan persekolahan berjumlah RM100 diberi kepada semua pelajar dari Tahun Satu hingga Tingkatan Lima. Bantuan-bantuan tersebut merupakan dasar kebertanggungjawaban sosial pihak kerajaan Barisan Nasional khususnya kepada golongan masyarakat luar bandar dan diharapkan agar Kerajaan Pusat memastikan sistem agihan bantuan-bantuan tersebut dapat diselaraskan di negeri Sarawak.

Dalam soal pendidikan, Kerajaan Pusat perlu mempertimbangkan pengambilan guru-guru pelatih supaya dikemaskinikan, agar anak-anak Sarawak yang berkelayakan dapat ditempatkan di institusi latihan guru di Sarawak. Ini kerana kita dapati bahawa guru-guru dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia tidak begitu berminat ditempatkan di kawasan-kawasan pedalaman Sarawak. Sudah tentu masalah ini akan menjejaskan hasrat kerajaan untuk memberi pendidikan yang baik dan berkualiti kepada seluruh rakyat termasuk kami di Sarawak. Sudah tentu masalah ini akan menjejaskan hasrat kerajaan untuk memberi pendidikan yang baik dan berkualiti kepada seluruh rakyat termasuk kami di Sarawak.

Saya ucapkan tahniah dan penghargaan kepada Kerajaan Pusat kerana buat pertama kalinya dalam sejarah pendidikan rendah dan menengah di sekolah-sekolah kerajaan adalah disediakan dengan percuma mulai sesi persekolahan 2012 nanti. Selama ini, sekolah-sekolah rendah dikenakan bayaran RM24.50 dan sekolah-sekolah menengah dikenakan bayaran RM33.50 yang akan dimansuhkan.

Perkara berikutnya ialah mengenai pembangunan wanita. Wanita Malaysia termasuk kami di Sarawak bersyukur dan berbangga atas pengiktirafan serta penghargaan Kerajaan Barisan Nasional ke atas keupayaan wanita dalam bidang kepimpinan dan pengurusan sehingga meluluskan Dasar Sekurang-kurangnya 30 peratus Wanita di Peringkat Keputusan Dalam Sektor Korporat. Saya penuh yakin dasar tersebut akan terlaksana dengan jayanya kerana kita sedia maklum bahawa peratusan mahasiswi-mahasiswi lepasan universiti dan institusi semakin meningkat. Maka sudah tentu kerajaan tidak ada masalah dalam usahanya untuk mengetengahkan golongan profesional wanita yang berpotensi ke peringkat yang lebih tinggi dan mencabar pada masa hadapan. Syabas wanita 1Malaysia.

Saya percaya golongan usahawan wanita Malaysia merasa lega dan berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah menambah peruntukan lebih sekali ganda lagi kepada TEKUN dan menyediakan RM2.1 bilion kepada Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) untuk pembiayaan pinjaman mikro kepada usahawan terutamanya golongan wanita.

Wanita Malaysia juga menghargai keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional untuk menjamin kesihatan para ibu dan anak, yang mana sebuah hospital khusus untuk kaum wanita dan anak akan dibina di Kuala Lumpur melalui perkongsian awam swasta dengan kos RM700 juta.

#### ■2000

Di sini saya ingin syorkan agar hospital serupa khusus untuk wanita dan anak patut juga dibina sekurang-kurangnya sebuah di Sarawak dan sebuah di Sabah untuk memudahkan perhubungan dan rawatan lanjutan segera jika berlaku pesakit golongan berkenaan di Sarawak dan Sabah yang perlu dirujuk kepada hospital tersebut di Kuala Lumpur.

Dalam usaha kerajaan untuk mempromosikan produk-produk makanan hasil keluaran IKS yang majoritinya diusahakan oleh golongan wanita termasuk golongan ibu tunggal, saya ingin syorkan agar syarikat penerbangan nasional MAS memasukkan hidangan makanan ringan, *tidbits* dengan izin, contohnya kerepek pisang dan juga kek lapis Sarawak untuk para penumpangnya. Selama ini kita disajikan dengan kek biasa dan *tidbits* seperti *peanuts*, dengan izin selain menu utamanya. Sudah tentu kalau syor saya ini dipertimbangkan, kualiti produk makanan ringan IKS tersebut perlu diutamakan dan pembungkusannya (*packaging*) dengan izin, perlu menarik.

Seterusnya saya ingin menyentuh faktor perumahan. Sarawak mengalu-alukan peruntukan dalam Bajet 2012 untuk membina 10,000 unit Rumah Mesra Rakyat (RMR). Namun begitu, kita berpendapat adalah lebih tepat kalau projek RMR ini juga ditambah di negeri Sarawak kerana tidak terdapat peruntukan untuk Rumah Mesra Rakyat dalam Bajet 2012 untuk negeri Sarawak. Bagi menampung keperluan rumah dalam kalangan masyarakat menengah iaitu *middle income* dengan izin, saya syorkan supaya Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) diperluaskan di negeri Sarawak dan juga Sabah. Ini kerana pembangunan di kawasan-kawasan bandar berkehendakkan ruang untuk memiliki rumah oleh masyarakat kelas menengah yang telah berhijrah ke bandar-bandar besar.

Faktor seterusnya yang saya ingin sentuh ialah mengenai Program Transformasi Luar Bandar. Sebagai sebuah negeri yang terbesar dalam Malaysia yang mempunyai kawasan luar bandarnya yang begitu luas, Sarawak menyambut baik Program Transformasi Luar Bandar (RTP) yang akan mentransformasikan kawasan luar bandar supaya mampu menarik pelaburan swasta, menyediakan peluang pekerjaan dan kegiatan-kegiatan ekonomi serta menggalakkan generasi muda kembali berkhidmat di kawasan atau kampung sendiri. Program ini juga diharapkan dapat mengurangkan penghijrahan ke bandar-bandar besar.

Seterusnya faktor negara berkebakikan. Bagi kami di Sarawak, Kerajaan Barisan Nasional sememangnya dari dulu lagi sudah mengamalkan kebajikan untuk rakyat yang mana kita di Sarawak juga diperuntukkan dan merasai nikmatnya daripada keseluruhan subsidi bahan makanan asas, subsidi produk petroleum, subsidi gas memasak dan subsidi bil elektrik. Inilah semangat 'rakyat didahulukan' - bukan omong kosong tetapi kata dikotakan!

Bajet 2012 mendakap segenap taraf sosioekonomi rakyat. Ia tidak meninggalkan yang berpendapatan rendah sekalipun menengah atau yang berpendapatan tinggi dan tidak pula meminggir mereka yang di bandar waima di desa. Adalah menjadi harapan rakyat, khususnya kami di Sarawak, supaya hasrat kerajaan untuk mentransformasikan ekonomi negara ke arah negara maju berpendapatan tinggi dapat berjalan dengan lancar dan dapat dinikmati oleh rakyat khususnya mereka di kawasan luar bandar dan kawasan baru iaitu *emerging areas*, dengan izin.

Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua, dengan hujah-hujah tadi, saya mohon menyokong Bajet 2012. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Azian bin Osman. Dipersilakan, Yang Berhormat.

#### 8.06 mlm.

**Dato' Azian bin Osman:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Walaikumussalam.*

**Dato' Azian bin Osman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang pada malam ini untuk berbahas Bajet 2012. Dalam mukadimah awal saya, saya tertarik dengan beberapa hujah yang diberikan oleh rakan-rakan daripada pihak Barisan Nasional, daripada pihak yang menamakan diri mereka Pakatan Rakyat walaupun tidak didaftarkan lagi. Kita terimalah nama yang mereka hendak itu.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada rakan-rakan saya sebelah sana kerana begitu beria-ia sangat hendak memperbaiki dan membetulkan apa yang tidak betul. Pada saya, kita ini manusia. Memang kita ada kelemahan tetapi *alhamdulillah* pemimpin-pemimpin Barisan Nasional begitu gigih memperbaiki kelemahan yang kita ada.

Justeru itulah Tuan Yang di-Pertua, saya kira sebab itu Allah SWT meredhai dan masih merestui Barisan Nasional memerintah negara ini... [*Tepuk*] Ini kerana kita ikhlas. Kita tidak cagak tidak serupa bikin.

Dalam isu ekonomi yang dibangkitkan oleh beberapa orang Yang Berhormat kononnya Korea, Vietnam, Singapura dan sebagainya lebih baik daripada kita. Saya kira di antara perkara yang rakyat mereka bernasib baik daripada rakyat negara kita ialah kerana mereka tidak ada pembangkang macam kita yang memang hendak melihat ekonomi negara roboh. Pemimpin-pemimpin utamanya pergi keluar negara untuk memburuk-burukkan apa sahaja yang ada di negara ini malah perkara yang kecil tetapi begitu besar kepada kita daripada segi sentimental contohnya batik pun pergi ke Indonesia, berucap di Indonesia, batik Malaysia jelik. Semasa itu saya berada di Indonesia. Saya baca Quran yang dipanggil di sana iaitu surat khabar Indonesia. Pemimpin kita. Apa tujuannya? Namun, apabila berucap di depan rakyat atau di Dewan Negara atau di Dewan Rakyat, merekalah pejuang. Seikhlas mungkin mereka menunjukkan mimik riak muka mereka...

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya sikit.

**Dato' Azian bin Osman:** Ini minta laluankah apa ini?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Siapa itu, siapa itu?... Sebutlah.

**Dato' Azian bin Osman:** Yang di Indonesia itu Dato' Seri Anwar Ibrahim.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Begitulah.

**Dato' Azian bin Osman:** Yang di Indonesia itu. Saya akur kepada arahan Tuan Yang di-Pertua supaya tidak sebut nama. Selalunya Tuan Yang di-Pertua kata jangan sebut nama seboleh-bolehnya. Namun bila ditanya itu saya jawablah.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ketua Pembangkang boleh sebut.

**Dato' Azian bin Osman:** Terima kasih. Jadi kita perlu ikhlaslah kalau mahu melihat negara ini maju. Turut juga disentuh kita mesti ada prinsip peribadi. Pada saya, ini hanya dongengan sahaja kerana saya di sini Tuan Yang di-Pertua, walaupun Tuan Yang di-Pertua selalu mengingatkan jauh daripada politik, jangan politik lebih sangat tetapi saya di sini mewakili parti saya. Saya dilantik di sini oleh pemimpin parti saya. Serupa dengan pihak sana dilantik oleh pemimpin parti mereka dari negeri masing-masing. Jadi bila bercakap tentang prinsip ini, kita perlu mengimbangi di antara prinsip parti dengan prinsip peribadi. Saya lihat budaya politik di Malaysia ini, prinsip peribadi dibelakangkan dan prinsip parti diutamakan baik sebelah sini, baik sebelah sana.

## ■2010

Jadi, janganlah dalam sesuatu akta itu kita menyeru kepada rakan-rakan gunakan kebijaksanaan kita, tolak akta ini, tolak akta ini. Di manakah kewajipan kita kepada parti kita yang kita wakili. Tanya kepada diri kita sendiri, kita lihat bila ada belah bahagi walaupun sahabat-sahabat yang sebelah sana atau sebelah sini tidak bersetuju, tidak boleh setuju. Tidak bersetuju dengan cara rakan-rakan daripada parti lain tetapi apabila belah bahagi, mereka tetap lapan tetap lapan. Dia tidak ada, Dewan Rakyat pun sama. Jadi, janganlah kita hanya bercakap prinsip peribadi tetapi pada hakikatnya kita masih mempertahankan parti kita walaupun perkara ini tidak betul, kita masih pertahankan terutama di depan rakyat. Inilah budaya politik yang ada di negara ini. Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah disentuh oleh rakan saya. Jadi, mungkin saya hanya menambah. Masalah pendatang asing baik tanpa izin atau dengan izin.

Kalau kita melawat sekitar Kuala Lumpur, Ipoh atau bandar raya-bandar raya kita pada hari Sabtu atau hari Ahad contohnya. Kita naik takut, naik gerun, seolah-olah bandar raya kita telah ditawan oleh mereka di sesetengah tempat. Jadi, persoalan yang saya hendak timbulkan, mengapakah begitu mudah pendatang asing ini masuk ke negara kita? Kita pergi ke luar negara yang perairan maritimnya sama luas dengan kita seperti Australia, pendatang asing ada tetapi tidak macam pendatang asing kita. Jadi, kita perlu pendatang asing untuk membantu kita dalam banyak perkara, kerja rumah dan sebagainya, pembangunan tetapi kita perlu pendatang asing yang berkualiti.

Jadi, persoalan saya sekarang ini, saya hendak tanya kepada kementerian yang terlibat, mengapakah pendatang asing dilihat begitu mudah masuk ke negara kita? Daripada pengalaman saya keluar masuk-keluar masuk, baik di LCCT atau di KLIA, begitu mudah sekali kita bawa beg, kita tarik menempuh imigresen kita, menempuh Kastam kita tanpa diperiksa, tanpa disoal dan sebagainya. Adakah kita hanya bertindak, pegawai imigresen hanya bertindak di atas laporan? Apabila ada laporan, baru ditahan. Berbeza dengan di negara lain. Tidak usah cerita negara Eropah yang begitu ketat keluar masuknya. Di Indonesia, di Thailand juga ketat, waima rakyat asing ataupun rakyat negara mereka sendiri. Hendak masuk negara mereka, beg mesti di *scan* tetapi saya tidak pernah beg saya di *scan*, bawaklah.

Jadi, ini di antara perkara yang kita boleh lihat walaupun kita hendak pelancong datang ramai tetapi janganlah sehingga keselamatan negara kita terancam dengan kemasukan mereka yang tidak diperlukan di negara ini...

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Laluan sedikit.

**Dato' Azian bin Osman:** Sila.

**Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah:** Saya bersetuju sekali dengan apa Yang Berhormat sebut tadi tentang kelonggaran kita atau toleransi kita terhadap pendatang-pendatang asing ini. Saya ada dua pengalaman yang saya hendak kongsi dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Pertama, satu kali penerbangan dari Dubai. Saya jumpa seorang Afrika, dia menyebut katanya dia akan mengikuti - kebetulan saya duduk betul sebelah dia dari Afrika. Lupa saya dari mana, Nigeria tidak salah saya. Dia kata dia akan mengikuti pengajian *masters* di Malaysia. Bila saya tanya di kolej mana, di mana. Dia tidak boleh jawab. Padahal dia sendiri mengaku, berbangga hendak mengikuti pendidikan IT di tempat kita.

Ini satu contoh bagaimana mudahnya kita memberikan visa pelajar ini kepada orang asing. Itu kelonggaran kita, manakala keketatan orang lain, saya tahu dan pernah mengalami sendiri. Lewat satu hari daripada visa tinggal di sebuah negeri jiran, lewat sehari daripada visa pelancong yang diberikan kepada saya. Saya tidak dibenarkan keluar sehingga saya membayar denda lebih kurang RM80 Malaysia, satu hari. Katanya kalau saya lewat keluar tiga hari atau empat hari lagi, maka yang lebih kurang RM80 itu akan digandakan mengikut bilangan harinya.

Ini satu contoh bagaimana orang lain begitu ketat dalam melaksanakan undang-undang imigrasi mereka sedangkan kita begitu longgar. Akan tetapi pengalaman di tempat yang saya kena bayar itu memang agak tidak sedaplah tetapi pengalaman mengetahui seorang Afrika yang hendak datang ke sini katanya dengan bangga dia mengatakan hendak belajar IT tetapi tidak tahu di kolej mana. Macam mana dia dapat visa? Bukan dia tak tahu tetapi adalah dia sebut nama kolej tetapi apa nama panjang kolej ini dia tidak tahu, di mana tempatnya dia tidak pasti. Jadi, yang saya hairan bagaimana dia dapat visa itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Azian bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Firdaus. Hujah yang selari dengan saya dan kalau lihat surat khabar beberapa hari yang lalu Tuan Yang di-Pertua, yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengajian Tinggi kita, 300 IPTS bermasalah aspek kawalan pelajar asing sehingga langgar undang-undang. Ini apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Firdaus tadi yang perlu ditangani oleh pihak berwajib daripada kementerian yang berwajib. Cukup berbahaya, saya bersetuju. Menteri pun mengakui tetapi janganlah setakat akui sahaja. Tindakan perlu diambil terutamanya kepada kolej-kolej swasta yang kita lihat begitu ramai pelajar asingnya yang kita lihat tidak rupa pelajar pun. Jadi, inilah perkara yang saya ingin bangkitkan Tuan Yang di-Pertua. Selainnya bersangkutan dengan belia kita. Saya lihat...

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, celah sedikit. Kita lihat sekarang pendatang asing begitu ramai sekali. *Ratio*, nisbah tertinggi dalam dunia jika dibandingkan dengan penduduk, setuju atau tidak bila saya katakan kerajaan kita ini amat baik sekali. Baik, baik sekali, baik sangat, baik terlalu baik sampai meluat kita.

Betul saya cakap. Semua orang asing. Kedai makan, hotel, *resort*, ladang, estet, balik rumah pun orang asing. Jadi, baik sangat. Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, apakah cadangan baru untuk kurangkan warga asing?

**Dato' Azian bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat. Sepatutnya saya duduk sana, hendak menjawab dan memberikan cadangan itu. Tuan Yang di-Pertua, di sana duduk, hendak beri cadangan itu tetapi saya di sini. Akan tetapi pada pandangan saya, undang-undang kita perlu diperketatkan dan pelaksanaan penguatkuasaan adalah penting. Undang-undang kita memang ada. Tiap-tiap hari kita bincang tentang undang-undang tetapi kadangkala undang-undang ini penguatkuasaannya agak kurang. Masalah penguatkuasaan ini pula masalah kadang-kadang lihat *manpower*, dengan izin, kakitangan penguatkuasaan itu pun kurang.

Jadi, saya pun begitu terharu apabila sahabat-sahabat kita, bukan sahabatlah, tidak boleh panggil sahabat pun dia orang ini kadang-kadang. Yang belah sini semua sahabat, ada sesetengah di luar itu tidak boleh panggil sahabat Tuan Yang di-Pertua kerana panggil kita haram jadalah, panggil kita hitam metaliklah. Saya yang tidak hitam pun terasa juga. Jadi, orang macam ini tak boleh panggil sahabatlah tetapi Senator Yusuf dan semua belah sini sahabat kerana tidak pernah panggil kita begitu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita semua sahabat Yang Berhormat di dalam Dewan ini.

**Dato' Azian bin Osman:** Terima kasih tetapi orang yang kurang ajar sangat tidak boleh panggil sahabatlah Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, kepada soalan tadi. Kerajaan kita memang baik.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit.

**Dato' Azian bin Osman:** Belum lagi, belum habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berminat sungguh nampaknya.

**Dato' Azian bin Osman:** Belum habis lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tunggu dulu, tunggu dulu.

**Dato' Azian bin Osman:** Kerajaan kita memang baik.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Adakah pada pendapat Yang Berhormat, kerajaan perlu kaji semula, buat semula undang-undang, kuat kuasa atau *post mortem* balik semua peraturan pendatang asing? Longgar sangat, baik sangat, longgar sangat! Bagi sayalah, saya tidak setuju, ramai sangat pendatang asing. Semua orang dalam dunia ini mari sini, datang sini.

## ■2020

Dia anggap Malaysia sebagai syurga dunia, yang visa pun, visa mudah dapat. Sempadan kita longgar, kuat kuasa undang-undang longgar, hukuman pun longgar. Jadi kita kena buat kaji semula semua aspek, bukan satu-satu. Saya amat kecewa bahkan rakan-rakan pun kecewa. Sebab kita macam *loose control* kepada pendatang asing. Ini soal maruah, soal masa depan bahkan peluang-peluang pekerjaan semua dibolot oleh pendatang asing terutamanya kerja bawahan, buruh, kerja *blue collar job*. Jadi kita hampa. Ini saya minta Yang Berhormat lanjutkan pandangan jangan takut - tenang sahaja... [Ketawa]

**Dato' Azian bin Osman:** Terima kasih pada Yang Berhormat. Saya setuju pandangan Yang Berhormat tadi.

**Dr. Malasingam a/l Muthukumar:** Boleh saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti sekejap. Biar Yang Berhormat jawab dahulu. Satu-satu.

**Dato' Azian bin Osman:** Perundangan itu saya kurang arif Tuan Yang di-Pertua tetapi kalau yang longgar perlu diperketatkan. Jadi undang-undang yang kita adapun seperti saya perjelaskan tadi penguatkuasaan juga perlu, perlu keberkesanan yang lebih lagi dan kita lihatlah kalau perlu tambah pegawainya, tambah pegawainya.

Saya lihat banyak bahagian penguatkuasaan kita ini kekurangan kakitangan Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi saya hairan seorang Yang Berhormat dari Perak buat malu orang Perak sahaja, daripada DAP ini hendak kurangkan kakitangan kerajaan. Saya hairan pula apakah tujuannya. Mungkin Yang Berhormat tahu apa yang tersirat tujuan dia bercakap begitu.

Jadi, berkenaan dengan pendatang asing ini yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua, apabila pendatang asing diupah. Yang berbaring menyekat kereta Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, sultan saya dahulu pendatang asinglah. Siapa upah, *wallahualam bissawab*, kita tidak boleh tuduh. Namun boleh agak-agaklah siapa yang upah. Yang mereka demo ini entah dari mana datangnya, pakai baju kuninglah, tetapi betulkah rakyat Malaysia? Saya difahamkan dari Ipoh pun ada dua tiga bas pendatang asing yang dibawa pergi datang ke KL. Saya difahamkan jugalah, *wallahualam bissawab* juga. Saya tidak pergi *check* mereka tetapi itu yang saya dengar cerita.

Seorang dapat RM50 hingga RM100. Pendatang asing dapat RM50 atau RM100, *happy* sangatlah. Ini adalah di antara perkaranya tentang masalah pendatang asing ini kita mintalah kerajaan bertegas dan *point-point* kemasukan ke negara ini perlulah diperketatkan. Kita lihat tambahan kepada Yang Berhormat Dr. Firdaus cakap tadi hendak masuk pintu sempadan utara negara kita Thailand lagi mudah Tuan Yang di-Pertua. Angkat tangan sahaja, angkat tangan sahaja. Orang Perlis tahulah. Betul atau tidak angkat tangan sahaja boleh masuk. Orang Thailand boleh masuk kononnya tidak boleh isi petrol di negara kita tetapi perkara itu masih berlaku. Sewenang-wenangnyanya.

Begitu juga di sebelah Selatan. Kita hendak masuk Singapura bukan main susah. Singapura hendak masuk ke kita begitu mudahnya bawa sampah mereka sekali buang di kawasan Johor. Perkara ini kita lihat di depan mata. Di mana penguatkuasaan kita. Jadi terima kasih kepada Yang Berhormat sahabat saya.

Saya hendak pergi kepada masalah belia ini. Siapa minta laluan lagi. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua orang ini Yang Berhormat. Ada dua orang. Okey silakan selepas itu ada seorang lagi. Itu terpulang kepada Yang Berhormat, masa adalah untuk Yang Berhormat. Selepas itu terpulang kepada Yang Berhormat sama ada hendak bagi atau tidak bagi. Silakan.

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, yang soal yang amat terbuku di hati saya sebab dibangkit oleh sahabat saya. Saya nampak kunci dia PATI ini adalah suatu perniagaan. Ada orang meniaga dengan perniagaan ini Tuan Yang di-Pertua kita sanggup buat apa sahaja. Jadi saya mintalah *political will* itu sahaja.

Saya tidak hendak tunjuk siapa dia dan dekat mana tetapi *outsourcing company* adalah satu-satu yang malang dalam sejarah Malaysia merdeka. *Companies* inilah menjadi tali barut yang merosakkan harapan negara, membuka pintu negara untuk pendatang asing.

Saya harap mereka dengar apa yang saya cakap di dalam Dewan yang mulia ini. Inilah pengkhianat-pengkhianat negara. Inilah orang yang harus kita berikan perhatian serius. Saya tahu mereka adalah jutawan Tuan Yang di-Pertua dan kawan-kawan saya sendiri. Jadi saya haraplah *political will* sebab Menteri yang dua itu mari dari Perlis. Itu saya tidak tahu hendak sembunyi muka dekat mana. Sebab dalam Akta Imigresen, Menteri mempunyai kuasa yang penuh, *very powerful*, dengan izin. Dia boleh buat apa sahaja. Contoh, *outsourcing company* minta RM500, dia boleh bagi RM5,000. Tidak ada masalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa penjelasan Yang Berhormat itu?

**Tuan Ahmad bin Hussin:** Jadi sekarang ini yang penting *outsourcing company* ini mesti diambil tindakan secara *thorough*. Pihak kementerian mesti *scrutinize* balik semua *outsourcing company* yang diberikan mandat untuk membawa kemasukan ini. Mereka telah mengkhianati negara. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Dato' Azian bin Osman:** Tanya pandangan saya tetapi dia mengulas lebih panjang daripada saya... [*Ketawa*] Jadi saya bersetujulah tindakan patut diambil jika bersalah. Jadi berkenaan dengan belia ini Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendengar pemimpin kita menyuarkan remaja adalah cermin negara masa depan.

Lihat pada remaja masa kini, lihat belia masa kini, 20 tahun akan datang itulah rupa negara kita. Akan tetapi saya lihat dalam bajet ini Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan antara kementerian yang paling sedikit mendapat bajet. Jadi saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaanlah terutama Menteri Kewangan ataupun Menteri Belia dan Sukan. Berapakah peruntukan daripada RM479,388,400 ini yang dicadangkan peruntukan untuk belia dan cadangkan peruntukan untuk sukan? Pembahagiannya. Ini kerana saya mendapat rungutan daripada persatuan-persatuan belia kita contoh Belia 4B. Peruntukan daripada kerajaan untuk mereka cukup sedikit dan tidak mampu untuk bergerak. Pada masa yang lepas-lepas.

Jadi di sini perlulah dilihat untuk memangkinkan, memantapkan, bagi belia kita di negara ini mereka perlu dibantu. Persatuan belia perlu dibantu di dalam negara kita dan perlu digiatkan lagi beberapa aktiviti ekonomi untuk belia ini. Tahniah kepada MARA contohnya yang ada Giat MARA. Namun saya hendak tanya Kementerian Belia, apakah langkah-langkah Kementerian Belia di dalam meningkatkan lagi ekonomi belia-belia lepasan sekolah yang gagal masuk ke universiti di samping agensi-agensinya yang ada membantu?

Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya tadi juga yang ini sahabatlah dia tidak beria-ia hentam kita kan. Yang Berhormat Dr. Ramakrishnan menyebut mengenai masalah tanah pertanian. Saya simpati dengan Menteri. Kadangkala kita lihat semua tuju kepada Menteri pusat. Adakah kita sedar bahawa tanah ini di bawah kuasa negeri. Bagaimana hendak memberi tanah kepada individu atau syarikat-syarikat untuk menggalakkan sektor pemakanan negara kita. Yang Menteri tidak ada kuasa. Yang ada, pusat. Saya minta Dr. Ramakrishnan memujuklah Yang Berhormat Tan Sri Khalid bagi tanah, berapa ekar kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian beri kepada rakyat untuk bercucuk tanam.

Jadi maksud saya tadi, kerajaan mesti membantu rakyat, bukannya pusat sahaja malah negeri. Wakil-wakil kepada negeri-negeri yang di bawah mereka ada satu sahabat kita Dewan Rakyat, Dewan Negara faham kedudukan ini. Jangan semata-mata bercakap supaya ucapan kita keluar dalam *YouTube*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kerana masa sudah tepat jam 8.30 malam sebagaimana usul kita. Kita terpaksa berhenti pada jam 8.30 malam. Saya ingin merakamkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat dan semua ahli yang telah berucap pada hari ini dalam suasana yang amat baik sekali. Inilah contoh-contoh yang saya berharap semoga Ahli Dewan yang mulia ini dapat bekerjasama ke arah sesuatu matlamat untuk kebaikan negara kita.

Seterusnya Yang Berhormat, saya hendak ingatkan bahawa esok kita dalam rekod di sini, ada enam orang akan berucap. Mereka yang berenam ini saya hendak beri *priority* kepada Yang Berhormat Azian bin Osman bersambung dalam masa yang singkat kerana Yang Berhormat sudah berikan, selepas itu ada enam orang. Untuk makluman semua, Yang Berhormat Norliza binti Abdul Rahim, Yang Berhormat Datuk Majid Mahat, Yang Berhormat Dato' Dr. Johari bin Mat, Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat, Yang Berhormat Mulia Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim dan juga Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah Hamat. Hanya enam orang sahaja saya hendak supaya senang hendak mencatur masa. Saya mohon kerjasama sesiapa yang ingin berucap esok kemukakan cepat. Kerana ini masalahnya *to manage*, dengan izin, masa itu.

Juga pada 14 hari bulan, saya ada beberapa nama di sini. Saya harap agar bersedia masa itu supaya Yang Berhormat jangan tidak datang pula esok mesti datang. Ini kerana Dewan ini bersidang hingga 22 hari bulan dan pada 15 hari bulan, tidak ada siapa hendak berucap tetapi Yang Berhormat Dr. Firdaus ada buat dua masa sama ada 14 hari bulan atau 15 hari bulan. Ini semua usaha ini dapat membantu pihak Speaker saya berdua ini untuk membahagikan masa.

Bagi pihak *opposition* ataupun pembangkang, saya rasa semua sudah terkecuali Yang Berhormat Dato' Dr. Johari Mat. Bagaimanapun, itu adalah contohnya dan saya rasa amat bersyukur dan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dapat memberi kerjasama.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru ini, saya menggalakkan sila datang kemukakan tengok senang sahaja. Cuba Ahli Yang Berhormat tengok cara kita berucap pada hari ini, jadi saya harap boleh menyertai perbahasan kita pada sesi ini.

Dengan itu, Dewan ini ditangguhkan pada jam ini dan kita sambung semula pada esok hari 13 hari bulan, jam 10 pagi. Sekian, terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada jam 8.32 malam.***